

**AMALAN PENERAPAN NILAI MURNI DALAM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
GURU PRASEKOLAH**

RUSINI BINTI KAMALUDDIN

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)**

**PUSAT PENYELIDIKAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK NEGARA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneliti amalan penerapan nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk Hermeneutik telah digunakan dalam kajian ini. Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik berbentuk soalan terbuka, pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Responden ialah 30 orang guru prasekolah yang menjawab soal selidik dan lima orang yang terlibat dalam pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Data dianalisis menggunakan Kaedah Hermeneutik yang berbentuk interpretasi teks. Dapatan kajian menunjukkan guru menumpukan lima daripada 16 nilai murni yang terdapat dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), iaitu hormat-menghormati, berterima kasih, kejujuran, berdisiplin dan baik hati. Kajian juga mendapati tujuan utama nilai murni diterapkan ialah untuk membentuk peribadi yang baik, memupuk semangat yang positif, membentuk jati diri, mewujudkan insan yang seimbang dan mengamalkan nilai murni dalam kehidupan seharian. Aktiviti rutin harian merupakan cara utama guru menerapkan nilai murni. Guru menghadapi masalah untuk menerapkan nilai murni disebabkan wujudnya perbezaan latar belakang keluarga dalam kalangan murid prasekolah. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan guru kurang menerapkan nilai murni secara langsung dan tidak berfokus melalui kandungan pengajaran dan pembelajaran. Implikasinya, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seharusnya menambahbaik pelaksanaan KSPK dengan mengutamakan penerapan nilai murni secara menyeluruh melalui seminar, kursus dan bengkel bagi memastikan guru menerapkan nilai murni semasa proses pengajaran dan pembelajaran di prasekolah.





THE INCULCATION OF NOBLE VALUES IN THE TEACHING AND LEARNING OF PRESCHOOL TEACHERS

ABSTRACT

This study examines the practice of moral values in teaching and learning among preschool teachers. A qualitative approach of hermeneutics design was used in this study. The instruments consist of a questionnaire of open ended questions, observations, interviews and document analysis. Respondents were 30 preschool teachers who answered the questionnaire and five people involved in observations, interviews and document analysis. Data were analyzed using hermeneutic methods in the form of text interpretation. The findings showed that teachers focussed on five of the 16 moral values contained in the National Preschool Curriculum Standard (KSPK), namely respect, gratitude, honesty, discipline and good-natured. The main objective of the teaching of moral values is to form good character, instill positive spirit, character development, creating a balanced and practice of good values in life. Daily routine activities are the main mode for teachers implement moral values. Teachers found it difficult to implement the attributed values due to the differences in family background among the preschool children. In conclusion, this study showed that values are less directly applied and not focused in the teaching and learning content. Thus, the Ministry of Education (MOE) should improve the implementation KSPK with emphasis on moral values holistically through seminars, courses and workshops to ensure that teachers apply the values during the process of teaching and learning in preschool.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.2.1	Dasar Nilai Murni yang Merentas Kurikulum	2
1.2.2	Latar Belakang Pendidikan Prasekolah di Malaysia	13
1.2.3	Nilai Murni Merentas Kurikulum	16
1.3	Pernyataan Masalah	20
1.4	Objektif Kajian	24
1.5	Soalan Kajian	24

1.6	Kepentingan Kajian	25
1.7	Batasan Kajian	28
1.8	Definisi Operasional	30
1.8.1	Penerapan Nilai Murni	31
1.8.2	Nilai-Nilai Murni Dalam KSPK	31
1.8.3	Pendekatan Penerapan Nilai	32
1.8.4	Pengajaran dan Pembelajaran	32
1.8.5	Kaedah Pengajaran	34
1.8.6	Guru Prasekolah	34
1.9	Rumusan	35

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	36
2.2	Perkembangan Nilai Dalam Sistem Pendidikan Negara	37
2.2.1	Nilai-Nilai Murni	44
2.3	Pendekatan Teori Dan Konsep Berkaitan Penerapan Nilai	46
2.4	Latar Belakang Teoritikal	49
2.4.1	Teori Pembelajaran Sosial Bandura	49
2.4.2	Pemikiran Al-Ghazali	51
2.4.3	Kerangka Teoritikal Kajian	57
2.4.4	Kerangka Konseptual Kajian	59
2.5	Konsep Nilai Murni Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan 1996	61

2.6	Aplikasi Teori-Teori Dan Model Penerapan Nilai	66
2.7	Peranan Guru Untuk Menerapkan Nilai Murni	70
2.8	Kajian Luar Negara	82
2.9	Kajian Dalam Negara	94
2.10	Teori Hermeneutik	117
2.10.1	Fenomenologi Hermeneutik	117
2.10.2	Pengertian Tentang Teori Hermeneutik	121
2.11	Falsafah Sains Hermeneutik	127
2.11.1	Teks	127
2.11.2	Terbuka Kepada Fenomena	128
2.11.3	Fakta Dan Kebenaran	129
2.11.4	Kebenaran (<i>Truth</i>)	130
2.11.5	Ontoenigma dan <i>Situational Temporality</i>	131
2.11.6	Metateks	131
2.11.7	Struktur Luaran Dan Struktur Dalaman	132
2.11.8	Objektiviti Dalam Sains Hermeneutik	133
2.12	Pengaplikasian Analisis Hermeneutik Dalam Kelas	133
2.12.1	Kebersamaan (<i>Withness</i>) Dan Kemuafakatan (<i>Togetherness</i>)	134
2.12.2	Organisasi Interaksi Sengaja	135
2.12.3	Permulaan Dan Penutup Interaksi	136
2.13	Putaran Hermeneutik	136

2.14	Ciri-Ciri Keterbukaan (<i>Openness</i>)	141
2.15	Ciri-Ciri Kekaburan Pada Teks (<i>Ontoenigma</i>)	141
2.16	Rumusan	144

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	145
3.2	Pendekatan Kajian	145
3.3	Reka Bentuk Kajian	146
3.4	Persampelan Kajian	150
3.4.1	Peserta Kajian	151
3.4.1.1	Deskripsi Peserta Kajian	154
3.4.2	Tempoh Kajian	158
3.5	Pengumpulan Data	160
3.5.1	Soal Selidik (Soalan Terbuka)	161
3.5.2	Pemerhatian Pengajaran dan Pembelajaran	162
3.5.3	Temu Bual	164
3.5.4	Analisis Dokumen	165
3.6	Unsur-Unsur Instrumen, Kebolehpercayaan Dan Kesahan	166
3.6.1	Kebolehpercayaan Kajian	166
3.6.2	Kesahan Kajian	168
3.7	Teks Sebagai Subjek Kajian	169
3.8	Metateks	169

3.9 Prosedur Kajian 170

3.10 Kesimpulan 171

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan 172

4.2 Analisis Amalan Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik 173

4.2.1 Analisis Amalan Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik Berdasarkan Instrumen Soal Selidik 163

4.2.2 Perbincangan Interpretasi Amalan Nilai Murni Berdasarkan Soalan 1 Melalui Kaedah Hermeneutik 185

4.3 Analisis Amalan Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Kaedah Hermeneutik Berdasarkan Pemerhatian 189

4.3.1 Nilai-Nilai Murni yang Diterapkan Semasa Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Pemerhatian 189

4.3.1.1 Data Pemerhatian PdP Responden 1 189

4.3.1.2 Data Pemerhatian PdP Responden 2 191

4.3.1.3 Data Pemerhatian PdP Responden 3 192

4.3.1.4 Data Pemerhatian PdP Responden 4 194

4.3.1.5 Data Pemerhatian PdP Responden 5 195

4.4	Analisis Amalan Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Kaedah Hermeneutik Berdasarkan Temu Bual	198
4.4.1	Nilai-Nilai Murni Yang Diterapkan Semasa Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Temu Bual	198
4.5	Analisis Amalan Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Kaedah Hermeneutik Berdasarkan Analisis Dokumen	202
4.6	Analisis Amalan Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Kaedah Hermeneutik Berdasarkan Soalan Terbuka 2	208
4.6.1	Perbincangan Interpretasi Amalan Nilai Murni Berdasarkan Soalan Terbuka 2 Melalui Kaedah Hermeneutik	220
4.6.2	Bagaimana Nilai Murni Diterapkan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Temu Bual	226
4.7	Analisis Amalan Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Kaedah Hermeneutik Berdasarkan Soalan Terbuka 3	228
4.7.1	Perbincangan Interpretasi Amalan Nilai Murni Berdasarkan Soalan Terbuka 3 Melalui Kaedah Hermeneutik	240
4.7.2	Bagaimana Nilai Murni diterapkan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Temu bual	244
4.7.3	Bagaimana Nilai Murni diterapkan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Pemerhatian	247
4.8	Analisis Amalan Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Kaedah Hermeneutik Berdasarkan Soalan Terbuka 4	247
4.8.1	Perbincangan Interpretasi Amalan Nilai Murni Berdasarkan Soalan Terbuka 4 Melalui Kaedah Hermeneutik	260

4.8.2	Apakah Masalah yang Dihadapi oleh Guru Untuk Menerapkan Nilai Murni Semasa Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Temu bual	264
4.9	Analisis Amalan Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Kaedah Hermeneutik Berdasarkan Soalan Terbuka 5	267
4.9.1	Perbincangan Interpretasi Amalan Nilai Murni Berdasarkan Soalan Terbuka 5 Melalui Kaedah Hermeneutik	277
4.9.2	Sejauh Manakah Nilai-Nilai Murni yang Diterapkan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Prasekolah Dapat Dipraktis Dalam Kehidupan Sehari-hari Murid di Prasekolah Melalui Temu Bual	282
4.9.3	Sejauh Manakah Nilai-Nilai Murni yang Diterapkan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Prasekolah Dapat Dipraktis Dalam Kehidupan Sehari-hari Murid di Prasekolah Melalui Temu Bual	284

4.10 Rumusan

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	286
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	287
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	289
5.3.1	Nilai-Nilai Murni yang Diterapkan Semasa Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Prasekolah	289
5.3.2	Tujuan Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Prasekolah	295
5.3.3	Kaedah yang Digunakan untuk Menerapkan Nilai-Nilai Murni Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	298

5.3.4	Masalah yang Dihadapi oleh Guru Prasekolah Untuk Menerapkan Nilai-Nilai Murni Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	305
5.3.5	Pengamalan Nilai-Nilai Murni Dalam Kalangan Murid Prasekolah Sepanjang Berada di Prasekolah	312
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	316
5.5	Sumbangan Kajian	319
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	320
5.7	Kesimpulan	322
	RUJUKAN	324

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Keterangan Reka Bentuk Kajian	150
3.2	Profil Peserta Kajian	154
4.1	Senarai Nilai-Nilai Murni dalam KSPK oleh Responden	185
4.2	Jumlah Nilai Murni yang Dapat Disenaraikan oleh Responden	187
4.3	Nilai-Nilai Murni yang Diterapkan Dalam PdP Prasekolah	196
4.4	Nilai-Nilai Murni yang Diterapkan Dalam PdP Prasekolah melalui Temu Bual	200
4.5	Sebab Nilai Murni Diterapkan Dalam PdP Prasekolah	220
4.6	Kategori Sebab Nilai Murni Diterapkan Dalam PdP	223
4.7	Bagaimana Nilai Murni Diterapkan Dalam PdP Prasekolah	240
4.8	Masalah yang Dihadapi Guru Untuk Menerapkan Nilai Murni Semasa PdP Prasekolah	260
4.9	Sejauh manakah Amalan Nilai-Nilai Murni Dapat Dipraktis Dalam Kehidupan Sehari-hari Murid di Prasekolah	278

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Kerangka Teoritikal Kajian	58
2.2	Kerangka Konseptual Kajian	61
2.3	Kerangka Struktur Pemahaman Dalam Hermeneutik	139
2.4	Proses Ontopretasi secara terperinci	142
2.5	Proses Ontoenigma	143
3.1	Reka Bentuk Kajian	149
4.1	Senarai Nilai Murni dalam KSPK oleh Responden	186
4.2	Jumlah Nilai Murni yang Dapat Disenaraikan oleh Responden	188
4.3	Nilai-Nilai Murni yang Diterapkan Dalam PdP Prasekolah	197
4.4	Nilai-Nilai Murni yang Diterapkan Dalam PdP Prasekolah melalui Temu Bual	201
4.5	Sebab Nilai Murni Diterapkan dalam PdP	225
4.6	Bagaimana Nilai Murni Diterapkan dalam PdP Prasekolah	241
4.7	Masalah yang Dihadapi Guru Untuk Menerapkan Nilai Murni Semasa PdP Prasekolah	261
4.8	Sejauh Manakah Amalan Nilai-Nilai Murni Dapat Dipraktik dalam Kehidupan Sehari-hari Murid di Prasekolah	278

SENARAI SINGKATAN

3K	Kesedaran, Kefahaman dan Keyakinan
ASEAN	<i>Association of Southeast Asian Nation</i>
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
GTP	Program Transformasi Kerajaan
IPG	Institut Pendidikan Guru
JERI	Jasmani Emosi Rohani Intelek (Sosial)
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
JKM	Jabatan Kabajikan Masyarakat
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah

NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara
NPQEL	Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan
PASAK	Penghayatan Sains dalam Al-Quran
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PIKDPS	Pembangunan Insan Kamil Dalam Pengajaran Sains
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PPG	Program Pensiswazahan Guru
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah

RMK10	Rancangan Malaysia Ke-10
TABIKA	Taman Bimbingan Kanak-Kanak
TADIKA	Taman Didikan Kanak-Kanak

SENARAI LAMPIRAN

- A Soal Selidik (Soalan Terbuka)
- B Senarai Semak Pemerhatian
- C Soalan Temu Bual
- D Senarai Semak Analisis Dokumen
- E Surat Kebenaran Menjalankan Kajian (EPRD)
- F Surat Kebenaran Menjalankan Kajian (JPN)

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan beberapa aspek, iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional seperti penerapan nilai murni, nilai-nilai murni dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), pendekatan penerapan nilai, pengajaran dan pembelajaran (PdP), kaedah pengajaran, guru prasekolah serta rumusan.



1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam latar belakang kajian dibincangkan beberapa perkara seperti dasar nilai murni yang merentas kurikulum, latar belakang pendidikan prasekolah di Malaysia dan nilai murni merentas kurikulum.

1.2.1 Dasar Nilai Murni yang Merentas Kurikulum

Nilai murni dapat didefinisikan sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu manusia dalam hubungannya sesama manusia, alam dan Tuhan (Latifah, Wan Nasyrudin & Nurul Hidayah, 2012). Penerapan nilai-nilai murni dalam kurikulum pendidikan adalah bersifat sejagat dan tidak bercanggah dengan agama, budaya dan norma masyarakat serta kemanusiaan dan negara (Nour Azira, 2001). Penekanan kepada persoalan nilai-nilai murni dalam sistem pendidikan di Malaysia amat diberi perhatian. Perhatian yang serius bermula dengan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989 yang menggalakkan guru-guru melaksanakan pendekatan penerapan nilai merentas kurikulum (Pusat Perkembangan Kurikulum PPK, 1988a, 1988b, 1990).

Menurut Wan Mohd. Zahid (1988), sewaktu merancang penggubalan kurikulum peringkat menengah, persoalan penerapan nilai-nilai murni menjadi tajuk utama, khususnya dalam menyediakan anak bangsa yang mempunyai ketahanan diri yang teguh. Hasrat ini hanya akan tercapai jika anak bangsa dibekali dan menghayati





nilai-nilai murni untuk menjamin peribadi dan sahsiah yang waja. Untuk mencapai hasrat tersebut, Kementerian Pendidikan mengambil strategi untuk menerapkan nilai-nilai murni merentasi kurikulum, iaitu:

Nilai-nilai murni akan disisipkan melalui semua mata pelajaran dan ia diperkukuhkan pula melalui kegiatan-kegiatan kokurikulum dan pembentukan budaya sekolah yang positif. Ringkasnya kedua-dua bentuk kurikulum, formal dan tidak formal, di dalam dan di luar bilik darjah, akan digunakan sepenuhnya dan secara bersepadu untuk memastikan penerapan nilai-nilai murni akan berhasil dan berkesan.

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 1988a, ms. 9)



Berdasarkan pernyataan tersebut, jelas menunjukkan bahawa penerapan nilai



murni merentas kurikulum merupakan strategi utama bagi memastikan tercapainya matlamat kesepaduan pendidikan mengikut Falsafah Pendidikan Kebangsaan demi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Nilai-nilai tersebut dapat membentuk sikap dan pemikiran manusia di mana penghayatan nilai-nilai murni akan membolehkan seseorang itu membuat keputusan yang wajar dan bertanggungjawab ke atas akhlak dan perilakunya (Mohd. Arif, Mohd Jasmy & Rosaini, 2005). Menurut Shahril dan Habib (1999), diharapkan dengan penekanan nilai-nilai murni merentas kurikulum dapat membentuk individu yang berperibadi mulia. Contohnya, penerapan nilai kasih sayang atau penyayang adalah diharapkan agar lahirnya generasi yang mempunyai sifat penyayang kepada negara, bangsa, jiran dan keluarganya.



Oleh itu, penerapan nilai-nilai murni tidak terhad kepada mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral serta Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan sahaja, malah diterapkan melalui semua mata pelajaran yang diajar di sekolah, melalui aktiviti-aktiviti harian dan kegiatan kokurikulum (Rahimah dan Chang Lee Hoon, 1997; Nor Hashimah, 2000). Hal ini jelas membuktikan bahawa penerapan nilai murni dalam pengajaran menjadi agenda penting dalam sistem pendidikan negara.

Perubahan drastik dalam pendidikan telah berlaku dalam dekad terakhir abad ke-20. Satu daripada pindaan besar yang dilakukan ialah dengan menggabungkan pendidikan prasekolah dalam Sistem Pendidikan Nasional menerusi Akta Pendidikan 1996. Tujuannya adalah untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi sistem pendidikan negara supaya lebih relevan dengan keperluan semasa dan menangani cabaran masa hadapan (Kementerian Pendidikan Malaysia KPM, 2013).

Aspek penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran adalah mustahak, terutamanya untuk menyediakan pelajar yang mempunyai ketahanan diri yang kukuh. Pelajar yang dididik melalui sistem persekolahan mestilah mampu menghadapi cabaran semasa dan juga cabaran masa depan. Cita-cita ini akan tercapai sekiranya mereka menghayati nilai-nilai murni yang menjamin pembentukan peribadi dan sahsiah diri yang utuh, kental dan padu (Wan Mohd. Zahid, 1988). Menurut Layard (2007), pembentukan sahsiah mestilah menjadi tujuan utama dalam setiap sistem pendidikan. Oleh itu, adalah menjadi peranan sistem pendidikan khususnya Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) untuk memperkembangkan segala potensi individu serta menerapkan nilai-nilai murni.

Penerapan nilai murni merupakan salah satu tumpuan utama dalam proses pembentukan akhlak seseorang muslim. Hal ini kerana akhlak mulia amat penting dalam penghidupan manusia kerana pengaruh dan impaknya yang besar terhadap gerak langkah seseorang (Latifah et al., 2012). Sementara itu, Sufean (1989) menyatakan bahawa perlakuan yang baik dapat dipupuk melalui nilai-nilai murni. Manakala Maisarah dan Latifah (2012) pula berpendapat sekiranya seseorang itu diterapkan dengan nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, jujur dan amanah, secara tidak langsung, akhlak yang mulia dan terpuji dapat dibentuk.

Matlamat penerapan nilai-nilai murni melalui pendidikan adalah untuk melahirkan insan dan juga warganegara yang baik serta memiliki akhlak mulia.

Objektif penerapan nilai-nilai murni adalah seperti berikut:

- i) Menanam kesedaran, kesefahaman, keyakinan dan juga kesyukuran;
- ii) Menanam semangat cintakan nilai-nilai murni;
- iii) Menghormati kebaikan dan membenci keburukan;
- iv) Membentuk sikap positif dan berguna kepada agama, bangsa dan juga sewaktu menjalankan tugas serta tanggungjawab;
- v) Menghapuskan sikap negatif dalam kehidupan dan juga sewaktu menjalankan tugas serta tanggungjawab;
- vi) Menjalankan amanah dengan dedikasi;
- vii) Melatih diri dengan disiplin;
- viii) Meningkatkan hasil atau produktiviti; dan
- ix) Berusaha untuk mencapai kecemerlangan.

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005)

Aspek reformasi terpenting dalam sistem pendidikan adalah perubahan orientasi yang bermatlamatkan sistem pendidikan negara kepada yang berpaksikan keTuhanan yang meletakkan persoalan rohani, nilai, akhlak dan agama sebagai teras dalam sistem pendidikan yang sebelum ini terlalu menekankan perkembangan intelek (Habsah, 1999). Antara intipati yang ditegaskan dalam reformasi pendidikan negara ialah pembangunan insan dan bentuk tamadun kehidupan manusia (Musa, 1993).

Hal ini terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet pada tahun 1979 yang dinyatakan seperti berikut:

Mereka bukan sahaja perlu cekap bahkan perlu boleh berfikir dan bertindak dengan baik sama ada secara sendiri mahu pun secara beramai-ramai dengan berpandukan punca-punca akhlak mulia. Tegasnya, individu yang dilahirkan dari sistem persekolahan negara perlu selaras dengan tujuan pembangunan kemanusiaan.

(Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979, ms. 227)

Sebagaimana yang dinyatakan, Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) mempunyai matlamat untuk melahirkan individu yang berdisipin, terlatih, bersatupadu, seimbang serta harmonis dari aspek intelek, fizikal, emosi dan rohani. Pembaharuan yang ingin dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara adalah untuk membawa kepada pembaharuan dalam kurikulum yang memfokuskan kepada penggubalan kandungan kurikulum yang bersifat sepadu dan aspek pembelajaran serta pengajaran yang merangkumi strategi bersepadu di mana nilai murni diterapkan dalam mata pelajaran KBSM oleh guru-guru (Habsah 1999; Musa 1993; Tajul Ariffin



dan Nor' Aini, 2002). Berpandukan Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979), terdapat beberapa kelemahan dalam sistem pendidikan negara, iaitu:

- i. Kurikulum digubal secara terpisah-pisah mengikut mata pelajaran dan terlalu sedikit integrasi antara mata pelajaran-mata pelajaran yang ada.
- ii. Kurikulum yang ada terlalu menekankan aspek-aspek akademik.
- iii. Sistem pendidikan terlalu menitikberatkan peperiksaan.
- iv. Pendidikan sekolah menengah atas kurang memberi sumbangan terhadap perkembangan pendidikan seumur hidup.
- v. Kemosotan disiplin dalam kalangan pelajar dan pertambahan perbuatan salah laku.

Maka, usaha untuk melahirkan KBSR dan KBSM adalah bertujuan memperbaiki kelemahan yang wujud dalam sistem pendidikan sedia ada setelah mendapati kurikulum lama kurang memberi penekanan terhadap nilai dan agama, digubal secara terpisah dan tiada integrasi antara mata pelajaran, kurang memberi sumbangan kepada pendidikan seumur hidup serta penekanan berlebihan terhadap aspek akademik dan peperiksaan. Sehubungan itu, bagi melaksanakan KBSR dan KBSM, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan strategi utama untuk dilaksanakan, iaitu nilai murni merentas kurikulum.

Bahasa Melayu merentas kurikulum, kesepaduan antara ilmu, kemahiran dan nilai, budaya sekolah positif dan kesepaduan di antara kurikulum dengan ko-kurikulum (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Penerapan nilai murni secara bersepadu dalam setiap mata pelajaran KBSM yang dijalankan merupakan saluran terbaik untuk mengoperasikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996) ke arah





pembangunan insan dan rakyat Malaysia yang beriman, berilmu, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, produktif dan berbakti (Abdul Raof, 1986; Abd Rahim, 2001; Wan Mohd Zahid, 1994).

Melalui pelaksanaan KBSR dan KBSM Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengemukakan Pendekatan Penerapan Nilai Merentasi Kurikulum di mana melalui pendekatan tersebut nilai-nilai murni diterapkan ke dalam setiap mata pelajaran yang diajar di sekolah (Abd Rahim, 1997; Sufean, 1989; Tajul Ariffin, 1994; Wan Mohd Zahid, 1993). Tajul Ariffin (1994) mengusulkan supaya nilai-nilai murni yang berkaitan nilai kerohanian, kemasyarakatan dan kewarganegaraan disepadukan dalam semua mata pelajaran semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Mohd Arif (2004) berkongsi pandangan yang sama mengusulkan supaya penerapan nilai murni di sekolah perlu dilaksanakan menerusi pelbagai mata pelajaran dan perlu diadakan secara bersepadu, kontekstual dan menarik. Hal ini senada dengan Noor Lela, Noraishah dan Norasmah (2012) yang mengatakan proses penerapan nilai sangat penting dilaksanakan secara bersepadu dengan penyampaian isi kandungan mata pelajaran di bilik darjah.

Sarjana pendidikan Barat antaranya Baer (1983), Carr (2003), Ebel (1974), Amundson (1991), Bok (1996), Butroyed (1997), Denig (1998), Fogarty (1991), Fernandes (1999), Gudmundsdottir (1990), Lickona (1991), Leming (1996), Halstead & Taylor (2000) dan Veugelers (1996) turut mengesyorkan supaya nilai-nilai disemai secara berterusan di sekolah. Pandangan yang diutarakan oleh mereka ialah melalui penerapan nilai di dalam bilik darjah dapat membantu pemindahan nilai-nilai daripada guru kepada pelajar yang bertujuan untuk membangunkan nilai, etika dan moral





pelajar. Denig (1998) seterusnya berpandangan sekiranya nilai bukan menjadi sebahagian daripada mata pelajaran yang diajar, pelajar akan mengandaikan nilai adalah sesuatu yang tidak penting dalam kehidupan mereka.

Reformasi pendidikan turut memperlihatkan dokumen-dokumen yang menggariskan dasar kerajaan seperti prinsip-prinsip Rukunegara, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996) dan Wawasan 2020 (1991) turut menzahirkan kepentingan penerapan nilai murni dalam sistem pendidikan negara. Penggubalan beberapa akta yang berkaitan dengan pendidikan seperti Akta Pendidikan 1996, Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996, Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996 dan Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 turut menjurus kepada kepentingan dan penekanan unsur-unsur nilai dalam sistem pendidikan. Hal ini kerana pembangunan diri murid sebagai modal insan seimbang dan cemerlang bermula dari sistem pendidikan berkualiti dan berkesan di mana kemampuan mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bersandar kepada keupayaan guru sebagai pelaksana proses pendidikan yang cemerlang (Noor Lela et al., 2012).

Di samping itu, terdapat pengkaji yang berpandangan nilai tidak perlu diajar di dalam bilik darjah (Bahm, 1982; Mintz, 1992; Nyberg, 1990; Sommers, 1993). Pendapat ini berdasarkan kepada pandangan mereka bahawa nilai telah dipupuk sejak seseorang masih di peringkat kanak-kanak lagi (Kiger, 2004). Oleh itu, penerapan nilai di peringkat sekolah hanya memberi kesan yang kecil kepada perubahan moral pelajar (Kiger, 2004; Lockwood, 1991). Dakwaan ini dikukuhkan melalui kajian Waddock (2005) yang turut mendapati sebilangan sarjana pendidikan mempercayai bahawa integriti, nilai, moral dan etika dibentuk dan dipupuk sejak kecil melalui





didikan keluarga menyebabkan ia sukar diubah melalui pendidikan di sekolah. Terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa penerapan nilai dan etika merupakan tanggungjawab guru-guru agama serta nilai yang diterima dan dipegang merupakan nilai peribadi pelajar. Langenderfer dan Rockness (1989) menyatakan guru-guru dan pendidik tidak wajar mengubahnya.

Oleh yang demikian, Musak (1997) dan Wan Mohd Zahid (1994) berpandangan walaupun penerapan nilai-nilai murni diperkenalkan dan dilaksanakan di Malaysia dalam konteks membina bangsa Malaysia, namun perlu dipertingkatkan dari segi falsafah, perincian, pendekatan, pelaksanaan, penghayatan serta amalannya. Perkara ini disebabkan alam dunia yang mencabar memerlukan sistem pendidikan berasaskan falsafah negara yang murni serta membolehkan potensi-potensi individu dalam semua aspek, iaitu rohani, emosi, jasmani dan intelek dapat berkembang dengan seimbang dan harmonis.

Oleh yang demikian, perkara ini memberikan satu cabaran kepada pendidik sebagai pelaksana proses pendidikan (Bishop, 2002; Mintz, 1995). Dalam konteks ini, guru-guru dilihat sebagai pemangkin kepada proses penerapan nilai murni dalam bilik darjah dan semua guru merupakan guru dalam pendidikan nilai (Rahimah & Chang, 1997). Hal ini jelas membuktikan peri pentingnya guru-guru memiliki kesedaran tentang hasrat negara untuk melahirkan masyarakat cemerlang menurut acuan Malaysia yang menekankan keseimbangan dari aspek jasmani, rohani, emosi dan intelek dengan memperkukuhkan penghayatan akidah dan nilai murni (KPM, 2012).





Peranan pendidikan kini selain ditumpukan kepada perpaduan negara dan pengeluaran tenaga manusia adalah bertujuan untuk pembentukan keperibadian insan dan wajah manusia yang hendak dilahirkan dari sistem pendidikan mengikut acuan Malaysia (Tajul Ariffin, 1994). Wajah manusia yang ingin dilahirkan menurut Wan Mohd Zahid (1994) adalah sebagai insan yang cemerlang dan seimbang dari segi ilmu yang dimiliki dan keperibadian yang mulia. Dalam pada itu, Darwisy al Juwaidi (1995) pula berpendapat bahawa pendidikan mempengaruhi wajah dan sifat-sifat manusia yang akan dihasilkan. Hal ini kerana pendidikan merupakan satu industri yang menyumbang kepada keseimbangan kehidupan manusia, iaitu di samping memberikan ilmu pengetahuan ia juga membantu manusia untuk hidup dengan baik dalam masyarakat maju dan berbudaya.



Menurut Rahimah dan Chang (1997), perkara ini dengan jelas menunjukkan

bahawa secara khususnya sistem pendidikan negara direka bentuk dengan tujuan untuk membentuk warganegara yang berakhlak mulia selain menyatupadukan rakyat Malaysia yang berlainan kumpulan etnik dan mempunyai nilai masyarakat sesuai dengan masyarakat Malaysia. Dalam pada itu, Mohd Kamal (1988) pula berpendapat berdasarkan perkara-perkara yang digariskan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan, unsur-unsur nilai dari aspek jasmani, rohani, emosi dan intelek yang diterapkan secara bersepadu dalam proses pendidikan sewajarnya mampu membangunkan insan secara menyeluruh dan seimbang dari segi komponen dirinya, seimbang di antara tuntutan jasmani dan rohani, seimbang dan sepadu dari segi keperluan keduniaan dan kepentingan akhirat. Lantaran itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) mewartakan bahawa setiap murid di negara kita perlu diterapkan dengan nilai, etika dan rasa tanggungjawab sebagai warganegara, agar mereka dapat membuat





pilihan yang tepat untuk diri mereka, keluarga dan negara, serta berupaya mengharungi dan mengatasi cabaran masa depan.

Pendidikan awal amat penting dalam membentuk keperibadian, keterampilan, hubungan sosial dan tahap pertumbuhan minda kanak-kanak. Kanak-kanak yang berada di bangku sekolah sekarang ini adalah generasi yang akan membentuk negara pada masa depan mengikut acuan yang diinginkan. Umum mengetahui bahawa matlamat utama pendidikan prasekolah adalah untuk membina sahsiah dan sosial kanak-kanak. Menurut Mohd Alfaizal (2006), pengamalan nilai-nilai murni seharusnya diterapkan dari awal lagi untuk memastikan pembangunan insaniah berkembang dalam keadaan sempurna. Pendapat ini senada dengan Hasbullah & Aerisuli (2013), yang menyatakan pendidikan pada peringkat awal merupakan asas yang penting dalam proses pembentukan diri kanak-kanak.



Sehubungan itu, kajian yang lebih mendalam berhubung amalan penerapan nilai murni yang dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran oleh guru-guru di prasekolah dilihat berupaya memberi banyak penemuan berkaitan proses penerapan nilai murni dalam pengajaran-pembelajaran serta memberi sumbangan khazanah ilmu pengetahuan bagi tujuan perkembangan pendidikan prasekolah di Malaysia. Hal ini kerana, pendidikan awal kanak-kanak merupakan masa yang sesuai dan sangat penting kerana pendidikan yang diterapkan mampu memberi kesan jangka panjang dalam perkembangan mental, daya fikir dan kemahiran sosial (Hasbullah & Aerisuli, 2013). Kenyataan ini disokong oleh Halim Masnan (2003) yang menyatakan peringkat awal kanak-kanak merupakan peringkat perkembangan yang berlaku dengan pesat baik dari segi intelek, jasmani dan rohani.





1.2.2 Latar Belakang Pendidikan Prasekolah di Malaysia

Salah satu agenda penting dalam senario Pembangunan Pendidikan Negara Malaysia adalah pendidikan prasekolah. Pendidikan prasekolah berkembang sejak tahun 50-an tetapi melalui Akta 1996 pendidikan prasekolah telah diinstitusikan ke dalam pendidikan kebangsaan. Kerajaan Malaysia mengiktiraf pendidikan prasekolah sebagai asas pembelajaran di sekolah rendah dan seterusnya. Penstrukturan semula sistem pendidikan kebangsaan bertujuan menyediakan pendidikan bermula dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat tertinggi (Rohaty, 2003).

Menurut Sufean Hussin (1996), pendidikan prasekolah di era tahun 50-an tertumpu untuk kanak-kanak daripada golongan atasan kerana kadar yuran perkhidmatan yang tinggi. Walaupun kebanyakan guru yang mengajar di prasekolah ketika itu tidak mendapat latihan profesional dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak, namun kemahiran mereka tidak diambil kira kerana pendidikan prasekolah ketika itu lebih bersifat elit. Kurikulum yang digunapakai ketika itu bersifat tradisional yang menyediakan kemahiran asas dalam aspek membaca, menulis dan mengira sahaja. Pada masa yang sama, wujud prasekolah yang ditaja dan dikendalikan oleh pertubuhan agama Kristian yang dijalankan di gereja-gereja. Keadaan ini menjadikan peluang pendidikan awal dalam kalangan kanak-kanak golongan bawahan menjadi semakin terbatas terutama di kawasan luar bandar di Malaysia.

Pada tahun 1969 bermulalah detik paling bersejarah bagi perkembangan pendidikan prasekolah di Malaysia. Hal ini berikutan langkah Yayasan Asia yang





telah menyumbangkan peruntukan kewangan kepada Pertubuhan Pekerja-pekerja Malaysia untuk membiayai penubuhan beberapa buah pusat prasekolah. Pusat-pusat prasekolah ini ditubuhkan di beberapa tempat di negeri Selangor adalah mirip '*Projek Head Start*' di Amerika Syarikat. Kalangan sasarannya adalah kanak-kanak dalam kalangan masyarakat Melayu, Cina dan India yang miskin dan tidak berkemampuan.

Antara agensi-agensi yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan program pendidikan prasekolah ini adalah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Yayasan Sabah dan Kementerian Pendidikan Malaysia (Sufean Hussin, 1996).



Pusat-pusat prasekolah di Malaysia lebih dikenali sebagai Taman Didikan Kanak-kanak (Tadika), Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) dan juga *kindergarden*. Pertambahan bilangan tadika yang berlaku di Malaysia menunjukkan satu perubahan yang amat menggalakkan dan memberangsangkan di peringkat pendidikan prasekolah. Senario ini hasil daripada usaha dan keprihatinan yang dimainkan oleh semua pihak dan pelbagai agensi kerajaan seperti KEMAS, FELDA dan RISDA. Agensi-agensi inilah yang lebih banyak mensasarkan kegiatan pendidikan prasekolah mereka kepada kumpulan kanak-kanak yang berada di kawasan luar bandar.





Menurut Rohaty (2003), kajian yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia telah menganggarkan sejumlah 490,700 orang kanak-kanak yang berumur 5 tahun harus mendapat pendidikan prasekolah pada tahun 1991. Hakikatnya hanya kira-kira 47% dari jumlah anggaran kanak-kanak tersebut yang telah berpeluang mengikuti pendidikan prasekolah, manakala selebihnya, iaitu kira-kira 53% tidak berpeluang untuk mengikuti kelas prasekolah. Ekoran daripada itu, pada awal Januari 1992, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan sebanyak 1,131 buah kelas prasekolah atau dikenali prasekolah '*Annex*' di seluruh Malaysia dan bilangan prasekolah ini kekal sehingga tahun 2001.

Dalam tahun 2000, terdapat sebanyak 399,980 orang kanak-kanak mendaftar di pusat pendidikan prasekolah mewakili 63.7% kanak-kanak yang berumur 5 hingga



6 tahun. Garis panduan Kurikulum Prasekolah telah digubal untuk menstandardisasikan kurikulum, kemudahan dan latihan guru di dalam sektor awam dan juga di pusat-pusat prasekolah swasta supaya dapat memenuhi kualiti yang diperuntukkan dalam Akta Pendidikan 1996 (Sufean Hussin, 1996).

Keprihatinan kerajaan kepada program pendidikan prasekolah terus dijemakan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 apabila perluasan program prasekolah telah menjadi salah satu fokus dan strategi dalam usaha untuk memperkasakan sekolah kebangsaan. Pada tahun 2010 kerajaan telah melancarkan NKRA di bawah Program Transformasi Kerajaan (PTK). Salah satu fokus inisiatif bagi meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti adalah meningkatkan enrolmen prasekolah. Inisiatif NKRA mensasarkan pertambahan enrolmen murid prasekolah, terutama di kawasan luar bandar, daripada 67% ke 87%





pada tahun 2012. Melalui NKRA, program pendidikan prasekolah telah mencapai keputusan yang membanggakan. Senario pendidikan prasekolah di Malaysia terus menyaksikan perkembangan yang memberangsangkan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Di bawah gelombang 1 (2013-2015), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), peningkatan enrolmen dan penambahbaikan kualiti prasekolah diberi tumpuan bertujuan untuk mencapai akses sejagat. Kerajaan menasaskan peningkatan sehingga 92% enrolmen murid dalam prasekolah yang berdaftar menjelang tahun 2015. Sasaran ini menuntut pertambahan sebanyak 3,500 buah bilik darjah bagi menampung hampir 71,000 orang kanak-kanak pada tahun 2015. Menjelang tahun 2020, kerajaan menasaskan enrolmen prasekolah sejagat seramai 900,000 orang kanak-kanak berdaftar pada peringkat prasekolah seluruh Negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

1.2.3 Nilai Murni Merentas Kurikulum

Matlamat pendidikan prasekolah bertujuan memperkembangkan potensi kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat, menyuburkan serta aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Ini adalah untuk meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif pada diri kanak-kanak agar mereka berjaya dalam persekitaran



sedia ada dan bersedia untuk menangani cabaran dan tanggungjawab di sekolah rendah kelak.

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) menyediakan peluang kepada kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun untuk mencapai objektif dalam aspek jasmani, emosi dan sosial, intelek dan rohani seperti berikut (KPM, 2010):

- i. membina kecergasan badan
- ii. mempunyai tubuh badan yang sihat
- iii. mempraktikkan amalan kesihatan yang baik
- iv. mempraktikkan langkah-langkah menjaga keselamatan diri
- v. menguasai kemahiran motor halus dan motor kasar
- vi. mempunyai kematangan emosi
- vii. mempunyai konsep sendiri yang positif dan jati diri
- viii. berani menyuarakan pandangan dan perasaan
- ix. berkebolehan berinteraksi dengan orang lain
- x. boleh bekerja secara bersendirian dan juga bekerja secara berkumpulan
- xi. menghormati perasaan serta hak orang lain dan seterusnya membentuk perhubungan yang positif dengan orang dewasa serta rakan sebaya
- xii. mengamalkan nilai-nilai murni
- xiii. mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian untuk murid beragama Islam
- xiv. berkomunikasi menggunakan bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan bahasa pengantar dalam konteks kehidupan harian

- xv. meneroka persekitaran menggunakan kemahiran proses sains asas
- xvi. menggunakan kemahiran matematik asas dalam menjalankan tugas harian dan menyelesaikan masalah
- xvii. menggunakan kemahiran berfikir kritis, kreatif dan inovatif dalam pembelajaran dan kehidupan seharian
- xviii. mengembangkan daya kreatif dan estetika
- xix. menghargai keindahan alam dan warisan budaya

Salah satu objektif yang terkandung di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) ialah mengamalkan nilai-nilai murni. Nilai-nilai murni dalam KSPK adalah seperti berikut: kepercayaan kepada Tuhan, baik hati, bertanggungjawab, berterima kasih, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, keberanian, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, toleransi, berdikari dan berdisiplin. Nilai-nilai murni ini dimasukkan ke dalam Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai melalui pendidikan moral.

Seiring dengan hasrat Kementerian Pendidikan untuk melahirkan individu yang seimbang dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan matlamat Falsafah Pendidikan Negara (FPN), nilai-nilai murni dan nilai baik perlu dijadikan nilai teras yang diterapkan dalam kurikulum dan dalam segala bentuk pendidikan di sekolah. Sekolah sebagai satu institusi pendidikan perlu menyemai dan mengukuhkan pemupukan nilai-nilai murni bagi melahirkan warganegara yang bertanggungjawab dan dapat mengamalkan perkara-perkara yang baik dalam kehidupan mereka. Oleh yang demikian, keseimbangan dan keharmonian

yang terdapat dalam FPN akan dapat dicapai jika nilai-nilai murni ini dapat direalisasikan melalui kurikulum sekolah.

Nilai-nilai murni ini dirancang untuk merentasi kurikulum dan kurikulum tersembunyi. Justeru, sukatan tunjang yang dibentuk berdasarkan KSPK (2010), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (2011) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang bakal dilaksanakan pada tahun 2017 mencadangkan nilai-nilai yang dianggap relevan dan dapat diserap ke semua tunjang. Malah, dalam sukatan untuk panduan guru yang disediakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, nilai-nilai murni bagi sesetengah tunjang telah disenaraikan untuk diterapkan oleh guru-guru ke dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Rumusannya, dalam kajian ini fokusnya ialah penerapan nilai murni yang merentasi kurikulum, iaitu di prasekolah. Pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran nilai murni boleh digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran dalam semua tunjang dalam bilik darjah. Rasional pengajaran nilai dalam merentasi kurikulum adalah kerana nilai-nilai murni ini menjadi teras penting dalam semua kurikulum di sekolah dan juga FPN menekankan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan berpegang teguh kepada agama. Justeru, guru perlu memahami dengan jelas konsep nilai merentasi kurikulum. Seterusnya guru perlu dapat melihat kaitan nilai dengan aktiviti yang dicadangkan serta pendekatan yang sesuai yang dapat digunakan untuk menerapkan nilai tertentu. Akhir sekali, guru juga perlu tahu bagaimana mengintergrasikan nilai yang telah diterapkan.

1.3 Pernyataan Masalah

Gejala sosial yang berlaku saban tahun merupakan satu penyakit dalam masyarakat yang menggambarkan keruntuhan akhlak dan moral komuniti tersebut. Hal ini mencerminkan keperibadian generasi pelapis yang akan memimpin negara kelak. Lazimnya gejala sosial amat sinonim dengan golongan remaja dan juga belia. Namun, keadaan pada masa kini menunjukkan situasi yang berbeza. Gejala sosial tidak lagi mengenal umur, bangsa mahupun jantina.

Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, JKM (2015), menunjukkan jenayah kanak-kanak pada tahun 2013 sebanyak 5584 kes di mana 5254 dilakukan oleh kanak-kanak lelaki manakala 330 kes kanak-kanak perempuan. Pada tahun 2014 jumlah kes sebanyak 5153 (4837 lelaki dan 316 perempuan) dan pada tahun 2015 sebanyak 4669 kes (4368 lelaki dan 301 perempuan). Meskipun terdapat penurunan, namun jumlah tersebut masih membimbangkan.

Pembangunan dan modenisasi merupakan salah satu faktor penyumbang kepada jenayah dalam kalangan kanak-kanak. Hal ini kerana kanak-kanak terdedah dengan penggunaan 'gadget' (Abdullah & Mawaddah, 2010) yang merupakan saluran maklumat kepada dunia tanpa sempadan hingga mereka terpengaruh dengan unsur-unsur bertentangan dengan nilai, budaya dan agama itu sendiri. Secara langsung, statistik di atas membuktikan bahawa telah berlaku krisis jati diri dalam masyarakat Malaysia seawal peringkat kanak-kanak lagi. Oleh yang demikian, adalah wajar sekiranya nilai-nilai murni dan akhlak mulia disemai serta dipupuk kepada kanak-

kanak sejak awal usia bagi mencegah penularan gejala keruntuhan akhlak (Maisarah dan Latifah, 2012).

Perkara ini membuktikan bahawa masalah sosial yang dihadapi dalam negara Malaysia telah sampai ke satu tahap yang epidemik. Hal ini menimbulkan pertanyaan mengapa dan bagaimana kanak-kanak yang diibaratkan seperti kain putih tanpa sebarang kotoran mampu terjebak ke dalam gejala sosial ini. Menurut Ahmad Sahlan dan Rosmawati (2015), isu permasalahan akhlak dan gejala sosial yang membelenggu negara pada hari ini sering dikaitkan dengan kegagalan sistem pendidikan negara sekalipun ianya bukan faktor penyebab utama.

Lantaran, pendidikan memainkan peranan sebagai medium untuk menerapkan nilai murni dalam melahirkan murid yang berakhlak mulia. Menurut Noor Lela et al, (2012), pembangunan diri pelajar dalam membentuk modal insan seimbang dan cemerlang bermula dari sistem pendidikan berkualiti dan berkesan. Oleh yang demikian, perkara ini secara langsung menjelaskan betapa pentingnya nilai-nilai murni sebagai resepi utama pembentukan sahsiah dan akhlak manusia. Nilai murni di lihat mempunyai peranan tersendiri dalam membentuk sahsiah diri seseorang individu semenjak kecil.

Dalam hal ini, KPM sememangnya telah memasukkan nilai-nilai murni di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan hinggalah kepada kurikulum peringkat pengajian tinggi. Hal ini mencetuskan persoalan, sejauh manakah kurikulum ini dilaksanakan oleh guru?.



Menurut Ahmad Sahlan dan Rosmawati (2015), salah satu elemen utama penerapan nilai-nilai murni adalah melalui sekolah. Namun dapatan kajian yang dilakukan oleh Mohamad Khairi dan Asmawati (2010) menunjukkan guru kurang menerapkan nilai-nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah sedangkan pihak sekolah dan guru perlu memainkan peranan yang penting dalam pembangunan nilai.

Dalam hal ini, Megler dan Spooner-Lane (2012) menyatakan guru kurang kemahiran dalam menerapkan nilai murni secara berkesan. Perkara ini dijelaskan dengan ketidakmampuan guru untuk memberi refleksi secara kritikal dalam mengajarkan nilai kepada murid. Malahan, guru didapati kurang pengetahuan mengenai nilai murni semasa menjalankan aktiviti bersoal jawab dengan murid.



Dalam konteks penerapan nilai murni melalui pembelajaran, Noor Lela et al., (2012) menyatakan guru perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pendekatan penerapan nilai yang digunakan bagi menerap nilai dengan berkesan kepada murid. Namun, kajian Mohamad Khairi (2016) mendapati guru lebih menumpukan kepada teknik kuliah dan syarahan dalam menerapkan nilai murni yang menyebabkan murid kurang faham dengan nilai murni yang cuba disampaikan. Hal ini secara langsung menyebabkan nilai murni tidak dapat diterapkan dengan berkesan.

Perkara ini mencetuskan persoalan bagaimana penerimaan kanak-kanak terhadap penerapan nilai murni sekiranya guru prasekolah turut mengamalkan kaedah yang sama dalam menerapkan nilai murni di peringkat awal kanak-kanak. Walhal





dalam konteks kognitif kanak-kanak memerlukan pendekatan yang bersesuaian dengan tahap kognitif mereka. Oleh yang demikian dalam menerapkan nilai murni guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran.

Kaur dan Sharma (2014) menyatakan bahawa pendidikan adalah tidak lengkap dan sempurna sekiranya ditumpukan hanya kepada aspek pembangunan akademik kanak-kanak semata-mata. Hal ini kerana intelektual akan menyerlah melalui pendidikan yang mementingkan nilai-nilai murni. Pembangunan personaliti kanak-kanak secara holistik memerlukan kepada pendekatan yang komprehensif. Oleh itu, pendidikan masa kini perlu digandingkan dengan nilai murni.

Berdasarkan tinjauan literatur, kebanyakan fokus kajian lepas seperti kajian Ulwan (1998), Mohd Sharani dan Mohamad Ibrani (2003), Nurhayati dan A. Mohd Azwan (2005), Muhammad Rasyid (2009), Latifah et al. (2012), Maisarah & Latifah (2012) dan Mohd Firdaus dan Normaliza (2014) lebih menitikberatkan kaedah pengajaran untuk penerapan nilai murni sahaja. Dalam konteks pendidikan prasekolah kurangnya kajian terkini yang menumpukan kepada amalan penerapan nilai murni dalam kalangan guru. Oleh yang demikian kajian ini amat penting dilaksanakan untuk menyediakan maklumat sejauhmanakah amalan guru prasekolah semasa proses PdP. Malahan kajian ini juga dapat mencungkil mengenai kesedaran guru berkaitan nilai-nilai murni yang perlu diterapkan kepada kanak-kanak. Selain itu, pengkaji juga memfokuskan kepada pemasalahan yang mungkin dihadapi oleh guru dalam menerapkan nilai murni secara berkesan. Justeru, kajian ini dilihat sebagai satu yang relevan memandangkan institusi prasekolah merupakan asas kepada pembinaan modal



insan yang berterusan sejajar dengan kehendak Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025).

1.4 Objektif Kajian

Objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Mengetahui pasti nilai-nilai murni yang diterapkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di prasekolah.
- ii) Mengetahui pasti sebab nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah.
- iii) Mengetahui pasti bagaimana nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah.
- iv) Mengetahui pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai-nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran prasekolah.
- v) Mengetahui pasti sejauh manakah amalan nilai-nilai murni yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah dapat dipraktis dalam kehidupan seharian murid di prasekolah.

1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian dan objektif kajian yang telah dibentangkan, kajian ini dilakukan untuk menjawab soalan-soalan yang berikut:

- i) Apakah nilai-nilai murni yang diterapkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di prasekolah?
- ii) Apakah sebab nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah?
- iii) Bagaimanakah nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah?
- iv) Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai-nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran?
- v) Sejauh manakah amalan nilai-nilai murni yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah dapat dipraktis dalam kehidupan seharian murid di prasekolah?

1.6 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian dapat mendedahkan kepada para guru tentang konflik yang mungkin dihadapi dalam menerap sesuatu nilai murni kepada murid. Oleh itu, perancangan yang teliti perlulah dilakukan oleh guru demi memastikan penerapan nilai dapat dibuat dengan berkesan dan seterusnya menghindar daripada berlakunya konflik.

Nilai-nilai murni perlu diterapkan semenjak kanak-kanak. Oleh itu, kajian ini juga dapat memberi pendedahan kepada pendidik dan ibu bapa tentang peranan mereka dalam usaha membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada kanak-kanak dalam menerapkan nilai-nilai murni yang perlu dipupuk dan dipraktikkan dalam diri kanak-kanak. Tambahan pula, pendidikan agama yang mencukupi dan penerapan



nilai-nilai murni dalam diri merupakan cara yang berkesan dalam menangani masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak. Oleh yang demikian, dalam membentuk sahsiah dan keterampilan diri seseorang memerlukan perancangan yang berterusan bermula sejak usia kanak-kanak lagi. Hal ini kerana kemajuan serta pembangunan sesebuah negara bergantung kepada pemupukan modal insan yang berkualiti, pembangunan kognitif yang cemerlang dan kerohanian yang jitu. Sehubungan itu, kanak-kanak perlu diberikan pendidikan, penjagaan dan perlindungan secukupnya untuk menggalas impian Malaysia bagi mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Kajian ini juga dapat membantu guru (seperti pensyarah-pensyarah di IPG) meningkatkan kualiti bimbingan kepada guru-guru pra-perkhidmatan dan dalam perkhidmatan bagi memahami, menghayati dan melaksanakan penerapan nilai murni semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Oleh yang demikian, kepentingan kajian ini merangkumi:

- i. Kajian tentang amalan penerapan nilai murni dalam pengajaran guru prasekolah dan bagaimana guru-guru prasekolah menerapkan nilai murni merupakan sesuatu yang baharu dan kurang dikaji secara ilmiah dalam bidang prasekolah. Justeru, pengkaji berpendapat kajian ini akan memberikan sumbangan ilmu pengetahuan baharu yang penting kepada industri pendidikan, khususnya KSPK.
- ii. Kajian berkaitan amalan penerapan nilai murni dalam pengajaran guru prasekolah akan memberikan sumbangan ilmu pengetahuan kepada para guru dan pendidik, khususnya kepada guru-guru prasekolah dalam membentuk



strategi dan pendekatan penerapan nilai murni yang berkesan untuk menerapkan nilai di dalam pengajaran.

iii. Kajian ini juga penting untuk memberikan pemahaman yang lebih mantap dan gambaran yang jelas tentang konsep nilai murni di dalam pengajaran prasekolah dalam sistem pendidikan di Malaysia. Hal ini membolehkan pelbagai pihak memahami faktor-faktor yang mempengaruhi dan menyebabkan kejayaan dalam mewujudkan pelajar yang berkualiti dari segi pembangunan akademik dan pembangunan insan cemerlang. Konsep nilai murni dalam pendidikan boleh mewujudkan satu persekitaran pdp yang kondusif dalam pembangunan insan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Misi Nasional.

iv. Dapatan kajian mampu menggambarkan fenomena amalan penerapan nilai murni yang dilaksanakan oleh guru-guru prasekolah ketika ini. Dengan yang demikian, data-data ini boleh dijadikan panduan untuk merancang kaedah dan strategi penerapan nilai yang lebih baik bagi melahirkan pelajar yang menyeluruh dan bersepadu.

v. Kajian ini memberikan sumbangan dengan menyediakan sumber ilmu dan maklumat penting kepada pihak berkaitan melalui hasil kajian bagi meningkatkan dan memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah. Misalnya, melalui hasil kajian, pihak berkaitan dapat menggubal atau mencadangkan kaedah dan pendekatan pengajaran yang berkaitan dengan penerapan nilai.

vi. Dapatan kajian juga memberi peluang kepada pengkaji lain yang berminat untuk membuat penyelidikan tentang penerapan nilai murni dan kajian ini dapat dijadikan asas terhadap kajiannya.

vii. Kajian ini juga memberi sumbangan khazanah ilmu dengan mengusulkan model konseptual amalan penerapan nilai murni guru prasekolah semasa pengajaran dan pembelajaran di prasekolah.

1.7 Batasan Kajian

Beberapa aspek batasan kajian yang dapat dikenal pasti bagi kajian yang akan dijalankan ini meliputi skop kajian, peserta kajian, lokasi kajian, mata pelajaran atau tunjang yang dikaji, dimensi nilai murni yang diukur dan kaedah pengumpulan data.

Fokus utama kajian ini hanyalah kepada aspek pandangan dan amalan guru prasekolah berkaitan dengan penerapan nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran di prasekolah. Semasa membuat pemerhatian, pengkaji akan melihat pengajaran dan pembelajaran terhadap lima orang guru prasekolah sahaja di mana setiap seorang akan dibuat pemerhatian dalam mana-mana tunjang berdasarkan jadual waktu mereka. Hal ini kerana pengkaji hanya ingin melihat amalan penerapan nilai-nilai murni semasa PdP guru prasekolah dan tidak memfokus kepada mana-mana tunjang tertentu.

Pengkaji akan membuat pemerhatian untuk satu slot pengajaran 60 minit dan hanya satu kali pemerhatian bagi mendapatkan data-data berkaitan amalan penerapan nilai-nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran di kelas prasekolah. Antara elemen yang akan dilihat adalah apakah nilai-nilai murni yang diterapkan, bagaimanakah amalan penerapan nilai murni berlaku melalui kaedah pengajaran



pembelajaran dan pendekatan penerapan nilai murni oleh guru prasekolah di dalam bilik darjah. Kajian ini juga akan melihat faktor yang mendorong guru prasekolah menerapkan nilai murni serta masalah-masalah yang dihadapi oleh guru prasekolah untuk menerapkan nilai murni.

Kajian yang dijalankan ini melibatkan seramai 30 orang guru prasekolah yang berkhidmat di Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan sedang mengikuti Program Pensiswazahan Guru (PPG) di salah sebuah Institut Pendidikan Guru (IPG) di mana kesemua mereka ini akan menjawab soal selidik soalan terbuka. Manakala lima orang daripada mereka akan terlibat dengan pemerhatian pengajaran pembelajaran di bilik darjah serta akan di temu bual dan dokumen-dokumen yang berkaitan akan dianalisis. Oleh itu, dapatan kajian adalah bertujuan untuk melihat dan memahami fenomena amalan penerapan nilai murni guru prasekolah semasa proses pengajaran pembelajaran dan tidak akan digunakan untuk membuat generalisasi.

Sekolah yang dipilih oleh pengkaji bagi melaksanakan kajian ini terbatas kepada lima buah sekolah di negeri Pahang. Disebabkan faktor masa, kewangan, persoalan, jenis kajian serta tenaga pengkaji yang terbatas, maka kajian ini tidak dapat dijalankan pada populasi yang lebih besar.

Berdasarkan dokumen KSPK terdapat enam tunjang, iaitu Tunjang Komunikasi, Tunjang Sains dan Teknologi, Tunjang Fizikal dan Estetika, Tunjang Kemanusiaan, Tunjang Ketrampilan Diri dan Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai. Pengkaji telah membuat pemerhatian terhadap proses pengajaran dan pembelajaran di



bilik darjah berdasarkan jadual waktu serta kesanggupan peserta kajian dan tidak memfokus kepada mana-mana tunjang tertentu.

Nilai-nilai murni yang diukur dalam kajian ini terdiri daripada 16 nilai murni yang telah disenaraikan dalam dokumen Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) iaitu kepercayaan kepada Tuhan, baik hati, bertanggungjawab, berterima kasih, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, keberanian, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, toleransi, berdikari dan berdisiplin.

Dari segi kaedah pengumpulan data, kajian ini bergantung sepenuhnya pada jawapan yang diberikan oleh peserta kajian menerusi instrumen soal selidik soalan terbuka yang diedarkan kepada peserta kajian semasa mereka datang berinteraksi di

IPG. Oleh itu, ketepatan kajian adalah bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan peserta kajian dalam menjawab soalan terbuka yang diberikan. Bagaimanapun, penyelidik mengandaikan bahawa semua jawapan peserta kajian adalah benar, jujur dan ikhlas. Selain itu, kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen juga digunakan untuk menyokong dapatan data berkaitan aspek amalan penerapan nilai murni peserta kajian.

1.8 Definisi Operasional

Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang kerap digunakan oleh pengkaji. Oleh itu, istilah-istilah tersebut akan didefinisikan menurut penggunaan pengkaji secara operasional.

1.8.1 Penerapan Nilai Murni

Hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996) adalah untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek berasaskan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Dalam konteks ini, guru-guru wajar memahami, mempunyai kesedaran dan mendalami Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996) kerana konsep penerapan nilai murni adalah berasaskan FPK. Pelaksanaan penerapan nilai murni dalam kajian ini bermaksud guru-guru menerapkan nilai murni secara bersepadu semasa menyampaikan isi kandungan mana-mana tunjang di dalam KSPK melalui amalan pengajaran dan pembelajaran yang terancang dan menyeronokkan.

1.8.2 Nilai-nilai Murni Dalam KSPK

Nilai murni dapat didefinisikan sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu manusia dalam hubungannya sesama manusia, alam dan Tuhan. Wan Mohd Zahid (1988) mentakrifkan nilai-nilai murni merupakan tanggapan berkenaan perkara-perkara yang dihajati dan pada masa yang sama juga menjadi kriteria atau ukuran. Nilai-nilai murni sesuatu masyarakat biasanya berasaskan kepada agama. Memang menjadi tujuan semua agama, membentuk kehidupan penganutnya untuk menjadi baik dan berakhlak mulia.

Dalam kajian ini, kesemua 16 nilai murni yang terkandung dalam KSPK telah dikenal pasti, iaitu kepercayaan kepada Tuhan, baik hati, bertanggungjawab,

berterima kasih, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, keberanian, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, toleransi, berdikari dan berdisiplin.

1.8.3 Pendekatan Penerapan Nilai

Pendekatan penerapan nilai murni dalam kajian ini merujuk kepada kaedah dan teknik yang diambil oleh guru prasekolah berdasarkan objektif pengajaran yang telah ditentukan untuk menerapkan nilai murni semasa melaksanakan pengajaran. Pengetahuan guru prasekolah berkaitan aspek pendekatan penerapan nilai membolehkan guru merancang teknik, kaedah dan aktiviti pengajaran yang

bersesuaian untuk memupuk nilai secara bersepadu dengan penyampaian isi kandungan mana-mana tunjang. Pendekatan penerapan nilai murni yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah pendekatan pemupukan nilai yang dipelopori oleh Superka, Ahren, Hedstrom, Ford dan Johnson (1976).

1.8.4 Pengajaran dan Pembelajaran

Guru memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan KSPK kerana guru merupakan pemangkin dan pelaksana kepada proses pendidikan. Proses pengajaran-pembelajaran (pdp) prasekolah terdiri daripada tiga fasa, iaitu fasa permulaan, fasa perkembangan dan fasa penutup pengajaran.

- i. Set induksi merupakan komponen dalam fasa permulaan bertujuan untuk membina aliran fikiran serta menimbulkan minat murid-murid supaya mereka dapat menumpukan perhatian kepada isi pelajaran yang hendak disampaikan. Kaedah yang biasanya diamalkan semasa menjalankan set induksi ialah menerusi penggunaan alat bantu mengajar, mengaplikasikan kaedah situasi, motivasi, penyoalan, penceritaan, rangsangan, ingatan kembali topik yang dipelajari, ulangkaji topik berkaitan dan pemanasan mental.
- ii. Tujuan fasa perkembangan adalah supaya proses pengajaran dan pembelajaran berlaku secara sistematik dan berkesan. Dalam bahagian ini guru menjalankan aktiviti pengajaran-pembelajaran dengan pendekatan dan kaedah yang sesuai. Pendekatan yang biasanya dipraktikkan ialah pendekatan belajar melalui bermain, inkuiri penemuan, bertema, kontekstual dan bersepadu. Manakala kaedah bercerita, soal jawab, tunjuk cara dan menyanyi sering dikendalikan secara kelas, kumpulan dan individu.
- iii. Fasa penutup bertujuan bagi membuat rumusan dan kesimpulan di dalam sesuatu topik pelajaran. Komponen penutup biasanya terdiri daripada penutup kognitif dan penutup sosial. Penutup kognitif meliputi aktiviti mengingat kembali, refleksi dan kuiz sementara penutup sosial pula terdiri dari aktiviti menyanyi, berpantun, bertepuk tangan sambil membuat gerakan dan sebagainya.

1.8.5 Kaedah Pengajaran

Kaedah pengajaran bermaksud kemahiran guru dalam menentukan teknik pengajaran yang perlu dilaksanakan semasa mengelolakan pengajaran bertujuan mencapai objektif pelajaran secara optimum. Sebagai contoh, guru menentukan strategi atau teknik pengajaran yang boleh dijalankan semasa menyampaikan pengajaran secara tersusun. Oleh itu, guru perlu memiliki kemahiran dalam menggunakan kaedah pengajaran tertentu seperti bercerita, soal jawab, simulasi, penyelesaian masalah, menyanyi serta bermain yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna.

1.8.6 Guru Prasekolah

Guru prasekolah ialah guru yang mengajar murid-murid yang berumur 4-6 tahun di kelas-kelas prasekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan agensi-agensi swasta. Guru prasekolah bertanggungjawab memastikan PdP dilaksanakan mengikut KSPK, aktiviti ko-kurikulum dilaksanakan seperti yang ditetapkan, menguruskan murid, menyediakan pengurusan kewangan dan memastikan pembantu pengurusan murid melaksanakan tugas seperti yang telah ditetapkan.

Guru prasekolah mesti mempunyai kelayakan opsyen prasekolah sama ada di peringkat ijazah, diploma atau sijil dari universiti atau Institut Pendidikan Guru (IPG) yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Guru prasekolah juga mestilah bersifat mesra, penyayang, prihatin dan penyabar.

Peranan guru prasekolah selain pengganti ibu bapa, model dan pengajar, juga adalah sebagai pengurus yang berkebolehan untuk mengendalikan kanak-kanak, kelas dan tugas-tugas lain yang berkaitan pentadbiran prasekolah. Dalam konteks kajian ini guru prasekolah adalah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

1.9 Rumusan

Dalam bab ini telah dibincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, lima objektif kajian, lima soalan kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional, iaitu penerapan nilai murni, nilai-nilai murni dalam KSPK, pendekatan penerapan nilai, pengajaran dan pembelajaran (pdp), kaedah pengajaran dan guru

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan beberapa aspek, iaitu perkembangan nilai dalam sistem pendidikan negara, pendekatan teori dan konsep berkaitan penerapan nilai, latar belakang teoritikal, konsep nilai murni dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, aplikasi teori-teori dan model penerapan nilai, peranan guru untuk menerapkan nilai murni serta kajian-kajian yang berkaitan penerapan nilai dalam pelbagai bidang sama ada dari dalam atau luar negara. Selain dari itu, beberapa aspek berkaitan dengan Pendekatan Hermeneutik, falsafah sains Hermeneutik, pengaplikasian analisis Hermeneutik dalam kelas, putaran Hermeneutik, ciri-ciri keterbukaan dan ciri-ciri keaburan pada teks serta rumusan turut juga akan dibincangkan.

2.2 Perkembangan Nilai Dalam Sistem Pendidikan Negara

Sistem Pendidikan Malaysia dengan jelas dan nyata amat mementingkan penerapan nilai-nilai murni (Abd Rahim, 2001; Adnan, 1993; Hassan, 1986; Jawatankuasa Kabinet, 1979; Mohamad Khairi, 2014; Tajul Ariffin, 1994; Wan Mohd Zahid, 1993). Ia bukanlah suatu konsep yang baharu diperkenalkan untuk dilaksanakan oleh guru-guru dan para pendidik di sekolah, kolej mahupun di peringkat universiti. Perkembangan pendidikan nilai bermula sejak 20 tahun yang lalu setelah berlakunya reformasi pendidikan yang memberi penekanan kepada pembangunan manusia seperti hasrat yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Nik Azis, 1997).

Pada peringkat awal sistem pendidikan negara (1400-1786), iaitu sebelum penjajahan British ke Tanah Melayu, sistem pendidikan masyarakat Melayu adalah berlandaskan agama atau pendidikan pondok (Abdullah, 1989; Azmi, 1993) yang menumpukan kepada pembelajaran tauhid, tafsir, fiqh, hadis, tasawuf dan nahu saraf bagi memahami hukum-hukum Islam. Semasa tempoh penjajahan British (1786-1956), pendidikan di Tanah Melayu yang dipelopori oleh pihak British telah memperkenalkan sekolah vernakular Melayu yang hanya mengajar cara-cara untuk berkebun, bertukang, bertani atau menangkap ikan (Azmi, 1993).

Sekolah vernakular Tamil pula dibina oleh kerajaan British pada tahun 1902 bagi menyediakan pekerja-pekerja yang akan bekerja di ladang milik kerajaan British (Azmi, 1993). Masyarakat Cina yang merasakan mereka agak lewat menerima bantuan kerajaan British mengambil pendekatan lebih agresif dengan membina sendiri sekolah vernakular Cina dengan menggunakan kurikulum yang diambil dari Negara

China. Penekanan sistem pendidikan waktu tersebut hanyalah bertujuan untuk memenuhi keperluan kerajaan British bagi membolehkan penduduk Tanah Melayu bekerja dengan kerajaan British di peringkat buruh.

Selanjutnya, perkembangan pendidikan pada awal tempoh kemerdekaan, iaitu di antara tahun 1957-1963 memperlihatkan perkembangan pendidikan di bawah Laporan Razak (1957) dan kemudiannya dikaji semula melalui Laporan Rahman Talib (1960). Penekanan sistem pendidikan negara pada tempoh ini adalah bertujuan untuk menggerakkan proses pelaksanaan Sistem Pendidikan Kebangsaan. Dasar pendidikan pada ketika itu menekankan kepada pendidikan sebagai wadah utama untuk mencapai perpaduan negara, pembangunan ekonomi dan integrasi nasional.

Fasa berikutnya, pembinaan sistem pendidikan adalah selepas pembentukan Malaysia di antara tahun 1963-1975, telah dibahagikan kepada tiga tahap, iaitu tahap pertama (1963-1965) yang merupakan tahap pelaksanaan rancangan sistem pendidikan di bawah Akta Pendidikan 1961. Tahap kedua (1966-1970) merupakan tahap pelaksanaan rancangan pendidikan di bawah Rancangan Malaysia Pertama yang bertujuan menyelesaikan masalah ekonomi dan sosial yang berlaku di Malaysia pada waktu itu. Pendidikan dilihat sebagai mekanisme utama bagi memperbaiki taraf hidup dan ekonomi masyarakat.

Dengan ini, matlamat pendidikan ketika itu adalah untuk menyediakan pelajar dalam bidang pertanian, perindustrian dan teknologi bagi memperkukuh perpaduan sosial, kebudayaan dan politik. Pada tahap ketiga (1971-1975), memperlihatkan sistem pendidikan dirancang terutamanya bagi tujuan perpaduan kaum berikutan



kejadian 13 Mei 1969. Diandaikan ketidakseimbangan kekayaan dalam kalangan kaum boleh menghancurkan perpaduan negara. Justeru, matlamat pendidikan negara dikaji semula bagi menghasilkan sistem pendidikan yang lebih sesuai bagi menyatupadukan rakyat berbilang kaum.

Namun realitinya, matlamat pendidikan yang telah diperkenalkan pada tahap ini lebih memfokuskan kepada penyelesaian masalah perpaduan kaum, masalah ekonomi dan sosial, penyediaan tenaga kerja dan memperbaiki taraf hidup masyarakat. Sistem pendidikan negara pada tahap ini, dilihat belum lagi berupaya memenuhi dan mencapai hasrat negara bagi melahirkan satu masyarakat yang berkualiti dari aspek pembangunan insan seimbang dan cemerlang. Sedangkan, pendidikan dilihat sebagai satu wadah utama dalam menjana anjakan paradigma setiap individu di samping memainkan peranan penting dalam melahirkan insan yang dinamik dalam semua aspek kehidupan (Latifah et al., 2012). Dengan ini, sistem pendidikan negara perlu diperbaiki lagi bagi mencapai matlamat pembangunan insan seimbang, berkualiti dan cemerlang dengan memberi penekanan kepada penerapan nilai murni dalam kurikulum pendidikan.

Didasari kepada kesedaran kepentingan pendidikan nilai, proses perkembangan pendidikan selepas tahun 1975 memperlihatkan satu Jawatankuasa Kabinet (1974) yang dipengerusikan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed telah ditubuhkan bagi mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi mengkaji matlamat dan sistem pendidikan bagi memastikan ia memenuhi matlamat negara ke arah masyarakat bersatu padu, berakhlak mulia, berdisiplin dan terlatih. Isu ketidaksamaan dalam sistem pendidikan yang dikatakan





terpisah-pisah antara rohani dan intelek, menyebabkan berlakunya reformasi penting dalam dasar pendidikan negara, di mana lahirnya sistem pendidikan, iaitu ilmu, kurikulum dan ko-kurikulum, penerapan nilai-nilai murni, strategi pengajaran dan pembelajaran dan budaya sekolah bagi melahirkan individu yang menyeluruh dan berkualiti (Tajul Ariffin & Abdul Raof, 1986).

Melalui aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum, pelajar akan dibimbing untuk membentuk peribadi mulia dengan menekankan nilai-nilai murni dan positif dalam kehidupan. Selanjutnya, pembentukan Falsafah Pendidikan Negara pada tahun 1987 mempunyai matlamat untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Dengan ini, hasrat yang ingin dicapai daripada falsafah pendidikan adalah untuk membentuk generasi masa depan mengikut acuan Malaysia yang memiliki nilai-nilai murni yang berakhlak serta berperibadi mulia dan pada masa yang sama pakar dalam bidang yang diceburi mereka (Tajul Ariffin, 1994).

Secara keseluruhan, aspek reformasi terpenting dalam sistem pendidikan negara adalah sistem pendidikan yang mendasari prinsip keTuhanan berteraskan paradigma tauhid, iaitu usaha untuk memupuk dalam pendidikan kesedaran keTuhanan atau "*God-consciousness*" atau "*Godliness*" (Wan Mohd Zahid, 1993). Justeru, perkembangan pendidikan pada tahap ini bermulanya penekanan kepada penerapan nilai murni dalam mata pelajaran yang diajar dalam bilik darjah (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1990). Oleh yang demikian, hasil Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979), Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) telah dilaksanakan pada tahun 1983 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dilaksanakan





pada tahun 1988 yang menekankan kepada pembangunan manusia yang menyeluruh dan bersepadu dari aspek nilai jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Di Malaysia, reformasi pendidikan merujuk kepada usaha-usaha Kementerian Pendidikan untuk mengadakan perubahan-perubahan yang perlu dan mustahak dalam seluruh sistem pendidikan dengan tujuan untuk memperbaiki, memperkukuh dan mempertingkatkan mutu pendidikan. Ini merangkumi struktur persekolahan, kurikulum dan kokurikulum dan budaya sekolah. Matlamatnya ialah untuk mengembangkan potensi pelajar secara menyeluruh agar menjadi rakyat yang setia, bertanggungjawab, berbakti dan menjadi insan yang baik (Ahmad Muhammad Said, 1991).



Jawatankuasa kabinet telah ditubuhkan dalam tahun 1974 dan laporannya telah diterbitkan dalam tahun 1979 untuk mengkaji segala aspek pelaksanaan pendidikan, khasnya kurikulum di peringkat sekolah rendah dan menengah. Antara dapatan-dapatan yang diperoleh oleh Jawatankuasa Kabinet ini ialah :

- a. Kurikulum terlalu mementingkan aspek-aspek kognitif seseorang murid yang mengakibatkan lahirnya individu-individu yang tidak seimbang dari segi pertumbuhan bidang kognitif, afektif dan psikomotornya;
- b. Berlakunya kemerosotan disiplin dalam kalangan pelajar dan pertambahan perbuatan salah laku (Ahmad Muhammad Said, 1991). Jawatankuasa Kabinet ini juga sangat perihatin terhadap masalah pendidikan akhlak atau moral. Hal ini ternyata dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet yang berbunyi:





Untuk kepentingan negara, tenaga rakyat yang diperlukan bukan sahaja dilihat dari segi bilangan, jenis pengetahuan yang dimiliki bahkan perlu melihat dari segi nilai-nilai disiplin yang perlu diterima. Dari segi sikap, mereka perlu jujur dan dedikasi terhadap kerja. Mereka bukan sahaja perlu cekap bahkan boleh berfikir dan bertindak dengan baik secara sendiri atau berkumpulan dengan berpandukan kepada punca akhlak yang mulia. (ms. 227)

Watak insan yang ingin dibentuk oleh jawatankuasa ini ialah watak yang baik dan mulia selari dengan Falsafah Pendidikan Negara. Apa yang diharapkan dari Falsafah Pendidikan Negara ialah penekanan kepada perkembangan potensi individu yang menyeluruh dan sepadu ke arah melahirkan insan yang baik berdasarkan kepercayaan, keyakinan serta kepatuhan kepada Tuhan. Menurut Tajul Ariffin & Nor'aini (1992), penekanan unsur ke-Tuhanan adalah perlu dalam pendidikan kerana pendidikan yang menjauhkan diri daripada unsur ke-Tuhanan akan membawa implikasi-implikasi berikut:

- Unsur-unsur nilai murni, jika tidak dinyatakan secara jelas dan sengaja akan mengakibatkan ilmu pengetahuan yang diajar itu ketandusan nilai. Lantaran semua ilmu adalah *value laden* (Rodger, 2000), maka nilai-nilai yang tidak berteraskan ke-Tuhanan akan memenuhi kekosongan tersebut. Akibatnya, ilmu-ilmu tersebut secara langsung atau tidak akan memperkembangkan pula nilai-nilai 'bebas dan nisbi';
- Pendidikan yang terlalu mementingkan bidang kognitif, perkembangan akal dan rasional manusia boleh menyebabkan unsur rohani terabai;
- Matlamat pendidikan hanya akan tertumpu kepada utiliti dan faedah kebendaan semata-mata;



- Ilmu yang disampaikan, justeru tidak memiliki teras nilai-nilai murni yang boleh diserapkan dalam diri pelajar, tidak akan berjaya untuk menyampaikan serta membawa kepada kebenaran;
- Pelajar tidak dapat memperkembangkan watak dan sahsiah yang seimbang serta mencapai matlamat hidup yang sebenarnya.

Bagi menjamin keberkesanan pelaksanaan pendidikan nilai, Kementerian Pendidikan telah memantapkan beberapa strategi pengajaran utama, iaitu;

- (a) nilai murni merentas kurikulum;
- (b) Bahasa Melayu merentas kurikulum;
- (c) kesepaduan ilmu, kemahiran dan nilai;
- (d) budaya sekolah positif dan

(e) kesepaduan di antara kurikulum dan kokurikulum.

Keistimewaan kesepaduan nilai-nilai merentasi kurikulum dalam KBSR dan KBSM ialah melibatkan semua bidang pengajian dan mata pelajaran. Menurut konsep sepadu, kesepaduan, penerapan nilai perlu memenuhi tiga dimensi, iaitu kesepaduan yang harmoni antara manusia, alam sekitar dan Allah s.w.t. Nilai murni dalam KBSR dan KBSM juga berpaksikan nilai keagamaan bersumberkan wahyu (Hassan, 1987). Di samping itu, guru merupakan pihak yang diharapkan dapat merealisasikan konsep ini dengan merancang secara sistematik, sedar akan rasional pengajaran setiap tajuk dengan menerapkan nilai-nilai murni yang sesuai dengan kehidupan seharian pelajar. Hal ini kerana pengetahuan, kemahiran, komitmen dan motivasi guru merupakan pemangkin kepada kejayaan proses penerapan nilai murni dalam pengajaran (Noor Lela et al., 2012).



KBSR dan KBSM memberi penekanan kepada strategi penerapan dan penyerapan nilai murni melalui kandungan semua mata pelajaran selain daripada Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Pendidikan nilai dilaksanakan secara langsung atau tidak langsung di dalam bilik darjah. Strategi penerapan nilai secara langsung merujuk kepada penyisipan dan penerapan nilai murni melalui perancangan guru sesuai dengan tajuk, isi, contoh dan situasi pengajaran. Manakala strategi penerapan nilai secara tidak langsung pula ialah penyerapan dan penerapan nilai berasaskan kepekaan guru untuk menggunakan peluang dan kesempatan daripada situasi yang timbul untuk mengaitkan nilai murni hingga nilai-nilai itu bertepatan, lebih diterima dan diyakini pelajar (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1990).



murid. Nilai-nilai tersebut adalah didokong oleh semua agama dan bersifat sarwajagat (Musa Daia, 1993).

2.2.1 Nilai-nilai Murni

Nilai-nilai tersebut dan perinciannya diringkaskan seperti berikut:

i. Kepercayaan kepada Tuhan

Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala suruhanNya berlandaskan agama masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.



ii. Baik Hati

Kepekaan terhadap perasaan dan kebajikan diri sendiri dan orang lain dengan memberi bantuan dan sokongan moral secara tulus ikhlas.

iii. Bertanggungjawab

Kesanggupan untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna.

iv. Berterima kasih

Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan terhadap sesuatu jasa, sumbangan atau pemberian.

v. Hemah tinggi

Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam pergaulan seharian.

vi. Hormat-menghormati

Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan institusi sosial dengan memberi layanan yang bersopan.

vii. Kasih sayang

Kepekaan dan perasaan cinta yang mendalam serta berkekalan yang lahir daripada hati yang ikhlas.

viii. Keadilan

Tindakan dan keputusan yang tidak berat sebelah.

ix. Keberanian

Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah.

x. Kejujuran

Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan.

xi. Kerajinan

Usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan bersemangat dalam melakukan sesuatu perkara.

xii. Kerjasama

Kesediaan melakukan sesuatu untuk kepentingan bersama.

xiii. Kesederhanaan

Besikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan dan tindakan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.

xiv. Toleransi

Kesanggupan bertolak ansur, sabar dan mengawal diri demi kesejahteraan hidup.

xv. Berdikari

Kebolehan untuk mengurus diri dan menjalankan tugas yang diberikan.

xvi. Berdisiplin

Mengikut arahan guru dan peraturan yang ditetapkan serta boleh melengkapkan tugas yang diberi.

2.3 Pendekatan Teori dan Konsep Berkaitan Penerapan Nilai

Konsep nilai telah lama dibincangkan oleh sarjana-sarjana pendidikan sejak dari zaman Aristotles, Plato dan Socrates mahupun dalam kalangan sarjana Islam seperti Ibnu Khaldun, Imam Al-Ghazali dan Imam as Syafie. Menurut Abdul Salam (2003), berdasarkan pandangan Imam Al-Ghazali, akhlak yang mulia merangkumi empat sifat, iaitu sifat bijaksana, keberanian dalam menundukkan hawa nafsu, bersifat adil



dan memelihara diri daripada sesuatu yang tidak baik. Dalam Islam, Al-Quran sendiri banyak menekankan persoalan nilai murni yang lebih menjurus kepada pembangunan akhlak dan tingkah laku manusia. Kandungan Al-Quran sendiri merupakan nilai-nilai mulia kerana ia merupakan bimbingan yang diturunkan Allah kepada manusia dalam urusan kehidupan manusia termasuklah persoalan berkaitan akhlak.

Dalam membincangkan persoalan nilai, sarjana-sarjana pendidikan telah mengemukakan pelbagai pentafsiran, definisi dan konsep nilai menurut perspektif masing-masing bergantung kepada aliran pemikiran, pendekatan, falsafah dan kepercayaan agama. Menurut Musak (1997), konsep nilai boleh diertikan sebagai pemikiran tertinggi tentang kehidupan insan atau masyarakat yang memerlukan aqidah dan kepercayaan, akhlak dan moral, kebudayaan atau cara hidup, kemuliaan, darjat, kualiti, ketinggian, maruah, ketamadunan dan lain-lain. Syed Othman (2003) pula mendefinisikan nilai sebagai tanggapan seseorang yang memberi tumpuan kepada satu kepercayaan yang jitu dan muktamad, tentukan perkara-perkara baik dan buruk individu dan penerimaannya kepada masyarakat.

Dalam pada itu, Abd. Rahim (1997) berpandangan nilai berperanan sebagai penentu dalam diri manusia seterusnya mempengaruhi pilihannya dalam kehidupan dan menentukan tingkah lakunya. Ahmad Sarji (1993) berpandangan bahawa nilai merupakan satu rangka keutamaan dalam membuat pilihan yang hebat yang membentuk dan mempengaruhi peri laku semula jadi individu. Oleh itu, beliau menegaskan bahawa nilai seseorang akan memperlihatkan kecenderungan dalam melakukan sesuatu dan dibentuk pada asasnya oleh tradisi keagamaan yang kukuh.





Rokeach (1979) menjelaskan nilai sebagai suatu jenis kepercayaan bagaimana seseorang sepatutnya atau tidak sepatutnya bertingkah laku dalam mencapai sesuatu atau menghargai sesuatu yang bernilai untuk dimiliki atau sebaliknya. Beliau juga berpandangan bahawa nilai tidak mempunyai kestabilan yang mutlak kerana perkembangan individu dan masyarakat akan diiringi dengan perubahan nilai. Nilai mempunyai komponen kognitif, afektif dan tingkah laku. Nilai melibatkan komponen kognitif kerana ia memerlukan penggunaan akal terhadap pemahaman dan pertimbangan mengenai sesuatu perkara. Nilai juga terdiri daripada komponen afektif kerana ia berkaitan dengan emosi sama ada negatif atau positif dan nilai juga adalah sebahagian tingkah laku kerana ia akan merangsang perbuatan bagi mencapai sesuatu keinginan.



sebagai satu piawai yang membantu manusia menentukan sama ada sesuatu tindakan yang diambil adalah wajar ataupun tidak. Manakala Paton (1971) berpandangan bahawa, nilai merujuk kepada sesuatu yang bernilai, berharga dan bermaruah. Sementara itu, Thorne (1998) berpendapat, nilai yang dipegang dan diamalkan oleh seseorang akan digambarkan melalui perlakuan dan tingkah lakunya. Menurut Armstrong (1993) di dalam kajiannya, nilai adalah keyakinan asas yang dapat menentukan arah kehidupan seseorang itu. Robertson (2001) pula mendefinisikan nilai sebagai norma-norma yang dapat melahirkan nilai-nilai, iaitu di mana anggota masyarakat berkongsi gagasan, mengenai kebaikan, hak dan perkara yang diingini. Sepertimana yang lain juga, Collier (1984) turut menyatakan bahawa nilai merupakan sesuatu yang merangsang motif manusia dalam melaksanakan sesuatu tindakan. Segala definisi nilai ini juga disokong oleh Pincoffs (1986) yang menyatakan bahawa





nilai sebagai ciri-ciri positif bagi pembangunan peribadi yang menunjukkan individu mementingkan hak-hak individu lain selain daripada kepentingan diri sendiri.

Menurut Mintz (1995), nilai merupakan kepercayaan yang menjadi satu garis panduan atau motivasi kepada tingkah laku individu. Beliau menambah bahawa nilai merupakan pertimbangan bagaimana seseorang perlu bertindak dalam situasi tertentu. Oleh itu, berdasarkan definisi dan konsep-konsep nilai yang diutarakan oleh para sarjana pendidikan yang berkaliber menunjukkan nilai merupakan satu keperluan kepada manusia untuk menentukan hala tuju dan arah kehidupan yang baik. Sesuatu nilai yang baik dan diyakini oleh seseorang akan menjadi pegangan dan amalan dalam kehidupannya.



2.4 Latar Belakang Teoritikal

Perbincangan di bahagian ini tertumpu kepada teori-teori yang digunakan untuk mendasar kajian ini. Antara teori yang menjadi dasar kepada kajian ini ialah Teori Pembelajaran Sosial Bandura dan Pemikiran Al-Ghazali.

2.4.1 Teori Pembelajaran Sosial Bandura

Teori Pembelajaran Sosial yang dikemukakan oleh Bandura memberi penekanan tentang bagaimana perilaku manusia dipengaruhi oleh persekitaran atau perlakuan masyarakat (Fauziah, Sarimah, Yahya, Yaakub & Rahmah 2010). Bandura (1977)





menjelaskan bahawa keluarga, kelas sosial, institusi dan budaya di mana seseorang itu dilahir dan dibesarkan akan mencorakkan sebahagian besar kehidupannya. Manusia dianggap sebagai agen perubahan dan boleh mempengaruhi persekitarannya dengan cara pembelajaran mengikut contoh yang dilihat.

Individu akan mempelajari nilai moral berdasarkan amalan nilai moral masyarakatnya. Di rumah keluarga adalah guru utama, manakala di sekolah, guru adalah contoh ikutan murid atau role model. Justeru, dalam proses pengajaran dan pembelajaran di prasekolah, kanak-kanak akan mudah meniru watak dan sikap yang dipamerkan oleh seseorang guru atau ahli keluarga mereka. Oleh yang demikian, guru atau ibu bapa mestilah sentiasa berhati-hati dalam setiap gerak geri dan perlakuan mereka supaya tingkah laku yang dipamerkan menjadi contoh teladan yang baik kepada setiap pelajar (Fauziah Abdul Rahim et al., 2010).



Teori Pembelajaran Sosial menganggap kanak-kanak belajar tingkah laku yang diinginkan melalui proses peneguhan positif dan negatif serta melalui pemerhatian dan peniruan tingkah laku yang diterima oleh masyarakat (Bandura & Walters, 1963). Menurut Teori Pembelajaran Sosial memperakui bahawa kebanyakan kelakuan manusia dipelajari melalui pemerhatian dan peniruan tingkah laku 'role model' (Bandura, 1986; Eisenberg & Mussen, 1989). Pembelajaran melalui pemerhatian dan peniruan melibatkan empat prinsip, iaitu perhatian, penyimpanan maklumat, tindak balas motor dan motivasi (Bandura, 1973 & 1977).

Dalam proses perhatian, seseorang kanak-kanak akan mempelajari sesuatu sekiranya memberi perhatian. Kanak-kanak akan memberi perhatian jika model yang





diperhatikan dapat memperlihatkan sesuatu yang menarik. Selepas proses memberi perhatian, proses kedua ialah penyimpanan maklumat. Dalam proses ini individu perlu mengingati sama ada dalam bentuk gambaran atau perkataan. Seseorang itu perlu mampu untuk mengingati kembali apa yang telah ditunjukkan oleh model. Proses ketiga memerlukan individu menterjemahkan gambaran dan perkataan itu dalam bentuk tingkah laku yang sebenar. Latihan atau perlakuan yang dibuat berulang kali sangat penting untuk mendapat kemahiran dan kesempurnaan. Akhir sekali ialah proses motivasi, di mana apa yang diperhatikan itu dikekalkan dalam ingatan dan dilaksanakan jika individu itu bermotivasi untuk menirunya. Manusia memerlukan dorongan atau motivasi untuk melakukan sesuatu dengan baik dan berkesan kerana bukan semua yang diperhatikan dipelajari atau ditiru. Hal ini kerana berlaku pembelajaran atau sebaliknya bergantung kuat kepada individu itu sendiri dan



kekuatan model.

Maka, teori pembelajaran sosial berkait rapat dengan pembentukan nilai murni kanak-kanak. Teori ini juga konsisten menyentuh aplikasi penerapan nilai murni dalam pengajaran-pembelajaran guru berdasarkan Pendekatan Pemupukan Nilai. Ini jelas seperti yang dikatakan Superka et al., (1976) yang menyatakan Pendekatan Pemupukan Nilai merupakan pendekatan yang didasarkan kepada teori pembelajaran sosial, iaitu gabungan daripada teori psikoanalisis dan teori pembelajaran tingkah laku.





2.4.2 Pemikiran Al-Ghazali

Al-Ghazali menekankan kepentingan pelbagai pihak dalam pendidikan akhlak dan moral kanak-kanak terutama peranan ibu bapa, rakan sebaya, persekitaran dan guru-guru serta kepentingan aktiviti-aktiviti tertentu seperti latihan, pujian, disiplin dan bimbingan moral. Peranan ibu bapa adalah amat penting. Ibu bapa sepatutnya mengajar anak-anak mereka dengan sifat kesopanan, kerendahan hati, budi bahasa dan mengelakkan dari sifat cakap besar, kemalasan atau menurut nafsu berlebihan. Al-Ghazali juga menjelaskan bahawa rakan sebaya boleh memberi pengaruh yang positif dan negatif terhadap anak-anak. Mereka sepatutnya memilih kawan-kawan yang baik budi pekertinya, berdisiplin dan saling bantu membantu ke arah perkembangan diri yang sihat dan kematangan moral yang baik (Al-Ghazali, 1998).



Bagaimanapun, menurut Al-Ghazali guru merupakan pengaruh yang utama. Guru adalah contoh akhlak dan moral serta pembimbing moral dan pengajar kepada pelajar. Oleh itu, penting kepada guru supaya kehidupan mereka konsisten dengan nilai yang mereka ajar kepada murid-murid kerana tingkah-laku mereka sangat memberi pengaruh yang besar (Zamiri, 1995). Tugas guru bukan setakat menyampaikan pengetahuan tetapi melibatkan tanggungjawab pembangunan keseluruhan murid termasuk personaliti, karekter, keupayaan membuat keputusan dan pembentukan tingkah laku yang baik (Al-Ghazali, 1998).

Menurut Al-Ghazali (1998), guru adalah seumpama ibu bapa yang mempunyai tanggungjawab terhadap perkembangan kanak-kanak. Sesungguhnya hubungan antara guru dan murid saling bermanfaat. Murid mendapat manfaat daripada bimbingan dan





sokongan dalam menuju kepada perkembangan moral yang matang dan guru mengambil faedah dengan menjalankan tanggungjawab moral untuk menyampaikan kebijaksanaannya dan pemahamannya. Ini jelas bahawa setiap individu amat perlu kepada guru dalam memberi bimbingan jalan yang betul. Guru sepatutnya mengajar melalui contoh teladan kerana perbuatan mereka itu boleh dijadikan ikutan dan panduan hidup. Setiap individu mempunyai potensi dan melalui bantuan orang lain, iaitu golongan yang lebih dewasa seperti guru, potensi diri seseorang akan menjadi kenyataan sebenar.

Pendidikan merupakan satu cara dan proses untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan tingkah laku yang dipelajari melalui proses pembelajaran. Selain itu, berdasarkan perspektif Al-Ghazali pendidikan ialah interaksi antara guru dan murid yang perlu dilaksanakan dengan perlahan, berterusan dan berkembang sepanjang hidup supaya dapat memupuk keharmonian. Selanjutnya, pendidikan ialah menanam perangai baik dalam diri kanak-kanak supaya mereka dapat menilai antara yang benar dan yang salah (Asmawati Suhid, 2005). Ini bermakna pemikiran Al-Ghazali adalah sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan insan yang baik. Dalam konteks ini insan yang baik ialah insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Dengan itu, Al-Ghazali ada membincangkan beberapa unsur yang terkandung di dalam proses pendidikan untuk mencapai matlamat melahirkan insan yang baik. Unsur-unsur tersebut ialah matlamat pendidikan, kelebihan ilmu pengetahuan, kurikulum dan metodologi pendidikan (Hamid Fahmy Zarkasyi, 1990).





Dalam kajian ini perbincangan terperinci ialah berkaitan dengan unsur matlamat dan metodologi pendidikan. Unsur matlamat dan metodologi pendidikan amat berkait dengan fokus utama kajian ini yang mengkaji tentang amalan penerapan nilai murni dalam pengajaran guru prasekolah. Dalam aspek matlamat pendidikan, Al-Ghazali (1998) menjelaskan bahawa matlamat pendidikan yang utama ialah untuk menghampiri diri kepada tuhan. Selain itu, Al-Ghazali juga menjelaskan matlamat pendidikan ialah untuk mencari ilmu pengetahuan yang dapat memandu ke arah perilaku yang baik dan mulia. Pendidikan yang bertujuan untuk mengejar pencapaian dalam kehidupan seperti kekayaan, status dan kuasa adalah tidak tepat (Hamid Reza Alavi, 2007). Pendidikan yang disifatkan sebagai proses untuk mendapat ilmu lebih terarah kepada perkembangan pembawaan dan personaliti murid-murid (Hamid Fahmy Zarkasyi, 1990). Al-Ghazali percaya bahawa pembangunan akhlak dan moral kanak-kanak adalah juga matlamat utama dalam pendidikan.



Berdasarkan matlamat pendidikan yang dinyatakan oleh Al-Ghazali dapat disimpulkan bahawa ia amat bersesuaian dengan konteks pendidikan negara kita yang menekankan pembentukan insan yang menyeluruh dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Bagi mencapai matlamat ini, sistem pendidikan negara telah memperkenalkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan menekankan konsep pendidikan sepadu dan salah satunya ialah nilai murni merentas kurikulum. Antara matlamat penerapan nilai murni ialah melahirkan insan dan juga warganegara yang baik serta memiliki akhlak yang mulia. Oleh itu timbul persoalan, sejauh manakah penerapan nilai-nilai murni merentas kurikulum berjaya mencapai matlamat pembentukan sahsiah murid



prasekolah. Justeru, kajian ini perlu dijalankan bagi meneliti persoalan seperti yang dikemukakan oleh pengkaji.

Dari aspek metodologi pula, Al-Ghazali membincangkan berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Al-Ghazali para pendidik memberi kesan dalam perkembangan moral kanak-kanak. Al-Ghazali menjelaskan bahawa pengajaran ialah membantu murid untuk membina tabiat yang baik. Dalam aspek pengajaran Al-Ghazali menyediakan garis panduan tertentu kepada guru dalam melakukan strategi-strategi berkesan yang dapat membina sahsiah diri pelajar. Antara strategi yang digariskan adalah seperti berikut:

(i) guru hendaklah melahirkan perasaan simpati kepada murid seolah-olah mereka anaknya,

(ii) guru tidak seharusnya merasakan murid menjadi beban kepadanya malah perlu mempunyai perasaan berkewajipan ke atas murid-murid,

(iii) guru seharusnya memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada murid-murid tentang tujuan ilmu pengetahuan, iaitu menghampiri diri kepada tuhan,

(iv) kaedah tunjuk ajar yang digunakan oleh guru hendaklah dengan cara yang simpati, bukannya dengan cara membenci dan menggalakkan sifat durhaka dan melahirkan kedegilan (Hamid Fahmy Zarkasyi, 1990).

Dengan itu, garis panduan aspek pengajaran Al-Ghazali jelas menunjukkan pentingnya peranan guru dalam membentuk akhlak dan nilai murni murid melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Sekiranya guru mempraktikkan garis panduan ini pengkaji percaya murid yang dihasilkan bukan setakat mempunyai ilmu pengetahuan yang mantap bahkan menonjolkan keperibadian yang baik.

Selanjutnya, Al-Ghazali juga menekankan bahawa guru perlu menunjukkan sikap guru yang terpuji dan terhormat serta mewujudkan suasana kasih sayang dan menjadi model ikutan kerana semuanya ini memainkan peranan yang besar dalam motif penyampaian ilmu dan pembentukan sahsiah murid (Hamid Fahmy Zarkasyi, 1990; Hamid Reza Alavi, 2007). Al-Ghazali berpendapat pendidikan sebagai teknik dan kemahiran yang perlu ditekankan dalam kaedah pengajaran dan hubungan guru-murid.

Dalam konteks pembelajaran pula, Al-Ghazali mengemukakan beberapa tugas murid, antaranya:

(i) seseorang murid itu mestilah membersihkan jiwanya daripada perbuatan dan perangai yang buruk dan keji,

(ii) murid tidak seharusnya menghina guru dan bersikap meninggi diri

terhadap guru tetapi sebaliknya dia hendaklah menyakini dan menghormati gurunya dan

(iii) murid hendaklah menilai dan memastikan nilai ilmu selaras dengan kehendak agama, hubungan dengan moraliti, masyarakat dan sebagainya.

Ini kerana untuk memastikan bahawa pencapaian tahap berilmu itu ialah mendekati diri kepada tuhan (Hamid Fahmy Zarkasyi, 1990).

Dengan itu, murid yang mempraktikkan saranan Al-Ghazali tentang tugas sebagai seorang murid akan dapat membantu mencapai hasrat dan matlamat pendidikan untuk menghasilkan insan yang baik.



Berdasarkan perbincangan aspek metodologi dalam konteks pengajaran guru dan pembelajaran murid yang dikemukakan oleh Al-Ghazali dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang rapat antara guru dan murid dalam mencapai matlamat pendidikan yang sebenar seperti yang dinyatakan oleh Al-Ghazali, iaitu matlamat pendidikan ialah mendekati diri kepada tuhan dengan menjadi insan yang baik. Kaedah proses pengajaran dan pembelajaran yang diperkenalkan oleh Al-Ghazali hendaklah dijadikan asas kepada pembinaan peribadi guru sebagai agen memindahkan nilai moral terhadap murid.


Bersesuaian dengan itu juga, aspek penerapan nilai murni merentas kurikulum diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara. Oleh itu, sejauh manakah proses pengajaran guru khususnya dalam melaksanakan penerapan nilai murni dalam pengajaran guru memberi kesan terhadap pembentukan nilai murni yang merupakan matlamat utama dalam pendidikan negara perlu dilihat. Ini selari dengan perspektif pemikiran Al-Ghazali yang telah menjelaskan bahawa guru merupakan pengaruh utama dalam pembentukan akhlak, nilai murni dan moral murid. Salah satu cara yang ditekankan oleh Al-Ghazali ialah melalui proses pengajaran dan pembelajaran.

2.4.3 Kerangka Teoritikal Kajian

Berdasarkan ulasan dalam topik latar belakang teoritikal yang dikemukakan, satu kerangka teori telah dibina oleh pengkaji bertujuan untuk memberi gambaran ringkas tentang hubungan antara beberapa prinsip dalam keseluruhan kajian ini. Bagi kajian ini kerangka teori tersebut digambarkan melalui Rajah 2.1.



Secara prinsipnya kerangka teori memberi gambaran bahawa perspektif pemikiran Al-Ghazali merupakan asas utama dalam kajian ini. Ini kerana Al-Ghazali amat memberi penekanan terhadap pendidikan yang merupakan satu cara dan proses untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan tingkah laku yang dipelajari melalui proses pembelajaran. Al-Ghazali menegaskan bahawa pendidikan ialah memupuk perangai baik dalam diri pelajar supaya mereka dapat menilai antara yang benar dan yang salah.



Rajah 2.1. Kerangka Teoritik Kajian



Berdasarkan perspektif pemikiran Al-Ghazali, matlamat pendidikan yang utama ialah untuk menghampirkan diri kepada tuhan. Selain itu, matlamat pendidikan ialah untuk mencari ilmu pengetahuan yang dapat memandu dan membentuk ke arah perilaku yang baik dan mulia. Sementara dalam aspek metodologi pula, Al-Ghazali membincangkan berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Al-Ghazali peranan dan tingkah laku para pendidik memberi kesan yang besar dalam perkembangan moral kanak-kanak. Al-Ghazali menjelaskan bahawa pengajaran ialah membantu murid untuk membina dan memupuk tabiat yang baik berasaskan nilai murni. Al-Ghazali menegaskan pendidikan adalah untuk menyemai perangai yang baik dalam diri kanak-kanak supaya mereka dapat menilai dan membezakan perkara yang betul dan salah. Lantaran itu, guru perlu menjelaskan tentang peraturan dan nilai yang baik kepada kanak-kanak prasekolah.



Satu lagi teori yang menjadi asas dalam kajian ini ialah Teori Pembelajaran Sosial oleh Bandura. Berdasarkan teori ini, seseorang akan mempelajari nilai moral berdasarkan amalan nilai moral orang sekelilingnya, khususnya dalam kajian ini guru adalah contoh ikutan murid. Hal ini juga selari dengan Pendekatan Pemupukan Nilai yang diperkenalkan oleh Superka et al., (1976). Lantaran itu, jelas dapat dilihat elemen kaedah dan teknik-teknik yang ada dalam Pendekatan Pemupukan Nilai seperti kaedah langsung, kaedah tidak langsung, teknik model, main peranan dan simulasi yang mempunyai perkaitan dengan Teori Pembelajaran Sosial.

Kesimpulannya, kerangka teoretis kajian penyelidik dibina berdasarkan gabungan daripada Perspektif Pemikiran Al-Ghazali dan Teori Pembelajaran Sosial Bandura yang kesemuanya menitikberatkan kepentingan pelbagai pihak, khususnya




guru dalam pendidikan akhlak, nilai murni dan moral serta kaedah dan teknik dalam membentuk dan menyemai nilai murni pelajar.

2.4.4 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan perbincangan berkaitan tinjauan literatur, latar belakang teoritikal dan kerangka teori yang dikemukakan, maka penyelidik merumuskan fokus kajian ini dan membentuk satu kerangka konseptual kajian seperti Rajah 2.2. Kerangka kajian yang dibina adalah memfokuskan kepada amalan penerapan nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah. Beberapa aspek diberi penekanan dalam melihat amalan penerapan nilai murni guru prasekolah meliputi empat aspek semasa proses Pdp prasekolah, iaitu pengetahuan, kemahiran, strategi dan perancangan. Pengetahuan dalam kerangka konseptual ini merujuk kepada pengetahuan guru berkaitan dengan nilai-nilai murni yang terdapat dalam KSPK yang seharusnya mereka terapkan semasa proses Pdp. Manakala aspek kemahiran pula adalah bagaimana guru memilih nilai-nilai murni tersebut sesuai dengan topik pengajaran.

Bagi aspek strategi pula, pengkaji menumpukan kepada pendekatan dan kaedah yang digunakan oleh guru dalam menerapkan nilai murni kepada murid secara berkesan. Aspek perancangan merupakan persediaan guru di dalam menerapkan nilai murni semasa mereka merancang Rancangan Pengajaran Harian. Keempat-empat aspek ini akan diteliti oleh pengkaji melalui Pdp bagi melihat amalan penerapan nilai murni dalam kalangan guru prasekolah.

Berdasarkan penelitian tersebut, maka persoalan kajian, iaitu nilai-nilai murni yang diterapkan, tujuan penerapan nilai-nilai murni, kaedah menerapkan nilai-nilai murni, masalah yang dihadapi dalam menerapkan nilai-nilai murni dan amalan nilai-nilai murni dalam kalangan murid prasekolah dapat dijawab.



Rajah 2.2. Kerangka Konseptual Kajian

2.5 Konsep Nilai Murni dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996)

Wan Mohd Zahid (1993) mendefinisikan nilai murni sebagai tanggapan berkenaan perkara-perkara yang dihajati dan pada masa yang sama ia juga menjadi kriteria atau ukuran. Menurut beliau, nilai-nilai murni sesuatu masyarakat biasanya diasaskan kepada agama dan sememangnya menjadi tujuan semua agama untuk membentuk kehidupan yang baik dan berakhlak mulia kepada penganutnya. Sufean (1995) berpandangan nilai-nilai murni bukan sahaja untuk dipelajari tetapi yang lebih penting ialah untuk dibatinkan bagi membentuk peribadi manusia yang bersepadu. Walau bagaimanapun, nilai murni tidak terus meresap ke dalam sanubari dan dihayati tetapi adalah melalui sistem pertimbangan, penilaian yang terletak pada minda dan akal.

Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) merupakan laporan yang pertama menekankan kepentingan penerapan nilai murni dalam sistem pendidikan negara. Diikuti dengan penggubalan Falsafah Pendidikan Negara (1987) dan pembentukan Garis Panduan Pendidikan Prasekolah Malaysia pada tahun 1993 yang turut menekankan unsur-unsur nilai murni untuk diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran guru. Kementerian Pendidikan Malaysia (1990) menekankan pelaksanaan penerapan nilai murni dalam sistem pendidikan negara dan menyarankan supaya nilai-nilai murni disisipkan melalui semua mata pelajaran. Penerapan nilai murni juga perlu dikukuhkan melalui kegiatan-kegiatan ko-kurikulum, formal dan tidak formal, di dalam dan di luar bilik darjah. Aktiviti ini akan digunakan sepenuhnya dengan cara bersepadu untuk memastikan penerapan nilai-nilai murni akan berhasil dan berkesan.



Tujuan penerapan nilai murni merentasi kurikulum adalah membentuk pelajar-pelajar supaya berperibadi mulia dan mampu untuk membuat keputusan berdasarkan nilai moral diri, keluarga, agama dan masyarakat (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1990). Penanaman dan penghayatan nilai murni dan sikap yang positif menerusi berbagai-bagai mata pelajaran adalah bertujuan untuk mencapai hasrat pembentukan generasi insan yang dapat mengimbangkan kehendak agama, norma masyarakat dan kehendak kehidupan mereka (Sufean, 1989).

Penerapan nilai murni dalam pengajaran boleh dilaksanakan dengan beberapa cara. Antaranya secara pertuturan, secara perlakuan, secara teladan, secara isyarat, secara kefahaman, secara interpretasi dan secara kontekstual. Rokeach (1973) menyarankan nilai mulia diterapkan kepada pelajar bagi membentuk sebahagian daripada konsep diri dan personaliti. Penerapan nilai yang dilaksanakan dalam pengajaran akan menimbulkan operasi kognitif dan kesedaran yang menentukan tingkah laku yang akan dipegang atau dihayati oleh pelajar. Seterusnya nilai-nilai yang dipegang akan berubah sekiranya terdapat perubahan pada konsep diri pelajar dan penerimaan nilai-nilai yang lain.

Pusat Perkembangan Kurikulum (1990) telah memperakui 16 nilai-nilai murni untuk diterapkan dalam pengajaran. Nilai-nilai murni tersebut merangkumi pertama; nilai baik hati yang bertujuan memupuk sikap sentiasa mengambil berat terhadap perasaan dan kebajikan orang lain secara tulus ikhlas. Nilai baik hati meliputi aspek belas kasihan, bertimbang rasa, murah hati, saling faham memahami dan sedia memaafkan kesalahan individu lain. Kedua; nilai berdikari yang meliputi sikap bertanggungjawab, berupaya bertindak sendiri, bersikap jaya diri dan yakin pada diri



sendiri bertujuan memupuk kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain. Ketiga; nilai berhemah tinggi yang meliputi ciri-ciri kesopanan, berani mengakui kesalahan dan bersifat ramah mesra bertujuan memupuk sikap berbudi pekerti dengan tingkah laku mulia dan lemah lembut yang patut diamalkan oleh individu dalam hubungannya dengan ahli masyarakat yang lain.

Berikutnya, nilai keempat, iaitu nilai hormat-menghormati bertujuan memupuk sikap menghargai dan memuliakan seseorang dan institusi sosial dengan memberi layanan yang bersopan dan berakhlak. Nilai hormat menghormati meliputi sikap hormat dan taat kepada ibu bapa, hormat kepada orang yang lebih tua, guru, rakan, jiran tetangga dan pemimpin, hormat kepada raja dan negara, patuh kepada undang-undang, hormat kepada hak asasi, hormat kepada kepercayaan dan adat resam pelbagai keturunan dan hormat kepada keperibadian individu. Kelima; nilai kasih

sayang bertujuan memupuk perasaan cinta, kasih sayang yang mendalam dan berkekalan. Rasa kasih sayang ini lahir dari hati yang rela terhadap sesuatu, tanpa sebarang unsur kepentingan diri. Antaranya merangkumi sayang kepada nyawa, sayang kepada alam sekeliling, cinta kepada negara dan cinta kepada keamanan dan keharmonian. Nilai keenam, iaitu nilai keadilan bertujuan memupuk perlakuan, pertuturan dan keputusan yang saksama serta tidak berat sebelah.

Seterusnya nilai ketujuh, iaitu nilai kebebasan meliputi antaranya kebebasan di sisi undang-undang dan kebebasan dalam sistem demokrasi. Nilai kebebasan ini tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang ditentukan oleh agama, masyarakat dan negara. Kelapan; nilai keberanian bertujuan memupuk keberanian seseorang untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah hati tertakluk kepada



batas dan keupayaannya kerana keberanian yang melulu mengakibatkan bencana. Nilai keberanian merangkumi sifat berani dengan tidak membuta tuli, berani kerana benar, berani mempertahankan pendirian dan berani bertanggungjawab terhadap segala perlakuan yang dilakukan.

Kesembilan; nilai kebersihan fizikal dan mental bertujuan memupuk sifat menjaga kebersihan diri dan kebersihan persekitaran serta menjaga pertuturan, perlakuan, pemikiran dan kerohanian. Kesepuluh; nilai kejujuran bertujuan memupuk sifat baik hati, amanah dan ikhlas atas segala tindakan tanpa mengharapkan sebarang balasan. Kesebelas; nilai kerajinan bertujuan memupuk usaha berterusan yang penuh dengan semangat ketekunan, kecekalan, kegigihan, dedikasi dan daya usaha dalam melakukan sesuatu perkara.



Kedua belas; nilai kerjasama bertujuan menerapkan sifat berusaha dan membina yang dilakukan bersama pada peringkat individu, komuniti, masyarakat atau negara untuk mencapai sesuatu matlamat seperti persaudaraan, tanggungjawab bersama, gotong royong, toleran dan perpaduan. Ketiga belas; nilai kesedaran bertujuan menerapkan sikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan dan tindakan sama ada dalam pemikiran, pertuturan atau perlakuan supaya sesuai dengan norma dan nilai masyarakat. Keempat belas; nilai kesyukuran bertujuan menerapkan perasaan dan perlakuan yang dilahirkan secara ikhlas ke atas nikmat dan kesenangan yang diperolehi seperti berterima kasih, mengenang budi dan memberi penghargaan.

Kelima belas; nilai rasional bertujuan menerapkan sifat boleh berfikir secara rasional berdasarkan alasan dan bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan





sewajarnya, tanpa dipengaruhi oleh perasaan. Keenam belas; nilai semangat bermasyarakat bertujuan menerapkan sifat kesediaan melakukan sesuatu untuk kepentingan bersama bagi mewujudkan keharmonian hidup dalam masyarakat seperti muafakat, kerajinan dan peka kepada isu-isu sosial dalam masyarakat. Nilai yang terakhir yang diperkenalkan ialah nilai kewarganegaraan atau patriotisme bertujuan untuk memupuk semangat cintakan negara dan tanah air dalam kalangan pelajar. Dengan ini, nilai-nilai murni yang terkandung dalam KSPK secara khususnya dibentuk dan diperincikan bagi mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996), iaitu pembangunan potensi insan pada aspek rohani, intelek, fizikal, emosi, bakat dan sosial secara seimbang berlandaskan nilai-nilai agama dan budaya.



Guru-guru memainkan peranan penting dalam tugas pengajaran dan pembelajaran bilik darjah bagi membolehkan para pelajar memahami dan menghayati sesuatu mata pelajaran (Cheek & Parker 1993; Fernandes 1999; Veugelers 1995). Guru-guru yang mempunyai pengetahuan tentang teori pengajaran nilai dan teori perkembangan moral akan memberi kemudahan kepada mereka mengenal pasti kaedah pengajaran dan pendekatan penerapan nilai yang menepati tahap perkembangan para pelajar (Abd. Rahim 2001). Terdapat beberapa teori perkembangan moral dan model pengajaran nilai yang perlu diketahui dan boleh diaplikasikan oleh guru prasekolah dalam melaksanakan pengajaran supaya proses penerapan nilai akan menjadi lebih berkesan. (Thomas, 2004).



Model Pembuatan Keputusan yang dikemukakan oleh Langenderfer dan Rockness (1989) digunakan untuk menganalisis dilema nilai dan moral secara sistematis serta mendorong pelajar mengambil keputusan dengan adil dan wajar setelah mengikut langkah-langkah yang dicadangkan. Model ini terdiri daripada lapan langkah, iaitu;

- (i) kenal pasti fakta-fakta berkaitan
- (ii) kenal pasti isu-isu nilai dan etika
- (iii) tentukan apakah norma, prinsip dan nilai yang berkaitan dengan situasi
- (iv) tentukan alternatif tindakan yang boleh diambil
- (v) pastikan tindakan atau keputusan terbaik yang boleh diambil dan konsisten dengan norma, prinsip dan nilai
- (vi) pastikan kesan akibat daripada tindakan tersebut
- (vii) melakukan perbincangan bersama individu yang dipercayai atau dihormati
- (viii) mencapai keputusan terbaik

Objektif mengaplikasikan model ini dalam pengajaran di prasekolah bertujuan untuk mendidik kanak-kanak supaya lebih berwaspada terhadap isu-isu nilai yang perlu ditangani seterusnya mereka mampu membuat keputusan paling adil kerana setiap keputusan yang diambil akan melibatkan kepentingan pihak lain selain daripada memenuhi kepentingan diri mereka sendiri.

Model Integratif Thorne diperkenalkan oleh Thorne (1998) yang mengintegrasikan teori penerapan nilai oleh Rest (1986). Model Rest memberi penekanan terhadap empat komponen proses psikologi yang melahirkan tingkah laku



manusia. Proses tersebut merangkumi komponen sensitiviti moral, iaitu mengintegrasikan situasi iaitu bagaimana sesuatu tindakan yang diambil memberi kesan kepada pihak lain dan sensitif dengan masalah-masalah moral yang wujud. Komponen pertimbangan moral, iaitu membuat pertimbangan tindakan-tindakan yang paling adil dilihat dari aspek moral. Komponen motivasi moral pula ialah tahap komitmen individu terhadap tindakan moral dan mengambil tanggungjawab terhadap setiap tindakan yang diambil manakala komponen sifat moral iaitu memberi galakan untuk melaksanakan hal-hal yang berkaitan moral.

Menurut Thorne (1998), berdasarkan teori etika, nilai yang dimiliki oleh individu akan membina sifat dan keperibadian individu. Nilai-nilai positif yang dimiliki oleh individu akan merangsang tindakan atau tingkah laku yang berasaskan pertimbangan moral. Sehubungan itu, beliau mendakwa bahawa dua komponen, iaitu sensitiviti moral dan pertimbangan moral adalah lebih bersifat intelektual dan dua komponen berikutnya, iaitu motivasi moral dan sifat moral adalah berkait dengan nilai. Oleh yang demikian, beliau mengemukakan dua kategori, iaitu komponen nilai dan moral sebagai asas kepada proses pembangunan manusia. Model ini menyatakan bahawa kedua-dua komponen nilai dan pembangunan moral diperlukan bagi membina sahsiah mulia individu.

Komponen pembangunan moral terdiri daripada sifat peka individu kepada situasi yang melibatkan isu moral dan keupayaan individu memahami dilema nilai, moral serta mampu membuat penilaian yang betul. Komponen nilai dalam diri menjadikan seseorang individu memiliki moral yang tinggi malah mementingkan hak individu lain melebihi kepentingan diri sendiri. Menurut Model Integratif Thorne



(1998), keperibadian dan tingkah laku seseorang adalah berasaskan kepada nilai-nilai yang diamalkan dan dipegang oleh individu tersebut.

Kepekaan dan penaakulan merupakan komponen penting kepada pembangunan moral. Pembangunan moral dan nilai diperlukan bagi melahirkan insan yang berakhlak dan bermoral. Model ini turut mencadangkan bahawa pembangunan moral akan meningkatkan kepekaan individu terhadap dilema moral dan nilai serta meningkatkan keupayaan untuk memahami dan menangani masalah. komponen nilai yang terdapat dalam diri individu akan meningkatkan motivasi dan keperibadian yang akan ditunjukkan melalui tingkah laku individu. Kesimpulannya, keperibadian individu merupakan refleksi nilai-nilai yang dipegang serta dihayati.

Model Fernandes (1999) menyatakan bahawa terdapat tiga pendekatan dalam pendidikan nilai, iaitu pendekatan langsung, pendekatan tidak langsung dan pendekatan *incidental*. Dalam model ini, guru akan disediakan dengan kurikulum atau sukatan pelajaran dan dijelaskan akan tanggungjawab mereka. Guru akan menentukan nilai-nilai yang tersurat dalam mata pelajaran yang akan diajar. Guru kemudiannya akan menyampaikan pengajaran mereka menggunakan kaedah pengajaran tertentu dan isu-isu nilai akan dibincangkan semasa tempoh proses pengajaran pembelajaran berlangsung.

Dalam Model Pengajaran dan Pembelajaran Nilai, Veugelers (1998) menyatakan bahawa proses pengajaran pembelajaran merupakan proses yang berinteraksi dan berhubungan antara satu sama lain. Guru tidak boleh bertindak neutral semasa menyampaikan pengajaran dan sewajarnya berusaha mempengaruhi

perkembangan diri pelajar. Nilai yang dirasakan penting oleh guru akan disampaikan melalui kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru. Guru akan membuat interpretasi terhadap kurikulum dan nilai akan diterapkan melalui pengetahuan isi kandungan mata pelajaran guru tersebut. Selain itu, beliau turut mengusulkan empat strategi penerapan nilai yang boleh diaplikasikan oleh guru semasa melaksanakan pengajaran, iaitu guru tidak menunjukkan nilai-nilai yang dipegang, guru menjelaskan secara langsung nilai yang dirasakan penting, guru menekankan perbezaan nilai tanpa menekankan nilai-nilai yang dirasakan penting dan guru menjelaskan perbezaan nilai serta menekankan nilai-nilai yang dirasakan penting.

Kesimpulannya, dapatlah dirumuskan bahawa terdapat teori-teori dan model-model penerapan nilai yang boleh diaplikasikan oleh guru untuk menerapkan nilai-nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah seperti Model Pembuatan Keputusan, Model Integratif Thorn, Model Fernandes dan Model Pengajaran dan pembelajaran Nilai.

2.7 Peranan Guru Untuk Menerapkan Nilai Murni

Ilmu pendidikan awal kanak-kanak sangat diperlukan dalam menyediakan asas awal nilai-nilai baik serta pembentukan akhlak dan sahsiah individu pada peringkat yang masih muda (Hasbullah & Aerisuli, 2013). Bagi merealisasikan hasrat yang ingin dicapai oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996), memerlukan guru memahami dengan jelas maksud yang terkandung di dalamnya (Musa, 1993). Seperti yang dinyatakan oleh Rahimah dan Chang (1997), falsafah yang mengemudi amalan



pendidikan di sekolah menegaskan semua guru merupakan guru dalam pendidikan moral dan nilai. Lebih penting setiap guru diperlukan menerapkan nilai berasaskan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan seperti mana yang dikenal pasti sebagai nilai inti (*core values*) dalam pengajaran mereka masing-masing.

Menurut Anon (2011), guru memainkan peranan yang besar dalam proses pembentukan jati diri kanak-kanak sejak awal usia. Nilai-nilai murni perlu diterapkan semenjak pendidikan prasekolah lagi yang merupakan asas kepada proses pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak dalam membentuk peribadi yang bernilai murni. Rohaty (2003) pula menjelaskan di sekolah, guru memainkan peranan sebagai ibu bapa dalam membentuk kanak-kanak selaras dengan penerapan nilai yang dimasukkan di dalam kurikulum pendidikan melalui silibus-silibus tertentu.

Sehubungan itu, adalah penting kanak-kanak mengalami pengalaman pembelajaran prasekolah yang berkesan, bermakna dan menggembirakan supaya kanak-kanak dibekalkan dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap yang positif sebelum memasuki alam persekolahan formal.

Guru mempunyai peluang untuk mendidik dan membimbing pelajar dalam membuat keputusan yang tepat bagi pembangunan jati diri mereka. Oleh itu, guru perlu mengenalpasti nilai-nilai murni dan mampu membentuk tingkah laku pelajar. (Kim Suh & Traiger, 1999). Sementara itu Maisarah dan Latifah (2012), pula berpendapat kanak-kanak pada peringkat prasekolah lebih mudah menerima dan terpengaruh dengan kandungan bahan bacaan. Maka, guru seharusnya bijak memilih bahan bacaan kerana pemilihan sesuatu bahan bacaan sememangnya penting dalam mempengaruhi corak akhlak pelajar. Ini kerana bahan bacaan ringan berbentuk





hiburan, lucu dan bukan ilmiah yang terjual di pasaran dilihat banyak menyumbang kepada keruntuhan akhlak masyarakat.

Abdul Rahim dan Azharul Nizam (2010), menjelaskan guru juga harus membentuk hubungan interpersonal yang positif dalam kalangan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Guru haruslah sentiasa berusaha menanam sikap, nilai dan ilmu pengetahuan kepada generasi baru ke arah pembinaan masyarakat yang maju serta mempunyai nilai sosial yang tinggi.

Melalui penerapan nilai dalam pengajaran dan pembelajaran, guru akan memperkenalkan sesuatu nilai serta berperanan memindahkan nilai-nilai murni kepada pelajar supaya pelajar akan menghayati dan menerima nilai tersebut (Steward, 1997; Veugelers, 1996). Dalam kalangan guru-guru prasekolah, di samping memberi pengetahuan dan memupuk pemikiran kreatif, mereka juga perlu menerapkan nilai-nilai murni kepada kanak-kanak (Norsita & Zainal, 2014). Bagi melahirkan pelajar-pelajar yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (JERI), kesedaran guru terhadap penerapan nilai-nilai yang menggabungkan jalin unsur JERI dalam pengajaran merupakan satu strategi penting dalam konteks melaksanakan kesepaduan ilmu merentasi pelbagai disiplin. Kesedaran guru terhadap kepentingan penerapan nilai akan mempengaruhi kepercayaan dan sikap guru terhadap tingkah lakunya.

Menurut Rokeach (1979), kesedaran guru terhadap keperluan dan kepentingan nilai dalam membina kehidupan yang baik dan harmonis akan membentuk kepercayaan yang dibahagikan kepada tiga, iaitu;





- (i) kepercayaan deskriptif atau ekstensial, iaitu kepercayaan yang mempunyai kemungkinan benar atau tidak benar
- (ii) kepercayaan evaluatif yang berkaitan dengan sesuatu kepercayaan yang dipertimbangkan baik atau buruk
- (iii) kepercayaan proskriptif atau preskriptif, iaitu kesan hasil cara dan kesan akhir sesuatu tindakan yang ditunjukkan sama ada dikehendaki atau tidak dikehendaki. Sikap juga dipengaruhi oleh kesedaran terhadap nilai.

Abd. Rahim (1993) menyatakan melalui proses penerapan nilai murni sama ada secara sedar atau tidak sedar, maka akan terbentuk piawai atau kriteria bagi mengembang dan mengekalkan sikap terhadap objek atau situasi. Joseph (1986) dan Bishop (2002) berpandangan bahawa guru sememangnya telah menerapkan nilai dalam pengajaran mereka secara sedar atau pun tidak. William Baja Jap (1999)

memetik Beeby (1966) menyatakan sikap guru yang positif terhadap sesuatu kurikulum boleh membantu kefahaman mereka dan ini telah digunakan oleh perancang kurikulum sebagai satu tanda utama bahawa kurikulum tersebut telah dilaksanakan dengan berjaya.

Hassan (1997) berpandangan bahawa guru-guru merupakan pengajar dalam erti kata seluas-luasnya. Beliau menegaskan perkataan mengajar bermaksud segala tingkah laku yang menyebabkan murid boleh belajar sesuatu, tingkah laku bukan hanya yang bersifat pertuturan (verbal) tetapi juga yang bukan pertuturan (non verbal) seperti senyuman, berjalan dan memberi salam. Cara-cara non verbal kadang-kadang lebih efektif daripada secara verbal, terutama yang bersangkutan paut dengan nilai dan sikap.





Guru adalah individu pertama yang seharusnya memahami tentang konsep, takrif dan strategi pelaksanaannya (Ahmad, 1997). Sehubungan itu, guru-guru perlu mempunyai kesedaran, kesediaan dan kefahaman terhadap kepentingan melaksanakan penerapan nilai murni seperti yang dikehendaki oleh KSPK. William dan Canning (1981) menjelaskan bahawa kejayaan pembaharuan dalam kurikulum antaranya bergantung kepada kesediaan dan motivasi guru. Manakala Wan Mohd Zahid (1994) pula menjelaskan dalam melaksanakan proses pengajaran, disiplin ilmu tidak lagi terpisah antara satu sama lain. Penerapan nilai dan agama boleh diterapkan dalam mata pelajaran yang diajar.

Ibnu Khaldun seorang ahli falsafah turut menekankan pemupukan nilai mulia di dalam sistem pendidikan dan menegaskan para guru harus mempunyai strategi dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka bagi memperkembangkan potensi pelajar-pelajar bermatlamatkan pembentukan individu yang menyeluruh dan bersepadu (Darwisy, 1995). Oleh itu, guru-guru mempunyai tanggung jawab besar dalam memastikan perubahan dalam sistem pendidikan ini boleh dilaksanakan. Justeru ia memerlukan kesediaan para guru memperlengkapkan diri mereka dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran sewajarnya. Shahril dan Habib (1999) dalam buku mereka bertajuk Isu Pendidikan di Malaysia menggariskan kriteria guru-guru sebagai jentera pelaksana penerapan nilai murni perlu memiliki sifat-sifat berikut:

- i. Guru mesti memahami dengan secukupnya falsafah pendidikan negara, hasrat yang terkandung di dalamnya dan matlamat yang dituju. Kefahaman mesti diiringi dengan kesedaran, keinsafan, amalan dan penghayatan.



ii. Guru seharusnya menghayati konsep bersepadu yang meletakkan ilmu dan amal dalam satu kesatuan yang kukuh yang menjalin keseimbangan antara fungsi akal, rohani dan jasmani. guru harus memancarkan dari dirinya keselarasan, keseimbangan, keserasian dan keharmonian.

iii. Guru harus menjadi para pencinta ilmu yang sentiasa dahagakan pengetahuan dan sentiasa mahu terus belajar. Guru juga harus berfungsi sebagai gedung ilmu bagi pelajar. Guru perlulah sentiasa mencetus serta memupuk semangat belajar dan menekankan bahawa pendidikan merupakan proses berterusan sepanjang hayat manusia.

iv. Guru harus memiliki kemahiran mengajar termasuk keupayaannya menghubungkan aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Guru perlu menggunakan pendekatan secara bersepadu dengan memelihara keseimbangan

berkeupayaan dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar-pelajar yang mempunyai berbagai-bagai kebolehan dan membangunkan budaya belajar dalam kalangan mereka.

v. Guru juga mestilah menguasai dan menjiwai Bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu dan menggerakkan cita-cita kearah mewujudkan tamadun ilmu.

vi. Guru adalah 'model' yang sangat hampir dengan pelajar selain ibu bapa mereka sendiri. Justeru, wajib bagi guru menjadi teladan yang baik kepada pelajar. Ini dimanifestasikan melalui budi bahasa, penguasaan bahasa yang betul, kehalusan dan kesempurnaan kerja, rupa diri dan kesesuaian pakaian, amanah mengenai hal-hal yang rahsia bagi pelajarannya, rajin dan cekap, serta;

vii. Guru mesti memiliki ciri-ciri keguruan yang positif, kreatif dan inovatif.

Guru-guru memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana mereka merupakan agen pembangunan kepada proses pendidikan (Chandler, 1967). Selain mengajar, guru-guru diwajibkan menerapkan unsur-unsur nilai murni semasa proses pengajaran dan pembelajaran (Nour Azira, 2001). Menurut Nik Azis (1997), guru memainkan peranan penting dalam sebarang program reformasi. Oleh yang demikian, guru merupakan intipati bagi sebarang perubahan. Pengajaran dan pembelajaran merupakan proses interaktif iaitu aktiviti guru dan pelajar yang menjadi elemen utama dalam suasana pembelajaran spesifik (Tuck & Albury, 1990; Veugelers 1995; Veugelers 2000). Perubahan yang sebenar tidak akan berlaku sekiranya guru tidak yakin dengan keperluan dan pembaharuan.

Teknologi moden dan bahan pengajaran adalah penting tetapi benda-benda ini ditafsir dan digunakan oleh guru (Mok, 2002). Oleh itu, guru menjadi agen perubahan kepada masyarakat di samping mereka juga boleh bertindak sebagai agen penghalang kepada pembangunan masyarakat (Nik Azis, 1997). Masalah akan timbul sekiranya guru-guru tidak mempunyai kesedaran tentang kepentingan penerapan nilai dan ia akan mempengaruhi sikap, kepercayaan dan tindakan mereka.

Guru-guru seharusnya mempunyai kualiti diri dan misi yang jelas (Lee, 1990), serta menjadi model terbaik kepada pelajar (Antes dan Nardini, 1994). Berdasarkan pandangan Imam Al-Ghazali, setiap guru perlu memiliki sifat amanah, ikhlas serta memiliki keperibadian yang dapat menjadi contoh teladan yang baik. Oleh yang demikian, aspek terpenting yang perlu diberi perhatian oleh guru ialah kefahaman dan



sikap guru terhadap konsep ilmu, akhlak dan amal yang sebenarnya. Salah satu pendekatan terbaik untuk mendidik akhlak mulia ialah melalui cara pendidikan melalui teladan. Oleh itu, tingkah laku guru-guru haruslah menunjukkan contoh yang baik kerana mereka ialah cermin kepada pelajar (Abdul Rahim & Azharul Nizam, 2010).

Melalui program pendidikan guru, guru harus bersedia untuk menerapkan nilai dalam pengajaran mereka. Hal ini kerana, proses pengajaran dan pembelajaran guru bertujuan untuk melahirkan bukan sahaja pelajar yang baik namun insan yang baik (Antes & Nardini, 1994). Guru-guru merupakan faktor utama yang memastikan sesuatu kurikulum berjaya atau pun tidak disebabkan mereka terlibat secara langsung sebagai pelaksana program (Rosnani, 1997). Guru-guru merupakan intipati bagi sesuatu proses reformasi dan perubahan tidak akan berlaku sekiranya guru-guru tidak memahami dan tidak bersedia berubah untuk membina skim tingkah laku yang baru (Nik Azis, 1997).

Proses penerapan nilai memerlukan guru mempunyai ilmu asas untuk menghurai dimensi moral, iaitu taakulan moral, tingkah laku moral dan emosi moral individu (Abdul Rahman Aroff, 1986). Justeru, dalam konteks ini, para guru haruslah bersedia untuk mengembangkan nilai melalui perbincangan kelas, melalui aktiviti penyelesaian masalah dan membuat keputusan dan melalui pembentukan dan pemilihan aktiviti pembelajaran yang membolehkan pelajar menggunakan pelbagai strategi bagi membina kekuatan intelek, emosi, sosial dan rohani (Nik Azis, 1997).





Islam juga memberikan penghormatan dan darjat yang tinggi kepada guru. Sejarah Islam membuktikan guru-guru memberikan sumbangan yang cemerlang terhadap perkembangan pendidikan, akhlak, tamadun dan mesej Islam. Guru pada zaman awal Islam terdiri daripada askar-askar yang gagah yang menyebarkan syiar Islam dan berjaya menyebarkan syiar Islam dengan berkesan kerana memiliki iman yang mendalam seterusnya diganti oleh para sahabat Rasulullah s.a.w. dan kemudiannya pengganti mereka terdiri daripada kalangan ulama. Guru-guru ini merasakan mereka bertanggung jawab dalam mengajar nilai-nilai Islam dan mendidik nilai-nilai rohani dan akhlak sehingga menyebabkan Islam berkembang maju dari zaman ke zaman (Ahmad, 1997).

Sehubungan itu, untuk mengembalikan sejarah kecemerlangan tamadun ilmu di samping kecemerlangan akhlak, guru-guru mempunyai peranan penting dalam menyampaikan ilmu seperti yang dikehendaki oleh Islam dan agama-agama yang lain di dunia. Guru-guru memerlukan latihan yang khusus dan kelayakan tertentu bagi menghadapi cabaran yang kritikal ketika ini. Nilai-nilai yang terkandung dalam agama Islam dan agama-agama yang lain memupuk kehidupan yang sejahtera dengan konsep kerohanian dan moralnya, menanamkan perasaan murni yang menyertai penyebaran mesej kemanusiaan yang mulia menerusi pengajaran dan pendidikan. Guru yang baik dan benar-benar memahami mata pelajarannya, dapat menyampaikan kepada para pelajar dengan cara yang menarik agar pelajar dapat menghayati dan mengamalkan ilmu yang dipelajari mereka (Ghazali, 2001). Fakta-fakta yang dihuraikan ini jelas membuktikan kepentingan peranan guru-guru dalam memastikan keberkesanan dan kejayaan pendidikan negara yang terkandung di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).





Berdasarkan pandangan Ibnu Khaldun, setiap mata pelajaran dan kursus hendaklah diserapkan dengan nilai-nilai murni dan kerohanian. Kaedah mengajar yang sesuai dan baik misalnya yang disarankan oleh Islam hendaklah diamalkan, ikhwah pelajar-pelajar harus diatur, teknik dan kemahiran yang perlu untuk memajukan mesyarakat harus diperoleh, nilai kerohanian dan moral harus dipertingkatkan dalam kalangan guru dan pelajar (Ghazali, 2001). Sarjana pendidikan Islam antaranya Ibnu Sina, menuntut agar dijaga minat pelajar, bakat naluri, kesanggupan-kesanggupan tabi'inya ketika guru membimbingnya kepada kerjaya yang dipilih untuk masa depannya serta berbakti kepada tanahairnya (Hassan, 1997).

Sarjana-sarjana pendidikan Islam telah mengemukakan beberapa kaedah pengajaran yang sesuai digunakan guru dalam usaha menyampaikan ilmu pengetahuan serta mencapai keberkesanan dalam pengajaran (Ghazali, 2001). Kaedah dan strategi pengajaran hendaklah bersifat:

- i. Fleksibel (Mudah ubah suai).
- ii. Konsisten.
- iii. Menarik.
- iv. Besertakan bahan.
- v. Ukuran kecekapan guru.
- vi. Mengetahui status kefahaman murid.
- vii. Mengandungi domain-domain kognitif, efektif dan psikomotor.
- viii. Mesti mengandungi unsur nilai diselitkan dan diterapkan.
- ix. Memulakan dengan bimbingan dan berakhir dengan inisiatif sendiri murid.



- x. Menarik, berkesan dan bermakna.
- xi. Sesuai dengan kebolehan, minat dan keupayaan murid-murid.
- xii. Terdapat pengabungjalinan antara komponen dalam satu bidang dan merentas kurikulum dalam bidang yang berlainan.
- xiii. Sentiasa menjamin kualiti penilaian dan pengukuran.
- xiv. Pemulihan dan pengayaan.

Lickona (1991) seorang pakar pendidikan Barat turut mengusulkan kaedah dan strategi pengajaran yang hampir sama untuk diaplikasi semasa menyampaikan pengajaran. Beliau menjelaskan bahawa guru harus menerima tanggungjawab untuk;

- i. Bertindak pembimbing, model dan mentor.
- ii. Membentuk masyarakat bermoral.
- iii. Mengamalkan disiplin moral.
- iv. Menerapkan nilai merentasi kurikulum.
- v. Mengaplikasikan pembelajaran kooperatif.
- vi. Membina kemahiran bertindak dari suara hati.
- vii. Menggalakkan refleksi moral.
- viii. Membimbing kaedah penyelesaian kepada konflik
- ix. Mengambil berat hal pelajar selain daripada tanggungjawab mengajar.
- x. Membentuk budaya positif di sekolah.
- xi. Membina hubungan baik dengan ibu bapa.

Guru-guru harus mengutamakan kesepaduan dan integrasi keempat-empat potensi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) dalam fasa pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan insan yang seimbang dan memiliki akhlak yang



mulia. Oleh itu, untuk melahirkan insan yang memiliki keseimbangan dari setiap aspek yang cemerlang maka suatu perubahan yang besar perlu dilakukan. Usaha untuk memperkembangkan potensi JERI individu perlu dirancang dengan teratur dan bersungguh-sungguh melalui penerapan nilai murni secara bersepadu berteraskan kepada prinsip Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996).

Sehubungan itu, penerapan nilai murni dengan mengintegrasikan unsur-unsur jasmani, emosi, rohani dan intelek secara bersepadu dalam proses pengajaran dilihat sebagai satu alternatif yang terbaik kerana integrasi tersebut bukan sahaja menitikberatkan konsep keseimbangan dan kesepaduan ilmu pengetahuan, namun aspek berkaitan kerohanian tidak diabaikan. Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara, setiap guru dan pendidik harus jelas akan wajah manusia yang hendak dididik.

Justeru, penerapan nilai murni dalam pendidikan negara mestilah dilaksanakan dalam fasa pengajaran dan pembelajaran setiap guru secara bersepadu dengan berpaksikan unsur kerohanian kearah pembangunan insan seperti yang dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996). Malah, menurut Kim Suh dan Traiger (1999), dalam pengajaran guru proses penerapan nilai amat penting secara berterusan kerana terdapat beberapa komponen yang jelas menunjukkan keperluan dan kepentingannya kepada pembangunan pelajar.

Berdasarkan penganalisan peranan yang dimainkan oleh guru-guru bagi melahirkan pelajar yang menyeluruh dan bersepadu, didapati guru-guru memainkan peranan yang sangat penting sebagai penggerak utama dalam memastikan kejayaan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996) dan KSPK. Oleh yang demikian, dalam memungkinkan kejayaan proses penerapan nilai murni dalam pengajaran





merentasi Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, guru-guru prasekolah harus mempunyai kesedaran dan kesediaan dalam melaksanakan penerapan nilai murni berpaksikan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

2.8 Kajian Luar Negara

Kajian berkaitan nilai dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak masih kurang dijalankan. Kebanyakan kajian tertumpu kepada kepentingan nilai-nilai yang berkaitan dengan profesion tertentu, membincangkan kaedah-kaedah pengajaran yang berkesan bagi tujuan penerapan nilai dalam mata pelajaran seperti perakaunan, matematik, sains dan sastera, kepentingan nilai kepada pembangunan diri pelajar, keberkesanan model pembangunan moral dalam membangunkan diri pelajar.

Pendidikan dan sistem persekolahan dilihat sebagai satu medium bagi menyediakan ruang untuk mempelajari mengenai nilai murni dan moral. Kajian yang dijalankan oleh Kaur (2015) adalah untuk mencari jawapan kepada persoalan siapakah yang bertanggungjawab dalam memberikan pendidikan nilai dan moral kepada kanak-kanak. Hasil kajian menunjukkan bahawa sekolah sememangnya mempunyai peranan yang besar dalam menyediakan pendidikan moral kepada masyarakat yang mempunyai kebudayaan yang pelbagai. Walaubagaimanapun, peranan dalam menyampaikan nilai dan pendidikan moral ini berkembang dari masa ke semasa dan cara penerapan nilai dan moral tidak lagi memenuhi harapan dan aspirasi semua pihak yang berkepentingan. Dalam menerapkan nilai dan pendidikan moral, Kaur menyatakan bahawa sistem di sekolah perlu dibuat penambahbaikan dan





memerlukan kerjasama dengan pihak ibu bapa, pemantau, organisasi bukan kerajaan untuk membangunkan semula pendekatan warisan dan kebudayaan yang mempunyai signifikan dalam program pendidikan nilai dan moral.

Dalam pada itu, pengajaran mengenai nilai dan moral ini perlu bermula dari peringkat pendidikan awal kanak-kanak lagi. Johansson, Brownlee, Cobb-Mooe, Boulton-Lewis, Walker dan Allwood (2011) menjalankan satu kajian dalam mengenal pasti amalan pengajaran yang menggambarkan kepentingan nilai-nilai murni dalam kalangan guru prasekolah di Australia. Seramai 379 guru prasekolah terlibat bagi mengkaji kefahaman guru dalam pedagogi pendidikan nilai dan moral. Hasil kajian mendapati bahawa pendekatan yang paling kerap digunakan oleh guru dalam menunjukkan kepentingan pendidikan nilai dan moral adalah dengan melibatkan murid prasekolah di dalam aktiviti moral. Aktiviti yang dinyatakan adalah seperti terlibat dalam perbincangan atau main peranan. Melalui aktiviti ini guru ingin murid untuk memahami perasaan orang lain yang mana apabila mereka dalam keadaan yang memerlukan bantuan dan keperluan. Selain itu guru turut mengajarkan kepada murid amalan-amalan yang mempamerkan nilai-nilai murni.

Pengajaran merupakan aktiviti moral di mana guru perlu mengambil kira kerumitan etika pengajaran dan kesan moral mereka terhadap murid. Hal ini menjelaskan mengenai keperluan untuk guru mendalami kepentingan nilai murni. Kajian Thornberg dan Oguz (2013) ke atas 52 orang guru dari Sweden dan Turkey yang ditemu bual adalah untuk mendapatkan pendapat mereka mengenai pendidikan nilai murni. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pendidikan nilai merupakan kepatuhan kepada norma dan nilai-nilai sosial dari perspektif guru. Oleh yang





demikian matlamat pembelajaran pendidikan nilai adalah bagaimana untuk berdepan dengan orang lain dengan cara yang bersopan dan juga mengenai tanggungjawab diri. Berdasarkan pemahaman ini pendekatan yang digunakan guru dalam pengajaran bukanlah sesuatu pendekatan kritikal. Dalam mengajarkan nilai murni guru menggunakan pendekatan dengan menjadikan diri mereka sebagai role model melalui interaksi dengan murid dan bahasa yang digunakan dalam komunikasi antara guru dan murid.

Kajian Palmadottir dan Johansson (2015) pula adalah untuk meneroka bagaimana kanak-kanak berumur antara satu hingga tiga tahun berkomunikasi dan mengutamakan nilai-nilai murni dalam usaha untuk menjadi dan mewujudkan kehidupan bermasyarakat semasa sesi bermain di prasekolah Iceland. Kajian ini turut melihat seandainya terdapat konflik yang berlaku semasa kanak-kanak bermain dan bagaimana mereka menyelesaikannya. Hasil kajian menunjukkan bahawa tiga kategori utama dalam menggambarkan nilai-nilai yang diutamakan oleh kanak-kanak iaiti nilai pemilikan mainan, nilai kesejahteraan orang lain dan nilai yang dimiliki oleh masyarakat. Selain itu dapatan juga menunjukkan bahawa bermain merupakan arena yang penting untuk pembelajaran nilai kanak-kanak. Berdasarkan dapatan kajian guru perlu menerapkan nilai-nilai murni yang lazim dan mempunyai keutamaan dan bagaimana nilai-nilai perlu difahami oleh kanak-kanak. Malahan adalah penting untuk pendidik mengakui komunikasi lisan dan gerak tubuh antara kanak-kanak mempunyai nilai-nilai murni yang tertanam di dalam proses tersebut.

Manakala kajian yang dijalankan oleh Ulavere dan Veisson (2015) adalah untuk menyediakan senarai awal nilai-nilai dan aktiviti pembelajaran nilai yang





dirasakan penting oleh pengetua, guru dan ibu bapa yang diperlu dilaksanakan oleh institusi penjagaan kanak-kanak. Seramai 978 responden dari daerah Estonia telah terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan hasil dapatan kajian pihak pengetua mengatakan bahawa nilai murni yang perlu diajarkan kepada kanak-kanak adalah nilai harga diri, nilai daya cipta dan nilai *humor*. Manakala pihak guru mencadangkan nilai kesabaran adalah nilai yang penting untuk diajarkan. Berbeza dengan pihak pengetua dan guru, pihak ibu bapa berpendapat nilai yang perlu diterapkan adalah nilai keyakinan dan nilai komitmen kerana ianya adalah penting bagi mendapatkan pendidikan yang baik.

Kanak-kanak secara fitrahnya mempunyai hati bersih dan penilaian mereka mengenai sesuatu lazimnya adalah datang dari pemikiran dan hati mereka. Gunindi (2015) mengkaji persepsi kanak-kanak prasekolah mengenai nilai kasih sayang berdasarkan lukisan mereka. Seramai 199 kanak-kanak diminta melukiskan gambar yang berkaitan dengan nilai kasih sayang dan perlu menerangkan mengenai lukisan tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak secara umumnya menggambarkan nilai kasih sayang melalui lukisan manusia seperti ahli keluarga dan rakan, haiwan seperti ramai-rama dan anjing, tumbuh-tumbuhan dan imej yang gembira seperti hati, belon dan bola. Kanak-kanak dilihat cenderung untuk menampilkan orang dan objek yang terdapat di persekitaran mereka dalam menggambarkan nilai kasih sayang.

Nilai murni dilihat sebagai benteng untuk mencegah gejala sosial yang semakin meruncing dan meningkat disebabkan oleh modenisme dan globalisasi (Ojukwu & Esimone, 2014). Satu kajian dilakukan bagi menerapkan nilai-nilai dalam





kalangan murid sekolah menengah melalui muzik rakyat Igbo di Nigeria. Muzik digunakan sebagai medium menerapkan nilai-nilai dan kebudayaan kerana muzik merupakan sebahagian daripada budaya Igbo dan ia memainkan peranan yang sangat penting dalam setiap aspek kehidupan tradisinal Igbo. Hasil dapatan menunjukkan melalui penggunaan lagu rakyat, nilai-nilai murni dapat disematkan dalam diri murid-murid. Namun, galakkan dan peluang untuk mereka melibatkan diri dengan kebudayaan masyarakat Igbo perlu ditingkatkan.

Dalam menerapkan nilai murni kepada murid, Bhardwaj, Tyagi dan Ameta (2015) melihat aspek ini dengan menganalisis kaedah-kaedah yang digunakan oleh guru bagi menerapkan nilai pengajaran. Buku teks Inggeris digunakan dan nilai-nilai di dalamnya cuba diterapkan kepada murid-murid. Melalui hasil temubual dengan guru, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa strategi yang digunakan guru tidak dapat menerapkan nilai-nilai murni secara berkesan kerana kurang latihan perguruan dan tidak menepati gaya pembelajaran murid sekolah menengah.

Malahan, hasil dapatan juga mendapati guru mengakui ketidakupayaan mereka dalam mempelbagaikan strategi-strategi pengajaran bagi tujuan menerapkan nilai atas sebab beban kerja. Bhardwaj et al., (2015) juga menyatakan bahawa kelemahan sekolah dalam menumpukan pengajaran kepada nilai-nilai tertentu mengikut peringkat pendidika juga merupakan salah satu faktor nilai-nilai murni tidak dapat diterapkan dengan berkesan.





Dalam satu kajian ke atas 40,000 orang remaja di Amerika Syarikat mendapati bahawa 80% daripada responden kajian menyatakan bahawa ibubapa mereka tidak menerapkan nilai-nilai murni di rumah dan mereka percaya penerapan nilai adalah tanggungjawab pihak sekolah. Selain daripada itu, hampir separuh daripada responden berpandangan adalah terlalu lewat sekiranya nilai-nilai murni baru diajar di peringkat remaja. Sebaliknya, mereka berpendapat nilai-nilai murni wajar diterapkan di peringkat prasekolah lagi (Kim Suh & Traiger, 1999).

Di antara kajian luar negara yang berkaitan dengan Pendidikan Awal Kanak-kanak ialah kajian yang telah dijalankan oleh Zachrisen (2014), yang mengkaji tentang komunikasi di antara guru dan kanak-kanak ketika sesi bermain. Kajian ini melibatkan sampel yang terdiri daripada enam kumpulan kanak-kanak yang berumur 1-3 tahun di 6 daerah di Norway. Hasil pemerhatian mendapati, kebanyakan kanak-kanak tidak menghiraukan nilai-nilai murni yang disampaikan oleh guru, sebaliknya mereka lebih mementingkan matlamat mereka untuk mendominasi permainan tanpa menghiraukan rakan-rakan yang lain.

Selain mengkaji mengenai kaedah penerapan nilai dan amalan, terdapat juga kajian yang meneroka kepentingan nilai-nilai murni diaplikasikan dalam pembelajaran. Sari (2013) mengkaji mengenai kepentingan nilai-nilai murni diajarkan di dalam kelas, kaedah yang digunakan untuk menerapkan nilai-nilai murni dan kesan penerapan nilai murni kepada murid. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan guru mengakui nilai murni merupakan aspek penting dalam kehidupan dan melaluinya murid dapat membezakan di antara perkara yang baik dan tidak baik. Malahan, nilai murni amat mempengaruhi tingkah laku murid dan nilai murni sememangnya terdapat





dalam kandungan kokurikulum di Indonesia. Strategi yang digunakan dalam menerapkan nilai kepada murid adalah dengan mengadakan kem-kem kepimpinan, melalui perhimpunan mingguan dan dengan bersembahyang Dhuha secara berjemaah.

Bagi menerapkan nilai-nilai murni di sekolah, guru bukan sahaja perlu mempunyai pengetahuan mengenai nilai-nilai murni, bahkan perlu mempunyai kemahiran tertentu. Oleh sebab ini, Megler dan Spooner-Lane (2012) mengkaji keperluan guru pelatih dari perspektif guru-guru yang berpengalaman. Kajian mereka menunjukkan bahawa guru-guru pelatih tidak mengubah cara pengajaran mereka dalam meningkatkan kemahiran mereka dalam mengajarkan nilai-nilai murni. Guru-guru yang sedang berkhidmat menyatakan bahawa guru pelatih memerlukan kemahiran bagi mengajarkan nilai-nilai secara berkesan. Para guru juga berpendapat guru pelatih perlu memberikan komitmen yang berterusan dalam mengajarkan nilai, menilai secara kritikal dan meningkatkan kemahiran bersoal jawab dengan murid. Oleh itu, perlunya ada perubahan dalam pendidikan guru pelatih agar pendidikan nilai dapat diajarkan secara berkesan.

Kajian Njoku (2015) pula adalah menumpukan kepada pembentukan sahsiah belia di Nigeria melalui pengajaran nilai moral, di mana kajian ini bertujuan untuk mengetahui sama ada objektif pengajaran mampu membantu pemahaman golongan belia. Hasil dapatan mendapati bahawa objektif pengajaran nilai moral cukup kaya dengan amalan dan tabiat yang baik dalam memupuk nilai-nilai murni kepada murid-murid di sekolah. Malah kandungan pendidikan nilai moral itu sendiri sekiranya





diamalkan mampu mengukuhkan kedudukan belia serta pembangunan sosial secara berkesan.

Di antara kajian luar negara yang berkaitan dengan Pendidikan Awal Kanak-kanak ialah kajian yang dilakukan oleh Willemse, Lunenberg dan Korthagen (2008). Kajian dijalankan terhadap 54 orang pensyarah di institusi perguruan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendidik haruslah bertanggungjawab menjaga jati diri dan tingkah laku masing-masing ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Hal ini kerana guru adalah model kepada pelajar. Dapatan ini selari dengan kajian yang dibuat oleh Abdul Salam Yusoff (2010) yang menyatakan bahawa kanak-kanak dapat mempelajari sesuatu nilai apabila contoh teladan atau model yang baik ditunjukkan kepada mereka dan secara tidak langsung mereka berpeluang mempraktikkan tingkah laku tersebut. Al-Ghazali juga ada menjelaskan bahawa keperibadian seseorang pendidik akan dapat dicontohi dan diikuti oleh murid-murid secara langsung atau tidak langsung.

Tatalovic Vorkapic & Vujcic (2013) melakukan kajian terhadap para guru tadika untuk mengenalpasti kepentingan subjek *Positive Psychology* diterapkan ke dalam silibus pengajian mereka. Hasil kajian menunjukkan guru-guru bersetuju agar subjek berkenaan didedahkan kepada mereka sebagai panduan untuk mereka ketika berhadapan dengan kanak-kanak.

Kajian Joseph (2003) mengkaji tentang penggunaan konsep imaginasi moral sebagai rujukan untuk memahami dan menilai pembangunan pelajar serta sebagai rangka kerja untuk menerapkan dimensi-dimensi moral ke dalam pendidikan guru. Konsep-konsep imaginasi moral dalam pengajaran yang diperkenalkan ialah persepsi,





rasional, refleksi, emosi, dan juga prihatin. Dapatan kajian beliau jelas membuktikan bahawa konsep imaginasi moral boleh digunakan sebagai panduan untuk menerapkan nilai moral dalam kalangan pelajar.

Sementara Lu & Gao (2004) pula telah mengkaji keberkesanan pembubaran kurikulum Pendidikan Moral baharu sekolah rendah di negara Cina. Hasil kajian mendapati, kurikulum yang baharu diperkenalkan adalah bersifat sebenar, berpusatkan pelajar serta mempunyai asas teori yang kukuh. Namun begitu, lebih banyak perhatian perlu diberikan lagi bagi menambah keberkesanan pelaksanaan kurikulum baru tersebut seperti memperbanyakkan kursus latihan untuk guru dan juga kajian lanjutan yang berkaitan.



Kajian yang dijalankan oleh Lovell (1997) bertujuan mengkaji keberkesanan penggunaan kerangka analitikal Model Pembangunan Moral Kohlberg (1973) terhadap pembangunan dan perkembangan moral pelajar-pelajar perakaunan. Kajian menyatakan bahawa kerangka ini yang terdiri daripada enam peringkat boleh digunakan sebagai satu alatan pedagogi dalam pengajaran kurikulum Pendidikan Perakaunan. Kajian merumuskan bahawa penerapan moral dan tingkah laku pelajar perakaunan hanyalah pada tahap rendah dalam kerangka pembangunan moral Kohlberg.

Veugelers (1998) telah mengkaji pelaksanaan penerapan nilai murni dalam pengajaran guru sekolah menengah. Kajian ini turut mengemukakan model "Pengajaran dan Pembelajaran Nilai" bagi tujuan penerapan nilai di bilik darjah. Kajian mendapati guru-guru bukan sahaja membimbing pelajar dari aspek intelek





namun secara langsung dan tidak langsung turut menerapkan nilai di dalam pengajaran mereka.

Kajian yang dilakukan oleh Cheek dan Parker (1993) bertujuan mengenal pasti keberkesanan menerapkan nilai kejujuran secara implisit berbanding secara implisit dan eksplisit di peringkat prasekolah. Kajian merumuskan bahawa kombinasi kaedah penerapan nilai secara implisit dan eksplisit adalah lebih efektif bagi menerapkan nilai kejujuran kepada pelajar berbanding penggunaan kaedah implisit sahaja. Seterusnya, Cheek & Parker (1994) mendapati kebanyakan guru tidak mengetahui bahawa kaedah penerapan nilai secara langsung adalah lebih berjaya dan berkesan berbanding kaedah tidak langsung.



Kajian Bishop (2002) dilakukan terhadap guru Matematik berkenaan pandangan mereka berkaitan nilai-nilai yang mereka terapkan di dalam pengajaran Matematik. Dalam kebanyakan kes, guru-guru Matematik tidak menyedari tentang nilai-nilai yang wujud dalam mata pelajaran ini dan kebanyakan mereka tidak menyedari bahawa secara tidak langsung mereka telah menerapkan nilai dalam pengajaran mereka. Beliau turut mengemukakan permasalahan utama pelaksanaan penerapan nilai dalam pengajaran Matematik merupakan kekurangan dari aspek bahan-bahan pengajaran dan pedagogi. Justeru, kajian ini menyarankan supaya isu-isu nilai diberi perhatian yang lebih khusus dan mendalam dengan memfokuskan kepada aspek pengajaran guru.



Kajian Fernandes (1999) mengkaji peranan yang dimainkan oleh pihak kolej dan universiti dalam menyediakan guru-guru pelatih berkebolehan untuk menerapkan nilai dalam pengajaran mereka. Kajian juga ingin mengenal pasti kaedah dan pendekatan pengajaran yang paling efektif yang boleh digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran guru. Kajian menyimpulkan bahawa guru-guru pelatih harus diberikan tunjuk ajar dan motivasi untuk menyediakan diri mereka dengan kebolehan menerapkan nilai. Guru-guru yang memiliki nilai-nilai yang baik dan positif boleh menjadi *role model* dan pembimbing kepada pelajar.

Di Amerika Syarikat, kesedaran tentang pentingnya nilai ketuhanan/tauhid (*cardinal values*) dalam pendidikan mula dirasakan perlu dalam tahun 1977 lagi. Hal ini amat dirasakan manifestasi daripada para belia yang dihantui oleh budaya materialistik dan gejala keruntuhan moral akibat kelemahan kurikulum (Musak, 1988).

Pendidikan nilai juga boleh dikaitkan dengan kecerdasan kerohanian (*spiritual intelligence*) yang boleh membantu meningkatkan motivasi pelajar di samping mengurangkan kebosanan mereka akibat daripada sistem pendidikan yang terlampau mementingkan kecerdasan mental (Teo, 2002). Kajian yang dibuat oleh Teo (2002) menunjukkan bahawa pelajar-pelajar di Singapura menghadapi masalah kebosanan akibat dari sistem pendidikan yang terlampau mementingkan keupayaan intelek (pencapaian akademik). Keadaan ini menyebabkan perkembangan dimensi insaniah lain, khususnya kerohanian terabai. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Pendidikan Singapura telah menghasilkan satu dokumen rasmi *the desired outcomes of education* bagi memastikan perkembangan pelajar yang holistik.

Al-Hooli dan Al-Shammari (2009) pula telah menjalankan kajian ke atas 600 orang kanak-kanak dan 11 orang guru di Kuwait. Mereka mendapati lebih daripada separuh kanak-kanak yang terlibat dalam kajian tersebut menunjukkan pengamalan nilai murni yang tinggi. Antara nilai-nilai murni yang diamalkan oleh kanak-kanak adalah kebenaran, kejujuran, berterima kasih, kesetiaan, keadilan, murah hati dan kesabaran. Mereka juga menyarankan agar guru-guru harus memberikan tumpuan terhadap isu-isu yang berlaku ketika sesi pembelajaran berjalan seperti pergaduhan kecil di antara kanak-kanak.

Bagi kebanyakan negara-negara ASEAN pula, pendidikan nilai diberi penekanan dalam sistem persekolahan bertujuan untuk membantu perkembangan individu dan jati diri. Juga merangkumi nilai-nilai lain seperti keluhuran nilai kemanusiaan (*upholding human dignity*), penghormatan diri (*self-respect*) dan *self-actualization* melalui pegangan agama, aspirasi dan ideologi kebangsaan (*Synthesis of Country Report 1994*).

Di Thailand, pendidikan nilai diberi perhatian bagi menangani masalah keruntuhan moral dan kegilaan kebendaan yang sejajar dengan perkembangan ekonomi sementara kepesatan pembangunan di Hong Kong dan Mexico pula meningkatkan keprihatinan para pendidiknya ke arah memantapkan pendidikan nilai. Manakala di New Zealand pula, pendidikan nilai diberi perhatian ekoran meningkatnya masalah sosial seperti murid sekolah rendah terlibat dengan salah laku seksual, remaja mengandung luar nikah, belia membunuh diri dan jenayah berat (Taplin, 2002).

Berdasarkan tinjauan terhadap kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya di luar negara, dapatlah disimpulkan bahawa aspek yang banyak dikaji oleh pengkaji-pengkaji lepas adalah aspek kepentingan nilai kepada pembangunan dan jati diri pelajar, keberkesanan kurikulum baharu, pelaksanaan penerapan nilai murni dalam pengajaran guru sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi, keberkesanan kaedah penerapan nilai secara langsung, pandangan guru Matematik berkaitan nilai murni dan kaedah-kaedah pengajaran yang paling efektif bagi tujuan penerapan nilai semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran guru di bilik darjah.

Kajian berkaitan amalan nilai murni dalam kalangan pendidik Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Malaysia masih kurang menyebabkan pengkaji kekurangan maklumat berkenaan isu-isu nilai dan etika dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Walau bagaimanapun, kajian-kajian dalam bidang lain yang telah dijalankan ini mempunyai tujuan yang hampir sama untuk dicapai iaitu perkembangan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek dan akhlak. Hal ini kerana pada peringkat awal kanak-kanak, mereka sesuai diajar untuk mengenali nilai-nilai murni yang ada di dalam diri mereka (Mohamad Khairi & Asmawati, 2010). Berikut dikemukakan kajian yang dapat dikaitkan dengan kajian penerapan nilai yang dijalankan.



Di antara kajian yang berkaitan dengan Pendidikan Awal Kanak-kanak di dalam negara ialah kajian yang telah dibuat oleh Latifah et al., (2012) bertajuk "Penerapan Nilai Murni dan Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak Prasekolah Melalui Penggunaan Multimedia". Pelbagai kaedah dan pedagogi pengajaran seperti penggunaan multimedia boleh diaplikasikan oleh para guru melalui pendekatan yang pelbagai untuk menerapkan nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajiannya mendapati bahawa perisian bahan multimedia terhadap pendidikan kanak-kanak prasekolah era kini dapat memberi kesan positif dalam proses penerapan nilai murni dalam membentuk jati diri kanak-kanak prasekolah seperti sayangkan keluarga, sayangkan rakan-rakan dan sebagainya. Selain daripada itu, Muhammad Rasyid (2009) juga menyarankan penggunaan bahan-bahan multimedia wajar digunakan sebagai medium untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam diri kanak-kanak. Hal ini selari dengan kajian Mohd Sharani & Mohamad Ibrani (2003) yang mendapati persekitaran pembelajaran berbantuan komputer untuk kanak-kanak prasekolah mampu meningkatkan interaksi kolaboratif sesama mereka seperti sikap saling membantu dan bertanggungjawab.

Terdapat beberapa kajian lepas yang menghubungkan pembentukan jati diri seseorang dengan bahan bacaan. Antaranya ialah Nurhayati dan A. Mohd Azwan (2005) serta 'Ulwan (1998) yang menyatakan bahawa bahan bacaan mampu menanamkan nilai positif pada diri kanak-kanak. Selain daripada itu, kajian yang dibuat oleh Mohd Firdaus & Normaliza (2014) mendapati bahawa cerita rakyat seperti yang terdapat di dalam Buku Koleksi Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia dapat membentuk nilai murni dalam diri kanak-kanak. Cerita-cerita Rakyat yang terdapat dalam buku ini mampu menerapkan nilai-nilai murni seperti hormat-





menghomati, tolong-menolong, kerajinan, bermuafakat, keberanian, kejujuran dan kasih sayang. Dapatan kajian Maisarah & Latifah (2012) adalah menunjukkan bahawa jati diri kanak-kanak boleh dibentuk melalui bahan bacaan yang mengandungi nilai-nilai murni yang juga menggunakan bahasa yang bersesuaian. Hal ini kerana bahasa adalah berkaitan dengan nilai murni dalam melahirkan individu yang bersopan santun dan berbudi bahasa, di mana penggunaan bahasa yang kurang sesuai juga mampu memberi kesan pada pembentukan akhlak seseorang. Kesimpulannya, segala aspek yang terkandung dalam bahan bacaan sama ada ilustrasi, penampilan, watak, tema dan gambaran sahsiah seseorang akan memberikan kesan terhadap proses pembentukan jati diri kanak-kanak itu sendiri.

Latifah (2012) juga telah menjalankan kajian berkaitan dengan meningkatkan perkembangan kecerdasan moral kanak-kanak prasekolah dengan menggunakan cerita-cerita dongeng yang mengandungi unsur-unsur nilai moral di dalamnya. Kajian tersebut dijalankan terhadap kanak-kanak berusia lima tahun yang diletakkan dalam kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Setiap kumpulan mengandungi 17 orang kanak-kanak yang terdiri daripada 8 orang lelaki dan 9 orang perempuan. Dapatan kajian menunjukkan melalui kaedah penceritaan cerita dongeng telah dapat meningkatkan kecerdasan moral kanak-kanak prasekolah. Zainab (2012) pula mendapati bahawa penerapan nilai murni menggunakan medium cerita bergambar juga berkesan terhadap kanak-kanak prasekolah. Teknik bercerita dengan menggunakan bahan bacaan yang berunsurkan nilai murni ketika sesi pengajaran dan pembelajaran adalah disarankan kepada guru-guru prasekolah. Nurazmi (2008) juga ada menjelaskan bahawa kanak-kanak memperoleh pengalaman, bertukar-tukar pengetahuan, nilai dan sikap melalui sesuatu cerita yang dibaca. Beliau menegaskan





bahawa kanak-kanak dapat mengaplikasikan sesuatu nilai murni berdasarkan gambaran terperinci terhadap pengalaman seseorang dalam sesebuah cerita yang dibaca. Hal ini selari dengan Abdul Halim, Khadijah & Shahrin, (2010) yang menyatakan bahawa Rasulullah S.A.W. dalam menyampaikan dakwah banyak menggunakan kaedah bercerita.

Penerapan nilai murni kepada kanak-kanak perlu kepada pendekatan pelbagai dan bersesuaian. Nor Najiyah (2014) menggunakan pendekatan buku bersiri Luqman Al-Hakim dalam menerapkan nilai-nilai murni kepada murid prasekolah. Kajian berbentuk eksperimen ini adalah untuk melihat kesan penggunaan buku bersiri tersebut melalui teknik penceritaan. Tiga aspek perlakuan yang difokuskan dalam kajian ini adalah nilai beriman, bersyukur dan pembalasan. Hasil kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga perlakuan nilai ini memberikan kesan positif kepada pembentukan nilai akidah prasekolah. Oleh itu, buku bersiri Luqman Al-Hakim ini dilihat sesuai digunakan di prasekolah bagi tujuan menerapkan nilai-nilai murni.

Penemuan daripada kajian Zakiah & Aswati (2008) amat membantu meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran guru-guru prasekolah di mana mereka telah menjumpai strategi-strategi baharu dalam proses penerapan nilai murni dalam kalangan kanak-kanak. Antaranya ialah guru-guru haruslah menggunakan alat bantu mengajar yang menarik dan interaktif, memperbanyakkan aktiviti-aktiviti berkumpulan dan juga memberikan ganjaran kepada mereka yang selalu mengamalkan nilai-nilai murni yang ada.



Menurut Zakaria, Abdul Rahman, Rahil, Mohd Ibrahim & Muhamad Hassan (1994), suasana persekitaran sekolah yang kondusif juga adalah perlu bagi menggalakkan guru menerapkan nilai-nilai murni di dalam pengajaran mereka. Manakala Mohd Kamal Hassan (2009) pula berpendapat guru perlu mempunyai sahsiah yang baik untuk dicontohi dalam pembentukan sahsiah diri pelajar.

Kajian oleh Habsah (1999) bertujuan untuk mengetahui kefahaman guru tentang konsep pendidikan sepadu KBSM dalam kalangan guru dari 56 buah sekolah di Pulau Pinang, Kelantan, Selangor dan Johor. Kajian ini ingin mengetahui kefahaman guru terhadap lima aspek kesepaduan dalam KBSM, iaitu:

- (i) kesepaduan ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai dan bahasa dalam pengajaran
- (ii) kesepaduan pengalaman pembelajaran antara mata pelajaran
- (iii) kesepaduan antara teori dan amali dalam mata pelajaran
- (iv) kesepaduan di antara pengalaman dan kesan pembelajaran bilik darjah dengan aktiviti di luar bilik darjah, alam persekitaran dan pengalaman hidup seharian pelajar
- (v) kesepaduan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran

Dapatan kajian mendapati peratusan guru yang faham tentang lima aspek kesepaduan adalah tinggi. Daripada dapatan tersebut, beliau membuat kesimpulan bahawa kefahaman guru mengenai konsep pendidikan sepadu adalah penting kerana kefahaman ini mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.



Dengan yang demikian, beliau mencadangkan supaya pendedahan yang lebih luas mengenai aspek kesepaduan KBSM berkaitan dengan konsep keTuhanan, ilmu sepadu, insan seimbang dan pengintegrasian nilai-nilai murni merentasi kurikulum antara mata pelajaran diberi kepada guru-guru bertujuan meningkatkan keupayaan dan kemahiran guru dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Kajian Zakaria (1990) bertujuan untuk mengetahui usaha pensyarah-pensyarah maktab dalam menerangkan cara-cara penyisipan nilai-nilai murni dalam pengajaran. Di samping itu, kajian ini juga ingin memastikan sama ada pegawai-pegawai pendidikan, pentadbir-pentadbir dan pensyarah-pensyarah maktab bersetuju dengan cadangan supaya pensyarah menerangkan cara-cara penyisipan unsur-unsur iman dalam pengajaran. Dapatan kajian mendapati pensyarah-pensyarah maktab telah berusaha untuk menerangkan cara-cara penyisipan nilai murni dalam pengajaran walaupun mengalami masalah-masalah tertentu. Selain itu, penyisipan nilai-nilai murni merupakan suatu usaha yang boleh dilaksanakan dalam konteks sistem pendidikan negara dan usaha penyisipan nilai-nilai murni turut disetujui untuk dilaksanakan oleh pihak-pihak di atas malah kurikulum pendidikan guru turut bersesuaian dengan nilai-nilai murni yang perlu disisipkan. Sehubungan itu, kajian beliau menyarankan agar diadakan satu kajian tentang kaedah pengajaran yang boleh memperbaiki usaha pensyarah dalam menerangkan cara-cara penyisipan nilai-nilai murni dalam pengajaran mereka.

Kajian Musak (1993) bertujuan untuk mengetahui kebolehan dan pandangan guru dalam melaksanakan penerapan enam belas nilai-nilai murni dalam pengajaran dengan tujuan untuk mewujudkan insan yang baik/sempurna atau insan sejagat





sebagaimana yang dihasratkan oleh KBSM. Dapatan kajian mendapati penerapan nilai murni merupakan suatu yang dapat dilaksanakan namun memerlukan model dan teknik yang sesuai. Nilai-nilai murni juga merupakan komponen penting untuk diterapkan menerusi konsep merentas kurikulum dalam semua mata pelajaran di samping pendidikan Islam dan Moral. Sehubungan itu, hasil dapatan kajian, beliau mencadangkan agar dijalankan satu kajian tentang kaedah pengajaran yang boleh diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran guru bagi menerapkan nilai murni dengan berkesan.

Ismail dan Mustapa (1997) dalam kajian mereka bertajuk Pendidikan Nilai 3K: Satu Cadangan mengemukakan satu model penerapan nilai berdasarkan kepada kepercayaan kepada Pencipta seperti yang tersurat dalam Falsafah Pendidikan Negara

(1987). Model ini mengusulkan supaya melalui mata pelajaran yang diajar dalam bilik darjah, pelajar disemai kesedaran, kefahaman dan keyakinan (3K) tentang kewujudan dan kekuasaan Pencipta. Model ini menggabungkan ketiga-tiga domain, iaitu jasad, akal dan roh dan fasa-fasa pengajaran dan pendidikan diadakan. Tumpuan utama pendekatan model ini ialah jiwa atau roh manusia. Aktiviti-aktiviti di bidang jasad dan akal digabungkan bersama secara sepadu dalam menghidupkan jiwa atau roh individu. Proses penerapan nilai boleh dilaksanakan secara langsung dan tidak langsung. Secara langsung, guru boleh menghubungkan terus isi pelajaran dengan nilai kepercayaan kepada Tuhan yang mana dengan nilai ini akan tersemayam nilai-nilai murni yang dihajati seperti kerjasama, jujur, bersikap positif dan lain-lain seperti yang tersurat dalam Falsafah Pendidikan Negara.



Kajian ini turut membuat perbandingan dengan beberapa model penerapan nilai dalam pengajaran yang dikemukakan oleh sarjana pendidikan Barat, iaitu Banks dan Fraenkel. Hasil perbandingan mendapati model pendidikan nilai Barat lebih mengutamakan kepada aspek kognitif, afektif dan psikomotor dan mengabaikan pengisian kerohanian. Justeru, pengkaji mengusulkan agar 'Model Pendidikan Nilai 3K menjadi satu alternatif kepada proses pengajaran dan pembelajaran dalam rangka menangani cabaran bagi melangkah ke abad 21'. Pengkaji menjelaskan bahawa melalui model ini, pelajar akan menyedari kewujudan dan kekuasaan Tuhan menyebabkan akan timbul rasa takut, taat dan patuh kepada perintah Tuhan serta mendorong setiap individu melaksanakan nilai-nilai yang diperintah oleh Tuhan. Ringkasnya melalui model Pendidikan Nilai 3K, Ismail dan Mustapa (1997) berjaya mengusulkan proses pengajaran nilai berkesan bagi melahirkan insan yang seimbang

Kajian Nor Hayati (2002) adalah bertujuan untuk membentuk satu teori dan seterusnya model pengajaran dalam pendidikan Sains yang dapat memperincikan pengajaran dan pendidikan Sains KBSR, Sains KBSM dan Sains Tinggi dalam sistem pendidikan kebangsaan agar secara teorinya terdapat kemunasabahan untuk lahirnya insan sains muslim. Teori dan model dalam membentuk Model Pembangunan Insan Kamil Dalam Pengajaran Sains (PIKDPS) didasarkan kepada konsep Islam yang memberi penjelasan berhubung konsep Insan, Pendidikan Islam dan Sains Tabii Islam.



Dapatan kajian mendapati kajian ini berjaya menyumbang kepada satu usaha mengislamisasi ilmu pendidikan amnya dan pendidikan Sains, khususnya dalam konteks sistem pendidikan kebangsaan. Oleh yang demikian, Nor Hayati (2002) juga berjaya mengemukakan satu model pengajaran bagi membangun insan kamil yang dinamakan Model Pembangunan Insan Kamil Dalam Pengajaran Sains (Model PIKDPS). Selain itu, berdasarkan dapatan kajian beliau mengusulkan bahawa teori dan model PIKDPS masih boleh dikembangkan melalui kajian lain dengan membawa masuk data-data dari para ilmuwan selain Islam.

Tunku Sarah (1997) dalam kajian beliau bertajuk Model Penerapan Nilai dalam Pengajaran di IPT mengemukakan model penerapan nilai yang dipanggil Model Nukleitik, di samping Model Urutan Penerapan Nilai dan Model Kitaran.

Model yang dikemukakan oleh beliau ini menggunakan konsep pendidikan sepadu sebagai asas rangka teoritikal berteraskan iman kepada Allah SWT. Model Nukleitik ini bermula dari rasa hati insan, kemudian beralih kepada masyarakat seterusnya global. Bertitik tolak daripada iman kepada Allah SWT akan melahirkan insan yang baik kemudian dikembangkan merentasi potensi afektif, kognitif dan psikomotor. Tujuh belas nilai murni yang terdapat dalam pendidikan negara diterapkan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran pensyarah melalui proses 'input' dan 'output'.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sekiranya pensyarah atau pendidik mengikuti setiap tahap dalam Model kitaran, proses penerapan nilai akan menjadi lebih berkesan ke atas jiwa pelajar. Dapatan kajian ini menyarankan agar pensyarah juga perlu mendidik hati mereka agar berupaya menjadi pendidik yang baik dan bertanggung jawab. Hal yang demikian, kajian Tunku Sarah (1997) berjaya





mengusulkan pendekatan penanaman nilai bertitik tolak dari kebersihan hati dan memupuk rasa keimanan kepada Allah SWT terutama bagi seorang pendidik yang bertanggungjawab mendidik pelajar sebagai titik penggerak kepada proses pembangunan insan.

Mohd Arip (2000) dalam tesisnya bertajuk Pemantapan Akidah Menerusi Penghayatan Sains dalam Al-Quran (PASAK) dibuat untuk mengenal pasti kaedah terbaik untuk membangunkan akhlak pelajar. Beliau menggunakan model PASAK yang dibangunkan sendiri menerusi pembinaan akidah. Dapatan kajian ini mendapati model PASAK lebih menarik minat pelajar mendalami pendidikan agama dan menimbulkan kesedaran yang lebih tinggi terhadap pendidikan kerohanian.



Mohammad Natsir dalam pendidikan menjelaskan tentang kedudukan yang tertinggi dalam sistem pendidikan harus didasari kepada asas kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Muhammad Natsir meletakkan paradigma tauhid, iaitu mengesakan Allah sebagai kedudukan tertinggi kerana sumber ilmu adalah daripada Allah. Tauhid haruslah menjadi asas dalam setiap perjalanan kehidupan insan. Apabila memiliki tauhid yang kukuh, manusia akan memiliki akhlak dan akidah yang mulia dan sentiasa berada di landasan yang betul kerana akal manusia akan berfikir berteraskan akidah yang kukuh. Justeru, dapatan kajian mengesyorkan sistem pendidikan negara harus didasari asas kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan untuk melahirkan generasi berakhlak mulia.





Kajian-kajian dalam negara berkaitan penerapan nilai murni dalam pengajaran turut dilakukan antaranya kajian Rosnani (1997), Adnan (1993) dan Misran (1997) yang mendapati penerapan nilai murni dalam bilik darjah amat perlu dilaksanakan bagi melahirkan pelajar yang bersepadu dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Kajian oleh Rosnani (1997) mendapati bahawa guru menghadapi masalah dalam melaksanakan proses penerapan nilai murni terutama sekali mereka yang mengajar disiplin ilmu yang bersifat pasti seperti matematik dan perakaunan. Ini menunjukkan kurangnya kefahaman para pendidik dalam melaksanakan kesepaduan ilmu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, semua pihak termasuk guru-guru harus disedarkan tentang kepentingan penerapan nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana melalui kesedaran ini guru-guru akan merasai kepentingan penerapan nilai seterusnya akan berusaha untuk memahami kesepaduan ilmu serta mengamalkannya dalam fasa pengajaran mereka. Seterusnya mereka akan menghayati falsafah yang terkandung di dalam FPN yang menekankan perkembangan potensi manusia berasaskan keseimbangan unsur-unsur jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Walaupun guru-guru menunjukkan kurang kefahaman dalam subjek bersifat pasti seperti Matematik dan Perakaunan namun dalam kajian Adnan (1993), mendapati guru-guru berjaya mengaitkan Matematik dengan nilai murni. Kajian beliau dijalankan di lapan buah sekolah menengah terhadap 25 orang pelajar lelaki dan 25 orang pelajar perempuan di sekitar bandar pelbagai kaum, jantina dan tempat tinggal. Kajian bertujuan untuk melihat kesan pengajaran Matematik KBSM dan menentukan sama ada guru mengajar mengikut kehendak KBSM. Hasil kajian mendapati 85% pelajar menyatakan guru mengaitkan Matematik dengan nilai murni. Kajian juga menunjukkan hampir semua pelajar bersikap berhati-hati dalam





menyelesaikan masalah Matematik dan mempercayai meniru jawapan pelajar lain adalah amalan yang tidak baik. Sebahagian besar pelajar berpendapat kerjasama adalah penting untuk menyelesaikan kerja rumah Matematik terutama dalam kalangan pelajar berprestasi rendah. Seterusnya mereka sentiasa bersyukur kepada Tuhan apabila mereka mendapat markah yang tinggi. Dapatan kajian ini mendapati penerapan nilai murni dapat membentuk peribadi pelajar dengan akhlak yang mulia.

Pendidikan sastera turut memberi sumbangan kepada pembangunan modal insan. Perkara ini dibuktikan melalui kajian Misran (1997) ke atas 1093 orang pelajar sekolah menengah tingkatan lima untuk melihat sumbangan pendidikan sastera terhadap pembangunan modal insan melalui teks 'Mereka yang Tertewas'. Dapatan kajian mendapati seramai 64.3% etnik Melayu cenderung ke arah positif berbanding etnik bukan Melayu seramai 47.2%. Kecenderungan yang positif bagi etnik Melayu kerana mereka dapat memahami teks novel yang dibaca mempunyai unsur-unsur kebaikan seperti sikap toleransi, sedia berkorban, tidak mementingkan diri sendiri sedangkan etnik bukan Melayu masih tidak pasti sama ada teks yang dibaca dapat dijadikan alat membangunkan diri seorang insan. Perbezaan dari segi etnik ini disebabkan etnik Melayu ini lebih memahami nilai melalui agama Islam. Kajian yang sama melihat kecenderungan antara jantina dengan pembangunan insan. Hasil kajian mendapati kedua kategori jantina lelaki dan perempuan menunjukkan sikap yang positif. Ini menunjukkan perbezaan jantina tidak mempengaruhi pandangan berkenaan nilai untuk pembangunan modal insan. Dapatan kajian mendapati faktor etnik dan agama dapat dikaitkan dengan kesedaran, amalan dan kepercayaan guru dalam bilik darjah.



Kajian berkaitan pendidikan sepadu mendapati guru-guru berpandangan bahawa pelaksanaan pendidikan sepadu amat penting dalam konteks sistem pendidikan negara. Ini dibuktikan melalui kajian Tokijan dan Abdullah (1993) dilakukan terhadap 59 orang guru Geografi di sekolah-sekolah sekitar Batu Pahat dan Pontian, Johor. Kajian dijalankan untuk mengetahui persepsi guru-guru Geografi terhadap pendidikan sepadu dan penerapan nilai murni. Guru-guru tersebut telah mengikuti kursus orientasi KBSM serta mengajar kelas tingkatan satu dan dua.

Hasil kajian mendapati lebih dua per tiga responden memahami dan bersetuju dengan kenyataan-kenyataan mengenai prinsip pendidikan sepadu dan berpandangan bahawa pendidikan sepadu penting untuk dilaksanakan dan berpendapat bahawa pendidikan memang mempunyai hubungan yang rapat dengan penerapan nilai-nilai

murni. Guru-guru juga menyatakan bahawa kursus-kursus orientasi dan kursus-kursus pengukuhan dalam KBSM meninggalkan kesan yang mendalam kepada mereka. Kajian ini turut mendapati guru-guru bukan Islam sukar melaksanakan penerapan nilai-nilai murni dalam KBSM. Ini kerana mereka kurang pasti dengan kebenaran kenyataan tersebut. Pada pandangan sebahagian daripada mereka, guru-guru bukan Islam agak sukar melaksanakan penerapan nilai-nilai murni kerana kurang memahami dan mendalami aspek-aspek nilai terutamanya yang berkaitan dengan nilai-nilai Islam. Ini membuktikan perbezaan agama dalam kalangan guru menyebabkan perbezaan pandangan seterusnya mempengaruhi tahap kesedaran dan integrasi dalam penerapan nilai-nilai murni.



Kajian oleh Hassan (1993) ke atas 253 orang guru di empat buah daerah di negeri Perak berkenaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam kurikulum Sejarah KBSM. Dapatan kajian mendapati guru tidak dapat menggunakan sepenuhnya apa yang didapati dari kursus orientasi Sejarah KBSM dalam pengajaran mereka. Di samping itu, guru-guru mempunyai masalah dalam mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran seperti inkuiri penemuan sejarah, kajian kes, lawatan serta drama sejarah, iaitu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar seperti yang ditekankan dalam KBSM. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa gaya pengajaran guru tersebut mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar. Justeru, pengkaji berpendapat faktor penyertaan dalam kursus orientasi KBSM turut memberi kesan kepada kesedaran guru terhadap penerapan nilai murni dalam fasa pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran KBSM.



Kajian Nor Azizah dan Shamsiah (1993) di enam buah sekolah menengah di ibu kota Kuala Lumpur termasuk tiga buah sekolah berasrama penuh melibatkan 180 orang pelajar tingkatan satu dan dua serta 18 orang guru Sains. Kajian bertujuan untuk mengetahui aktiviti pengajaran guru dan pengalaman mereka berkaitan pelaksanaan penerapan nilai murni menggunakan teknik pemerhatian dan temu bual. Dapatan kajian mendapati 95.5% guru yang menjalankan tugas pengajaran Sains mencuba dan menekankan nilai-nilai murni seperti kebersihan, kerajinan dan kejujuran dalam pengajaran mereka, 55% guru mengaitkan pengalaman mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini menunjukkan faktor-faktor pengalaman guru ataupun tempoh perkhidmatan memberi impak terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.





Muhd Nor (1994) dalam kajiannya berkaitan sikap guru terhadap pelaksanaan perubahan kurikulum Geografi KBSM. Kajian mendapati sikap guru berbeza mengikut pembolehubah umur, tempoh perkhidmatan serta pengalaman mengajar dan kelayakan akademik. Guru yang berusia kurang daripada 35 tahun mempunyai sikap yang lebih positif berbanding guru-guru yang berumur lebih 35 tahun. Guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada 10 tahun mempunyai sikap yang lebih positif berbanding guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih 10 tahun. Manakala dari segi kelayakan akademik, guru siswazah mempunyai sikap yang lebih positif berbanding guru bukan siswazah terhadap pelaksanaan perubahan kurikulum Geografi. Berdasarkan dapatan kajian ini pengkaji berpendapat faktor umur, kelayakan akademik dan pengalaman mengajar/tempoh perkhidmatan mempengaruhi kesedaran serta amalan guru untuk melaksanakan penerapan nilai dalam fasa pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran KBSM.



Kajian oleh Abdul Shatar (2007) pula adalah untuk menghuraikan pengetahuan pedagogikal kandungan guru Pendidikan Moral Tingkatan Empat di sebuah sekolah ke arah pembinaan model insan menyeluruh. Dapatan kajian menunjukkan pengetahuan peserta kajian tentang konsep-konsep moral, nilai, isi pelajaran dan hasil pembelajaran kurang selaras dengan HSP Pendidikan Moral Tingkatan Empat semakan semula. Guru didapati keliru antara nilai dan tajuk pengajaran yang mempengaruhi isi pelajaran dan hasil pembelajaran. Hasil kajian juga mendapati peserta kajian hanya menggunakan pendekatan pemupukan nilai serta teknik pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru. Tumpuan pengajaran pula lebih berorientasikan peperiksaan dan kurang memberi penekanan kepada dimensi moral secara seimbang. Implikasinya, pembinaan Model Insan Menyeluruh tidak



dapat direalisasikan dan tinggal hanya sebagai retorik. Oleh itu, amat perlu diwujudkan keselarasan antara perubahan atau semakan kurikulum dengan memberi pendedahan kepada semua guru yang terlibat dalam kedua-dua domain pengetahuan iaitu pengetahuan kandungan dan pedagogi.

Pendidikan Jasmani turut berkeupayaan memberi sumbangan kepada pembangunan modal insan. Hasil kajian yang dijalankan oleh Norlena dan Mohd Taib (2003) mendapati, Pendidikan Jasmani berkemampuan memberi sumbangan untuk meningkatkan kekuatan serta ketahanan fizikal dan meningkatkan pembinaan insan sebagai individu yang bertanggungjawab terhadap diri mereka, agama, bangsa dan negara. Pengajaran kelas Pendidikan Jasmani yang menjadikan pembentukan sahsiah dan rohani sebagai objektif utama disamping mengajar kemahiran sukan mampu melahirkan pelajar yang mempunyai sifat toleransi, bekerjasama serta bertanggungjawab ke atas perlakuan mereka di samping mengurangkan kejadian-kejadian seperti mempersendakan rakan sekelas. Justeru, dapatan kajian ini mengusulkan penerapan nilai-nilai murni perlu dijadikan satu amalan dan budaya di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Manakala kajian Norlela (2008) pula bertujuan untuk meneroka amalan penerapan nilai murni guru melalui mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa guru mempunyai persepsi yang positif mengenai kepentingan penerapan nilai murni di dalam Prinsip Perakaunan. Akan tetapi guru berdepan dengan beberapa masalah, iaitu kekangan masa, kurang pengetahuan dan kemahiran dari aspek penerapan nilai, bebanan tugas yang padat dan kekurangan bahan rujukan yang bersesuaian dalam menerapkan nilai murni secara berkesan. Selain daripada itu



hasil dapatan turut menyatakan bahawa faktor-faktor pendorong penerapan nilai seperti menerima dorongan daripada KPM, galakan dari pengetua, persekitaran sekolah yang selesa, sokongan pihak ibu bapa dan rakan sekerja mendorong guru untuk menerapkan nilai melalui pengajaran mereka.

Dalam aspek amalan penerapan nilai melalui isi kandungan satu-satu pengajaran kajian Uzi (2007) dilakukan bagi meneroka amalan penerapan nilai di dalam mata pelajaran matematik sekolah menengah. Kajian ini menumpukan kepada tiga kategori utama nilai, iaitu nilai pendidikan umum, nilai matematik dan nilai pendidikan matematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru tidak menyatakan secara khusus mengenai nilai yang hendak diterapkan di dalam rancangan pengajaran mereka. Kebanyakan nilai yang diterapkan secara langsung ialah nilai pendidikan



umum, khususnya nilai yang berkait dengan pembangunan diri seperti nilai berterima kasih, hormat dan yakin. Kesemua peserta tidak menyedari berlaku penerapan nilai matematik dalam pengajaran, walaupun terdapat dua nilai matematik, iaitu objektisme dan keterbukaan, terlaksana secara tidak langsung dalam pengajaran matematik. Penerapan nilai pendidikan matematik secara tidak langsung tanpa disedari oleh guru membabitkan nilai formalistik, instrumental, relevan, teoretikal, kebolehcapaian dan penilaian. Tiga nilai pendidikan umum terterap secara langsung dalam pengajaran bilik darjah adalah nilai bercakap benar, menghargai dan hormat-menghormati. Selain itu dapatan kajian turut menunjukkan tiga konflik penerapan nilai telah dikesan. Pertama, konflik dalam penerapan nilai keterbukaan sama ada dilaksanakan sepenuhnya atau tidak. Kedua, konflik pemilihan strategi bagi penerapan nilai kebolehcapaian. Ketiga, konflik penerapan antara dua jenis nilai, sama ada nilai aktivis atau formalistik.





Aspek penerapan nilai murni ini turut dilihat dari perspektif pelajar kerana dalam melihat bagaimanakah sebenarnya pengamalan penerapan nilai murni ini dalam kalangan guru di Malaysia. Mohamad Khairi (2013) menjalankan satu kajian untuk mengenal pasti persepsi pelajar mengenai kekerapan penerapan 17 nilai murni di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris dan Matematik sekolah menengah. Hasil kajian mendapati persepsi pelajar mengenai penerapan nilai murni di dalam mata pelajaran di atas adalah tinggi. Manakala, Bahasa Melayu mempunyai kekerapan penerapan nilai murni paling tinggi berbanding mata pelajaran yang lain. Dalam melihat hubungan persepsi pelajar dengan kekerapan penerapan nilai murni, didapati terdapat hubungan positif yang signifikan. Begitu juga dengan persepsi pelajar terhadap kaedah penerapan nilai dimensi tidak langsung bagi setiap mata pelajaran yang terlibat adalah positif yang signifikan. Namun begitu, hanya mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah sahaja yang menunjukkan hubungan positif signifikan bagi persepsi pelajar dengan kaedah penerapan nilai murni dimensi secara langsung. Bagi kaedah dimensi teknik atau model pula mendapati hubungan positif yang signifikan hanya dalam pengajaran Bahasa Melayu, Sejarah dan Bahasa Inggeris. Melalui analisis Regresi Berganda hanya persepsi pelajar terhadap kekerapan penerapan nilai murni dalam pengajaran Sejarah dan Bahasa Melayu sahaja merupakan peramal terhadap penghayatan nilai murni pelajar.

Penerapan nilai murni kerap ditumpukan melalui mata pelajaran tertentu seperti Pendidikan Islam dan Moral. Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan oleh Nik Zaharah (2007) adalah untuk membina modul penerapan nilai murni dalam pengajaran Sains sekolah menengah sebagai satu usaha untuk memudahkan guru menerapkan nilai murni. Kajian ini turut menguji keberkesanan modul terhadap





kefahaman dan penghayatan nilai-nilai murni dan pencapaian Sains. Seterusnya pandangan guru dalam menggunakan modul ini turut diambil kira. Hasil kajian menunjukkan bahawa kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen tidak berbeza secara statistik dalam kefahaman nilai murni dan penghayatan nilai murni tetapi berbeza dari segi pencapaian sains. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa nilai-nilai yang abstrak seperti baik hati, kesederhanaan, rasional, keadilan dan kesyukuran dapat diterapkan dalam pengajaran. Guru turut berpendapat bahawa modul ini lengkap, tersusun, membantu dalam penerapan nilai-nilai murni serta membantu perkembangan holistik pelajar.

Walaupun pendidikan kerohanian dibuktikan sebagai satu aspek penting dalam sistem pendidikan, namun ia masih kurang diberikan penekanan. Perkara ini dijelaskan dalam kajian Shahrin dan Kamaruzaman (2003) bertajuk Pendidikan Rohani Dalam Sistem Pendidikan Negara: Satu Pemikiran Semula mendapati pendidikan rohani masih kurang diberi perhatian yang sewajarnya termasuklah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sendiri. Pendidikan rohani dianggap sebagai perkara Fardhu Ain dan terbatas dalam aktiviti-aktiviti yang sempit tanpa disedari bahawa ia merupakan intipati atau nukleus kepada semua potensi yang lain. Potensi rohani telah diperakukan sebagai salah satu unsur utama dalam pembangunan manusia disamping potensi intelek, emosi dan jasmani seperti yang terkandung dalam pernyataan Falsafah Pendidikan Negara.

Teknik penerapan nilai murni oleh guru dalam pengajaran juga mempengaruhi penerimaan murid terhadap nilai yang cuba diterapkan. Kajian oleh Mohamad Khairi (2016) menunjukkan teknik penerapan nilai murni guru Bahasa Melayu, Sejarah,





Bahasa Inggeris dan Matematik berada pada tahap sederhana tinggi. Teknik yang digunakan oleh guru adalah keteladanan, pengukuhan positif dan negatif, simulasi, main peranan, perbincangan dan syarahan. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa teknik penerapan yang mempunyai kekerapan tertinggi adalah teknik model atau teknik contoh. Hal ini menjelaskan bahawa teknik model merupakan teknik penerapan nilai murni yang penting berdasarkan perspektif guru dan murid kerana melalui teknik ini guru perlu memperlihatkan diri mereka sebagai model yang mengamalkan nilai yang baik, pembentuk akhlak dan penunjuk teladan dan akhlak yang positif kepada masyarakat.

Selain itu, teknik perbincangan yang diamalkan oleh guru dilihat berada dalam tahap yang memuaskan kerana guru melibatkan kesemua murid dalam aktiviti perbincangan. Hal ini membuatkan murid lebih bekerjasama, ikhlas dan berintegriti.

Namun begitu, teknik syarahan yang diamalkan oleh guru Matematik dan Bahasa Inggeris kurang digemari berdasarkan persepsi murid. Hal ini berkemungkinan kerana murid sukar memahami apa yang cuba disampaikan oleh guru dalam konteks penerapan nilai murni. Teknik yang paling rendah diamalkan oleh guru pula adalah teknik simulasi di mana hal ini menunjukkan bahawa guru kurang kemahiran dalam mengaplikasikan teknik tersebut bagi menerapkan nilai-nilai murni dalam pengajaran mereka.

Dalam pada itu, kajian yang menyentuh kepada pendekatan yang digunakan dalam menerapkan nilai murni turut dijalankan oleh Ahmad Sahlan dan Rosmawati (2015). Kajian mereka memfokuskan pendekatan dakwah kesenian dalam menyampaikan nilai-nilai murni di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Dapatan



kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara pelaksanaan aktiviti dakwah melalui kesenian di sekolah dengan penerapan nilai-nilai murni. Kajian ini menunjukkan bahawa pengaplikasian kesenian dalam usaha menyampaikan dakwah dilihat satu kaedah yang mampu memberi impak yang berkesan terhadap penerimaan mesej dakwah, iaitu nilai-nilai murni, seterusnya melahirkan pelajar yang berakhlak dan memiliki sahsiah unggul.

Kajian yang dijalankan oleh Mohamad Khairi, Rozalina, Alis, Fauziah, Mohd Zailani, Muhamad Dzahur dan Nurfaizah (2016) juga menyentuh mengenai teknik yang bersesuaian dalam menerapkan nilai dan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Melalui dapatan kajian tinjauan yang dilakukan, terdapat lima teknik pengajaran yang digunakan oleh guru dalam menerapkan nilai murni berdasarkan persepsi murid. Teknik-teknik tersebut adalah model, syarahan, perbincangan, peneguhan positif dan peneguhan negatif. Melalui teknik-teknik ini, penilaian nilai murni dan akhlak dilihat meningkat dalam kalangan murid. Hal ini kerana murid dapat memahami kepentingan nilai murni tersebut dalam konteks membentuk akhlak yang mulia.

Nilai-nilai murni yang diterapkan melalui pendidikan tidak akan bermakna sekiranya murid tidak memahami nilai murni yang diterapkan dan menyebabkan mereka tidak menanamkan nilai murni tersebut di dalam diri. Oleh kerana itu, Juliyah (2014) menjalankan yang bertujuan untuk mengkaji pemahaman murid-murid mengenai nilai berbudi bahasa dan mengenal pasti pengaruh guru terhadap penerapan nilai berbudi bahasa. Hasil kajian mendapati murid dapat memahami dengan baik nilai berbudi bahasa dan ingin mengamalkan nilai tersebut dalam kehidupan mereka.



Malahan, pengajaran guru dalam menyampaikan nilai murni berbudi bahasa itu juga mempunyai pengaruh yang ketara terhadap perkembangan mereka kerana mereka berazam untuk menjadi seorang yang berbudi bahasa. Hal ini menjelaskan bahawa guru berjaya menjadi model contoh yang berperanan terhadap perkembangan nilai dalam diri murid-murid.

Kajian Mohar dan Shahrulfadly (2015) pula menumpukan kepada kebolehan murid untuk memahami nilai-nilai murni melalui penggunaan Modul Nilai Murni. Malahan, kajian ini turut mengenal pasti tahap kefahaman dalam kalangan murid melalui amalan nilai murni dan membandingkan kefahaman tersebut di antara murid lelaki dan murid perempuan. Berdasarkan analisis data menunjukkan bahawa murid-murid mempunyai kefahaman yang tinggi mengenai nilai-nilai murni, dan dari aspek amalan, murid lelaki lebih mengamalkan nilai-nilai tersebut berbanding murid perempuan. Namun begitu, tiada perbezaan di antara dari aspek kefahaman di antara murid lelaki dan perempuan. Implikasi daripada kajian ini membuktikan bahawa nilai murni dapat diterapkan melalui penggunaan Modul Nilai Murni.

Semua kajian yang dikemukakan ini dapatlah dikaitkan secara langsung dan tidak langsung dengan aspek pelaksanaan penerapan nilai murni dalam pengajaran guru-guru prasekolah. Justeru, semua pihak terutama guru-guru harus disedarkan dan dididik untuk memahami dan menghayati matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996) di samping merealisasikan proses penerapan nilai murni melalui fasa pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan pelajar yang menyeluruh dan bersepadu dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.





Berdasarkan tinjauan terhadap kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya dari dalam negara, dapatlah dirumuskan bahawa aspek yang banyak dikaji oleh pengkaji-pengkaji lepas dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak adalah tertumpu kepada aspek kaedah dan strategi pengajaran untuk menerapkan nilai-nilai murni. Manakala pengkaji-pengkaji pendidikan di arus perdana pula menekankan kepentingan nilai kepada pembangunan diri pelajar, kajian terhadap keberkesanan model untuk membangunkan akhlak pelajar, kaedah menerapkan nilai murni yang berkesan terutama dalam mata pelajaran Perakaunan, Matematik, Sains dan Sastera, kajian berkaitan persepsi guru terhadap kepentingan nilai dalam sistem pendidikan negara serta amalan penerapan nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran guru di sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi.



kalangan guru prasekolah masih belum dijalankan. Oleh yang demikian, dalam kajian ini pengkaji ingin melihat apakah faktor yang mendorong seseorang guru prasekolah itu menerapkan nilai-nilai murni semasa berada di kelas prasekolah. Justeru, pengkaji berpandangan kajian ini amat penting bertujuan untuk memberi sumbangan khazanah ilmu pengetahuan kepada perkembangan kurikulum prasekolah serta pembangunan insan cemerlang dan bermentaliti kelas pertama.

2.10 Pendekatan Hermeneutik

Hermeneutik didefinisikan sebagai proses menginterpretasikan teks, iaitu mencari makna dalam perkataan yang ditulis (Butler, 1998). Manusia mengalami hidup





melalui bahasa dan bahasa memberikan pemahaman dan pengetahuan yang dianggap dua aspek yang terkandung dalam Hermeneutik. Perkataan Hermeneutik berasal dari dua perkataan Greek: *hermeneuein*, dalam bentuk kata kerja bermakna untuk menginterpretasi dan *hermeneia* dalam bentuk kata nama bermakna penginterpretasian. Kaedah ini mengutamakan penginterpretasian teks dalam konteks sosiobudaya dan sejarah dengan mendedahkan makna yang tersirat dalam sesebuah teks atau karya yang diselidiki.

2.10.1 Fenomenologi Hermeneutik

Hermeneutik didefinisikan sebagai ilmu pengetahuan dalam menginterpretasikan sesuatu. Sesungguhnya Hermeneutik diterapkan dalam kehidupan seharian, misalnya semasa seseorang secara tidak sengaja mendengar sesuatu percakapan akan berusaha mengetahui makna dan kepada siapa percakapan itu ditujukan (konteks). Tanpa mengetahui konteksnya, seseorang tidak akan mengetahui makna percakapan tersebut. Hal yang sama berlaku semasa seseorang sedang membaca suatu karya sastera yang mana akan berusaha mengetahui makna disebalik karya itu, apa yang dimaksudkan oleh pengarang, untuk siapa karya itu ditujukan dan akhirnya akan berusaha menyesuaikan dengan konteks yang ada di sana serta menginterpretasikannya. Ketika itulah Hermeneutik diterapkan dan mungkin inilah saatnya Hermeneutik pertama kali muncul.

Hermeneutik dikembangkan lebih jauh di abad ke-19 oleh Wilhelm Dilthey yang berhasrat menerapkan Hermeneutik dalam mempelajari ilmu manusia yakni





kemanusiaan dan ilmu sosial bertolak belakang dengan ilmu alam. Dilthey (1988) juga menyentuh masalah lingkaran Hermeneutik, iaitu untuk memahami suatu teks, seseorang harus memiliki prasangka atas makna keseluruhannya dan untuk mengetahui makna keseluruhannya itu, maka harus mengetahui makna satu bahagiannya. Dilthey yakin bahawa putaran ini dapat dijalankan dengan adanya usaha pemahaman keseluruhan dan satu bahagian terus menerus.

Perubahan besar dalam teori Hermeneutik dipelopori oleh Martin Heidegger. Menurut Heidegger (1962), Hermeneutik bukanlah masalah pemahaman komunikasi linguistik, juga bukan tentang menyediakan dasar metodologi untuk ilmu kemanusiaan. Hermeneutik adalah ontologi, iaitu cabang ilmu falsafah atau metafizik yang berkaitan dengan fitrah dan kewujudan manusia di dunia. Menurut Schleiermacher (1977), lingkaran Hermeneutik adalah hubungan antara satu teks sebagai satu keseluruhan dan bahagian-bahagian individunya atau istilah untuk hubungan antara teks dan tradisi.

Menurut Heidegger (1962), lingkaran Hermeneutik adalah hubungan yang saling mempengaruhi antara pemahaman diri dan pemahaman atas dunia. Pemahaman yang dimaksudkan Heidegger bukanlah suatu kaedah atau sesuatu yang dilakukan secara sedar, namun bergantung kepada pemahaman seseorang itu sendiri. Justeru, Heidegger menekankan bahawa keadaan sejarah dan waktu penafsir tidak boleh dilepaskan dalam lingkaran Hermeneutik kerana hal itu sangat berkaitan dengan pemahaman penafsir akan dunianya sendiri. Pemikiran Heidegger ini kemudian dikembangkan lebih jauh oleh salah seorang tokoh terpenting dalam bentuk



Hermeneutik moden (yang juga murid Heidegger sendiri), iaitu Hans-Georg Gadamer.

Menurut Palmer (2005), Sumaryono (1999) dan Rahardjo (2007), beberapa tokoh mempunyai peranan besar dalam perkembangan Hermeneutik, iaitu pertamanya Friedrich Ernst Daniel Schleiermacher (1768-1834), tokoh Hermeneutik romantik yang memperluas pemahaman Hermeneutik dari sekadar kajian teologi (teks *bible*) menjadi keadaan memahami dalam pengertian falsafah. Mengikut perspektif tokoh ini, terdapat unsur penafsir dalam keupayaan memahami wacana, teks pula bermaksud pengarang, konteks bersejarah dan konteks budaya.

Kedua, Dilthey (1833-1911), iaitu tokoh kaedah Hermeneutik berpendapat bahawa proses pemahaman bermula dari pengalaman, kemudian mengekspresikannya. Pengalaman hidup manusia merupakan sebuah struktur perhubungan yang mempertahankan masa lalu sebagai suatu kehadiran masa kini.

Ketiga, Husserl (1889-1938), iaitu tokoh Hermeneutik fenomenologis menyatakan bahawa proses pemahaman yang benar harus mampu membebaskan diri dari prasangka dengan membiarkan teks berbicara sendiri. Oleh sebab itu, menafsirkan sebuah teks bererti secara metodologis mengasingkan teks dari semua hal yang tidak ada hubungannya termasuk bias-bias subjek penafsir dan membiarkannya menyebarkan maknanya sendiri pada subjek.

Keempat, Heidegger (1889-1976), iaitu tokoh Hermeneutik dialektis menjelaskan tentang pemahaman sebagai muncul dan sudah ada mendahului kognisi.



Oleh sebab itu, pembacaan dan penafsiran selalu merupakan pembacaan ulang atau penafsiran ulang. Heidegger mengembangkan Hermeneutik sebagai interpretasi yang berdimensi ontologis. Dalam pandangan Heidegger, pemahaman (*verstehen*) bukanlah suatu kaedah. Menurutnya, pemahaman lebih dari sekadar kaedah kerana pemahaman telah wujud terlebih dahulu (*pre-reflective understanding*) sebelum merefleksikan sesuatu. Heidegger menamakan pra-pemahaman tersebut sebagai Dasein, yang bererti wujud di sana (Richard, 2005).

Kelima, Gadamer (1900-2002), iaitu tokoh Hermeneutik dialogis berpendapat pemahaman yang benar adalah pemahaman yang mengarah pada tingkat ontologis dan bukan metodologis. Ertinya, kebenarannya dapat dicapai bukan sahaja melalui kaedah, tetapi melalui dialektika dengan mengajukan banyak pertanyaan. Dengan demikian, bahasa menjadi medium yang sangat penting untuk terjadinya dialog.

Keenam, Habermas (1929), iaitu tokoh Hermeneutik kritis menyebutkan bahawa pemahaman didahului oleh kepentingan. Aspek yang menentukan horizon pemahaman adalah kepentingan sosial yang melibatkan kepentingan kekuasaan penafsir. Setiap bentuk penafsiran dipastikan sama ada bias atau ada unsur kepentingan politik, ekonomi, sosial, suku dan gender. Habermas percaya bahawa pemahaman didahului oleh kepentingan. Kepentingan sosial yang melibatkan kepentingan kekuasaan penafsiran akan menentukan horizon pemahaman. Menurut Hamid Fahmy Zarkasyi (2006), setiap bentuk penafsiran biasanya ada unsur kepentingan politik, ekonomi, sosial, suku dan gender.





Ketujuh, Ricoeur (1913) yang membezakan interpretasi teks bertulis dan percakapan. Makna tidak hanya diambil menurut pandangan hidup pengarang, tetapi juga menurut pengertian pandangan hidup dari pembacanya. Konsep yang utama dalam pandangan Ricoeur adalah niat subjektif sang pengarang yang mengekspresi objektif dengan begitu bermakna, maka pelbagai interpretasi yang dapat diterima mungkin menjadi. Keseluruhannya, Hermeneutik adalah ilmu penafsiran teks atau teori tafsir.

Kelapan, Derrida (1930), iaitu tokoh Hermeneutik dekonstruksionis, mengingatkan bahawa makna teks selalu mengalami perubahan bergantung kepada konteks dan pembacanya.



2.10.2 Pengertian Tentang Hermeneutik

Umum mengetahui bahawa dalam masyarakat Yunani tidak terdapat suatu agama tertentu, tetapi mereka percaya kepada Tuhan dalam bentuk mitologi. Sebenarnya dalam mitologi Yunani terdapat dewa-dewi yang diketuai oleh Dewa Zeus dan Maia yang mempunyai anak bernama Hermes. Menurut Hamid Fahmy Zarkasyi (2006), Hermes dipercayai sebagai utusan para dewa untuk menjelaskan pesan-pesan para dewa di langit. Konsep Hermeneutik kemudian digunakan dari nama Hermes. Kata Hermeneutik yang diambil dari peranan Hermes adalah sebuah ilmu dan seni menginterpretasikan sebuah teks.





Richard (2005) menyatakan bahawa Hermeneutika diertikan sebagai "proses mengubah sesuatu atau situasi ketidaktahuan menjadi tahu atau mengerti". Hermeneutik dalam pandangan klasik Aristoteles, iaitu kata-kata yang kita tulis adalah simbol dari kata-kata yang kita ucapkan. Menurut Aristoteles (1963), tidak ada seorang pun manusia mempunyai bahasa tulisan, mahupun bahasa lisan yang sama dengan yang lain. Alihan erti dari satu bahasa ke bahasa yang lain juga dapat menimbulkan banyak masalah. Manusia mempunyai cara pengucapan atau penulisan yang berbeza-beza. Kesulitan itu akan muncul lebih banyak, jika manusia saling menyampaikan gagasan-gagasan mereka dalam bahasa lisan ataupun dalam bahasa bertulis. Orang yang berkomunikasi membentuk pola-pola makna secara luas memberikan gambaran tentang konteks hidup dan latar belakang seseorang.



komunikasi linguistik dan menafsirkan simbol yang berupa teks atau sesuatu yang dilakukan sebagai teks untuk dicari erti dan maknanya, di mana kaedah ini mengisyaratkan adanya kemampuan untuk menafsirkan masa lampau yang tidak dialami, kemudian dibawa ke masa sekarang.

Menurut Ricoeur (1974), Hermeneutik adalah teori tentang operasi pemahaman dalam memahami teks. Dalam kata lain, Hermeneutik adalah proses penguraian yang beranjak dari isi dan makna yang tampak ke arah makna terpendam dan tersembunyi. Objek interpretasi, iaitu biasa berupa simbol dalam mimpi atau bahkan mitos-mitos dari simbol dalam masyarakat atau sastera. Dalam kajiannya, Ricoeur membezakan antara simbol *univocal* dan *equivocal*.





Sedangkan menurut Ricoeur dalam bukunya *Hermeneutics and The Human Sciences*, Ricoeur mendefinisikan Hermeneutik adalah satu operasi pemahaman dalam hubungannya dengan interpretasi teks. Berdasarkan pengertian ini, Ricoeur mengatakan bahawa idea utama adalah untuk merealisasikan wacana sebagai teks dan huraian kategori teks diberi perhatian bagi kajian berikutnya (Acep Iwan, 2008). Kenyataan ini bermaksud Hermeneutik adalah teori tentang cara operasi pemahaman dalam menafsirkan teks. Jadi, gagasan kuncinya adalah realisasi perbincangan sebagai teks, sementara pendalaman tentang kategori-kategori teks akan menjadi objek pembahasan kajian selanjutnya. Secara ontologis tidak dilihat lagi sekadar cara mengetahui tetapi lebih kepada aturan berbuat sesuatu dan gaya berhubungan dengan segala yang ada dan dengan membuatnya.



Hermeneutik dipelopori oleh ahli falsafah negara Jerman, iaitu Martin Heidegger (1889-1976) murid kepada Edmund Husserl (1859-1938) melalui karya terkenal, *Being And Time* (1963). Heidegger merupakan pengasas kontemporari Hermeneutik kerana Schleiermacher dan Dilthey lebih terkenal dengan pendekatan Hermeneutik lama. Menerusi pendekatan Hermeneutik baharu, Heidegger mengutarakan empat ciri utama:

- i. Penempatan kaedah Ontologikal Fenomenologi sebagai asas sesuatu karya.
- ii. Hubungan kemesraan antara karya dengan pembaca sebagai landasan.
- iii. Landasan sejarah, warisan, masa dan personaliti yang berlainan antara karya dengan pembaca.
- iv. Penerimaan karya sebagai suara masa silam yang berhasrat untuk berdialog dan berinteraksi dengan pembaca masa kini.



Hermeneutik berkeupayaan menghalusi makna teks dari segi hasrat dan sejarah penulis berdasarkan relevannya tulisan itu kepada pembaca. Hal ini berbeza dengan falsafah analisis logik positivitis yang mengenal pasti makna daripada apa yang terdapat pada teks dan penganalisis berstruktur (*structuralist*) pula mencari makna dalam susunan perkataan yang ditulis. Hermeneutik menganggap teks sebagai cara untuk menyampaikan pengalaman, kepercayaan dan penghakiman daripada individu atau komuniti kepada orang lain. Oleh itu, penentuan makna yang khusus dalam teks adalah berdasarkan interpretasi yang tepat (Suppiah, 2003).

Oleh itu, kaedah Hermeneutik dikenali sebagai pendekatan interpretif. Seseorang cuba mencari makna di sebalik karya yang ingin disampaikan oleh penulisnya apabila membaca sesebuah karya seperti novel, cerpen atau puisi. Seseorang akan cuba menafsirkan makna yang dibawa oleh karya berdasarkan andaian dan pembayang yang terdapat dalam esei atau karangan itu. Makna sebenar yang tersirat dalam sesebuah karya adalah mesej sebenar yang dihasratkan dan hendak disampaikan oleh penulisnya.

Loganathan, pengkaji tempatan yang proaktif telah banyak menulis dan membentangkan kertas kerja di dalam mahupun di luar negara mengenai pendekatan analisis Hermeneutik. Beliau juga menerbitkan buku yang bertajuk *Hermeneutic Analysis of Discourse*. Dalam karyanya beliau memberi gambaran yang jelas dan terperinci tentang cara penggunaan analisis Hermeneutik untuk memahami interaksi guru dengan murid, khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah. Dalam proses memahami ini, guru akan merakamkan



interaksi di dalam bilik darjah dan mentranskripsikan rakaman tersebut menjadi teks. Guru kemudiannya mengkaji teks dengan menggunakan kaedah analisis Hermeneutik untuk mendapatkan gambaran yang jelas mengenai situasi pembelajaran dan pengajaran.

Menurut Abdul Rahman (1993), analisis Hermeneutik menggunakan pendekatan Fenomenologi dan Ontologi apabila menganalisis tingkah laku interaksi manusia. Kaedah ini digunakan kerana kaedah ini sahajalah dianggap dapat menunjukkan serta menghuraikan dengan sempurna akan situasi yang wujud dalam perlakuan interaksi dalam bilik darjah berdasarkan Orientasi Fenomenologi dan Ontologi.



sebarang hipotesis atau ujian. Sebaliknya, analisis dilakukan dengan membuat pemerhatian secara terus terhadap situasi sebenar semasa tingkah laku interaksi itu berlaku. Teori Hermeneutik mampu menjangkau horizonnya yang lebih jauh daripada teori tafsiran biasa. Tiada siapa yang boleh menyangkal analisis Hermeneutik cuba memahami apa yang tersurat dan juga apa yang tersirat dalam sesebuah teks yang dikaji (Abdul Rahman, 1993).

Menurut Loganathan (1992), kaedah Hermeneutik adalah satu bentuk kajian saintifik kerana kaedah Hermeneutik cuba mencari kebenaran melalui pemikiran rasional manusia. Beliau menerangkan Hermeneutik boleh juga disebut sebagai sains Hermeneutik. Menurut beliau lagi, terdapat beberapa kaedah untuk memahami perlakuan manusia dan kaedah sains Hermeneutik adalah salah satu penyelesaiannya.



Manusia bebas menggunakan apa sahaja metodologi atau kaedah dalam penyelidikannya kerana ada juga kaedah yang tidak membolehkan seseorang melihat kebenaran. Loganathan (1994) mengatakan kaedah-kaedah yang membantu seseorang memahami kebenaran adalah ketara dan menamakannya sebagai Hermeneutik.

Sains Hermeneutik adalah rasional dan objektif kerana sains Hermeneutik membenarkan persetujuan atau sebaliknya antara dua individu yang berlainan. Sains Hermeneutik digunakan untuk menyelidik sesuatu fenomena, cuba memahaminya dengan cara meleraikan kekaburan dan mengelakkan kaedah penerangan biasa. Struktur fenomena membantu seseorang supaya dapat melihat dengan lebih jelas tentang sesuatu permasalahan. Sesuatu yang kabur, samar dan tidak jelas yang dilihat pada pertama kali, sains Hermeneutik dapat membantu memberi meleraikan kekaburan supaya perkara yang tersembunyi atau tersirat dapat dilihat dengan lebih jelas pada kali kedua dan seterusnya.

Penyelidik akan memahami sesuatu perkara lebih mendalam apabila menganalisis teks asal kali kedua. Setelah seseorang penyelidik berjaya meleraikan fenomena tersebut untuk dirinya, beliau akan menjelaskan kefahaman yang baharu ini kepada individu yang lain supaya dia juga dapat melihat dan memahami perkara baharu itu. Perkara ini dilakukan dengan mewujudkan metateks. Kefahaman baharu ini menjadi sesuatu perkara yang mungkin dipersetujui atau sebaliknya oleh orang lain. Kefahaman yang baharu melalui metateks adalah objektif jika persetujuan dapat dicapai.



2.11 Falsafah Sains Hermeneutik

Dalam membincangkan falsafah Sains Hermeneutik, beberapa istilah penting perlu dihuraikan, iaitu:

2.11.1 Teks

Teks ialah bahan kajian yang dikaji oleh Sains Hermeneutik yang mana teks adalah segala bentuk produksi manusia. Produksi ini mungkin lisan atau yang bukan lisan seperti interaksi dalam sesebuah mahkamah, proses soal siasat polis, proses pengajaran dan pembelajaran, peraturan di pasar, karangan pelajar dan proses kaunseling di sekolah. Sewaktu merakamkan teks sebagai objek kajian utama dalam analisis Hermeneutik, seseorang berada dalam keadaan fenomenologikal pada sepanjang masa. Teks adalah ciptaan manusia dan seseorang mesti berusaha mencatatkannya dengan seberapa ikhlas yang mungkin supaya analisis Hermeneutik dapat menunjukkan kebenaran diri individu yang mencipta teks tersebut. Sewaktu penghasilan sesebuah teks, penciptanya dikatakan '*exteriorize*' sesuatu berkenaan dirinya.

Seseorang boleh menilai dengan tepat melalui teks yang dihasilkan sendiri tanpa memanipulasikan oleh pengkaji. Perkara ini adalah sangat penting dalam analisis Hermeneutik kerana penilaian adalah berkaitan dengan kesahan teks tersebut. Suatu perkara yang perlu diberi perhatian ialah konsep teks sebagai elemen penyelidikan tidak boleh dihasilkan dengan cara merangsang produksi. Teks kajian



mesti dihasilkan secara spontan dan semula jadi. Sebagai contoh, kerja sekolah yang dilakukan oleh seseorang pelajar di bawah arahan seseorang guru adalah satu kerja yang dihasilkan dengan rangsangan atau tekanan. Teks seumpama ini tidak sesuai untuk tujuan penyelidikan kerana teks mengandungi unsur-unsur paksaan.

Jika teks dianalisis dengan kaedah yang betul dan rapi, pengkaji akan memahami seseorang itu dengan jelas dan mendalam. Objek kajian, iaitu teks boleh memberi kefahaman yang lebih mendalam mengenai seseorang yang menghasilkan teks dengan syarat pengkaji menganalisisnya menerusi kaedah yang betul dan terancang.

Sikap 'Terbuka' dalam sains Hermeneutik yang menerima sesebuah teks sebagaimana teks dicipta atau dihasilkan adalah diistilahkan sebagai fenomenologi. Kaedaan fenomenologi adalah satu situasi *Mode of Being* yang dihasilkan oleh seseorang pengkaji sains Hermeneutik supaya teks tidak berlanggar unsur objektiviti dan keterbukaan. Pengkaji sains Hermeneutik juga tidak mempunyai sebarang hipotesis atau teori kerana fenomena bercanggah dengan sikap keterbukaan yang didukung oleh sains Hermeneutik. Teori atau hipotesis akan cuba mengeneipkan sebarang fenomena yang bercanggah dengan hipotesis atau teori yang dibuat oleh pengkaji.



2.11.3 Fakta dan Kebenaran

Dua elemen penting yang terdapat dalam sesebuah teks ialah 'Fakta dan Kebenaran', iaitu masalah Hermeneutik yang akan timbul berkaitan beberapa fakta yang terdapat dalam teks. Elemen ini mungkin terdiri dalam bentuk linguistik atau bukan linguistik.

Pada tahap permulaan apabila dilihat sesebuah teks sebagai yang bermasalah, teks memberi makna dengan menimbulkan beberapa bahagian yang gelap atau bahagian yang berupa kejahilan dalam pemahaman pengkaji terhadap teks tersebut. Keadaan ini memberi satu cabaran kepada intelek pengkaji supaya seseorang itu berusaha untuk mengetahui dan memahami bahagian teks yang bermasalah. Oleh sebab itu, sesebuah teks diteliti dengan kefahaman yang terhad dan keraguan.

Pengkaji cuba menyelesaikan masalah dengan berfikir, menimbulkan soalan-soalan yang berkaitan, menyemak beberapa perkara berulang kali dan berhadapan dengan soalan-soalan baharu. Inilah aktiviti-aktiviti yang dilakukan untuk mengeluarkan atau menerangkan kegelapan dalam pemahaman teks tersebut. Apabila aktiviti-aktiviti ini telah mencukupi dan berkesan, maka kegelapan yang wujud dahulu dalam teks tidak wujud lagi. Perkara yang kabur, samar, tidak jelas kini tiada lagi kerana kawasan yang gelap telah dinyatakan dan menjadi cerah dan jelas akibat dilakukan interpretasi melalui analisis Hermeneutik.

Oleh sebab itu, kita menjalankan soal-siasat dengan menggunakan kaedah Hermeneutik untuk mendapatkan kebenaran supaya kekaburan yang wujud dalam fahaman seseorang akan hilang. Hasilnya, pengkaji dapat memahami fakta itu dengan jelas. Kemajuan dalam mencapai pemahaman, iaitu kegelapan atau kejahilan dalam





pemahaman teks dapat dihapuskan melalui penelitian teks dengan cara-cara ini yang boleh dianggap sebagai pembelajaran. Oleh sebab itu, pembelajaran adalah pengurangan dalam kejahilan.

2.11.4 Kebenaran (*Truth*)

Kita telah memahami bahawa 'Lumens' adalah kebenaran yang sedia wujud dalam teks kajian tersebut. Setelah mendapat kebenaran, pengkaji dapat melihat kebenaran yang pada mulanya tersembunyi dalam teks. Mengkaji teks secara mendalam membolehkan pengkaji mengalami dan melihat kebenaran yang awalnya tidak kelihatan dan tidak disedari. Oleh itu, analisis Hermeneutik dapat mengeluarkan fakta-fakta yang pada awalnya tersembunyi dalam teks dan kini dapat melihat sesuatu dengan lebih jelas. Oleh sebab yang terkandung dalam teks adalah kebenaran, di sini analisis Hermeneutik berjaya mencari kebenaran.

2.11.5 Ontoenigma dan Situational Temporality

Pengkaji menghadapi masalah dalam pemahaman teks kajiannya dan beliau berada dalam keadaan kabur serta kurang jelas. Beliau dikatakan berada dalam keadaan Ontoenigma. Pengkaji akan berusaha bersungguh-sungguh dengan berbagai-bagai cara seperti menimbulkan soalan-soalan ontologikal serta melakukan penelitian secara mendalam untuk membebaskan dirinya daripada keadaan Ontoenigma. Situasi ini adalah buat sementara waktu ataupun dikatakan *situational temporality*.



Seorang pengkaji yang berada dalam keadaan *situational temporality* akan menggunakan fakta-fakta jelas yang terdapat pada teks untuk membebaskan dirinya daripada *situational temporality*. Hal ini bermaksud pengkaji mesti memahami struktur luaran dan struktur dalaman dalam teks kajian untuk membebaskan dirinya daripada *situational temporality*.

2.11.6 Metateks

Setelah memahami teks secara lebih mendalam pengkaji mewujudkan teks baharu yang lebih jelas dinamakan metateks. Metateks adalah teks kedua yang pengkaji peroleh daripada teks awal. Metateks bukan bererti akan memberi gambaran seratus peratus jelas dari segi fahaman atau fakta-fakta. Hanya metateks ini lebih jelas dari teks yang asal. Proses analisis Hermeneutik perlu diulang berkali-kali hingga gambaran yang sangat jelas diperoleh. Oleh sebab itu, pengkaji tidak boleh menghalang metateks daripada menjadi teks kajian pada peringkat penyelidikan yang lebih tinggi.

Terdapat unsur pembelajaran yang berlaku di setiap putaran kerana proses ini berjaya mengurangkan kegelapan sesuatu bahagian tertentu dalam pemahaman penyelidik tentang teks tersebut. Dengan itu, penyelidik dapat mempelajari sesuatu unsur secara berterusan melalui analisis Hermeneutik.



2.11.7 Struktur Luaran dan Struktur Dalaman

Menurut Loganathan (1992), setiap teks mempunyai sekurang-kurangnya dua struktur, iaitu struktur luaran dan struktur dalaman. Struktur luaran adalah fakta-fakta atau isi kandungan yang senang dan mudah dikesan daripada teks. Struktur dalaman pula adalah fakta-fakta yang tersembunyi atau yang tidak dapat dilihat pada awalnya oleh seseorang pengkaji. Dalam erti kata lain, struktur luaran merujuk kepada perkara-perkara yang tersurat dan struktur dalaman pula merujuk kepada perkara-perkara yang tersirat yang mana kedua-dua struktur luaran dan dalaman wujud secara serentak. Fakta-fakta yang terdapat pada struktur luaran akan membantu dalam memahami teks.



2.11.8 Objektiviti dalam Sains Hermeneutik

Objektiviti dalam sains Hermeneutik adalah berbeza dengan objektiviti sains Positivistik. Menurut Loganathan (1994), komunikasi dalam sains Hermeneutik adalah berbentuk dialog. Apabila seseorang penyelidik nampak sesuatu kebenaran dia menunjukkannya kepada orang lain. Jika orang kedua dapat melihat apa yang dilihat oleh seseorang penyelidik, maka satu persetujuan dicapai. Sebaliknya, jika kedua-duanya tidak dapat melihat unsur yang dipaparkan, maka seseorang penyelidik akan cuba menerangkan unsur itu kepada individu tersebut.

Seseorang penyelidik yang melihat sesuatu berada dalam hierarki yang lebih tinggi kerana dia dapat melihat sesuatu yang tidak dapat dilihat oleh orang lain. Orang





kedua dianggap sebagai pelajar kerana dia belum dapat melihat apa yang telah dilihat oleh penyelidik dan perlu bantuan serta tunjuk ajar daripada penyelidik untuk melihat unsur itu. Metateks perlu ditolak jika penyelidik masih tidak dapat menyakinkan orang kedua.

2.12 Pengaplikasian Analisis Hermeneutik dalam Kelas

Loganathan (1992) dan Abdul Rahman (1993) telah berjaya menggunakan kaedah Hermeneutik dalam kajian interaksi bilik darjah antara guru dengan pelajar sekolah sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Walaupun kajian ini berlainan sedikit dengan kajian Loganathan (1992) dan Abdul Rahman (1993), tetapi terdapat banyak persamaan yang penting. Perkara ini adalah kerana kajian mereka dan kajian ini menggunakan analisis Hermeneutik dan melibatkan interaksi antara guru dan pelajar. Terdapat juga beberapa perbezaan antara kedua-dua kajian ini yang dibincangkan seterusnya.

Menurut Abdul Rahman (1993), dalam bilik darjah wacana yang timbul seolah-olah dirancang dengan teratur. Pengkaji akan mengenal pasti tingkah laku semula jadi yang berlaku secara spontan sesuatu yang tersirat dan di luar dari batasan kesedaran di sebalik yang tersurat akan dapat dikesan. Seterusnya, berdasarkan tanggapan yang diperolehi dari penelitian terhadap rakaman secara berulang kali dan transkrip yang disediakan. Segala fenomena dinilai dengan tepat. Segala kebenaran yang terdapat di sebalik peristiwa-peristiwa yang berlaku semasa proses pengajaran





dan pembelajaran dalam bilik darjah akan tersingkap dengan jelasnya melalui proses iluminasi yang dilakukan menerusi pemerhatian dan penganalisan.

2.12.1 Kebersamaan (*Withness*) dan Kemuafakatan (*Togetherness*)

Kebersamaan (*Withness*) dan Kemuafakatan (*Togetherness*) adalah merupakan dua struktur sosiopsikologi. Analisis Hermeneutik menunjukkan bahawa terdapat interaksi di bilik darjah kerana guru dan pelajar-pelajar bekerjasama menuju jangkauan penutup (*end-in-sight*) yang sama. Ciri kemuafakatan juga penting kerana tanpa unsur ini pergerakan progresif ke arah jangkauan penutup mustahil untuk berlaku. Kebersamaan dan kemuafakatan adalah elemen yang penting untuk proses pengajaran



dan pembelajaran dapat dijalankan dengan baik dan berkesan.

Guru beranggapan mereka melanggar struktur sosial kemuafakatan jika terdapat pelajar tidak menumpukan perhatian kepada pelajaran dan berpusing ke arah yang lain. Guru cuba membaiki keadaan dengan mengarah mereka berpusing balik dan duduk menghadap guru seperti biasa. Seterusnya, pelajar mengikut arahan guru dan keadaan kemuafakatan diwujudkan kembali. Struktur kuasa, iaitu guru menggerakkan kuasanya untuk mengembalikan kedua-dua pelajar tersebut kepada keadaan kemuafakatan. Selepas guru berjaya mengembalikan kedua-dua pelajar itu dalam keadaan kemuafakatan, dia berusaha pula mewujudkan satu lagi contoh kedua-dua konsep ini.





2.12.2 Organisasi Interaksi Sengaja

Unsur 'kesengajaan' dalam analisis tingkah laku interaksi dan bukan interaksi adalah satu lagi ciri yang dikaji serta dipersetujui oleh ramai sarjana. Tingkah laku lisan dan bukan lisan menyebabkan '*act turn*' atau tingkah laku saling bertindak. Tingkah laku saling bertindak ini pula menyebabkan berlakunya ciri '*progressive historical*' dalam situasi pembelajaran dan pengkaji yang bersifat sengaja. Dalam situasi pengajaran dan pembelajaran, guru mengutarakan niat kepada pelajar dan pelajar-pelajar dikehendaki mengasimilasikan niat itu seperti yang diharapkan oleh guru. Kadang-kadang niat ini dinyatakan menerusi berbagai-bagai cara dan pelajar lazimnya dapat menterjemahkan niat ini kerana guru dan pelajar dikatakan mempunyai gabungan niat.



2.12.3 Permulaan dan Penutup Interaksi

Permulaan dan penutup adalah aktiviti sangat penting dalam kajian Hermeneutik. Sesuatu permulaan sangat penting kerana permulaan menjadi asas kepada pembentukan kemuafakatan dan kebersamaan. Sebelum bermula sesuatu sesi temu bual, guru dan pelajar memberi salam dan ucap selamat dan ini merupakan satu aktiviti psikologi sosial yang mempunyai ciri kebersamaan. Selain itu, ciri permulaan ini juga mempunyai hierarki, iaitu guru mempunyai kuasa daripada pelajar. Kuasa hierarki dapat dilihat melalui pemerhatian, iaitu pelajar masuk kelas sebelum guru masuk dan pelajar berdiri serta memberi salam.





Penutup pula lazimnya berakhir di penghujung sesuatu sesi ketika konsep jangkauan penutup hampir tercapai. Guru mempunyai kuasa untuk menamatkan kelas atau sesi. Pelajar sebagai tanda hormat kepada guru akan berdiri dan mengucap terima kasih. Proses ini membantu pencapaian matlamat, iaitu objektif pembelajaran dengan berkesan.

2.13 Putaran Hermeneutik

Van Manen (1990) menekankan keperluan untuk mengambil kira 'sebahagian' dan 'keseluruhan' semasa merefleksi prosedur tafsiran. Smith, Flowers dan Larkin (2009) menjelaskan konsep putaran Hermeneutik wujud dari kesusasteraan Hermeneutik sebagai 'untuk memahami mana-mana bahagian yang diberikan, anda melihat keseluruhan; memahami keseluruhannya, anda melihat kepada bahagian-bahagian'. Hal ini kerana terdapat beberapa hubungan sebagai 'bahagian' dan 'seluruh' dalam proses penyelidikan.

Menurut Gadamer (1976), putaran Hermeneutik merujuk kepada dialektik di antara pemahaman suatu teks secara keseluruhan dan interpretasi bahagian-bahagian yang terkandung dalam teks tersebut yang mana penghuraian-penghuraiannya adalah yang diandaikan (diharapkan). Seterusnya, penghuraian bergerak daripada konteks ini yang mempunyai makna sebelum ini.

Pergerakan ke arah pemahaman ini adalah daripada keseluruhan kepada bahagian-bahagian dan merujuk balik kepada keseluruhan. Gadamer menerangkan,





pemahaman adalah hubungan yang berputaran atau berlingkaran. Dengan harapan membongkar makna daripada keseluruhan menjadi pemahaman eksplisit dalam bahagian-bahagian, yang mana pemahaman ditentukan oleh keseluruhan dan bahagian-bahagian tersebut juga menentukan keseluruhan. Menurut Gadamer (1976), putaran Hermeneutik adalah seperti berikut:

The hermeneutik circle describes the process of understanding a text hermeneutically. It refers to the idea that one's understanding of the text as a whole is established by reference to the individual parts and one's understanding of each individual part by reference to the whole. Neither the whole text nor any individual part can be understood without reference to one another, and hence, it is a circle. However, this circular




character of interpretation does not make it impossible to interpret a text, rather, it stresses that the meaning of text must be found within its cultural, historical, and literary context.

(Philosophical Hermeneutics, 1976, ms. 117)

Ricoeur (1974) di dalam bukunya *The conflict of interpretations. Essays in Hermeneutics*, mencadangkan bahawa “interpretasi adalah suatu tugas pemikiran yang mengandungi aspek-aspek membongkarkan makna yang tersembunyi dalam makna yang nampak jelas dalam membongkarkan makna pada tahap-tahap makna yang biasa” (ms 96).



Schleiermacher (1977) mencadangkan bahawa melalui Hermeneutik, penyelidik boleh membangunkan empati dengan teks, hubungan yang sama dengan apa yang berlaku apabila pendengar memahami maklumat yang disampaikan oleh penceramah. Dilthey (1988) kemudian menekankan kepentingan sosial dan konteks sejarah dalam membimbing pemikiran dan tindakan seorang penyelidik dalam memperkembangkan persefahaman ini (Crotty, 1998). Dalam karyanya kewujudan, Heidegger (1962) memperluaskan tanggapan ini dengan menyatakan bahawa seorang penyelidik tidak dapat memahami pengalaman kerana mereka sebenarnya telah hidup kerana pemahaman atau *forestructures* yang mempengaruhi tafsiran mereka. Heidegger menjelaskan bahawa sebuah putaran pemahaman adalah untuk menerangkan bagaimana persefahaman disepadukan ke dalam pemahaman sedia ada. Beroperasi dari perspektif yang holistik, setiap bahagian akan ditafsirkan, makna dan hubungan dengan keseluruhan disatukan menjadi pemahaman suatu fenomena seperti dalam Rajah 2.3



Rajah 2.3. Struktur Pemahaman dalam Hermeneutik (Cole & Avison, 2007)



Asas putaran pemahaman Heidegger (1962) adalah putaran Hermeneutik, iaitu satu proses yang menerangkan "bagaimana dan apa yang difahami membentuk asas untuk meneroka apa yang masih perlu difahami" (ms 86). Seperti yang dijelaskan dalam putaran Hermeneutik, pemahaman diperoleh dengan berselang-seli antara menimbangkan suatu fenomena secara keseluruhan dan sebagai suatu yang terdiri daripada bahagian-bahagian individu. Apabila fenomena ini dilihat secara keseluruhan, kesinambungan bahagian-bahagian individu untuk mencipta dan menentukan pengalaman keseluruhan dikenal pasti. Sebaliknya, apabila fenomena tersebut dipertimbangkan dari segi bahagian-bahagian individu, kepentingan keseluruhan dalam kontekstualisasi setiap bahagian dikenal pasti (Bontekoe, 1996). Penyelidik mendapat pengetahuan untuk berupaya meningkatkan pemahaman tentang pengalaman apabila melihat suatu fenomena secara keseluruhan dan bahagian-bahagian individu.

Putaran Hermeneutik adalah satu metofora untuk pemahaman dan tafsiran, iaitu putaran dilihat sebagai satu pergerakan antara bahagian (data) dan keseluruhan (pemahaman fenomenologi berkembang), setiap bahagian memberi maksud kepada yang lain. Oleh itu, penyelidik kekal terbuka kepada soalan yang muncul daripada pembelajaran fenomenologi dan membenarkan teks untuk berinteraksi; jawapan kemudiannya akan diperoleh di dalam teks. Dalam keadaan ini, teks itu adalah ciptaan penyelidik daripada data yang dikumpul daripada subjek. Pemahaman muncul dalam proses dialog antara penyelidik dan teks kajian. Perlakuan tafsiran sendiri mewakili penumpuan kefahaman secara beransur-ansur di pihak penyelidik dan teks (Bontekoe, 1996).





Menurut Weinsheimer (1991), Hermeneutik bermaksud teori praktis bagi interpretasi yang tidak ada hadnya, iaitu yang boleh didalami sejauh mungkin oleh pengkajinya. Terdapat pengkaji-pengkaji sains sosial menggunakan kaedah Hermeneutik dalam kajian mereka. Antara dapatan kajian yang menggunakan Kaedah Hermeneutik adalah seperti interaksi antara suami isteri atau pasangan (Love, 1994), interaksi di antara guru-murid (Loganathan, 1992; Abdul Rahman Abu Bakar, 1993 & Mangaleswaran, 1999), interaksi di antara Kaunselor-Klien (Gumbang Pura, 1998) dan hasil Penulisan Karangan (Suppiah Nachiappan, 1997; Md. Salleh Yaapar, 1995; Md. Salleh Yaapar, 2002). Gadamer (1989) menerangkan proses interpretasi suatu teks adalah sebagai memberi keleluasaan untuk menafsirkan teks itu berdasarkan pengalaman-pengalaman yang dimiliki oleh penyelidik.



2.14 Ciri-ciri Keterbukaan (*Openness*)

Keterbukaan penyelidik dalam menerima teks adalah suatu aspek dalam Kaedah Hermeneutik. Teks harus dilihat sebagai suatu keadaan keterbukaan untuk menginterpretasi aspek yang dikaji di dalamnya. Bernstein (1982) melihat keterbukaan teks dalam Kaedah Hermeneutik sebagai aspek konteks dengan teks tersebut, iaitu karangan-karangan yang dihasilkan oleh pelajar. Unsur-unsur yang biasa terkandung di dalam teks seperti budaya, sejarah individu dan pengalaman penghasil teks adalah penting dalam keterbukaan sesuatu teks semasa dikajinya. Teori pemahaman Gadamer (1976) menjelaskan proses am yang terlibat dengan teks dan penginterpretasi yang cuba berpandangan sama untuk mengkaji isi kandungan, iaitu




makna yang menjadi fokusnya. Teori ini membantu untuk melihat yang lampau bukan sebagai objek penyiasatan, tetapi sebagai suatu sumber untuk mengesan makna tanpa penghujungnya.

2.15 Ciri-Ciri Kekaburan Pada Teks (*Ontoenigma*)


Istilah ontoenigma pada teks yang dikaji adalah bersifat kabur atau kurang jelas dan biasanya menimbulkan pelbagai persoalan kepada penyelidik yang ingin menyelami teks tersebut. Loganathan (1992) menggunakan istilah ontoenigma untuk menggambarkan keadaan minda penyelidik semasa berdepan dengan isi teks yang dikajinya. Suatu teks dilihat (dibaca) melalui struktur luaran (tersurat). Kemudian, penyelidik menyelami makna melalui ayat-ayat yang dibaca untuk mencungkil makna

yang tersirat di dalam struktur dalaman seperti dalam Rajah 2.4 Proses menghubungkan struktur luaran dan struktur dalaman ini dikenali sebagai Proses Ontopretasi (Loganathan, 1992).



Rajah 2.4. Proses Ontopretasi secara terperinci (Suppiah, 2003, 2016)

Proses Ontopretasi akan berlaku dan akan mendapat sesuatu pemahaman daripada teks apabila meneliti sesebuah teks. Semasa meneliti aspek yang dikaji di dalam teks, proses Ontopretasi akan berlaku berulang-ulang kali sehingga dapat memahami dan menginterpretasi teks dengan lebih jelas. Akhirnya, penyelidik dapat mengesan dan memahami makna yang tersirat di dalam teks yang dikajinya dan disebut lumensa (lumens) oleh Loganathan (1992). Pada saat ini, penyelidik dapat keluar daripada kekaburan atau kejahilan (ontoenigma) tentang teks dan seterusnya mencapai tahap pemahaman dan pengetahuan yang jelas tentang teks yang dikaji seperti dalam Rajah 2.5 Dengan proses Ontopretasi yang berlaku, terhapuslah kekaburan (ontoenigma) pada teks yang dikajinya.



Rajah 2.5. Proses Ontoenigma (Suppiah, 2003)

Bontekoe (1996) mencatatkan bahawa pemahaman pada dasarnya adalah satu aktiviti integratif yang berlaku hanya apabila individu menyedari kepentingan



pelbagai perkara yang dilihat dan pemahaman juga memperlihatkan cara bagaimana perkara-perkara tersebut berkait antara satu sama lain.

Berdasarkan kepada perbincangan dapatlah disimpulkan bahawa Hermeneutik adalah satu kaedah untuk menginterpretasi teks yang mempunyai istilah-istilah tertentu seperti teks, terbuka kepada fenomena, fakta dan kebenaran, kebenaran, ontoenigma dan *situational temporality*, metateks, struktur luaran dan struktur dalaman serta objektiviti. Kebanyakan kajian yang menggunakan kaedah Hermeneutik adalah berkaitan dengan interaksi antara suami isteri atau pasangan, interaksi di antara guru-murid, interaksi di antara kaunselor-klien dan hasil penulisan karangan.



2.16 Rumusan

Secara keseluruhan, kesemua teori dan dapatan kajian lepas yang dibincangkan dalam bahagian ini mempunyai perkaitan, sama ada secara langsung atau pun tidak dengan kajian ini. Bab ini telah membincangkan secara terperinci mengenai perkembangan nilai dalam sistem pendidikan negara, konsep nilai murni dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, aplikasi teori-teori dan model penerapan nilai serta peranan guru untuk menerapkan nilai murni. Pengkaji turut merumuskan secara analitikal dan kritikan kajian-kajian lepas yang berkaitan penerapan nilai dalam pelbagai bidang sama ada dari dalam atau luar negara bagi mengikut kesesuaiannya dengan kajian yang dijalankan. Selain dari itu, penyelidik juga menjelaskan secara terperinci mengenai Pendekatan Hermeneutik dari aspek falsafah sains Hermeneutik, pengaplikasian



analisis Hermeneutik, putaran Hermeneutik, ciri-ciri keterbukaan dan ciri-ciri kekaburan pada teks.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan beberapa aspek seperti pendekatan kajian, reka bentuk kajian, persampelan kajian meliputi peserta kajian dan tempoh kajian, pengumpulan data, unsur-unsur instrumen, kebolehpercayaan dan kesahan, metateks, prosedur kajian serta rumusan.

3.2 Pendekatan Kajian

Pendekatan kajian yang digunakan merupakan pendekatan kualitatif yang berbentuk kajian lapangan dan berupaya menerangkan proses yang dilalui peserta kajian dalam



latar sebenar dan semulajadi (Creswell, 1994). Lincoln dan Guba (1985) menjelaskan bahawa pendekatan kualitatif bukan bertujuan untuk membuat generalisasi tetapi untuk mendapatkan makna dan pemahaman yang mendalam tentang fenomena dikaji daripada perspektif peserta kajian.

Pendekatan kualitatif menghasilkan maklumat yang mendalam dan menyeluruh tentang fenomena yang dikaji serta memberikan data yang kaya, mantap dan sahih serta berupaya menjawab persoalan kajian (Bogdan & Biklen, 1998). Pandangan ini selari dengan pandangann Denzin dan Lincoln (1994); Taylor dan Bogdan (1984) yang mengatakan pendekatan kualitatif mampu memberikan maklumat yang jelas daripada perspektif peserta kajian melalui pemerhatian langsung, temu bual dan analisis dokumen. Menurut Morse dan Field (1995) serta Walcott (1990), pendekatan kualitatif mampu meneroka sesuatu fenomena tanpa mempengaruhi keadaan serta memberikan data yang lebih terperinci dan berfokus.

Bloomberg & Volpe (2012), mengenal pasti lapan tradisi utama dalam kajian kualitatif, iaitu kajian kes, etnografi, fenomenologi, teori dasar, biografi, hermeneutik, kajian tindakan dan postmodernisme.

3.3 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk dalam sesuatu kajian merujuk kepada perancangan yang disediakan untuk menjalankannya (Bogdan & Biklen, 1998; Yin, 1994). Perancangan adalah penting sebagai panduan untuk pengkaji menjalankan penyelidikannya. Pelaksanaan





sesuatu perancangan penyelidikan melibatkan beberapa aktiviti seperti pemilihan kaedah kajian, persampelan, pengumpulan data, menganalisis dan menulis laporan kajian.

Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif telah dipilih dengan menggunakan Kaedah Hermeneutik. Kaedah kualitatif merujuk kepada kajian yang dihasilkan daripada data deskriptif yang diperoleh berdasarkan catatan atau pengucapan dan pemerhatian terhadap tingkah laku seseorang (Taylor & Bogdan, 1984). Menurut Chow Fook Meng (2005), kaedah kualitatif adalah satu proses inkuiri untuk meneroka permasalahan sosial. Penyelidik cuba membina gambaran holistik terhadap sesuatu situasi, peristiwa atau fenomena yang kompleks.



(Bloomberg & Volpe, 2012). Kaedah Hermeneutik digunakan dalam melihat setiap individu sebagai seorang yang unit, iaitu mempunyai emosi, pemikiran dan tingkah laku yang tersendiri. Hermeneutik juga disebut sebagai satu kaedah yang bersifat interpretif. Biasanya apabila seseorang membaca sesebuah novel, cerpen atau puisi, orang itu akan cuba menginterpretasi makna yang dibawa oleh karya tersebut. Secara umum, Hermeneutik adalah satu kaedah yang berusaha untuk mentafsir dan menghuraikan makna yang tersirat atau terselindung di sebalik suatu tingkah laku yang nyata dan tersurat. Kaedah Hermeneutik dapat digunakan untuk menafsirkan suatu tingkah laku yang nyata dan tersurat. Penggunaan kaedah ini dapat menafsirkan tentang perlakuan manusia, terutamanya bagi mencapai pemahaman yang mendalam tentang proses interaksi sesama manusia. Oleh sebab aspek memahami perlakuan manusia adalah merupakan bidang psikologi, maka Hermeneutik adalah satu bentuk





kaedah yang melibatkan aspek psikologi. Pengkaji berpendapat bahawa pendekatan kualitatif amat sesuai untuk kajian ini memandangkan kajian ini berkait rapat dengan psikologi tingkah laku manusia.


Menurut Mueller (1997), Hermeneutik adalah satu seni pemahaman dan bukan bahan yang telahpun difahami. Hermeneutik juga adalah sebahagian daripada seni pemikiran dan berlatarkan falsafah. Oleh itu, untuk melakukan penginterpretasian terhadap ilmu pengetahuan tentang bahasa, maka adalah penting untuk memahami ilmu pengetahuan individu. Tetapi, pada hakikatnya adalah mustahil untuk menganalisis aspek-aspek psikologi seseorang itu. Kejayaan seni penginterpretasian bergantung kepada kepakaran linguistik dan kebolehan memahami subjek yang dikaji.



Volpe, 2012), iaitu contoh teks yang terdiri daripada transkrip temu bual, diari, karangan, surat dan sebagainya (Suppiah, 2013). Seseorang itu harus mengingati pengalaman bermakna yang pernah dilalui tentang sesuatu peristiwa atau kejadian yang menimpa pada dirinya secara langsung.

Hasil tafsiran melalui pendekatan hermeneutik bermula dengan teks. Seterusnya dikenal pasti maklumat atau informasi yang bermakna dalam teks yang kemudiannya digunakan pula untuk menjana tema atau kategori dalam kumpulan teks (Suppiah, 2003). Dalam konteks kajian ini, teks-teks terdiri daripada teks jawapan soalan terbuka, teks hasil dari pemerhatian, teks hasil dari temubual dan teks hasil dari analisis dokumen. Kesemua teks-teks ini akan dianalisis menggunakan kaedah Hermeneutik.





Rajah 3.1. Reka bentuk Kajian

Berdasarkan Rajah 3.1, Pengkaji menggunakan empat kaedah untuk memperoleh data kajian berbentuk teks. Kaedah-kaedah yang digunakan ialah pemerhatian, analisis dokumen, soal selidik berbentuk soalan terbuka dan temu bual. Kesemua data-data berbentuk teks ini seperti teks hasil dari pemerhatian, teks hasil analisis dokumen, teks jawapan soalan terbuka dan teks transkripsi temu bual dianalisis menggunakan pendekatan Hermeneutik untuk menjawab persoalan kajian.

Melalui kaedah soalan selidik berbentuk soalan terbuka dan temu bual, dapatan yang diperolehi lebih mendalam. Oleh yang demikian, dapatan tersebut dapat menjawab kelima-lima soalan kajian. Manakala melalui kaedah pemerhatian dan

analisis dokumen hanya dapat menjawab soalan kajian yang pertama sahaja.

Penjelasan secara terperinci dinyatakan seperti Jadual 3.1

Jadual 3.1

Keterangan Reka Bentuk Kajian

Instrumen	Soalan Kajian
Borang Soal Selidik (soalan terbuka)	vi) Apakah nilai-nilai murni yang diterapkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di prasekolah? vii) Apakah sebab nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah? viii) Bagaimanakah nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah?
Protokol Temu bual	ix) Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai-nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran? x) Sejauh manakah amalan nilai-nilai murni yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah dapat dipraktis dalam kehidupan seharian murid di prasekolah?
Senarai Semak Pemerhatian	i) Apakah nilai-nilai murni yang diterapkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di prasekolah? ii) Bagaimanakah nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah? iii) Sejauh manakah amalan nilai-nilai murni yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah dapat dipraktis dalam kehidupan seharian murid di prasekolah?
Analisis Dokumen - RPH - Lembaran Kerja Murid	i) Apakah nilai-nilai murni yang diterapkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di prasekolah?

3.4 Persampelan Kajian

Kaedah persampelan dalam kajian ini melibatkan pemilihan peserta kajian, pemilihan tempat dan tempoh kajian seperti berikut:



3.4.1 Peserta Kajian

Dalam kajian ini, responden atau peserta kajian adalah merujuk kepada mereka yang diminta memberi fokus kepada fakta-fakta berdasarkan soalan terbuka dan soalan temu bual yang memerlukan seseorang itu membina semula pengalaman secara aktif dalam konteks mereka berada (Seidman, 1998). Rasional penggunaan istilah responden atau peserta kajian selaras dengan dominasi kaedah soalan terbuka dan temu bual termasuklah semasa pemerhatian pengajaran dan analisis dokumen semasa aktiviti pengumpulan data. Ary, Jacobs, Razavieh, & Sorensen (2006) menyatakan bahawa persampelan yang dipilih dalam metodologi kualitatif biasanya kecil tetapi dipercayai adalah mencukupi dalam menyediakan gambaran dan pemahaman yang maksimum tentang apa yang dikaji.



Mason (2002) menyarankan responden kajian yang dipilih didasarkan kepada aspek yang merangkumi keperluan memenuhi persoalan kajian, bersedia untuk bekerjasama, ditemubual dan dapat memberi maklumat yang diperlukan. Hal ini bertujuan memastikan maklumat yang diperolehi berupaya menjawab soalan kajian. Miles dan Huberman (1984) juga mengutarakan pendapat yang hampir sama iaitu pengkaji perlu menentukan had sempadan dalam memilih responden kajian iaitu dengan mengambil kira batasan masa, kebenaran untuk akses ke tempat kajian dan responden kajian haruslah berupaya menjawab persoalan kajian dengan memberikan maklumat terperinci dan mendalam. Oleh itu, peserta yang dipilih dalam kajian ini adalah terdiri daripada guru-guru prasekolah yang mengajar di kelas prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di seluruh negeri Pahang dan telah





mengikuti Program Pensiswazahan Guru (PPG) selama 4 tahun di Institut Pendidikan Guru dari tahun 2011 hingga 2015.

Pemilihan responden atau peserta kajian telah dibuat berdasarkan cadangan Gay (1996), menggunakan teknik *purposive sampling* yang bermaksud sampel kajian dipilih dengan tujuan tertentu. Oleh itu, tujuan utama pemilihan peserta kajian ini adalah dalam kalangan guru prasekolah yang menggunakan KSPK sebagai dokumen penting pengajarannya. Selain itu, pengkaji juga mengambil kira kesanggupan untuk menjadi peserta kajian serta kebenaran daripada pihak pengurusan sekolah. Rasional pemilihan adalah berasaskan pandangan Miles dan Huberman (1994), iaitu dibuat berdasarkan kriteria pemilihan kes yang mempunyai banyak maklumat. Jadi, pemilihan guru prasekolah yang mengajar di kelas prasekolah KPM adalah selaras dengan tujuan dan persoalan kajian ini.



Seramai 30 orang guru prasekolah yang bersedia menjadi responden telah diminta untuk hadir ke bilik kuliah pada hari yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Pengkaji tidak menghadapi masalah kerana kesemua responden memberi kerjasama yang sangat baik. Kesemua responden menjawab soalan terbuka yang diedarkan oleh pengkaji dalam keadaan terkawal selama satu jam. Apabila soalan telah selesai dijawab oleh semua responden, pengkaji mengumpul semula kesemua soalan tersebut untuk dianalisis.

Bagi memantapkan dapatan kajian, pengkaji menggunakan teknik "*network sampling*" melibatkan lima orang responden. Melalui teknik "*network sampling*" ini membolehkan pengkaji menghubungi seorang rakan untuk mendapatkan maklumat





rakan-rakan guru dalam kalangan mereka (Zanaton, 2011). Senada dengan Zanaton, pengkaji-pengkaji lain yang juga menggunakan "*network sampling*" untuk memantapkan pilihan responden dan dapatan kajian antaranya Shatar (2007) dan Noorlela (2007). Shatar (2007) memilih seramai tiga orang responden yang sanggup memberi kerjasama sebagai peserta kajian, manakala Noorlela (2007) memilih lima orang peserta kajian. Oleh itu bagi memantapkan lagi kajian ini, maka pengkaji telah memilih seramai lima orang peserta kajian untuk mendapatkan maklumat paling tepat tentang amalan penerapan nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah seperti yang telah dilakukan oleh Shatar (2007) dan Noorlela (2007), iaitu antara 3 hingga 5 orang responden.

Selepas responden menjawab soalan terbuka, pengkaji telah menemui lima orang guru prasekolah yang bersedia untuk menjadi responden bagi kajian seterusnya.

Pengkaji memberi penjelasan berkaitan tatacara pengumpulan data, risiko yang mungkin dihadapi sepanjang kajian dan hak mereka untuk menarik diri daripada kajian pada bila-bila masa. Mereka diberikan masa selama dua minggu untuk berfikir sebelum lawatan dilakukan.

Walau bagaimanapun, kesemua guru tersebut menyatakan kesanggupan mereka untuk menjadi peserta kajian. Justeru, satu surat pengesahan persetujuan (*informed consent*) telah ditandatangani. Lima orang peserta kajian ini adalah terdiri daripada Cikgu Alia, Cikgu Alina, Cikgu Maria, Cikgu Mala dan Cikgu Rina (nama samaran). Kelima-lima guru ini adalah guru prasekolah yang telah mengajar antara 10 hingga 16 tahun di kelas prasekolah KPM.



Jadual 3.2

Profil Peserta Kajian

Nama	Umur	Pengalaman Mengajar di Prasekolah	Kelayakan Akademik	Jawatan di sekolah/Daerah/ Negeri	Anugerah
Alia	32	10 tahun	Diploma Perguruan (Prasekolah)	Jurulatih Prasekolah Peringkat Daerah	Tempat Ketiga Pertandingan Blog Pembelajaran Peringkat Kebangsaan 2010. Anugerah Prasekolah Terbilang 2013
Alina	50	12 tahun	Diploma Perguruan (Prasekolah)	Jurulatih Prasekolah Peringkat Daerah GPK Pentadbiran	Anugerah Prasekolah Terbilang 2014
Maria	35	11 tahun	Diploma Perguruan (Prasekolah)	Jurulatih Prasekolah Peringkat Daerah dan Peringkat Negeri	Johan Amalan Terbaik PdP Prasekolah Peringkat Negeri 2012. Peserta Amalan Terbaik PdP Peringkat Kebangsaan 2012
Mala	42	16 tahun	Diploma Perguruan (Prasekolah)	Hakim Amalan Terbaik Peringkat Negeri Hakim Program Bijak Prasekolah Peringkat Daerah	APC 2013 Johan Anugerah Prasekolah Terbilang Peringkat Negeri 2011
Rina	47	14 tahun	Diploma Perguruan (Prasekolah)	Jurulatih Prasekolah Peringkat Daerah dan Negeri	APC 2004 APC 2014 Johan Bola Jaring Peringkat Negeri Pahang (2014 & 2013)

3.4.1.1 Deskripsi Peserta Kajian

Kelima-lima orang peserta kajian ini adalah guru perempuan dikenali sebagai Cikgu Alia, Cikgu Alina, Cikgu Maria, Cikgu Mala dan Cikgu Rina (bukan nama sebenar). Kesemuanya adalah berbangsa Melayu. Huraian berikut adalah tentang latar belakang setiap peserta kajian ini.

i) Cikgu Alia

Cikgu Alia berumur 32 tahun, berbangsa Melayu. Beliau memiliki suara nyaring, prihatin dengan kebersihan kelas, bercita-cita tinggi dan merupakan guru yang aktif dan kreatif. Cikgu Alia memiliki Diploma Perguruan dari maktab perguruan dan kemudiannya mengikuti Program Pengsiswazahan Guru (PPG) selama 4 tahun di Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan.

Cikgu Alia memulakan kerjaya sebagai guru prasekolah terlatih pada tahun 2005. Pada tahun 2009, Cikgu Alia berpeluang mengikuti kursus KSPK yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri dan mendapat pendedahan tentang pelaksanaan KSPK. Cikgu Alia menggunakan KSPK sebagai dokumen utama rujukannya dan dilantik sebagai jurulatih prasekolah peringkat daerah.

Disebabkan minat yang mendalam terhadap bidang prasekolah, Cikgu Alia pernah memenangi beberapa pertandingan. Antaranya ialah Tempat Ketiga Pertandingan Blog Pembelajaran Peringkat Kebangsaan pada tahun 2010 dan Johan Prasekolah Terbilang Peringkat Negeri pada tahun 2013. Selain itu, Cikgu Alia juga seorang yang aktif membuat dan menjual bahan bantu mengajar kepada guru-guru prasekolah.



ii) Cikgu Alina

Cikgu Alina merupakan seorang guru senior dan berpengalaman. Beliau memiliki Diploma Perguruan dalam bidang prasekolah dari maktab perguruan dan kemudiannya mengikuti Program Pengsiswazahan Guru (PPG) selama 4 tahun di Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan. Meskipun begitu pengalaman beliau mengajar di kelas prasekolah tidak lama hanya 12 tahun sahaja, iaitu bermula pada tahun 2003 hingga tahun 2015.

Hal ini kerana beliau sering bertukar sekolah dan sekarang beliau memegang jawatan sebagai Guru Penolong Kanan Kurikulum dan sedang mengikuti Program Kelayakan Profesional Pemimpin Kebangsaan (NPQEL) di Institut Aminuddin Baki. Semasa mengajar di kelas prasekolah, Cikgu Alina pernah dilantik sebagai jurulatih prasekolah peringkat daerah. Cikgu Alina merupakan seorang yang sangat komited terhadap tugas yang diamanahkan. Lantaran itu, pada tahun 2014, beliau telah memenangi Anugerah Prasekolah Terbilang Peringkat Negeri.

iii) Cikgu Maria

Cikgu Maria berumur 35 tahun, berbangsa Melayu. Beliau memiliki suara lantang, mesra serta prihatin dengan anak murid dan bercita-cita tinggi. Cikgu Maria memiliki Diploma Perguruan dari maktab perguruan dalam bidang prasekolah dan kemudiannya mengikuti Program Pengsiswazahan Guru (PPG) selama 4 tahun di Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan.



Beliau berpengalaman mengajar di kelas prasekolah selama 11 tahun dan pernah menjadi jurulatih prasekolah peringkat daerah dan peringkat negeri. Cikgu Maria sangat komited mengajar di kelas prasekolah sehingga pada tahun 2012 beliau menjadi Johan Amalan Terbaik Pengajaran dan Pembelajaran Prasekolah Peringkat Negeri dan mendapat hadiah sagu hati pada Peringkat Kebangsaan pada tahun yang sama.

iv) Cikgu Mala

Cikgu Mala juga merupakan seorang guru senior dan berpengalaman. Beliau memiliki Diploma Perguruan dalam bidang prasekolah dari maktab perguruan dan kemudiannya mengikuti Program Pengsiswazahan Guru (PPG) selama 4 tahun di Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan. Beliau berpengalaman mengajar di kelas prasekolah selama 16 tahun bermula pada tahun 1999 sehingga sekarang.

Cikgu Mala seorang guru yang suka kepada kanak-kanak dan sangat komited dengan prasekolah. Beliau telah dilantik menjadi hakim dalam Pertandingan Amalan Terbaik Peringkat Negeri. Selain itu, beliau juga telah dilantik menjadi hakim Program Bijak Prasekolah Peringkat Daerah. Pada tahun 2011, beliau menjadi Johan Anugerah Prasekolah Terbilang Peringkat Negeri dan dianugerahkan Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2013.

v) Cikgu Rina

Cikgu Rina berusia 47 tahun merupakan seorang guru senior dan berpengalaman. Beliau merupakanambilan pertama opsyen prasekolah, iaitu pada tahun 1993. Namun beliau tidak berpeluang mengajar di kelas prasekolah sebaliknya ditempatkan di kelas pemulihan khas. Walau bagaimanapun minatnya untuk mendidik murid-murid prasekolah sedikit pun tidak luntur. Cikgu Rina mula mengajar di kelas prasekolah pada tahun 2001 sehingga sekarang. Menurut Cikgu Rina pengalaman mengajar di kelas pemulihan khas banyak membantunya mendidik murid-murid prasekolah. Beliau juga sedang mengikuti Program Pengsiswazahan Guru (PPG) selama 4 tahun di Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan.

Cikgu Rina seorang yang bersemangat tinggi dan komited dengan prasekolah sehingga beliau dilantik menjadi jurulatih prasekolah peringkat daerah dan peringkat negeri sehingga kini. Beliau telah mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sebanyak 2 kali, iaitu pada tahun 2004 dan tahun 2014. Prasekolah di bawah pimpinannya pernah menjadi johan dalam Pertandingan Bola Jaring Peringkat Negeri selama dua tahun berturut-turut, iaitu pada tahun 2013 dan tahun 2014.

3.4.2 Tempoh Kajian

Tempoh kajian lapangan boleh di pendek atau dipanjangkan mengikut keperluan kajian (Jorgensen, 1989). Walau bagaimanapun, tempoh yang ditetapkan itu

bergantung sehingga data yang dikumpulkan itu mencukupi dan lengkap. Dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan kajian selama tiga bulan (Julai-September 2015) dengan menggunakan soalan terbuka, pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen berdasarkan soalan-soalan berikut:

- i. Apakah nilai-nilai murni yang diterapkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di prasekolah?
- ii. Apakah sebab nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah?
- iii. Bagaimanakah nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah?
- iv. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai-nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran?

- v. Sejauh manakah amalan nilai-nilai murni yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah dapat dipraktis dalam kehidupan seharian murid prasekolah?

Kajian ini bermula dengan aktiviti pra-kajian seperti memohon kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pendidikan Malaysia (Lampiran E), Jabatan Pendidikan Negeri Pahang (Lampiran F) dan pihak sekolah. Pengumpulan data soalan terbuka dimulakan pada hujung bulan Julai manakala pengumpulan data melalui pemerhatian pengajaran dan pembelajaran, analisis dokumen dan temu bual bermula pada minggu ke-2 bulan Ogos 2015. Dalam tempoh tiga bulan, pengumpulan data di buat melalui soalan terbuka, temu bual, analisis dokumen dan sejumlah 5 pemerhatian pengajaran dan pembelajaran.



3.5 Pengumpulan Data

Bagi mendapatkan data, pelbagai pendekatan telah digunakan. Dalam kajian kualitatif, penyelidik sendiri merupakan instrumen utama pengumpulan dan penganalisan data (Creswell, 2009; Noraini, 2010). Ia dilakukan sama ada daripada salah satu atau ketiga-tiga jenis sumber, iaitu dokumen, pemerhatian dan temu bual (Merriam, 1998; Glesne & Peshkin, 1992; Patton, 1990). Menurut Bogdan dan Biklen (1998), catatan lapangan terdiri daripada dua jenis, iaitu deskriptif dan reflektif. Deskriptif merujuk kepada catatan mengenai gambaran *setting*, orang, tingkah laku dan perbualan yang telah diperhatikan manakala reflektif pula adalah sebahagian



daripada pemikiran pemerhati, idea dan persoalannya.

Aktiviti pengumpulan data berpandukan ketetapan dalam kerangka konsep kajian ini. Ia adalah berdasarkan deskripsi tentang amalan penerapan nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah yang telah ditentukan aspek-aspeknya seperti meneliti kefahaman peserta kajian, rancangan pengajaran slot serta amalan pengajaran dan pembelajaran. Proses pengumpulan data untuk tujuan menjawab semua soalan dalam kajian ini akan menggunakan soalan terbuka dan disokong dengan tiga kaedah lain, iaitu pemerhatian pengajaran dan pembelajaran, temu bual dan analisis dokumen (Merriam, 1998; Glesne & Peshkin, 1992; Patton, 1990). Penggunaan pelbagai teknik pengumpulan data ini dapat memperkukuhkan kesahan dalam reka bentuk kajian yang dijalankan (Marohaini, 2001).





Dalam konteks kajian ini, selain daripada soalan terbuka (Lampiran A), bagi memantapkan lagi dapatan kajian, pengkaji telah menjalankan pemerhatian pengajaran dan pembelajaran, temu bual dan analisis dokumen terhadap 5 orang guru prasekolah untuk menganalisis amalan penerapan nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran. Tumpuan utama di beri terhadap amalan guru seperti perlakuan dan pertuturan bagi mengenal pasti nilai pengajaran guru prasekolah.

3.5.1 Soal Selidik (Soalan Terbuka)

Jawapan soalan terbuka tidak disediakan untuk peserta kajian dan peserta kajian menentukan jawapannya sendiri secara spontan berdasarkan isu yang dikemukakan.

Soalan berbentuk ini memberi kebebasan sepenuhnya kepada peserta kajian menyatakan pendapat sendiri tanpa dipengaruhi oleh pengkaji (Foddy, 1993). Soalan terbuka juga boleh menambah kekayaan kepada keputusan kajian seterusnya menghasilkan data yang signifikan (Schuman, 2008).

Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah menggunakan soalan terbuka yang merangkumi lima soalan. Lima soalan ini akan merangkumkan nilai-nilai budaya serta bagaimana cikgu jalankan pengajaran dan pembelajaran. Antara soalnya adalah seperti berikut:

- i. Apakah nilai-nilai murni yang terdapat dalam KSPK?
- ii. Pada pandangan cikgu, mengapakah nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah?



- iii. Bagaimanakah nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah?
- iv. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai-nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran?
- v. Sejauh manakah amalan nilai-nilai murni yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah dapat dipraktis dalam kehidupan seharian murid prasekolah?

Soalan-soalan yang dikemukakan menguji pengetahuan guru tentang nilai-nilai murni, sebab-sebab nilai-nilai murni diterap, kaedah yang digunakan untuk menerapkan nilai, masalah-masalah yang dihadapi oleh guru serta sejauh manakah nilai-nilai murni ini dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian murid di

Kesemua soalan terbuka ini telah dijawab oleh 30 orang guru prasekolah yang mengikuti PPG semasa mereka datang berinteraksi di Institut Pendidikan Guru. Guru prasekolah ini ditempatkan di dalam bilik kuliah dan mereka dikehendaki menjawab kesemua soalan dalam masa satu jam.

3.5.2 Pemerhatian Pengajaran dan Pembelajaran

Pemerhatian membolehkan penyelidik melihat situasi kajian secara langsung dengan menyeluruh (Hancock, 1998). Menurut Patton (1990), data daripada pemerhatian mengandungi gambaran yang terperinci tentang aktiviti, perlakuan serta pelbagai



interaksi interpersonal dan proses organisasi yang menjadi sebahagian dari pengalaman manusia yang dapat dilihat. Manakala Suseela (2001) pula menjelaskan data yang dikumpulkan melalui pemerhatian juga dapat membekalkan maklumat yang kaya dan boleh menambah kebolehpercayaan kepada penyelidikan yang dijalankan. Strategi seumpama ini telah digunakan untuk memerhati interaksi antara guru dan pelajar bertujuan mengkaji perlakuan dan isu-isu berkaitan pengajaran dan pembelajaran. Satu kekuatan teknik ini ialah pengkaji dapat memahami situasi keseluruhan seperti kekangan-kekangan yang dihadapi oleh guru dan gaya pengajaran mereka.

Dalam kajian ini, pengkaji bertindak sebagai pemerhati tidak turut serta dan membiarkan pengajaran dijalankan dalam *setting* biasa. Ini bertujuan untuk mengurangkan kesan tidak selesa guru yang akan mengurangkan kesahan dan kebolehpercayaan dan merupakan ciri utama penyelidikan kualitatif (Jacob, 1988). Untuk memberikan keyakinan kepada peserta kajian semasa pemerhatian dilakukan, pengkaji tidak masuk ke kelas sehingga kedatangan mereka. Semasa interaksi pengajaran dan pembelajaran berlangsung, pengkaji berada di belakang kelas sambil menulis catatan berpandukan senarai semak pemerhatian (Lampiran B). Senarai semak pemerhatian disediakan bersandarkan lima soalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Selain itu juga, pengkaji melihat sekiranya terdapat alat bantu mengajar yang bersesuaian digunakan, carta-carta yang ditampal, sudut-sudut berinformasi, mural, dan sebagainya yang ada di persekitaran kelas.





Melalui kaedah pemerhatian, pengkaji dapat merekodkan sesuatu pengamalan nilai murni oleh responden kajian dengan tepat. Data pemerhatian direkod pada borang senarai semak.

3.5.3 Temu bual

Temu bual merupakan satu pertemuan lisan sama ada secara berdepan atau atas talian (*on-line*) di mana setiap orang mengeluarkan maklumat, mengemukakan pandangan atau kepercayaan antara satu sama lain. Temu bual membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang banyak daripada *first person view* dan membolehkan guru meluahkan perasaan, pendapat, pandangan dan pemikirannya tentang bidang yang dikaji (Norsita & Zainal, 2014). Melalui kaedah temu bual, penemu bual boleh menerangkan dengan jelas tujuan kajian dan jenis maklumat yang diinginkan (Best & Kahn, 2003; Ahmad Sunawari, 2009).

Temu bual bukan sekadar bertujuan untuk mendapatkan jawapan daripada soalan atau untuk menguji hipotesis tetapi lebih kepada untuk memahami pengalaman seseorang dan makna yang diberikan terhadap pengalaman mereka (Seidman, 1998; Patton, 1990). Selain itu, temu bual bertujuan untuk menyelami apa yang ada dalam minda seseorang terutama tentang perkara-perkara yang tidak dapat diperhatikan secara langsung. Dengan kata lain, temu bual adalah percubaan untuk memahami apa yang difikirkan oleh seseorang melalui pengucapannya. Patton (1990) mengatakan, data daripada temu bual mengandungi petikan kata-kata seseorang secara langsung tentang pengalaman, pandangan, perasaan dan pengetahuan mereka.





Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah menemubual seramai lima orang guru prasekolah yang mengikuti Program Pengsiswazahan Guru di IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan berdasarkan senarai semak temu bual (Lampiran C) yang telah disediakan. Pengkaji menemubual semasa pengkaji datang ke sekolah mereka bagi tujuan membuat pemerhatian pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Maklumat temubual kemudiannya direkodkan melalui rakaman audio dan catatan nota (Best & Kahn, 2003; Ahmad Sunawari, 2009).

3.5.4 Analisis Dokumen



Selain temu bual dan pemerhatian pengajaran dan pembelajaran, pelbagai dokumen peserta kajian telah diteliti. Dokumen adalah salah satu komponen penting dalam pengumpulan data. Data yang tersedia dalam dokumen seperti buku rekod mengajar dan buku latihan murid memberi banyak input yang diperlukan. Malah dokumen-dokumen seperti itu yang kaya dengan data akan dapat mengurangkan kerja tanpa perlu menyediakan tugas tambahan. Menurut Bernard (1988), tiada sebab untuk mengumpul data baru jika terdapat maklumat daripada dokumen yang diperlukan untuk menjawab soalan kajian.

Dalam konteks kajian ini, dokumen-dokumen primer dan sekunder berpandukan senarai semak analisis dokumen (Lampiran D) seperti buku rekod mengajar dan lembaran kerja murid dikumpulkan dan dibuat salinan fotostat dengan kerjasama peserta kajian.





3.6 Unsur-unsur Instrumen, Kebolehpercayaan dan Kesahan

Dalam kaedah sains Hermeneutik positivistik elemen-elemen instrumen yang biasanya terdiri daripada satu set soal selidik, kebolehpercayaan dan kesahan instrumen tersebut adalah penting. Kebolehpercayaan dan kesahan instrumen itu dibuktikan menerusi ujikaji dengan menggunakan angka-angka dan data-data tertentu. Di dalam Kaedah Hermeneutik dibincangkan berkaitan dengan tiga elemen utama, iaitu:

- i. Kebolehpercayaan teks kajian
- ii. Kesahihan metateks
- iii. Kecekapan dalam proses pengaliran kefahaman dari struktur Luaran kepada struktur Dalaman

3.6.1 Kebolehpercayaan Kajian

Kebolehpercayaan merujuk kepada '*trustworthiness*' pemerhatian atau data (Suppiah Nachiappan, 2006). Kebolehpercayaan dalam kajian ini dicapai melalui cara-cara seperti berikut:

- i. Penyelidik mendedahkan orientasinya dengan merujuk kepada jangkaan kajiannya.



- ii. Penyelidik menakrifkan dengan jelas konteks sosial dan budaya penyelidik, responden dan tempat kajian serta keadaan semasa data dikumpul.
- iii. Penyelidik menerangkan proses dalam semasa penyelidikan dan tafsiran data dengan merujuk kepada sebarang kesulitan dan tanggapan yang dihadapinya dan menekankan tema baru yang berkembang.
- iv. Penyelidik menerangkan impak penyelidikan terhadap dirinya.
- v. Penyelidik berusaha untuk menjalin hubungan percaya dengan responden dan mencuba untuk memahami pengalaman mereka.
- vi. Penyelidik terlibat secara aktif dengan responden penyelidikan dan jenis data yang berlainan (portfolio sendiri, artifak individu maklumat biografi) untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang perspektif responden.
- vii. Penyelidik bergerak di antara tafsiran dan pemerhatian untuk mencapai pengulangan (Stiles, 1993). Penyelidik mampu untuk berdialog dengan bahan dan menerangkan bagaimana pemerhatian berubah sewaktu dia mendengar pita rakaman, membaca transkrip dan mengkonsepsikan semula pada tafsirannya.
- viii. Akhirnya, penyelidik menanya soalan-soalan terbuka untuk membenarkan responden memberitahu kisah-kisah mereka dan berkongsi maklumat yang mempunyai pengetahuan langsung dengan mereka.
- ix. Penyelidik meneruskan tafsiran dengan menghubungkan tafsiran dengan keratan daripada teks sebenar.

3.6.2 Kesahan kajian

Kesahan merujuk kepada '*trustworthiness*' tafsiran atau kesimpulan (Suppiah Nachiappan, 2006). Kesahan dalam kajian ini dicapai melalui aspek-aspek seperti berikut:

- i. Penyelidik menyatakan objektif kajian dengan jelas seperti dalam Bab Satu.
- ii. Penyelidik mempunyai soalan-soalan yang ada makna peribadi dan kepentingan untuk responden.
- iii. Penyelidik mencapai triangulasi dengan pengumpulan data dari pelbagai sumber, iaitu temu bual, memerhati portfolio dan membincangkan artifak dalam portfolio dengan setiap responden.
- iv. Penyelidik membentangkan tafsiran yang koheran mengenai pengalaman responden.
- v. Penyelidik mendapat '*catalytic validity*' daripada responden kajian yang diharapkan mendapat kuasa, fokus dan '*energizes*'.
- vi. Penyelidik mencapai '*reflexive validity*' (Stiles, 1993 dengan mengaplikasikan putaran hermeneutik ke atas pemerhatiannya dan mengkaji sebarang pemerhatian awal.
- vii. Penyelidik mencapai '*reflexive validity*' kerana tafsiran penyelidik sentiasa berubah dan dinilai berterusan.
- viii. Penyelidik tidak mencuba untuk mengeneralisasikan dapatan kajian dengan responden, tempat dan masa yang berlainan.



3.7 Teks Sebagai Subjek Kajian

Soalan terbuka, transkripsi pemerhatian dan temu bual adalah bahan kajian yang utama dan terpenting dalam kajian ini. Setiap teks mempunyai sekurang-kurangnya dua struktur, iaitu struktur luaran dan struktur dalaman. Kebolehpercayaan sesebuah teks dan bukan kesahihannya biasanya boleh dibincangkan.

Sekiranya sesuatu teks itu dicipta dan direkodkan tanpa sebarang manipulasi, teks itu dikatakan mempunyai kebolehpercayaan. Teks mesti dihasilkan dalam keadaan spontan dan setiap gerak-geri dan intonasi mesti direkodkan dengan tepat supaya kebolehpercayaan teks itu boleh dipraktikkan.



3.8 Metateks

Metateks pula dilihat dari segi kesahan dalam Sains Hermeneutik. Ini adalah kerana metateks hanya menunjukkan kebenaran. Sebuah metateks mempunyai kesahan, jika metateks hanya menunjukkan unsur-unsur struktur luaran dan struktur dalaman yang diselidik dan dapat menunjukkan unsur-unsur yang sama kepada orang lain apabila dikaji melalui *ontological investigations* ke atas beberapa unsur struktur luaran. Metateks mesti bebas daripada tafsiran yang memperlihatkan unsur-unsur yang tidak boleh dibuktikan oleh mana-mana elemen dalam teks kerana tafsiran seperti ini yang mungkin lahir daripada khayalan seorang penyelidik dianggap tidak sah dan mesti ditolak. Dalam kajian ini, aspek yang cuba difahami dalam penulisan ialah amalan penerapan nilai murni dalam kalangan guru prasekolah.



3.9 Prosedur Kajian

Antara langkah yang perlu dititikberatkan dalam prosedur kajian adalah seperti berikut:

- i. Menenal pasti 30 orang guru prasekolah yang terlibat.
- ii. Guru-guru ini diminta menjawab soalan terbuka di dalam sebuah bilik kuliah dalam keadaan terkawal.
- iii. Seramai 5 daripada 30 orang guru yang terlibat diperhatikan PdP dan ditemu bual. Teks hasil dari pemerhatian dan temu bual ini akan diteliti dan maklumat-maklumat yang diperoleh yang akan membantu pengkaji dalam proses pemahaman teks. Soalan-soalan yang ditanya kepada responden adalah dalam Bahasa Malaysia.
- iv. Pada peringkat seterusnya teks yang dihasilkan akan dianalisis dengan menggunakan Pendekatan Hermeneutik.
- v. Metateks ini perlu empat prinsip utama seperti mana yang dinyatakan oleh Loganathan (1992), iaitu *Principle of Consistency*, *Principle of Substantiation*, *Principle of Inadequacy* dan *Principle of Distinctiveness*. Jika metateks memenuhi prinsip-prinsip ini, maka metateks ini diterima dan jika sebaliknya, maka metateks perlu ditolak.
- vi. Metateks juga dirujuk kepada beberapa individu lain yang berpengalaman dalam bidang ini untuk mendapatkan persetujuan mereka. Dalam Hermeneutik, apabila seseorang penyelidik itu nampak sesuatu kebenaran, maka ditunjukkan kepada individu yang lain. Jika individu kedua nampak dan memahami maksud yang sama, maka

persetujuan dicapai serta metateks tersebut diterima. Penyelidik merujuk kepada tafsiran yang dibuat dari teks kajian kepada beberapa individu lain untuk mendapatkan persetujuan.

3.10 Rumusan

Secara keseluruhan bab ini telah membincangkan mengenai tatacara dan perincian yang dilaksanakan oleh pengkaji dalam memperoleh data kajian merangkumi pendekatan, reka bentuk, persampelan, tempoh kajian dan instrumen kajian. Kesahan dan kebolepercayaan cara pemerolehan data turut dibincangkan secara mendalam.

Pengkaji juga membincangkan mengenai kaedah menganalisis data menggunakan

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan beberapa aspek meliputi analisis amalan penerapan nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah dengan menggunakan Kaedah Hermeneutik berdasarkan instrumen soal selidik, pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Hasil analisis Kaedah Hermeneutik ini adalah untuk menjawab soalan kajian seperti yang dinyatakan dalam BAB 1, iaitu untuk mengenal pasti nilai-nilai murni yang diterapkan, kaedah yang digunakan, masalah yang dihadapi dalam menerapkan nilai dan pengamalan nilai murni dalam kalangan murid prasekolah.

Analisis dapatan dibentangkan berdasarkan soalan kajian di mana kaedah-kaedah yang diguna pakai dikhususkan untuk menjawab soalan-soalan yang tertentu. Dalam konteks kajian ini pengkaji menetapkan kaedah soal selidik berbentuk soalan terbuka dan temu bual adalah untuk menjawab kelima-lima soalan kajian. Manakala kaedah pemerhatian digunakan untuk menjawab soalan kajian yang pertama, ketiga dan kelima sementara analisis dokumen hanya digunakan untuk menjawab soalan kajian pertama.

4.2 Analisis Amalan Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik

Dalam bahagian dapatan kajian ini, pengkaji akan menginterpretasi data kajian berdasarkan empat bentuk instrumen, iaitu soal selidik, pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen.

4.2.1 Analisis Amalan Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Kaedah Hermeneutik Berdasarkan Instrumen Soal Selidik

Soalan 1 dari instrumen soal selidik.

Apakah nilai-nilai murni yang terdapat dalam KSPK

<p>Jawapan Soalan 1 (Teks Asal)</p> <p>Apakah nilai-nilai murni yang terdapat dalam KSPK</p>	<p>Interpretasi Amalan Nilai Murni Berdasarkan Soalan 1 melalui Kaedah Hermeneutik</p>
---	---

<p><u>Responden 1</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kasih Sayang • Baik Hati • Sederhana • Toleransi • Rajin • Berdikari • Berhemah Tinggi • Menghormati • Bertanggungjawab • Ikhlas* • Jujur • Keberanian • Kesyukuran* • Mematuhi Arahan* <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>Responden 1 telah menyenaraikan 11 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Walau bagaimanapun, 3 nilai murni yang disenaraikan tidak terdapat dalam KSPK. Ini bermakna Responden 1 mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP. Responden 1 masih ingat sebahagian besar senarai nilai murni yang terdapat dalam KSPK.</p>
<p><u>Responden 2</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerjasama • Penyayang* • Bertolak ansur* • Sopan santun* • Lemah lembut* • Berani • Berkeyakinan tinggi* • Berhemah tinggi • Tolong menolong* • Hormat-menghormati • Bersyukur* • Kerajinan • Berdikari • Semangat patriotisme* <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>Responden 2 hanya menyenaraikan 6 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 2 telah menyenaraikan 8 nilai murni yang tidak terdapat dalam KSPK. Ini bermakna Responden 2 kurang mengingat senarai nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Jadi, besar kemungkinan Responden 2 akan merujuk Dokumen KSPK untuk mengesan nilai murni yang betul untuk diterapkan sewaktu PdP.</p>
<p><u>Responden 3</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Berkerjasama • Bertolak ansur* • Hormat-menghormati • Semangat kecintaan negara* • Semangat patriotisme* 	<p>Responden 3 hanya menyenaraikan 5 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 3 kurang mengingat senarai nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 3 kurang</p>



<ul style="list-style-type: none"> • Kasih sayang • Bersikap jujur • Menolong orang yang dalam kesusahan* • Menyayangi alam sekitar* • Berdikari • Menjaga kebersihan diri* • Mematuhi peraturan sekolah* <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP.</p>
<p><u>Responden 4</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Hormat-menghormati • Tekun* • Rajin • Tolong-menolong* • Amanah* • Jujur • Berhemah • Disiplin • Prihatin* • Bersopan santun* • Berdikari • Bertolak ansur* <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>Responden 4 hanya menyenaraikan 6 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 4 juga kurang mengingat senarai nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 4 kurang mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP.</p>
<p><u>Responden 5</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Baik hati • Kerjasama • Kasih sayang • Semangat patriotisme* • Kesederhanaan • Tolong menolong* • Keberanian • Perpaduan* • Berdikari • Kejujuran • Semangat bermasyarakat* • Hormat-menghormati • Menghargai jasa* <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>Responden 5 hanya menyenaraikan 8 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 5 kurang mengingat senarai nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 5 kurang mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP.</p>





<p><u>Responden 6</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bersyukur* • Berterima kasih • Hormat-menghormati • Tolong menolong* • Kerjasama • Toleransi • Berhemah • Peramah* • Bersopan santun* • Berkasih sayang <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>Responden 6 hanya menyenaraikan 6 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 6 juga kurang mengingat senarai nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 6 kurang mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP.</p>
<p><u>Responden 7</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Menghormati • Kasih sayang • Tanggungjawab • Amanah* • Sabar* • Toleransi • Berkerjasama • Jujur • Prihatin* • Tolong-menolong* • Berhati-hati* • Berkongsi* • Jangan berebut* • Jangan berputus asa* <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>Responden 7 hanya menyenaraikan 6 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 7 juga kurang mengingat senarai nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 7 kurang mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP.</p>
<p><u>Responden 8</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Penyayang* • Baik hati • Bersyukur* • Kesederhanaan • Hormat-menghormati • Kerjasama • Berdisiplin • Bertanggungjawab 	<p>Responden 8 hanya menyenaraikan 7 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 8 juga kurang mengingat senarai nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 8 kurang mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP.</p>





<ul style="list-style-type: none"> • Berani • Semangat bermasyarakat* <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	
<p><u>Responden 9</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kasih sayang • Toleransi • Rajin • Sopan santun* • Berhemah tinggi • Menghormati • Bertanggungjawab • Ikhlas* • Jujur • Keberanian • Kesyukuran* • Mematuhi arahan* • Bekerjasama <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>Responden 9 hanya menyenaraikan 9 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 9 tidak dapat mengingat senarai nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 9 hanya mengetahui sebahagian sahaja nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP</p>
<p><u>Responden 10</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kasih sayang • Bertanggungjawab • Hormat-menghormati • Amanah* • Toleransi • Sabar* • Jujur • Kerjasama • Prihatin* • Tolong-menolong* • Beri perhatian* <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>Responden 10 hanya menyenaraikan 6 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 10 juga kurang mengingat senarai nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 10 kurang mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP.</p>
<p><u>Responden 11</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Sabar* • Tolong-menolong* • Bertanggungjawab 	<p>Responden 11 hanya menyenaraikan 5 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 11 tidak dapat mengingat</p>





<ul style="list-style-type: none"> • Hormat-menghormati • Jujur • Semangat patriotik* • Tidak membuang masa* • Berdikari • Simpati* • Empati* • Rajin • Menjaga kebersihan diri* • Tidak membuang sampah* <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>senarai nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 11 tidak mengetahui kesemua nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP.</p>
<p><u>Responden 12</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Hormat-menghormati • Kasih sayang • Tolong-menolong* • Bertanggungjawab • Jujur • Kepercayaan kepada Tuhan • Keberanian • Toleransi • Berdikari • Keadilan* <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>Responden 12 hanya menyenaraikan 8 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 12 kurang mengingat senarai nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 12 kurang mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP.</p>
<p><u>Responden 13</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kepercayaan kepada Tuhan • Baik hati • Berterima kasih • Kasih sayang • Berhemah • Berdikari • Disiplin • Kerjasama • Toleransi • Jujur • Berani • Rajin • Bertanggungjawab • Hormat-menghormati 	<p>Responden 13 telah menyenaraikan 14 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 13 masih ingat sebahagian besar senarai nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 13 mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP.</p>





<p><u>Responden 14</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Hormat-menghormati • Tolong-menolong* • Bekerjasama • Mencintai alam sekitar* • Bersopan santun* • Baik hati • Jujur • Berbudi bahasa* • kepimpinan* • Bertanggungjawab <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>Responden 14 hanya menyenaraikan 5 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 14 tidak dapat mengingat senarai nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 14 tidak mengetahui kesemua nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP.</p>
<p><u>Responden 15</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Jujur • Terima kasih • Tolong menolong* • Sabar* • Tanggungjawab • Tolak ansur* • Kasih sayang • Amanah* • Baik hati • Kerjasama • Hormat-menghormati <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>Responden 15 hanya menyenaraikan 7 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 15 juga kurang mengingat senarai nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 15 kurang mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP.</p>
<p><u>Responden 16</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Baik Hati • Bersopan santun* • Rajin dan amanah* • Bertanggungjawab • Kerjasama • Hormat-menghormati • Kerajinan <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>Responden 16 telah menyenaraikan 5 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 16 hanya mengingati sedikit sahaja nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 16 kurang mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP.</p>





<p><u>Responden 17</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Baik Hati • Tolong menolong* • Tolak ansur* • Kerjasama • Hormat-menghormati • Berdikari • Bersopan santun* • Menghargai* • Berterima kasih • Menepati masa* • Memaafkan* • Keberanian • Yakin* • Menepati janji* <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>Responden 17 telah menyenaraikan 6 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 17 hanya mengingati sedikit sahaja nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 17 kurang mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP.</p>
<p><u>Responden 18</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Keberanian • Kerajinan • Kejujuran • Baik Hati • Tolong Menolong* • Kasih Sayang • Berdikari • Sabar* • Kerjasama • Amanah* <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>Responden 18 telah menyenaraikan 7 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 18 hanya mengingati sebahagian sahaja nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 18 kurang mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP.</p>
<p><u>Responden 19</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tolong menolong* • Kerjasama • Mengikut peraturan* • Bersopan santun* • Hormat-menghormati • Sayang menyayangi • Cintakan, negara dan tanah air* • Sabar* • Kejujuran 	<p>Responden 19 telah menyenaraikan 4 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 19 hanya mengingati sebahagian kecil nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 19 kurang mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP.</p>





<ul style="list-style-type: none"> • Berakhlak mulia* <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	
<p><u>Responden 20</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tolong menolong* • Hormat-menghormati • Kerjasama • Bertolak ansur* • Kejujuran • Menyayangi* • Sabar* • Berbudi pekerti* • Berakhlak mulia* • Ikut peraturan* • Menjaga kebersihan* • Berbudi bahasa* • Sifat patriotik* <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>Responden 20 telah menyenaraikan 3 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 20 hanya mengingati sebahagian kecil nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 20 kurang mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu Pdp.</p>
<p><u>Responden 21</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tolong menolong* • Kerjasama • Hormat-menghormati • Membantu* • Kejujuran • Amanah* • Baik Hati • Ikhlas* • Simpati* • Merendah diri* • Bersopan santun* • Sabar* • Syukur* • Kasih sayang <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>Responden 21 telah menyenaraikan 5 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 21 hanya mengingati sebahagian kecil sahaja nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 21 kurang mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu Pdp.</p>





<p><u>Responden 22</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tolong menolong* • Kasih sayang • Berbudi bahasa* • Hormat-menghormati • Menjaga kebersihan diri* • Berdisiplin • Bersopan santun* • Berkongsi* • Menjaga kebersihan* • Menjaga keselamatan diri* <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>Responden 22 telah menyenaraikan 3 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 22 hanya mengingati sebahagian kecil nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 22 kurang nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP.</p>
<p><u>Responden 23</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kasih sayang • Baik Hati • Sederhana* • Kerajinan • Toleransi • Berdikari • Hemah tinggi • Hormat-menghormati • Bertanggungjawab • Ikhlas* • Kejujuran • Keberanian • Kesyukuran* • Mematuhi arahan* <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>Responden 23 telah menyenaraikan 10 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 23 masih ingat sebahagian besar senarai nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 23 mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP.</p>
<p><u>Responden 24</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Penyayang* • Bertanggungjawab • Hormat-menghormati • Amanah* • Toleransi • Sabar* • Baik Hati • Kejujuran 	<p>Responden 24 telah menyenaraikan 5 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 24 hanya mengingati sebahagian kecil nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 24 kurang mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP.</p>





<ul style="list-style-type: none"> • Peramah* • Tolong-menolong* • Patriotisme* • Bersyukur* <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	
<p><u>Responden 25</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Baik Hati • Penyayang* • Toleransi • Kerajinan • Sopan santun* • Berdikari • Berhemah tinggi • Hormat-menghormati • Bertanggungjawab • Ikhlas* • Kejujuran • Keberanian • Kesyukuran* • Patuh Arahan* • Tolong menolong* • Bersederhana <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>Responden 25 telah menyenaraikan 10 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 25 masih ingat sebahagian besar senarai nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 25 mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP.</p>
<p><u>Responden 26</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Baik Hati • Kesederhanaan • Kasih sayang • Kerjasama • Tolong menolong* • Semangat patriotisme* • Perpaduan* • Berdikari • Semangat bermasyarakat* • Kejujuran • Hormat-menghormati • Kepatuhi kepada undang-undang* • Kebersihan diri* • Belas kasihan* • Toleransi 	<p>Responden 26 telah menyenaraikan 8 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 26 hanya mengingati sebahagian sahaja nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 26 kurang mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP.</p>



(*Bukan nilai murni dalam KSPK)	
<p><u>Responden 27</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kasih sayang • Kerajinan • Sopan santun* • Berdikari • Berhemah tinggi • Hormat-menghormati • Bertanggungjawab • Kejujuran • Keberanian • Kesyukuran* • Mematuhi arahan* • Tolong menolong* <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>Responden 27 telah menyenaraikan 8 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 27 hanya mengingati sebahagian sahaja senarai nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 27 kurang mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu Pdp.</p>
<p><u>Responden 28</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Baik Hati • Kesederhanaan • Penyayang* • Kerjasama • Bertanggungjawab • Kasih sayang • Semangat bermasyarakat* • Kesyukuran* • Patriotik* <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>Responden 28 telah menyenaraikan 5 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 28 hanya mengingati sebahagian kecil senarai nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 28 kurang mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu Pdp.</p>
<p><u>Responden 29</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Hormat-menghormati • Tolong menolong* • Jujur dan amanah* • Prihatin* • Baik hati • Ikhlas* • Kasih sayang <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>Responden 29 telah menyenaraikan 3 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 29 hanya mengingati sebahagian kecil senarai nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 29 kurang nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu Pdp.</p>

<p><u>Responden 30</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bekerjasama • Kasih sayang • Tolong menolong* • Menepati masa* • Bertanggungjawab • Keberanian • Kesyukuran* • Mematuhi arahan* • Berdikari • Prihatin* <p>(*Bukan nilai murni dalam KSPK)</p>	<p>Responden 30 telah menyenaraikan 5 nilai murni yang betul (yang dihitamkan). Responden 30 hanya mengingati sebahagian kecil senarai nilai murni yang terdapat dalam KSPK. Ini bermakna responden 30 kurang mengetahui nilai-nilai murni yang perlu diamalkan sewaktu PdP.</p>
---	--

4.2.2 Perbincangan Interpretasi Amalan Nilai Murni Berdasarkan Soalan 1

Melalui Kaedah Hermeneutik


Dalam menjawab Soalan 1, pengkaji mendapati responden telah memberi jawapan seperti Jadual 4.1.

Jadual 4.1

Senarai Nilai-Nilai Murni dalam KSPK oleh Responden

Nilai-nilai Murni
Hormat-menghormati (26)*
Kejujuran (21)*
Kasih sayang (20)*
Kerjasama (19)*
Bertanggungjawab (18)*
Baik hati (16)*
Berdikari (15)*
Keberanian (13)*
Toleransi (11)*
Kerajinan (11)*
Hemah tinggi (9)*
Kesederhanaan (6)*
Berterima kasih (4)*
Berdisiplin (4)*
Kepercayaan Kepada Tuhan (2)*
Keadilan (0)*

* kekerapan mengulang dalam jawapan soalan terbuka 1



Rajah 4.1. Senarai nilai-nilai murni dalam KSPK oleh responden

Berdasarkan Jadual 4.1 dan Rajah 4.1, iaitu nilai-nilai murni dalam KSPK oleh


responden pengkaji mendapati nilai hormat-menghormati merupakan nilai murni yang paling tinggi disenaraikan, iaitu sebanyak 26 kali. Manakala nilai kejujuran dan kasih sayang pula merupakan nilai kedua dan ketiga tertinggi iaitu sebanyak 21 dan 20 kali. Dalam pada itu, 4 nilai murni, iaitu kerjasama, bertanggungjawab, baik hati dan berdikari masing-masing sebanyak 19, 18, 16 dan 15 kali disenaraikan. Nilai murni yang agak kurang disenaraikan adalah keberanian 13 kali manakala nilai murni toleransi dan kerajinan pula masing-masing 11 kali. Sementara itu, nilai murni hemah tinggi dan kesederhanaan juga kurang disenaraikan, iaitu hanya 9 dan 6 kali. Manakala nilai murni berterima kasih dan berdisiplin masing-masing 4 kali sahaja. Paling sedikit disenaraikan ialah nilai murni kepercayaan kepada Tuhan hanya 2 kali dan nilai murni keadilan langsung tidak disenaraikan oleh responden.

Jadual 4.2

Jumlah Nilai Murni yang Dapat Disenaraikan oleh Responden

Senarai Responden	Jumlah Nilai Murni yang Disenaraikan
Responden 13	(14)*
Responden 1	(11)*
Responden 23	(10)*
Responden 25	(10)*
Responden 9	(9)*
Responden 26	(8)*
Responden 27	(8)*
Responden 5	(8)*
Responden 12	(8)*
Responden 8	(7)*
Responden 15	(7)*
Responden 18	(7)*
Responden 2	(6)*
Responden 4	(6)*
Responden 6	(6)*
Responden 7	(6)*
Responden 10	(6)*
Responden 17	(6)*
Responden 3	(5)*
Responden 11	(5)*
Responden 24	(5)*
Responden 28	(5)*
Responden 14	(5)*
Responden 16	(5)*
Responden 21	(5)*
Responden 30	(5)*
Responden 19	(4)*
Responden 20	(3)*
Responden 22	(3)*
Responden 29	(3)*

* kekerapan mengulang dalam jawapan soalan terbuka 1



Rajah 4.2. Jumlah nilai murni yang dapat disenaraikan oleh responden

R13, R1, R23 dan R25 telah dapat menyenaraikan nilai murni yang tinggi, iaitu 10 dan ke atas. R13 dapat menyenaraikan 14 nilai murni yang betul dan dianggap penyenaarai yang paling tinggi. Manakala ada 3 responden, iaitu R1, R23 dan R25 masing-masing dapat menyenaraikan 11 dan 10 nilai murni yang betul.

Seramai 22 orang responden dapat menyenaraikan nilai murni yang betul antara 5 hingga 9. Mereka adalah R2, R3, R4, R5, R6, R7, R8, R9, R10, R11, R12, R14, R15, R16, R17, R18, R21, R24, R26, R27, R28 dan R30. Namun, pengkaji mendapati 4 orang responden dapat menyenaraikan 3 hingga 4 sahaja nilai murni yang betul, iaitu R19, R20, R22 dan R29 seperti dalam Rajah 4.2. Kesimpulannya, pengkaji mendapati kebanyakan responden hanya dapat mengingati sebahagian nilai murni yang betul seperti mana yang tersenarai dalam dokumen KSPK.

4.3 Analisis Amalan Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Kaedah Hermeneutik Berdasarkan Pemerhatian

4.3.1 Nilai-Nilai Murni yang diterapkan semasa Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Pemerhatian

Pengkaji telah menjalankan pemerhatian ke atas lima orang guru prasekolah mengenai amalan penerapan nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran di prasekolah. Melalui pemerhatian yang dijalankan menunjukkan penerapan nilai murni ada dilaksanakan semasa pengajaran dan pembelajaran.

4.3.1.1 Data Pemerhatian terhadap PdP Responden 1.

Tarikh : 8 September 2015 (Selasa)

Masa : 10.30 pagi - 11.30 pagi

Pemerhatian Terhadap PdP Responden 1 (Cikgu Alia) - Teks Asal Nilai-nilai murni yang diterapkan semasa pengajaran dan pembelajaran prasekolah.	Interpretasi Hasil Pemerhatian berkaitan nilai-nilai murni yang diterapkan semasa PdP Responden 1 (Cikgu Alia) melalui Kaedah Hermeneutik
G: Assalamualaikum w.b.t. M: Waalaikumussalam w.b.t (R1: P1-2)	Guru menerapkan nilai murni dengan mengucapkan salam. Murid juga menjawab salam menandakan sikap saling hormat-menghormati di antara guru- murid.
G: Ye..kena minum susu tiap-tiap hari, kene makan sayur supaya tulang kita kuat, badan kita sihat, gigi kita pon sihat (R1: P32)	Guru menggalakkan murid makan makanan yang berkhasiat seperti minum susu dan makan sayur untuk menjaga kesihatan dan menguatkan anggota badan. Di sini guru menerapkan nilai bertanggungjawab menjaga diri sendiri



<p>G: Siapa suka minum susu? M: Saya (4 orang pelajar respon-angkat tangan)</p> <p>G: Ok, bagus! (R1: P33-35)</p>	<p>Kesanggupan murid mengangkat tangan menunjukkan nilai keberanian ada dalam diri mereka.</p> <p>Sikap guru yang memuji keberanian murid menunjukkan guru mempunyai nilai baik hati.</p>
<p>G: ni lah susu. Pernah minum tak susu ni? M: tak pernah...(semua jawab) Saya tak pernah (murid yang masih berdiri) (R1: P44-46)</p> <p>G: ada..protein..(sambil mengalihkan kotak susu dan meletakkan di atas meja). Ok thank you (minta murid yang berdiri untuk duduk). sini..Aidil pulak (murid lain diminta kehadapan) (R1: P51-52)</p>	<p>Sikap murid yang mengaku tidak pernah minum susu menunjukkan murid mempunyai nilai kejujuran.</p> <p>Sikap guru yang mengucapkan terima kasih dan memberi peluang murid lain mencuba menunjukkan guru mengamalkan nilai berterima kasih dan keadilan.</p>
<p>G: Ok, terima kasih Aidil. Alia cepat Alia. Meh nak raba-raba ni. Alia ambil apa..ha..apa ni? (R1: P64)</p>	<p>Sikap guru yang mengucapkan terima kasih menunjukkan guru mengamalkan nilai berterima kasih.</p>
<p>G: Ha..karbohidrat. Terima kasih Alia. Ada lagi ni. (R1: P70)</p>	<p>Sikap guru yang mengucapkan terima kasih menunjukkan guru mengamalkan nilai berterima kasih.</p>
<p>G: Bagus makan madu. Kalau awak selsema ke batuk minum sikit je. Minum tiap-tiap pagi memang bagus. (R1: P99-100)</p>	<p>Guru menerapkan nilai murni kasih sayang dengan menggalakkan murid makan madu bagi menghindari selsema dan batuk.</p>
<p>G: Aini mari sini aini tolong cikgu kejap je nak tengok ingat balik ke tidak. Aini mari sini aini tolong cikgu kejap je nak tengok ingat balik ke tidak. Tolong sebut cikgu tak nak eja. sebut ba (R1: P109-111)</p>	<p>Guru menerapkan nilai murni hemah tinggi apabila sering menyebut perkataan tolong ketika berinteraksi dengan murid.</p>
<p>G: Awak tampal, kene eja..ma du..yang lain kene ikut kawan baca sama-sama. Ok. Sapa nak main kene tunjuk perangai</p>	<p>Guru menerapkan nilai murni berdisiplin apabila meminta murid mendengar arahan dengan baik.</p>



cantik-cantik. Sapa tak dengar cakap cikgu nak kuarkan dia daripada mainan. (R1: P158)	
G: ok, dah sedia? M: da G: are u ready? M: yes teacher (R1: P160-163)	Guru bersikap toleransi dengan melihat kesediaan murid terlebih dahulu sebelum menjalankan sesuatu aktiviti dan murid pun memberi respon menandakan mereka memahami akan pertanyaan guru. Hal ini berkemungkinan telah menjadi amalan dalam pengajaran guru

4.3.1.2 Data Pemerhatian PdP Responden 2.

Tarikh : 9 September 2015 (Rabu)

Masa : 9.00 pagi - 10.00 pagi

Pemerhatian Terhadap PdP Responden 2 (Cikgu Alina) - (Teks Asal) Nilai-nilai murni yang diterapkan semasa pengajaran dan pembelajaran prasekolah.	Interpretasi Hasil Pemerhatian berkaitan nilai-nilai murni yang diterapkan semasa PdP Responden 2 (Cikgu Alina) melalui Kaedah Hermeneutik
G: Assalamualaikum w.b.t. M: Waalaikumussalam w.b.t (R2: P3-4)	Guru menerapkan nilai murni dengan mengucapkan salam. Murid juga menjawab salam menandakan sikap saling hormat-menghormati di antara guru- murid.
G: Ok, kita tengok kat sini. Tadi awak da tengok apple tu, kita tengok apple yg cikgu warnakan 1,2,3,4,5,6,7,8,9,10 1 tu warna apa? M: Kuning G: 2 M: Pink G: Bagus tepuk tangan kat kamu (R2: P31-37)	Guru menerapkan nilai murni berterima kasih dengan meminta murid bertepuk tangan sebagai tanda penghargaan/ pengiktirafan kepada murid yang berjaya menjawab dengan betul.
G: kita nak main kt gulung rotan 3+4. cikgu akan berada di 3, cikgu akan lompat 4=3+4=7 kita cuba Balqis	Guru menerapkan nilai murni keadilan dengan memberi peluang kepada murid yang pendiam untuk mencuba melakukan aktiviti.

(R2: P80-82)	
G: kita tengok Irshad Irshad bagus dia dapat nombor berapa M: 4 (R2: P93-95)	Sikap guru yang memuji murid menunjukkan guru mempunyai nilai baik hati .
G: berapa akmal dapat? Cuba kira M: 6 G: pandai siapa nak cuba lagi? (R2: P109-112)	Sikap guru yang memuji murid menunjukkan guru mempunyai nilai baik hati . Guru juga menerapkan nilai murni keadilan dengan memberi peluang kepada murid untuk melakukan aktiviti.

4.3.1.3 Data Pemerhatian PdP Responden 3.

Tarikh : 10 September 2015 (Khamis)

Masa : 10.30 pagi - 11.30 pagi

Pemerhatian Terhadap PdP Responden 3 (Cikgu Maria) - (Teks Asal)	Interpretasi Hasil Pemerhatian berkaitan nilai-nilai murni yang diterapkan semasa PdP Responden 3 (Cikgu Maria) melalui Kaedah Hermeneutik
Nilai-nilai murni yang diterapkan semasa pengajaran dan pembelajaran prasekolah.	
G: Assalamualaikum w.b.t. M: Waalaikumussalam w.b.t (R3: P2-3)	Guru menerapkan nilai murni dengan mengucapkan salam. Murid juga menjawab salam menandakan sikap saling hormat-menghormati di antara guru- murid.
G: Hari ni datang semua sekolahkan..bagus. (R3: P4)	Sikap guru yang memuji murid datang ke sekolah menunjukkan guru mempunyai nilai baik hati .
G: hari ni teacher nak awak semua nyanyi, boleh? M: boleh G: nyanyi dengan penuh semangat (R3: P9-11& P49-50)	Sikap guru yang meminta murid menyanyi dengan penuh semangat menunjukkan guru menerapkan nilai keberanian .
M: e bunyinya e..e bunyinya e...o bunyinya o. Semua bunyinya a e o (menyanyi)	Sikap guru yang memuji murid dapat menyanyi dengan baik menunjukkan guru



G: ok, bagus (R3: P20-21)	mempunyai nilai baik hati .
M: konsonan vokal a kita eja baca lama- lama kita akan pandai (menyanyi) G: semua yang duduk dengan a mulutnya kena bukak mulut (R3: P58-59)	Guru menerapkan nilai murni kerajinan melalui senikata lagu. Guru menerapkan nilai murni berdisiplin apabila meminta murid melakukan aktiviti berdasarkan arahan.
G: kalau konsonen huruf u semua mulut ke depan (R3: P72-73)	Guru menerapkan nilai murni berdisiplin apabila meminta murid melakukan aktiviti berdasarkan arahan.
G: mulut kita mesti bulat yang ni kene semangat (R3: P98-99)	Guru menerapkan nilai murni berdisiplin dan keberanian apabila meminta murid melakukan aktiviti berdasarkan arahan serta menyanyi dengan penuh semangat.
G: ok bangun, beratur kat sini (R3: P132)	Guru menerapkan nilai murni berdisiplin apabila meminta murid beratur sebelum melakukan aktiviti.
G: kumpulan yang betul eja paling banyak menang dapat hadiah eja dengan betul tengok gambar (R3: P142-144)	Guru menerapkan nilai murni kerjasama dengan menggalakkan murid mengeja dengan betul secara kumpulan.
G: kumpulan siapa yang nak mula dulu M: saya (semua angkat tangan) (R3: P145-146)	Kesanggupan murid mengangkat tangan menunjukkan nilai keberanian ada dalam diri mereka.
G: ok tepuk tangan kat kumpulan kuning (R3: P167) ok, tepuk tangan kat kumpulan hijau (R3: P179)	Guru menerapkan nilai murni berterima kasih dengan meminta murid bertepuk tangan sebagai tanda penghargaan/ pengiktirafan kepada kumpulan yang berjaya menjawab dengan betul.
G: semua orang menang!!! tepuk tangan.... (R3: P256-257)	Guru menerapkan nilai murni keadilan dan berterima kasih apabila menyatakan semua orang adalah pemenang dan meminta murid bertepuk tangan.



4.3.1.4 Data Pemerhatian PdP Responden 4.

Tarikh : 11 September 2015 (Jumaat)

Masa : 9.00 pagi - 10.00 pagi

Pemerhatian Terhadap PdP Responden 4 (Cikgu Mala) - (Teks Asal) Nilai-nilai murni yang diterapkan semasa pengajaran dan pembelajaran prasekolah.	Interpretasi Hasil Pemerhatian berkaitan nilai-nilai murni yang diterapkan semasa PdP Responden 4 (Cikgu Mala) melalui Kaedah Hermeneutik
G: Selamat pagi semua M: Selamat pagi teacher (R4: P2-3)	Guru dan murid saling mengucapkan selamat pagi sebagai tanda hormat-menghormati antara guru dan murid.
G: Ok, sekarang cikgu nak memainkan lagu. Kamu dengar dulu ye..dengar dulu Ok, bangun bersama-sama.. (R4: P6-7)	Guru menerapkan nilai berdisiplin apabila meminta murid mendengar dengan teliti dan bangun bersama-sama.
G: Kalau kau senang hati tepuk tangan... (mendengar, menyanyi dan menggerakkan tubuh badan Ok, tepuk tangan (tepuk) G/M : Jari G/M : Hentak kaki (R4: P8-11)	Murid mengikut arahan guru menandakan murid berdisiplin dan mendengar arahan.
G : Yes. very good So..very good (R4 : P20-23) : Ok very good (R4: P94) : good R4: P106) G : very good (R4: P111) G : So very good..all the things you know allready (R4: P131) G : sekarang cikgu nak wakil just pusing..jumpa bahagian badan tu.. (R4: P100-101)	Sikap guru yang sering memuji murid menunjukkan guru mempunyai nilai baik hati . Guru menerapkan nilai keberanian dengan menggalakkan murid cuba melakukan aktiviti.
G/M : Kalau rasa gembira tepuk	Murid mendengar dan mengikut arahan guru

tangan....(mendengar, menyanyi dan menggerakkan tubuh badan(tanpa lagu di komputer) (R4: P171)	menandakan murid berdisiplin .
G : hari ni kita belajar badan saya. Macam mana nak jaga gigi? M : gosok gigi G : macam mana nak jaga kuku? M : ketip kuku G : inilah cara kita menjaga anggota tubuh badan (R4: P172-176)	Guru menerapkan nilai kebersihan diri melalui sesi soal jawab di akhir pelajaran.

4.3.1.5 Data Pemerhatian PdP Responden 5.

Tarikh : 15 September 2015 (Selasa)

Masa : 9.00 pagi - 10.00 pagi

Pemerhatian Terhadap PdP Responden 5 (Cikgu Rina) - (Teks Asal)	Interpretasi Hasil Pemerhatian berkaitan nilai-nilai murni yang diterapkan semasa PdP Responden 5 (Cikgu Rina) melalui Kaedah Hermeneutik
Nilai-nilai murni yang diterapkan semasa pengajaran dan pembelajaran prasekolah.	
G : Apa khabar? M : Khabar baik, cikgu G : Sihat tak hari ni? M : Sihat (R5: P2-5)	Guru menerapkan nilai murni dengan bertanya khabar dan kesihatan murid menandakan nilai hormat-menghormati dan kasih sayang antara guru- murid.
G : Soalan lain pula. Orang lain cuba. M: Saya (murid-murid angkat tangan) (R5: P57-58)	Guru menerapkan nilai berani dan keadilan apabila meminta murid lain mencuba melakukan aktiviti.
G : Ok, tepuk tangan. Siapa? Ok, cikgu panggil Najwa. Ok, cuba guna. Nanti cikgu bagi satu sorang. Ti boleh guna. (R5: P62)	Guru menerapkan nilai murni berterima kasih dan keberanian dengan meminta murid bertepuk tangan sambil menggalakkan murid lain cuba melakukan aktiviti.

<p>G : Ok, tepuk tangan kat kumpulan perempuan. Ok, sekarang kumpulan perempuan pulak. Eh.duduklah. Cikgu kata siapa yang tak dengar arahan cikgu..cikgu tak suka. Ok, sekarang ni Ain. Cikgu cari orang yang baik-baik je. Ain ambil satu soalan. Orang yang tak dengar cakap cikgu dia tak boleh jawab nanti. soalan apa tu? cuba baca. (R5: P75)</p>	<p>Guru menerapkan nilai murni berterima kasih dan berdisiplin dengan meminta murid bertepuk tangan sambil mendengar arahan guru.</p> <p>Guru juga menerapkan nilai berani apabila meminta murid lain cuba melakukan aktiviti.</p>
<p>G/M: 1+1=2, 2+2=4, 3+3=6, 4+4=8, 5+5=10. (ulang sekali bersama murid). Ok, tepuk tangan. Semua menyanyi dan mengira tambah dengan betul. tepuk tangan (R5: P98-99) 1+1=2, 2+2=4, 3+3=6, 4+4=8, 5+5=10. (ulang sekali bersama murid). Ok, tepuk tangan. (R5: P109)</p>	<p>Guru menerapkan nilai murni berterima kasih dengan meminta murid bertepuk tangan sebagai tanda penghargaan kepada murid yang melakukan aktiviti.</p>

Berdasarkan data pemerhatian di atas, pengkaji mendapati kelima-lima

responden ada menerapkan nilai murni semasa proses pengajaran dan pembelajaran berjalan. Berikut adalah nilai-nilai murni yang diterapkan oleh responden semasa proses pengajaran dan pembelajaran.


Jadual 4.3

Nilai-Nilai Murni Yang Diterapkan Dalam PdP Prasekolah

Nilai-nilai murni yang diterap dalam PdP

Berterima kasih (9)*
Berdisiplin (9)*
Keberanian (8)*
Baik hati (7)*
Hormat menghormati (5)*
Keadilan (5)
Kasih sayang (2)*
Kejujuran (1)*
Hemah Tinggi (1)*
Toleransi (1)*
Kerajinan (1)*
Kerjasama (1)*

* kekerapan mengulang nilai murni semasa PdP



Rajah 4.3. Nilai-nilai murni yang diterapkan dalam PdP prasekolah

Berdasarkan Jadual 4.3 dan Rajah 4.2, iaitu nilai-nilai murni yang diterapkan

semasa proses pengajaran dan pembelajaran di prasekolah pengkaji mendapati hanya 12 nilai murni yang diterapkan oleh kelima-lima responden. Nilai murni berterima kasih dan berdisiplin merupakan nilai murni yang paling tinggi diterapkan, iaitu sebanyak 9 kali. Manakala nilai murni keberanian dan baik hati masing-masing diterap sebanyak 8 dan 7 kali. Nilai murni hormat menghormati dan keadilan pula diterap sebanyak 5 kali.

Sementara nilai murni kasih sayang pula hanya diterapkan sebanyak 2 kali sahaja. Nilai murni lain yang diterapkan oleh kelima-lima responden ini ialah kejujuran, hemah tinggi, toleransi, kerajinan dan kerjasama yang hanya sekali sahaja diterapkan.

Pengkaji mendapati kebanyakan responden menerapkan nilai murni melalui pelakuan tertentu. Misalnya responden pertama menerapkan nilai berterima kasih sebaik sahaja muridnya selesai melakukan sesuatu aktiviti seperti yang dikehendakinya. Ini menggambarkan responden pertama sangat menghargai penglibatan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

4.4 Analisis Amalan Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Kaedah Hermeneutik Berdasarkan Temu bual

Dalam bahagian ini akan dibincangkan nilai-nilai murni yang diterapkan semasa PdP guru prasekolah berdasarkan temu bual.

4.4.1 Nilai-Nilai Murni yang diterapkan semasa Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Temu bual

Pengkaji telah menemu bual lima orang guru prasekolah mengenai amalan penerapan nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran di prasekolah. Melalui temu bual yang dijalankan menunjukkan guru ada menerapkan nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran. Data daripada temu bual dengan R1 hingga R5 mengenai penerapan nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran adalah seperti berikut.



<p>Temu bual berkaitan Amalan Penerapan Nilai Murni semasa PdP (Teks Asal)</p> <p>Apakah nilai murni yang cikgu terapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah?</p>	<p>Interpretasi Hasil Temu bual berkaitan nilai-nilai murni yang diterapkan semasa PdP melalui Kaedah Hermeneutik</p>
<p>Temu bual pengkaji dengan Responden Satu</p> <p>Apakah nilai-nilai murni yang cikgu terapkan dalam PdP?</p> <p><u>Responden Satu (Cikgu Alia)</u></p> <p>Tolong menolong, kerjasama, baik hati, berkisar kehidupan dia seharian. Dia tak boleh lari dari nilai murni yang itu. (R1: T20)</p>	<p>Responden Satu selalu menerapkan nilai murni yang berkisar dengan kehidupan murid seperti tolong menolong, kerjasama dan baik hati.</p>
<p><u>Responden Dua (Cikgu Alina)</u></p> <p>Biasa macam yang saya kata tadi. Kerjasama, tolak ansur. Lepas tu kasih sayang. Maknanya yang sentiasa ada dengan kehidupan dia. (R2:T26)</p>	<p>Responden Dua juga menerapkan nilai murni yang sentiasa berkisar dengan kehidupan murid seperti kerjasama, tolak ansur dan kasih sayang di mana tolak ansur merupakan elemen kepada nilai baik hati</p>
<p><u>Responden Tiga (Cikgu Maria)</u></p> <p>Selalu tolong menolong, setia kawan, disiplin, budi baik. Banyak cik. Yang biasa bersyukur, bertolak ansur, berdisiplin. R3:T28-29)</p>	<p>Responden Tiga sering menerapkan nilai murni tolong menolong, setia kawan, disiplin, budi baik, bersyukur dan bertolak ansur.</p>
<p><u>Responden Empat (Cikgu Mala)</u></p> <p>Sabar, bekerjasama, hormat menghormati sebab ni kanak-kanak kan. Teliti, kemas. kalau pjtu jaga keselamatan la. (R4:T10)</p> <p>PnP ada banyak tunjang. Sarapan pagi mestilah baca doa, letak pinggan, letak cawan dalam sinki, kemas meja. Kalau masa PnP tu kemas kelas susun pensil dalam bekas dia meja kemas. macam mana kelas tu masuk macam tu lah keadaan kelas balik. Kalau waktu PJ pulak pakai pakaian yang betul. Kasut ada, stokin ada yang sesuai</p>	<p>Responden Empat sering menerapkan nilai sabar, bekerjasama, hormat menghormati, kemas dan menjaga keselamatan.</p> <p>Selain dari itu, responden 4 juga menerapkan nilai murni semasa sarapan pagi melalui bacaan doa, berdisiplin ketika meletakkan peralatan sarapan seperti pinggan dan cawan ke dalam sinki serta menjaga kebersihan/kekemasan susun atur kerusi meja. Beliau juga turut menerapkan nilai</p>



dan selepas makan ada gosok gigi. Lepas makan ada gosok gigi. Sebelum dan selepas. (R4:T18)	berdisiplin ketika murid-murid menjalani Pendidikan Jasmani dengan menegaskan murid mesti berpakaian lengkap. Amalan gosok gigi selepas makan juga ditekankan menandakan responden 4 menerapkan nilai kebersihan .
<u>Responden Lima (Cikgu Rina)</u> Tolong menolong, kerjasama, baik hati (R5:T18)	Responden Lima sering menerapkan nilai tolong menolong, kerjasama dan baik hati .

Berdasarkan data temu bual dengan responden, pengkaji mendapati kelima-lima responden ada menerapkan nilai murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran berjalan. Namun, pengkaji mendapati kelima-lima responden hanya menerapkan nilai murni yang berkisar kepada kehidupan seharian murid prasekolah sahaja. Berikut adalah nilai-nilai murni yang diterapkan oleh responden semasa proses pengajaran dan pembelajaran melalui temu bual.

Jadual 4.4

Nilai-nilai Murni Yang Diterapkan Dalam PdP Prasekolah melalui temu bual

Nilai-nilai murni yang diterap dalam PdP

Kerjasama (4)*

Baik hati (2)*


Toleransi (2)*

Berdisiplin (2)*

Kasih sayang (1)*

Hormat menghormati (1)*

* kekerapan mengulang nilai murni semasa PdP



Rajah 4.4. Nilai-nilai murni yang diterapkan dalam PdP prasekolah melalui temu bual.

Berdasarkan Jadual 4.4 dan Rajah 4.4, iaitu nilai-nilai murni yang diterapkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di prasekolah melalui temu bual pengkaji mendapati hanya enam nilai murni dalam KSPK yang disebut oleh kelima-lima responden. Nilai murni kerjasama merupakan nilai murni paling tinggi, iaitu sebanyak empat kali. Manakala nilai murni baik hati, toleransi dan berdisiplin masing-masing sebanyak dua kali. Sementara itu, nilai murni kasih sayang dan hormati-menghormati hanya sekali sahaja.

Data daripada temu bual dengan R1 mengenai penerapan nilai murni menunjukkan beliau hanya menerapkan nilai tolong menolong, kerjasama dan baik hati. Data daripada R2 pula menunjukkan beliau hanya menerapkan nilai kerjasama, tolak ansur dan kasih sayang. Sementara responden 3 pula hanya menerapkan nilai


murni tolong menolong, setia kawan, disiplin, budi baik, bersyukur dan bertolak ansur. R4 sering menerapkan nilai murni seperti sabar, bekerjasama, hormat menghormati, kemas dan menjaga keselamatan. Selain dari itu, R4 juga menerapkan nilai murni melalui aktiviti rutin yang diamalkan di kelas prasekolah ketika murid bersarapan dan bermain di padang, iaitu membaca doa, berdisiplin dan menjaga kebersihan diri dan kelas. Manakala R5 pula sering menerapkan nilai tolong menolong, kerjasama dan baik hati. Namun, kebanyakan nilai murni yang disebut oleh responden bukan nilai murni yang terdapat dalam KSPK.

4.5 Analisis Amalan Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Kaedah Hermeneutik Berdasarkan Analisis Dokumen

Analisis Dokumen berkaitan Amalan Penerapan Nilai Murni semasa PdP (Teks Asal)	Interpretasi Analisis Dokumen berkaitan amalan penerapan nilai murni semasa PdP melalui Kaedah Hermeneutik
<p><u>Responden 1 (Cikgu Alia)</u></p> <p>1. RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH)</p> <p>Tajuk : Makanan Berkhasiat Tunjang Utama: Komunikasi (Bahasa Melayu SP : BM 3.4.4, BM 3.5.3 Objektif : Di akhir pembelajaran, murid dapat,</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mencantum dan membaca kad suku kata menjadi perkataan bermakna pada ruang KIT KCB dengan tepat secara individu. 2. Membaca perkataan yang telah dicantum sekurang-kurangnya 6 daripada 8 perkataan dengan betul secara kelas. <p>Aktiviti :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menonton iklan makanan berkhasiat 2. Melihat dan menyebut makanan tersembunyi 	<p>Pengkaji mendapati responden 1 tidak menulis atau mencatat nilai murni di dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH).</p> <p>Tiada nilai murni yang spesifik ditulis di dalam rancangan pengajaran harian.</p>

3. Membaca kad suku kata
4. Membaca nama makanan bersama-sama
5. Permainan mencantum kad suku kata menggunakan KIT KCB
6. Menulis lembaran kerja

2. LEMBARAN KERJA MURID



Ada tercatat peneguhan positif di dalam lembaran kerja murid, iaitu guru cap gambar 'great' dalam hasil kerja murid.

Responden 1 menerapkan nilai berterima kasih sebagai satu pengiktirafan kepada murid yang membuat kerja dengan baik melalui cap 'great'.

Responden 2 (Cikgu Alina)

1. RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH)

Tajuk : Serangga

Tunjang Utama: Sains dan Teknologi
(Awal Matematik)

SP : ST 8.1.1, ST 8.1.2

Objektif : Di akhir pembelajaran, murid dapat,


1. Menyatakan jumlah objek dengan nilai nombor 1-10
2. Menyatakan hasil tambah dua nombor dan nilainya kurang daripada 10.

Aktiviti :

1. Meneka bilangan kumbang dalam bakul
2. Menyanyikan lagu hasil tambah
3. Membilang nombor 1-10 dan menyebut nilai
4. Permainan hasil tambah
5. Lembaran kerja

Pengkaji mendapati responden 2 tidak menulis atau mencatat nilai murni di dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH).

Tiada nilai murni yang spesifik ditulis di dalam rancangan pengajaran harian.

2. LEMBARAN KERJA MURID

Ada penegasan positif terhadap murid. Guru mencatatkan perkataan 'great'

Responden 2 menerapkan nilai berterima kasih sebagai satu pengiktirafan kepada murid yang menjawab dengan betul melalui cap 'great'.

Responden 3 (Cikgu Maria)**1. RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH)**

Tajuk : Air

Tunjang Utama: Komunikasi
(Bahasa Melayu)

SP : BM 3.4.1, KTI 2.1.4

Objektif : Di akhir pembelajaran, murid dapat,


1. Membunyikan suku kata gabungan KVKV yang bermakna.

Aktiviti :

1. Menyanyikan lagu suku kata KV
2. Membunyikan gabungan suku kata KV
3. Murid membatangkan suku kata KVKV berdasarkan gambar yang ditunjukkan

Pengkaji mendapati responden 1 tidak menulis atau mencatat nilai murni di dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH).

Tiada nilai murni yang spesifik ditulis di dalam rancangan pengajaran harian.

2. LEMBARAN KERJA MURID

Ada peneguhan positif di dalam lembaran kerja. Guru mengulas hasil kerja murid dengan mencatat perkataan 'very good'.

Responden 3 mengulas hasil kerja murid dengan menulis perkataan 'very good' sebagai pengiktirafan dan motivasi kepada murid agar terus menghasilkan kerja yang baik. Secara tidak langsung guru telah menerapkan nilai berterima kasih berdasarkan penerangan yang terdapat di dalam KSPK di mana terima kasih diinterpretasikan sebagai perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan terhadap sesuatu jasa.

Responden 4 (Cikgu Mala)

1. RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH)

Tajuk : Anggota Badan Saya

Tunjang Utama: Komunikasi (Bahasa Melayu)

SP : BM 2.1.4, BM 3.4.2, BM 4.2.6

Objektif : Di akhir pembelajaran, murid dapat,


1. Menamakan anggota badan
2. Mengeja dan membunyikan suku kata
3. Mencantumkan dan menulis suku kata KV+KV menjadi perkataan bermakna

Aktiviti :

1. Mendengar lagu
2. Menamakan gambar dan membunyikan suku kata
3. Memadankan gambar dengan perkataan
4. Menulis lembaran kerja

Pengkaji mendapati responden 4 tidak menulis atau mencatat nilai murni di dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH).

Tiada nilai murni yang spesifik ditulis di dalam rancangan pengajaran harian.

2. LEMBARAN KERJA MURID

Guru memberi penegasan positif dengan menanda 'bintang' di dalam hasil kerja murid.

Responden 4 memberi pengiktirafan kepada murid melalui tanda 'bintang' agar murid bermotivasi untuk terus menghasilkan kerja dengan lebih baik.

Responden 5 (Cikgu Rina)

1. RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH)

Tajuk : Makanan

Tunjang Utama: Sains dan Teknologi
(Awal Matematik)

SP : ST 8.1.1, ST 8.1.2

Objektif : Di akhir pembelajaran, murid dapat,

1. Menambah dua kumpulan objek
2. Menyatakan hasil tambah dua kumpulan objek


Aktiviti :

1. Mendengar lagu "Mari Kira Nombor"
2. Menama dan mengeja nombor 1-10
3. Menambah bilangan objek menggunakan rama-rama

Pengkaji mendapati responden 1 tidak menulis atau mencatat nilai murni di dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH).

Tiada nilai murni yang spesifik ditulis di dalam rancangan pengajaran harian.

2. LEMBARAN KERJA MURID



Ada peneguhan positif semasa menyemak lembaran kerja murid yang baik dengan cap 'well done' tetapi tidak di tulis apa-apa di dalam lembaran kerja murid yang lain.

Responden 5 memberi pengiktirafan kepada murid yang menyiapkan kerja dengan baik dengan cap 'well done'.

Berdasarkan analisis dokumen, pengkaji mendapati kelima-lima responden ada menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Namun, RPH mereka terlalu ringkas meliputi tajuk, tunjang, standard pembelajaran, objektif dan aktiviti. Tiada butiran-butiran sokongan lain seperti nilai murni dimasukkan ke dalam RPH.

Sementara itu, berdasarkan lembaran kerja murid pula, pengkaji mendapati ada nilai murni diterapkan di mana guru memberi peneguhan positif sebagai tanda pengiktirafan kepada murid yang dapat menyiapkan kerja dengan baik. Antara peneguhan positif yang terdapat pada lembaran kerja murid adalah catatan-catatan seperti 'baik', 'bagus', 'A' dan lambang-lambang bintang.

Kesimpulannya berdasarkan keempat-empat instrumen menunjukkan dapatan yang selari di mana responden ada menerapkan nilai murni dalam PdP. Walau bagaimanapun nilai murni yang diterapkan tidak menyeluruh meliputi 16 nilai murni yang sepatutnya. Kebanyakan responden hanya menerapkan sebahagian sahaja nilai murni yang dinyatakan dalam KSPK.

4.6 Analisis Amalan Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Kaedah Hermeneutik berdasarkan Soalan Terbuka 2

Soalan Terbuka 2:

Pada pandangan cikgu, mengapakah nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah.

Jawapan Soalan Terbuka 2 (Teks Asal) Pada pandangan cikgu, mengapakah nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah.	Interpretasi mengapa nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah berdasarkan Soalan Terbuka 2 melalui Kaedah Hermeneutik (Metateks)
<p><u>Responden 1</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Membentuk peribadi di kalangan anak-anak prasekolah kerana anak-anak ibarat kain yang putih bersih yang senang dibentuk dan dicorakkan sekiranya acuan itu betul. Melatih cara berkomunikasi yang baik, sopan santun dengan rakan sebaya, guru, pembantu pengurusan murid, pentadbir sekolah dan ibu bapa. 	<p>Responden 1 berpendapat sebab nilai murni diterapkan dalam PdP prasekolah adalah untuk membentuk peribadi yang baik dalam kalangan kanak-kanak kerana anak ibarat kain putih bersih yang senang dibentuk dan dicorakkan.</p> <p>Kanak-kanak juga dapat dilatih cara berkomunikasi yang baik dan bersopan santun dengan orang di sekeliling mereka seperti rakan sebaya, guru dan ibu bapa.</p> <p>Selain itu, nilai murni diterapkan supaya</p>



<ul style="list-style-type: none"> • Sentiasa bersyukur dan bersederhana dalam amalan kehidupan seharian. 	<p>kanak-kanak sentiasa bersyukur dan bersederhana dalam amalan kehidupan seharian.</p>
<p><u>Responden 2</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Sebab diterapkan adalah ingin memupuk semangat yang positif dalam diri murid serta murid dapat mengaplikasi dalam kehidupan seharian bagi membina jati diri serta murid yang berakhlak mulia. Selain itu, ia dapat mengekalkan personaliti yang baik dan ia adalah amalan yang dituntut oleh agama. • Kesan daripada penerapan nilai-nilai murni ini kita dapat melahirkan murid yang berguna dan seimbang di dunia dan akhirat. • Melalui nilai murni yang diterapkan juga, ia dapat melahirkan murid yang berkualiti dan akan sentiasa melakukan perkara berlandaskan nilai-nilai positif. 	<p>Responden 2 berpendapat nilai murni diterapkan untuk memupuk semangat yang positif dalam diri murid agar mereka dapat mengaplikasikan dalam kehidupan seharian bagi membentuk jati diri serta murid yang berakhlak mulia.</p> <p>Nilai murni juga diterapkan untuk melahirkan murid yang berguna dan seimbang di dunia dan akhirat.</p> <p>Nilai murni yang diterapkan dapat melahirkan murid yang berkualiti dan sentiasa melakukan perkara berlandaskan nilai positif.</p>
<p><u>Responden 3</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Agar dapat mengamalkan dalam kehidupan seharian. • Agar dapat melahirkan insan yang berguna keluarga, masyarakat dan negara. • Agar dapat mewujudkan insan yang imbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual. 	<p>Responden 3 berpendapat nilai murni diterapkan supaya murid dapat mengamalkan nilai murni dalam kehidupan seharian.</p> <p>Nilai murni juga diterapkan agar dapat melahirkan insan yang berguna kepada keluarga, masyarakat dan negara.</p> <p>Responden juga berpendapat nilai murni diterapkan agar dapat mewujudkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual.</p>
<p><u>Responden 4</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Meluntur buluh biarlah dari rebungnya. Sememangnya nilai-nilai murni ini perlu diterapkan agar murid-murid dapat menggunakannya dalam situasi sehari-hari. • Dalam Islam sendiri menuntut kita 	<p>Responden 4 berpendapat nilai murni perlu diterapkan di prasekolah agar murid-murid dapat menggunakan nilai murni dalam kehidupan seharian.</p> <p>Responden 4 juga berpendapat Islam</p>





<p>mengamalkan nilai-nilai ini maka sesuai ia diamalkan di prasekolah dari umur 5 ke 6 tahun. Ini kerana dari kecil anak-anak perlu diajar dan diterapkan dengan nilai-nilai murni supaya mereka tahu membezakan sama ada sesuatu itu perkara baik ataupun buruk.</p>	<p>menuntut umatnya mengamalkan nilai-nilai murni. Dengan ini sesuai diamalkan nilai murni sejak dari prasekolah lagi supaya murid-murid dapat membezakan perkara baik ataupun buruk.</p>
<p><u>Responden 5</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk memupuk sikap baik murid. Dengan adanya sikap yang baik, murid dapat bergaul mesra dengan kawan-kawan lain. • Untuk menjadi insan yang baik. • Untuk menghargai atau memberi penghargaan kepada ibu bapa, keluarga, sekolah atau masyarakat. • Selain itu, murid dapat hormat-menghormati di antara kawan-kawan. Hormat kepada orang tua, guru, dan kawan lain juga penting. • Dengan adanya nilai-nilai murni, murid dapat memupuk semangat perpaduan dari masa kecil lagi. Dengan ini, mereka dapat hidup harmoni dan aman damai. 	<p>Responden 5 berpendapat sebab nilai murni diterapkan untuk memupuk sikap baik dalam diri murid agar mereka dapat bergaul mesra dengan kawan-kawan.</p> <p>Nilai murni juga diterapkan untuk menjadi insan yang baik.</p> <p>Selain dari itu, responden 5 juga berpendapat nilai murni diterapkan agar murid dapat menghormati orang sekeliling.</p> <p>Dengan adanya nilai murni, murid dapat memupuk semangat perpaduan semenjak kecil supaya dewasa nanti mereka dapat hidup harmoni dan aman damai.</p>
<p><u>Responden 6</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Supaya murid dapat mengekalkan sifat-sifat baik dan positif dalam diri. • Supaya murid dapat mengamalkan nilai-nilai murni di dalam bilik darjah dan luar bilik darjah. • Supaya murid dapat menjalani proses pengajaran dan pembelajaran yang selesa dan kondusif. • Nilai murni sangat penting diterapkan dalam kehidupan seharian. Kanak-kanak adalah peringkat sesuai untuk diterapkan nilai-nilai murni. 	<p>Responden 6 berpendapat nilai murni diterapkan supaya murid dapat mengekalkan sifat-sifat baik dan positif dalam diri.</p> <p>Nilai murni juga diterapkan supaya murid dapat mengamalkannya di dalam dan di luar bilik darjah.</p> <p>Melalui nilai murni, murid dapat menjalani proses pengajaran dan pembelajaran yang selesa dan kondusif.</p> <p>Responden 6 berpendapat, peringkat prasekolah sesuai untuk diterapkan nilai-nilai murni.</p>





<p><u>Responden 7</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Supaya murid-murid sentiasa berakhlak baik. • Supaya murid-murid sentiasa bekerjasama di antara satu sama lain dan mengelakkan supaya gejala atau jenayah dapat diatasi dan dihindarkan. • Selain itu bagi membantu guru supaya sentiasa mengingati nilai-nilai murni yang terdapat di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Supaya kanak-kanak dapat amalkan nilai murni di mana-mana sahaja mereka berada. Serta murid-murid amalkan amalan nilai murni sehingga mereka dewasa dan sentiasa ingat nilai murni tersebut. 	<p>Responden 7 berpendapat nilai murni diterapkan supaya murid sentiasa berakhlak baik.</p> <p>Nilai murni juga diterapkan supaya murid bekerjasama di antara satu sama lain dan dapat mengelakkan jenayah.</p> <p>Nilai murni juga diterapkan agar guru sentiasa mengingati nilai murni yang terdapat di dalam KSPK.</p> <p>Responden 7 juga berpendapat nilai murni diterapkan supaya murid- murid dapat mengamalkan nilai murni di mana sahaja mereka berada sehingga dewasa.</p>
<p><u>Responden 8</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Membentuk tingkah laku yang baik dan terpuji agar dapat menempatkan diri dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. • Melahirkan individu yang yakin, sopan, baik hati dan berakhlak terpuji. • Merealisasikan impian pemimpin negara untuk menghasilkan warganegara yang baik. • Tuntutan agama Islam bahawa muslim yang baik dijelaskan melalui tingkah laku yang terpuji. 	<p>Menurut Responden 8, nilai murni diterapkan untuk membentuk tingkah laku yang baik dan terpuji agar dapat menempatkan diri dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.</p> <p>Nilai murni juga diterapkan untuk melahirkan individu yang yakin, sopan, baik hati dan berakhlak terpuji.</p> <p>Responden 8 juga berpendapat nilai murni diterapkan bagi merealisasikan impian pemimpin negara untuk menghasilkan warganegara yang baik.</p> <p>Islam menyatakan muslim yang baik dijelaskan melalui tingkah laku yang terpuji.</p>
<p><u>Responden 9</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Membentuk peribadi. Contohnya berkomunikasi yang baik dengan guru dan rakan. • Mengamalkan sikap jujur, bersederhana 	<p>Responden 9 berpendapat nilai murni diterapkan untuk membentuk peribadi seperti berkomunikasi yang baik dengan guru dan rakan.</p> <p>Nilai murni juga diterapkan supaya murid</p>





<p>dan bersyukur dalam segala hal.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dalam menghadapi cabaran globalisasi, nilai-nilai murni amat perlu diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah kerana murid prasekolah merupakan murid yang baru bertunas dan bertindak sebagai span yang menyerap unsur-unsur positif yang diterapkan. • Konsep peniruan juga menjadi amalan bagi murid-murid pada peringkat prasekolah. Amat wajar nilai-nilai murni diterapkan dan diamalkan di prasekolah. 	<p>dapat mengamalkan sikap jujur, bersederhana dan bersyukur dalam segala hal.</p> <p>Dalam menghadapi cabaran globalisasi, nilai murni amat perlu diterapkan semasa PdP prasekolah kerana murid prasekolah mudah menerima unsur-unsur positif yang diterapkan.</p> <p>Nilai murni yang diterapkan dapat membantu murid meniru perlakuan yang baik. Oleh itu amat wajar nilai murni diterap dan diamalkan di prasekolah.</p>
<p><u>Responden 10</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Supaya murid sentiasa berakhlak baik. Sebagai seorang murid, nilai murni juga dapat membantu murid mengamalkan sikap kerjasama sesama kawan-kawan dalam kumpulan. Nilai murni dapat membantu murid menjadikan seorang yang penyabar dalam melaksanakan sesuatu perkara. • Murid dapat mengaplikasikan nilai murni apabila dewasa. Murid dapat mengamalkan nilai murni di rumah dengan membantu ibu bapa di rumah. • Dapat mengelakkan gejala sosial dari berlaku pada murid. Menerapkan rasa cinta terhadap kawan-kawan, ibu bapa, dan orang sekeliling. 	<p>Responden 10 berpendapat nilai murni diterapkan supaya murid sentiasa berakhlak baik seperti mengamalkan sikap bekerjasama dan sabar dalam melakukan sesuatu perkara.</p> <p>Murid dapat mengaplikasikan nilai murni apabila dewasa. Murid juga dapat mengamalkan nilai murni di rumah dengan membantu ibu bapa.</p> <p>Nilai murni juga dapat mengelakkan gejala sosial dari berlaku pada murid seterusnya dapat menerapkan rasa cinta terhadap kawan, ibu bapa dan orang sekeliling.</p>
<p><u>Responden 11</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Membentuk insan yang cemerlang akhlak dan akademik. Kanak-kanak sangat mudah dibentuk semasa kecil dan lebih mendengar apa yang dituturkan oleh guru. Semasa pengajaran kanak-kanak belajar menjadi manusia yang berguna dan membina akhlak yang baik. • Semasa prasekolah umur 6 tahun mereka masih kecil dan perlu banyak 	<p>Responden 11 berpendapat nilai murni diterapkan untuk membentuk insan yang cemerlang akhlak dan akademik. Kanak-kanak sangat mudah dibentuk akhlak semasa kecil dan lebih mendengar apa yang dituturkan oleh guru. Semasa pengajaran kanak-kanak belajar menjadi manusia yang berguna dan membina akhlak yang baik.</p> <p>Peringkat prasekolah memerlukan banyak pendedahan nilai murni supaya tidak</p>



<p>pendedahan nilai murni supaya tidak menjadi anak yang nakal.</p> <ul style="list-style-type: none"> Melalui pengajaran di kelas kanak-kanak mudah dapat dan faham tindakan yang baik dan buruk. Dengan nilai murni akan melahirkan insan yang cemerlang akhlak dan dapat menghapuskan masalah disiplin di sekolah. Nilai murni menjadi asas keperibadian murid dan kualiti diri yang menjamin masa depan. Prasekolah adalah tempat yang sesuai untuk membentuk keperibadian yang mulia. 	<p>menjadi anak yang nakal.</p> <p>Melalui PdP di kelas, murid-murid dapat membezakan tindakan yang baik dan buruk. Dengan ini nilai murni akan melahirkan insan yang cemerlang akhlak dan dapat menghapuskan masalah disiplin di sekolah.</p> <p>Nilai murni menjadi asas keperibadian murid dan kualiti diri yang menjamin masa depan. Prasekolah adalah tempat yang sesuai untuk membentuk peribadi yang mulia.</p>
<p><u>Responden 12</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Melahirkan murid-murid yang berakhlak mulia dan terpuji. Mendidik murid-murid daripada peringkat awal lagi. Memupuk semangat kekitaan dan kekeluargaan di antara satu sama lain. Melahirkan generasi yang cemerlang dalam semua bidang. 	<p>Responden 12 berpendapat nilai murni diterapkan untuk melahirkan murid-murid yang berakhlak mulia dan terpuji.</p> <p>Nilai murni diterapkan untuk mendidik murid dari peringkat awal lagi.</p> <p>Penerapan nilai murni dapat memupuk semangat kekitaan dan kekeluargaan di antara satu sama lain bagi melahirkan generasi yang cemerlang dalam semua bidang.</p>
<p><u>Responden 13</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah untuk memupuk dan membentuk keperibadian murid dari peringkat awal. Apabila murid telah diterapkan dengan nilai-nilai murni dari awal maka keberhasilan peribadi yang positif lebih mudah dibentuk. Murid prasekolah ini mempunyai jiwa yang bersih. Oleh itu mereka lebih mudah menerima pengajaran daripada guru. 	<p>Responden 13 berpendapat nilai murni diterapkan dalam PdP prasekolah untuk memupuk dan membentuk peribadi murid dari peringkat awal.</p> <p>Apabila nilai murni diterap di peringkat awal maka peribadi yang positif lebih mudah dibentuk.</p> <p>Murid prasekolah mempunyai jiwa yang bersih dan mudah menerima pengajaran guru.</p>

<p><u>Responden 14</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Nilai murni perlu diterapkan dalam PdP kerana untuk membentuk kanak-kanak menjadi insan yang mempunyai jati diri yang teguh dan dapat memimpin negara dimasa akan datang. • Selain itu, supaya kanak-kanak tahu bagaimana mereka menguruskan kehidupan mereka apabila telah dewasa nanti. 	<p>Responden 14 berpendapat nilai murni perlu diterapkan dalam PdP untuk membentuk murid menjadi insan yang mempunyai jati diri yang teguh dan dapat memimpin negara di masa depan.</p> <p>Melalui nilai murni, murid-murid tahu untuk menguruskan kehidupan mereka apabila dewasa kelak.</p>
<p><u>Responden 15</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk melatih dan membiasakan kanak-kanak dalam kehidupan harian seperti ucapan terima kasih, kasih sayang dan sebagainya. • Selain itu untuk melahirkan insan yang mempunyai akhlak dan sahsiah yang baik apabila dewasa kelak. • Ini kerana kanak-kanak di usia ini mudah meniru perbuatan yang dilakukan oleh orang dewasa. Justeru itu, penerapan nilai murni dalam PdP harus dijalankan bagi melahirkan kanak-kanak yang mempunyai sahsiah yang baik. 	<p>Responden 15 berpendapat nilai murni diterapkan untuk melatih dan membiasakan murid dengan nilai-nilai yang baik dalam kehidupan harian.</p> <p>Nilai murni juga diterapkan untuk melahirkan insan yang mempunyai akhlak dan sahsiah yang baik.</p> <p>Murid prasekolah mudah meniru perbuatan baik yang dilakukan oleh orang dewasa. Justeru, penerapan nilai murni dalam PdP harus dijalankan untuk melahirkan murid yang mempunyai sahsiah yang baik.</p>
<p><u>Responden 16</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Anak adalah aset masa depan. Anak-anak yang berumur 5 dan 6 tahun mudah mengikut dan suka memerhatikan persekitaran yang berlaku. Jika nilai-nilai murni yang positif diterapkan dalam kehidupan mereka maka terbentuklah perlakuan serta sikap yang positif begitu juga sebaliknya. • Dapat mengurangkan masalah gejala sosial yang semakin menular dalam masyarakat. Dengan adanya nilai-nilai murni yang diterapkan dalam PdP persekolahan anak-anak dapat disusun dan dibimbing tentang nilai-nilai yang 	<p>Responden 16 berpendapat anak adalah aset masa depan dan jika nilai murni yang positif diterapkan dalam kehidupan maka perlakuan dan sikap yang baik dapat dibentuk.</p> <p>Jika nilai murni diterapkan maka akan dapat mengurangkan gejala sosial yang semakin meruncing dalam masyarakat. Dengan menerapkan nilai murni diharap perilaku anak-anak yang baik dapat dibentuk</p>

<p>negatif itu tidak baik untuk kehidupan mereka. Sekurang-kurangnya ia dapat menyedarkan anak-anak tersebut pada kesan yang berlaku jika mengamalkan nilai-nilai negatif.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemangkin kepada pembentukan sahsiah diri yang mengamalkan budaya hidup yang sihat, bertanggungjawab, berpegang kepada ajaran agama dan amalan agama mengikut kaum. 	<p>seterusnya dapat menyedarkan mereka untuk menjauhi perbuatan yang negatif.</p> <p>Responden mengatakan melalui nilai murni dapat membentuk sahsiah diri yang mengamalkan budaya hidup yang sihat.</p>
<p><u>Responden 17</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah adalah bertujuan untuk melahirkan insan yang berbudi pekerti mulia selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara yang ingin melahirkan insan yang harmonis, dari segi intelek, rohani, jasmani, emosi dan juga sosial. • Nilai-nilai murni yang diterapkan akan membantu kanak-kanak mempunyai akhlak yang mulia. Nilai-nilai ini akan dapat diamalkan sehinggalah mereka dewasa. Ini kerana kita perlu melentur buluh sejak dari rebung lagi. 	<p>Responden 17 berpendapat nilai murni diterapkan dalam PdP prasekolah untuk melahirkan insan yang berbudi pekerti mulia selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara yang ingin melahirkan insan yang harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.</p> <p>Nilai murni yang diterapkan membantu murid mempunyai akhlak yang mulia dan menjadi amalan hingga dewasa.</p>
<p><u>Responden 18</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pada pandangan saya, sebab-sebab nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah bagi melahirkan insan yang berperwatakan mulia dan berguna untuk diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. • Penerapan nilai-nilai murni diterapkan dari awal kanak-kanak selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara iaitu melahirkan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, sosial dan intelek. 	<p>Responden 18 berpendapat nilai murni diterapkan dalam PdP prasekolah untuk melahirkan insan yang berperwatakan mulia dan berguna untuk diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.</p> <p>Nilai murni diterapkan di peringkat prasekolah untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara.</p>
<p><u>Responden 19</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Nilai murni perlu diterapkan dalam 	<p>Responden 19 berpendapat nilai murni perlu</p>

<p>pengajaran dan pembelajaran di prasekolah. Ini adalah kerana nilai murni ini dapat membentuk nilai peribadi murid seawal usia kanak-kanak lagi.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ia juga membolehkan kanak-kanak mengetahui tentang baik buruk sesuatu perlakuan tersebut. • Selain daripada itu, amalan murni yang dipelajari itu akan menjadikan kanak-kanak ini seorang individu yang bertanggungjawab dan mempunyai peribadi yang mulia apabila mereka dewasa kelak. 	<p>diterapkan dalam PdP prasekolah untuk membentuk peribadi murid seawal usia.</p> <p>Penerapan nilai murni membolehkan murid membezakan tentang perlakuan yang baik atau buruk.</p> <p>Amalan nilai murni menjadikan murid individu yang bertanggungjawab dan mempunyai peribadi yang mulia apabila dewasa.</p>
<p><u>Responden 20</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bagi melahirkan generasi atau insan yang seimbang dari aspek rohani, jasmani, emosi dan intelek. Generasi yang wujud yang mempunyai intelek yang tinggi tetapi dari aspek keperibadian tidak elok, ini tidak dapat menjamin kemenjadian seorang murid. • Setiap pelajar atau kanak-kanak prasekolah adalah individu yang perlu diberikan keutamaan dari aspek penerapan nilai murni, kerana mereka mudah dibentuk dan mudah diberi nasihat dan tunjuk ajar. • Untuk membantu mencapai falsafah pendidikan kebangsaan yang ingin di capai oleh Negara. 	<p>Responden 20 berpendapat nilai murni diterapkan untuk melahirkan insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.</p> <p>Murid prasekolah amat perlu diterapkan nilai murni kerana mereka mudah dibentuk dan mudah diberi nasihat dan tunjuk ajar.</p> <p>Nilai murni diterapkan untuk membantu mencapai Falsafah Pendidikan Negara.</p>
<p><u>Responden 21</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk memupuk sikap yang baik dan positif dalam diri kanak-kanak. Kanak-kanak berkebolehan untuk bergaul dan bersosial dengan orang lain. Mendidik kanak-kanak untuk lebih berinteraksi dengan rakan-rakan dan juga guru. Tingkatkan kemahiran bertutur dengan baik dan sopan. • Untuk mendidik dan memupuk jati diri yang baik dalam diri kanak-kanak. 	<p>Responden 21 berpendapat nilai murni diterapkan untuk memupuk sikap yang baik dan positif dalam diri murid prasekolah. Mereka boleh bergaul, berinteraksi dengan rakan dan guru seterusnya dapat meningkatkan kemahiran bertutur dengan baik dan sopan.</p> <p>Memupuk jati diri yang baik dalam diri murid.</p>



<ul style="list-style-type: none"> • Tingkatkan kemahiran bersosial dengan amalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. • Supaya kanak-kanak ini membesar sebagai seorang yang berbudi bahasa, berakhlak baik seiring dengan kecemerlangan pendidikannya. 	<p>Nilai murni dapat meningkatkan kemahiran bersosial dalam kehidupan seharian.</p> <p>Nilai murni diterapkan agar murid membesar sebagai seorang yang berbudi bahasa, berakhlak baik seiring dengan kecemerlangan pendidikannya.</p>
<p><u>Responden 22</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Sebab-sebab nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran di prasekolah ialah pendidikan awal untuk kanak-kanak menjadi seorang yang beradab mulia, sopan santun, menghormati orang lain, supaya nilai murni menjadi satu budaya yang sentiasa diamalkan dari semasa ke semasa. • Sesuai dengan tema hari guru tahun 2015 yang menjadikan akhlak satu aset yang perlu diterapkan dikalangan murid-murid prasekolah. Bagi pembinaan akhlak yang baik bermula dari penerapan nilai-nilai murni sedari awal lagi. 	<p>Responden 22 berpendapat nilai murni perlu diterapkan dalam PdP prasekolah untuk membentuk murid menjadi seorang yang beradab, bersopan santun dan menghormati orang lain serta mengamalkan dalam kehidupan seharian.</p> <p>Nilai murni perlu diterapkan untuk membentuk akhlak yang baik, semenjak kecil lagi.</p>
<p><u>Responden 23</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kanak-kanak adalah individu istimewa yang suci murni. Menerapkan nilai-nilai murni seawal usia akan menjadikan mereka individu yang sempurna akhlak dan peribadi. Pembentukan sahsiah di awal usia akan terpahat seumur hidup mereka. Melentur buluh biarlah dari rebungya. 	<p>Responden 23 berpendapat nilai murni perlu diterapkan seawal usia untuk membentuk murid yang sempurna akhlak dan peribadi seumur hidup.</p>
<p><u>Responden 24</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah adalah bertujuan untuk membentuk menerapkan nilai-nilai murni dalam jiwa kanak-kanak sejak kecil lagi. Sikap positif ini akan dapat membentuk insan 	<p>Responden 24 berpendapat nilai murni diterapkan dalam PdP prasekolah untuk membentuk sikap yang positif dalam jiwa murid.</p> <p>Sikap yang positif akan dapat membentuk</p>



<p>yang cemerlang dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek apabila dewasa kelak.</p> <ul style="list-style-type: none"> Sikap dan nilai murni diterapkan adalah untuk mengelakkan dari berlakunya perkara yang tidak diingini seperti mencuri, buli dan sebagainya. Selain itu, ia dapat membimbing kanak-kanak ke arah yang lebih baik dan dapat menunjukkan sikap kasih sayang dan hormat-menghormati terhadap ibu-bapa, rakan sebaya dan orang sekeliling. 	<p>insan yang cemerlang dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.</p> <p>Penerapan nilai murni dapat mengelakkan berlakunya perkara yang negatif.</p> <p>Penerapan nilai murni dapat membimbing murid ke arah yang lebih baik seperti berkasih sayang, menghormati ibu bapa, rakan dan orang sekeliling.</p>
<p><u>Responden 25</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Membantu membentuk peribadi yang baik. Boleh berkomunikasi dengan baik. Mengamalkan sikap jujur. Sentiasa bersederhana dan bersyukur dengan apa sahaja yang diperolehi dan dikehendaki. Nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah untuk menerapkan nilai sikap jujur terhadap murid-murid. Menjadikan murid prasekolah seorang yang bertanggungjawab atas semua yang dilakukan. 	<p>Responden 25 berpendapat nilai murni dapat membantu membentuk peribadi yang baik seperti berkomunikasi dengan baik, jujur, bersederhana dan bersyukur dengan apa yang ada.</p> <p>Responden ini berpendapat nilai murni jujur dapat diterapkan dalam PdP.</p> <p>Nilai murni juga dapat menjadikan murid prasekolah seorang yang bertanggungjawab.</p>
<p><u>Responden 26</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Nilai murni harus diterapkan kerana murid-murid dapat mempelajari selepas PdP guru. Setiap nilai yang diterapkan haruslah berkaitan dengan setiap PdP supaya murid-murid lebih memahami. Dengan nilai-nilai yang diterap, murid-murid akan berubah dan mencontohi kelakuan baik. Selain itu, nilai-nilai yang diterap dapat memupuk sikap murid berbuat baik dan berkelakuan baik. 	<p>Responden 26 berpendapat nilai murni perlu diterapkan supaya murid dapat mempelajari, memahami dan mencontohi kelakuan yang baik.</p>
<p><u>Responden 27</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Membentuk peribadi Berkomunikasi dengan baik Mengamalkan sikap jujur Pada pandangan saya, nilai-nilai murni 	<p>Responden 27 berpendapat nilai murni perlu diterapkan untuk membentuk peribadi murid. Murid dapat berkomunikasi dan mengamalkan sikap yang jujur.</p>



<p>perlu diterapkan kerana ianya boleh menjadikan seseorang kanak-kanak seorang bertanggungjawab, berhemah, tinggi, bersopan santun dan berdikari. Mereka dapat memberanikan diri untuk melakukan sesuatu perkara. Mereka juga akan mengamalkan sikap hormat menghormati antara satu sama lain dan orang lebih tua.</p> <ul style="list-style-type: none"> Melahirkan murid yang berkeyakinan diri dan berani ke hadapan atau berdepan di khalayak ramai. 	<p>Penerapan nilai boleh menjadikan murid seorang yang berakhlak mulia seperti bertanggungjawab, berhemah tinggi, bersopan santun, berdikari, berani dan mengamalkan sikap hormati-menghormati antara satu sama lain dan orang tua.</p> <p>Nilai murni akan melahirkan murid yang berkeyakinan dan berani berhadapan dengan orang ramai.</p>
<p><u>Responden 28</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Pada pandangan saya, nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah supaya menjadi amalan harian kepada murid dalam kehidupan mereka disamping menjadi contoh kepada orang lain. Penerapan nilai-nilai murni ini juga penting supaya murid-murid dapat menghayati nilai-nilai murni ini apabila mereka melalui usia yang seterusnya. 	<p>Responden 28 berpendapat nilai murni perlu diterapkan dalam PdP prasekolah supaya nilai yang diterapkan menjadi amalan dalam kehidupan seharian serta menjadi contoh kepada orang lain.</p> <p>Penerapan nilai murni penting supaya murid dapat menghayati nilai murni sehingga akhir usia.</p>
<p><u>Responden 29</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Dapat membantu murid menjadi orang yang lebih baik dan insan yang mulia. Nilai murni ini juga diterapkan supaya mereka lebih cepat menerima perkara-perkara yang baik daripada guru semenjak mereka kecil lagi. Mereka juga dapat dibentuk dengan mudah mengenai perkara-perkara yang baik kerana mereka tidak terdedah kepada perkara negatif lagi. Dapat juga membantu guru mewujudkan kelompok murid dan guru yang berinteraksi secara harmoni dan sentiasa dalam keadaan baik. 	<p>Responden 29 berpendapat nilai murni dapat membantu murid menjadi insan yang lebih baik dan mulia.</p> <p>Nilai murni diterapkan supaya murid cepat menerima perkara yang baik daripada guru semenjak mereka kecil lagi.</p> <p>Murid dapat dibentuk dengan mudah tentang perkara-perkara yang baik kerana mereka belum terdedah kepada perkara yang negatif.</p> <p>Responden ini juga berpendapat nilai murni dapat membantu guru mewujudkan kelompok murid yang berinteraksi secara harmoni dan dalam keadaan baik.</p>



<p><u>Responden 30</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Membina sahsiah yang baik dan memupuk semangat kerjasama • Nilai-nilai murni perlu diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah adalah untuk membina sahsiah yang baik dalam diri kanak-kanak. Disamping itu juga, ianya juga untuk memupuk semangat kerjasama di antara kanak-kanak dengan kanak-kanak. • Untuk memupuk perasaan kasih sayang kepada ibu bapa, adik-beradik mahu pun haiwan dan sebagainya. • Selain dari itu, untuk mewujudkan perasaan bantu membantu dikalangan kanak-kanak. Seseorang membantu orang lain yang berada dalam kesusahan, seperti bantu guru angkat buku, angkat pinggan sendiri dan lain-lain. 	<p>Responden 30 berpendapat nilai murni diterapkan untuk membina sahsiah yang baik dan memupuk semangat kerjasama dalam kalangan murid.</p> <p>Nilai murni yang diterapkan dalam PdP prasekolah dapat membina sahsiah yang baik dalam diri murid.</p> <p>Nilai murni juga dapat memupuk semangat kerjasama dalam kalangan murid-murid.</p> <p>Responden ini juga berpendapat nilai murni dapat memupuk perasaan kasih sayang kepada ibu bapa, adik-beradik mahu pun haiwan.</p> <p>Nilai murni diterapkan untuk mewujudkan perasaan bantu membantu dalam kalangan murid dan orang lain.</p>
--	---

4.6.1 Perbincangan Interpretasi Amalan Nilai Murni Berdasarkan Soalan Terbuka 2 Melalui Kaedah Hermeneutik.

Dalam menjawab soalan terbuka 2 pengkaji mendapati responden telah memberi jawapan seperti Jadual 4.5.

Jadual 4.5

Sebab Nilai Murni Diterapkan Dalam PdP Prasekolah

Sebab Nilai Murni Diterapkan dalam PdP Prasekolah

- Membentuk peribadi yang baik
- Melatih cara berkomunikasi yang baik
- Melatih murid bersopan santun dengan orang sekeliling
- Mendidik murid sentiasa bersyukur
- Mendidik murid bersederhana
- Memupuk semangat yang positif
- Murid dapat mengaplikasikan sikap positif dalam kehidupan



-
- Membentuk jati diri
 - Membentuk akhlak mulia
 - Melahirkan murid yang berguna
 - Melahirkan murid yang seimbang dunia akhirat
 - Melahirkan murid yang berkualiti
 - Melahirkan murid yang melakukan perkara berlandaskan nilai positif
 - Mengamalkan nilai murni dalam kehidupan
 - Melahirkan insan yang berguna
 - Mewujudkan insan yang seimbang
 - Menggunakan nilai murni dalam kehidupan seharian
 - Membezakan perkara baik atau buruk
 - Memupuk sikap yang baik
 - Menjadi insan yang baik
 - Menghormati orang sekeliling
 - Memupuk semangat perpaduan
 - Mengekalkan sifat-sifat baik dan positif dalam diri
 - Mengamalkan nilai murni di dalam dan di luar bilik darjah
 - Menjalani PdP dengan selesa dan kondusif
 - Berakhlak baik
 - Bekerjasama di antara satu sama lain
 - Mengelakkan jenayah
 - Guru sentiasa mengingati nilai murni
 - Murid mengamalkan nilai murni
 - Membentuk tingkah laku yang baik dan terpuji
 - Melahirkan individu yang yakin, sopan, baik hati dan berakhlak terpuji
 - Menghasilkan warganegara yang baik
 - Membentuk peribadi
 - Murid dapat mengamalkan sikap jujur, bersederhana dan bersyukur
 - Murid prasekolah mudah menerima unsur-unsur yang positif
 - Membantu murid meniru perlakuan yang baik
 - Berakhlak baik
 - Mengaplikasikan nilai murni apabila dewasa
 - Mengamalkan nilai murni
 - Mengelakkan gejala sosial
 - Menerapkan rasa cinta terhadap kawan, ibu bapa dan orang sekeliling
 - Membentuk insan yang cemerlang akhlak dan akademik
 - Membentuk akhlak
 - Belajar menjadi manusia yang berguna
 - Membina akhlak yang baik
 - Tidak menjadi anak yang nakal
 - Dapat membezakan tindakan yang baik dan buruk
 - Melahirkan insan yang cemerlang akhlak
 - Menghapuskan masalah disiplin
 - Menjadi asas keperibadian murid dan kualiti diri yang menjamin masa depan
 - Membentuk peribadi yang mulia
 - Melahirkan murid yang berakhlak mulia dan terpuji
 - Mendidik murid dari peringkat awal lagi
 - Memupuk semangat kekitaan dan kekeluargaan
 - Melahirkan generasi yang cemerlang
 - Memupuk dan membentuk peribadi
 - Membentuk peribadi yang positif
-



-
- Membentuk murid menjadi insan yang mempunyai jati diri yang teguh
 - Murid tahu untuk menguruskan kehidupan
 - Melatih dan membiasakan murid dengan nilai-nilai yang baik
 - Melahirkan insan yang mempunyai akhlak dan sahsiah yang baik
 - Melahirkan murid yang mempunyai sahsiah yang baik
 - Membentuk perlakuan dan sikap yang baik
 - Mengurangkan gejala sosial
 - Membentuk perilaku yang baik
 - Menjauhi perbuatan yang negatif
 - Membentuk sahsiah diri
 - Melahirkan insan yang berbudi pekerti mulia
 - Membantu murid mempunyai akhlak yang mulia
 - Melahirkan insan yang berperwatakan mulia dan berguna
 - Melahirkan murid yang seimbang
 - Membentuk peribadi
 - Membolehkan murid membezakan tentang perlakuan yang baik atau buruk
 - Menjadikan murid individu yang bertanggungjawab
 - Membentuk peribadi yang mulia
 - Melahirkan insan yang seimbang
 - Murid mudah dibentuk dan mudah diberi nasihat dan tunjuk ajar
 - Membantu mencapai Falsafah Pendidikan Negara
 - Memupuk sikap yang baik dan positif
 - Meningkatkan kemahiran bertutur dengan baik dan sopan
 - Memupuk jati diri yang baik
 - Meningkatkan kemahiran bersosial dalam kehidupan seharian
 - Membentuk murid yang berbudi bahasa dan berakhlak baik
 - Membentuk murid menjadi seorang yang beradab, bersopan santun dan menghormati orang lain
 - Membentuk akhlak yang baik
 - Membentuk murid yang sempurna akhlak dan peribadi
 - Membentuk sikap yang positif
 - Membentuk insan yang cemerlang dan seimbang
 - Mengelakkan berlakunya perkara yang negatif
 - Membimbing murid ke arah yang lebih baik
 - Membentuk peribadi yang baik
 - Membentuk murid yang bertanggungjawab
 - Murid dapat mempelajari, memahami dan mencontohi kelakuan yang baik
 - Membentuk peribadi murid
 - Mengamalkan sikap jujur
 - Menjadikan murid seorang yang berakhlak mulia
 - Melahirkan murid yang berkeyakinan dan berani
 - Mengamalkan nilai murni dalam kehidupan seharian
 - Menghayati nilai murni
 - Membantu murid menjadi insan yang lebih baik dan mulia
 - Murid cepat menerima perkara yang baik
 - Murid dapat dibentuk dengan mudah tentang perkara-perkara yang baik
 - Membantu guru mewujudkan kelompok murid yang berinteraksi secara harmoni dan dalam keadaan baik
 - Membina sahsiah yang baik
 - Memupuk semangat kerjasama
 - Memupuk perasaan kasih sayang
-

-
- Mewujudkan perasaan bantu membantu
-

Berdasarkan Jadual 4.5, kesemua 30 orang responden menyatakan sebab nilai murni diterapkan semasa PdP prasekolah adalah untuk membentuk peribadi yang baik dan akhlak yang mulia dalam kalangan murid prasekolah. Selain dari itu, terdapat juga responden yang menyatakan sebab nilai murni diterapkan adalah untuk memupuk semangat yang positif, membentuk jati diri, melahirkan insan seimbang dan melahirkan murid yang mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan.

Pengkaji mendapati responden sedar dan tahu pentingnya nilai murni diterapkan semasa PdP prasekolah di mana mereka dapat merangkumkan nilai-nilai murni sehingga mereka inginkan murid prasekolah akhirnya menjadi insan yang berakhlak mulia dan seimbang di dunia dan akhirat. Kesemua 30 orang responden berjaya menjawab soalan yang dikemukakan dengan menyakinkan.

Berdasarkan jawapan responden untuk soalan terbuka 2, pengkaji dapat mengelompokkan kesemua sebab penerapan nilai murni dalam PdP prasekolah mengikut kategori seperti Jadual 4.6

Jadual 4.6

Kategori Sebab Nilai Murni Diterapkan Dalam PdP

Kategori dan ciri nilai murni yang diterap

Membentuk peribadi yang baik

- Melatih cara berkomunikasi yang baik dan
- Melatih murid bersopan santun dengan orang sekeliling
- Mendidik murid sentiasa bersyukur
- Membentuk akhlak mulia
- Memupuk sikap yang baik
- Menghormati orang sekeliling
- Berakhlak baik
- Bekerjasama di antara satu sama lain

-
- Membentuk tingkah laku yang baik dan terpuji
 - Membentuk peribadi
 - Berakhlak baik
 - Membentuk insan yang cemerlang akhlak dan akademik
 - Membentuk akhlak
 - Membina akhlak yang baik
 - Tidak menjadi anak yang nakal
 - Melahirkan insan yang cemerlang akhlak
 - Membentuk peribadi yang mulia
 - Melahirkan murid yang berakhlak mulia dan terpuji

Membentuk peribadi yang baik

- Memupuk dan membentuk peribadi
- Membentuk peribadi yang positif
- Melahirkan insan yang mempunyai akhlak dan sahsiah yang baik
- Melahirkan murid yang mempunyai sahsiah yang baik
- Membentuk perlakuan dan sikap yang baik
- Membentuk perilaku yang baik
- Membentuk sahsiah diri
- Melahirkan insan yang berbudi pekerti mulia
- Membantu murid mempunyai akhlak yang mulia
- Melahirkan insan yang berperwatakan mulia dan berguna
- Membentuk peribadi
- Membentuk peribadi yang mulia
- Membentuk murid yang berbudi bahasa dan berakhlak baik
- Membentuk murid menjadi seorang yang beradab, bersopan santun dan menghormati orang lain
- Membentuk akhlak yang baik

Mewujudkan insan yang seimbang


- Melahirkan murid yang seimbang dunia akhirat
- Mendidik murid bersederhana
- Melahirkan murid yang seimbang
- Melahirkan insan yang seimbang
- Membentuk insan yang cemerlang dan seimbang
- Melahirkan generasi yang cemerlang
- Membantu guru mewujudkan kelompok murid yang berinteraksi secara harmoni dan dalam keadaan baik
- Melahirkan insan yang berguna
- Melahirkan murid yang berguna
- Menjadi insan yang baik

Mengamalkan nilai murni dalam kehidupan seharian

- Mengamalkan nilai murni dalam kehidupan
 - Menggunakan nilai murni dalam kehidupan seharian
 - Mengamalkan nilai murni di dalam dan di luar bilik darjah
 - Guru sentiasa mengingati nilai murni
 - Murid mengamalkan nilai murni
 - Mengaplikasikan nilai murni apabila dewasa
 - Mengamalkan nilai murni
 - Melatih dan membiasakan murid dengan nilai-nilai yang baik
 - Mengamalkan nilai murni dalam kehidupan seharian
 - Menghayati nilai murni
-

Berdasarkan kategori yang dikelompokkan dalam Jadual 4.6, pengkaji mendapati responden menyatakan sebab nilai murni diterapkan dalam PdP prasekolah adalah untuk membentuk peribadi yang baik sebanyak 45 kali kekerapan. Sebanyak 21 kali kekerapan yang menyatakan sebab nilai murni diterapkan dalam PdP prasekolah adalah untuk memupuk semangat yang positif.

Bagi kategori membentuk jati diri, kekerapan responden menyatakan sebab diterapkam nilai murni dalam PdP prasekolah sebanyak 13 kali. Manakala bagi kategori melahirkan insan seimbang dan mengamalkan nilai murni dalam kehidupan adalah masing-masing sebanyak 10 kali kekerapan.



Rajah 4.5. Sebab nilai murni diterapkan dalam PdP

4.6.2 Sebab Nilai Murni diterapkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Temu bual

Respondan dalam kajian ini menyatakan mengapa perlunya nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran di prasekolah. Data daripada temu bual dengan R1 hingga R5 mengenai sebab penerapan nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran adalah seperti berikut.

Temu bual berkaitan Amalan Penerapan Nilai Murni semasa PdP (Teks Asal) Apakah sebab nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah?	Interpretasi Hasil Temu bual berkaitan sebab nilai murni diterapkan dalam PdP melalui Kaedah Hermeneutik
<u>Responden 1 (Cikgu Alia)</u> Harapan kita macam anak kita jugalah. Dia membesar dengan suasana yang elok. Baik budi pekerti. Sekarang ni macam-macam berlaku. Harapan kita supaya generasi kita didik ni terhindar dari perkara-perkara begitu. In Shaa Allah (R1:T22)	Responden 1 menyatakan sebab nilai murni diterapkan dalam PdP adalah supaya anak muridnya membesar dalam suasana yang elok baik budi pekerti seperti anaknya sendiri. Beliau juga berharap supaya generasi yang dididiknya terhindar dari gejala-gejala yang tidak sihat.
<u>Responden 2 (Cikgu Alina)</u> Sebabnya kalau kita tengok sendiri budak dia belajar melalui persekitaran. Contohnya Kalau kita tak terapkan disiplin berebut-rebut benda tu dia akan bawa...di luar. Di sekolah peraturan dah ditetapkan cara macam mana nak ambil alat tulis cara macam mana dia nak makan dia kene beratur dulu dalam kehidupan dia (R2:T28)	Responden 2 menyatakan nilai murni diterapkan adalah untuk membentuk disiplin murid melalui peraturan-peraturan yang ditetapkan supaya murid boleh berakhak mulia ketika di dewasa nanti.
<u>Responden 3 (Cikgu Maria)</u> Murid pra sekolah ni dia memang kene menerapkan nilai murni. Nilai murni ni perlu kerana masa kecil ni dia memang	Responden 3 berpendapat nilai murni diterapkan dalam PdP prasekolah kerana ketika ini murid masih kecil dan mudah



<p>mengikut, mendengar kata. Kadang-kadang dia pulak boleh menegur kawan. “Eh..tak boleh macam ni”. Maknanya bila dia mendengar kata dia pulak boleh tegur. Dia menunjukkan sikap yang baik. Kita pun mudah bila nilai murni diterap. Sekali kita cakap dia dah faham. (R3:T31)</p>	<p>menerima teguran. Apabila nilai murni telah diamalkan dalam diri murid, segala arahan dan percakapan guru akan lebih mudah.</p>
<p><u>Responden 4 (Cikgu Mala)</u></p> <p>Sebab pada kanak-kanak ni rumah mungkin dia tak de dapat pendedahan. Saya tengok kesan pada anak sendirilah. Dia nak buat. Contohnya gosok gigi. Dia rasa penting gosok gigi tu. Dia buat dengan kawan-kawan dekat sekolah. Kat rumah pon dia buat. Dia belajar kat sekolah menulis dengan betul dengan kawan dia, kat rumah dia sama buat. Buat kerja rumah pon tanggungjawab nak buat. Maksudnya dia dengar cakap cikgu dan kawan-kawan. Dia seronok. (R4:T20)</p>	<p>Responden 4 berpendapat nilai murni diterapkan dalam PdP prasekolah kerana di rumah mereka kurang mendapat pendedahan berkaitan nilai murni. Menurut beliau, murid mudah mendengar percakapan guru dan rakan-rakan. Apabila mereka seronok melakukan aktiviti di sekolah, mereka turut melakukan aktiviti yang sama di rumah.</p>
<p><u>Responden 5 (Cikgu Rina)</u></p> <p>Nak membentuk murid tu la. Jati diri dia. Peribadi dia supaya menjadi insan baik masa depan. (R5:T20)</p>	<p>Responden 5 berpendapat nilai murni diterapkan adalah untuk membentuk jati diri murid supaya menjadi insan yang baik di masa depan.</p>

Berdasarkan data temu bual, pengkaji mendapati kelima-lima responden dapat menyatakan sebab-sebab nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran murid prasekolah. R1 menyatakan nilai murni diterapkan supaya anak muridnya membesar dalam suasana yang elok baik budi pekerti seperti anaknya sendiri. Beliau juga berharap supaya generasi yang dididiknya terhindar dari gejala-gejala yang tidak sihat. R2 pula menyatakan nilai murni diterapkan adalah untuk membentuk disiplin murid melalui peraturan-peraturan yang ditetapkan supaya murid boleh berakhlak mulia ketika di dewasa nanti.



R3 pula berpendapat nilai murni diterapkan dalam PdP prasekolah kerana ketika ini murid masih kecil dan mudah menerima teguran. Apabila nilai murni telah diamalkan dalam diri murid, segala arahan dan percakapan guru akan lebih mudah. Sementara R4 pula menyatakan nilai murni diterapkan dalam PdP prasekolah kerana di rumah mereka kurang mendapat pendedahan berkaitan nilai murni. Menurut beliau, murid mudah mendengar percakapan guru dan rakan-rakan. Apabila mereka seronok melakukan aktiviti di sekolah, mereka turut melakukan aktiviti yang sama di rumah. Dalam pada itu, R5 berpendapat nilai murni diterapkan adalah untuk membentuk jati diri murid supaya menjadi insan yang baik di masa depan.

Rumusannya berdasarkan kedua-dua instrumen menunjukkan dapatan yang selari di mana responden menerapkan nilai murni bertujuan untuk membentuk peribadi yang baik dalam kalangan murid-murid prasekolah bagi melahirkan insan yang seimbang dan dapat mendepani pelbagai cabaran kehidupan serta berani membuat keputusan yang tepat.

4.7 Analisis Amalan Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Kaedah Hermeneutik berdasarkan Soalan Terbuka 3

Soalan Terbuka 3:

Bagaimanakah nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah?

Jawapan Soalan Terbuka 3 (Teks Asal) Bagaimanakah nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah?	Interpretasi bagaimanakah nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah berdasarkan Soalan Terbuka 3 melalui Kaedah Hermeneutik (Metateks)
<p><u>Responden 1</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Nilai-nilai murni dapat diterapkan melalui kesepaduan setiap tunjang atau matapelajaran yang ada di prasekolah. • Penerapan nilai ini juga dapat diterapkan melalui penggabungjalinan dan rutin harian yang diamalkan setiap hari. • Penerapan nilai murni ini dapat juga diterapkan menerusi aktiviti permainan yang dirancang oleh guru dan juga melalui proses bercerita dan morning cycle. 	<p>Responden 1 berpendapat nilai murni diterapkan dalam PdP prasekolah melalui kesepaduan setiap tunjang.</p> <p>Nilai murni juga diterapkan melalui penggabungjalinan dan rutin harian.</p> <p>Responden 1 turut berpendapat nilai murni dapat diterapkan menerusi aktiviti permainan yang dirancang dan melalui proses bercerita dan perbualan pagi.</p>
<p><u>Responden 2</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Sewaktu pengajaran dan pembelajaran saya akan terapkan setiap masa. Ketika sesi perbualan pagi saya akan adakan sesi soal jawab dan disini akan terap nilai keberanian untuk berkomunikasi dan berhemah tinggi. • Sewaktu proses pengajaran juga saya akan melaksanakan aktiviti yang melibatkan aktiviti kumpulan seperti membuat atau menghasilkan projek. Melalui aktiviti ini murid dapat diterap nilai tolak ansur, kerjasama, tolong menolong, kerajinan dan sebagainya. • Jika murid melakukan kesalahan juga, saya akan terus menegur dan memberi kata motivasi supaya murid mengamalkan nilai yang positif. • Melalui tunjang-tunjang yang dirancang dalam aktiviti, penerapan nilai akan disepadukan supaya murid dapat mengamalkannya setiap hari. 	<p>Responden 2 berpendapat nilai murni diterapkan setiap masa sewaktu PdP dan perbualan pagi.</p> <p>Nilai murni juga diterapkan melalui aktiviti kumpulan seperti menghasilkan projek. Melalui aktiviti ini murid dapat diterap nilai tolak ansur, kerjasama dan tolong menolong.</p> <p>Nilai murni juga dapat diterapkan melalui teguran terhadap kesalahan yang dilakukan oleh murid dengan memberi motivasi supaya murid mengamalkan nilai yang positif.</p> <p>Nilai murni juga diterapkan/disepadukan melalui aktiviti yang dirancang dalam tunjang-tunjang.</p>

<p><u>Responden 3</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Nilai-nilai murni diterapkan setiap masa dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah bermula dari menyambut kedatangan murid, perbualan pagi, kudapan, aktiviti kumpulan, aktiviti di luar kelas dan sebagainya. Contohnya ketika kudapan menolong rakan yang tidak sihat untuk mengambil makanan dan minumannya. • Bekerjasama menyiapkan kolaj buah epal bersama ahli kumpulan dalam kreativiti dan estetika. Melalui aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran nilai murni dapat diwujudkan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. 	<p>Responden 3 berpendapat nilai murni diterapkan setiap masa dalam PdP prasekolah bermula dari menyambut kedatangan murid, perbualan pagi, kudapan, aktiviti kumpulan dan aktiviti di luar kelas.</p> <p>Nilai murni juga dapat diterapkan melalui aktiviti berkumpulan dan semasa aktiviti PdP di prasekolah.</p>
<p><u>Responden 4</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bagaimana nilai-nilai murni diterapkan ialah ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan dan juga ketika murid melakukan sesuatu perkara yang memerlukan guru memberi bimbingan dan juga teguran yang berhemah. Ketika sesi pengajaran dan pembelajaran murid dapat belajar dari semasa ke semasa. Ini kerana pembelajaran berlaku sepanjang hayat. 	<p>Responden 4 berpendapat nilai murni diterapkan ketika sesi PdP dijalankan dan melalui teguran yang berhemah ke atas tingkah laku dan kesalahan murid.</p>
<p><u>Responden 5</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Guru dapat menerapkan nilai murni semasa aktiviti pengajaran berjalan. Contohnya, dalam aktiviti kumpulan, guru boleh memberi penerangan tentang kepentingan bekerjasama. • Selain itu, dalam topik atau tema haiwan atau alam sekitar, kasih sayang dapat diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran. • Guru terus menerap nilai murni jika tema yang diajar adalah sesuai. 	<p>Responden 5 berpendapat nilai murni seperti kerjasama dapat diterapkan semasa aktiviti PdP melalui aktiviti kumpulan.</p> <p>Nilai murni kasih sayang juga dapat diterapkan melalui tema-tema yang tertentu seperti tema haiwan atau alam sekitar.</p>



<p><u>Responden 6</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Disepadukan di dalam tunjang-tunjang kurikulum prasekolah. • Disepadukan dalam rutin harian. • Disepadukan dalam adab makan. • Disepadukan dalam perbualan pagi. • Digalakkan mengamalkan nilai-nilai murni seharian. • Nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah melalui kesepaduan dalam tunjang-tunjang kurikulum prasekolah. Ia juga disepadukan dalam rutin harian, adab makan, perbualan pagi dan sentiasa diberikan galakkan untuk mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. 	<p>Responden ke 6 berpendapat nilai murni diterapkan melalui tunjang-tunjang yang disepadukan, rutin harian, ketika makan dan sewaktu perbualan pagi.</p>
<p><u>Responden 7</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam enam tunjang KSPK. Selain itu, semasa kanak-kanak mahu berus gigi, makan, rehat serta bermain. • Nilai ini juga diterapkan semasa kanak-kanak bermain di taman prasekolah. Boleh juga diterapkan apabila PdP sudah habis dilaksanakan sewaktu mereka bermain selepas pukul 12.00 tengahari. • Ditayangkan semasa melihat video atau televisyen berkaitan lagu dan cerita. Semasa mereka membantu membaca cerita atau kad semasa guru meminta bantuan. • Semasa mereka atau kanak-kanak berbual semasa mereka sebelum mulanya pengajaran dan pembelajaran. 	<p>Responden ke 7 berpendapat, nilai murni diterapkan semasa PdP meliputi keenam-enam tunjang. Nilai juga diterapkan dalam rutin harian seperti ketika memberus gigi, makan, rehat dan bermain.</p> <p>Nilai murni juga dapat diterapkan melalui aktiviti bermain di taman prasekolah dan selepas waktu persekolahan.</p> <p>Nilai murni dapat diterapkan melalui tayangan video, menonton televisyen, lagu dan membaca cerita atau kad semasa guru meminta bantuan.</p> <p>Nilai murni juga diterapkan semasa sesi perbualan sebelum memulakan pelajaran.</p>
<p><u>Responden 8</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti PdP yang dirancang. • Pergaulan antara guru, murid dan PPM. • Pembacaan bahan ilmiah atau buku cerita moral. 	<p>Responden ke 8 berpendapat nilai murni diterapkan sewaktu aktiviti PdP, pergaulan antara guru-murid dan PPM serta melalui aktiviti membaca buku cerita moral.</p>





<ul style="list-style-type: none"> • Waktu rehat, semasa PdP, waktu balik. • Beri refleksi atau penutup. • Selesai melaksanakan aktiviti yang dilaksanakan. • Ketika bermain dan bergaul dengan rakan sebaya. • Melalui aktiviti lawatan bersama penjaga ke tempat-tempat yang sesuai yang menggalakkan interaksi sosial dengan persekitaran secara maksimum. • Nilai murni diterapkan ketika murid menghasilkan bahan seperti buku skrap, lukisan dan main warna bersama. Guru boleh menerapkan nilai murni melalui eksperisi wajah dan emosi mereka. 	<p>Nilai murni juga dapat diterapkan sewaktu rehat, semasa PdP, semasa refleksi dan waktu balik.</p> <p>Nilai murni juga dapat diterapkan melalui aktiviti bermain dan bergaul dengan rakan sebaya, aktiviti lawatan dan kerja kumpulan.</p>
<p><u>Responden 9</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Nilai-nilai murni boleh diterapkan dalam kesepaduan dengan tunjang-tunjang pembelajaran prasekolah. • Mengamalkan nilai-nilai murni melalui rutin harian dan aktiviti yang dilakukan di prasekolah. • Guru sebagai role-model yang sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni dan menjadi contoh dan ikutan kepada murid-murid di prasekolah. • Sentiasa memberi peneguhan dan arahan yang jelas agar menjadi kebiasaan bagi murid-murid prasekolah. 	<p>Responden ke 9 berpendapat nilai murni dapat diterapkan melalui kesepaduan tunjang-tunjang, rutin harian dan aktiviti PdP yang dilakukan di prasekolah.</p> <p>Nilai murni juga dapat diterap melalui tingkah laku guru sebagai role-model yang sentiasa mengamalkan nilai murni yang menjadi contoh dan ikutan murid prasekolah.</p> <p>Nilai murni juga dapat diterapkan melalui arahan dan peneguhan yang jelas kepada murid agar menjadi kebiasaan.</p>
<p><u>Responden 10</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Nilai murni dapat diterapkan dengan mengadakan aktiviti-aktiviti kumpulan dalam kelas. Nilai murni diterapkan dalam aktiviti rutin harian, kumpulan, aktiviti luar dan penutup. • Mengadakan situasi atau watak-watak yang melibatkan nilai-nilai murni. Melihat tayangan video yang berkaitan dengan nilai-nilai murni. 	<p>Responden ke 10 berpendapat nilai murni dapat diterapkan melalui aktiviti kumpulan, rutin harian, aktiviti luar dan sesi refleksi.</p> <p>Nilai murni juga dapat diterapkan melalui watak-watak semasa aktiviti simulasi atau main peranan. Melalui tayangan video nilai murni dapat diterapkan.</p>





<ul style="list-style-type: none"> • Buat demonstrasi atau tunjuk cara bagaimana untuk mengamalkan nilai murni seperti hormat-menghormati, tolong-menolong, kerjasama, kasih sayang dan lain-lain. • Adakan pertandingan mewarna berkaitan dengan nilai-nilai murni. Guru boleh bercerita tentang nilai-nilai murni kepada murid untuk murid mengamalkan nilai murni di luar. 	<p>Demonstrasi atau tunjuk cara bagaimana mengamalkan nilai murni juga boleh dijalankan untuk menerapkan nilai.</p> <p>Melalui pertandingan mewarna guru boleh bercerita tentang nilai-nilai murni agar murid dapat mengamalkannya.</p>
<p><u>Responden 11</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Melalui aktiviti kumpulan murid dapat bekerjasama dalam kumpulan menyiapkan tugas. • Waktu rehat murid beratur dan sabar menunggu kawan dan giliran untuk makan serta membaca doa sebelum makan. • Sebelum pulang murid mengemas kelas supaya bersih dan kemas. • Selepas 10 minit makan murid menggosok gigi dan mencuci tangan dengan bersih dan mengumpul pinggan/cawan di dalam bekas yang disediakan. • Dalam jadual rutin murid menghormati guru dengan bersalaman dan memberi salam/jawab salam. • Menggalakkan murid menyiapkan tugas dengan cepat dan tidak membuang masa dengan membaca buku di rak atau mengambil buku tambahan untuk dibuat. Aktiviti kelas, murid hormat- menghormati kawan yang lain menggunakan alat dan berdiri tegak semasa menyanyikan lagu sekolah menggalakkan semangat patriotik. 	<p>Responden ke 11 berpendapat nilai murni dapat diterapkan melalui aktiviti kumpulan.</p> <p>Ketika waktu rehat nilai murni juga dapat diterapkan apabila murid beratur, sabar dan membaca doa sebelum makan.</p> <p>Sebelum pulang murid menjaga kebersihan dengan mengemas kelas supaya bersih.</p> <p>Semasa rehat juga, murid menggosok gigi, mencuci tangan dan mengumpul pinggan dan cawan ke dalam bekas yang disediakan .</p> <p>Ketika datang ke sekolah, murid bersalaman dan memberi salam kepada guru.</p> <p>Guru juga menggalakkan murid membaca buku di rak dan membuat aktiviti menggunakan buku tambahan.</p> <p>Nilai murni juga dapat diterapkan semasa aktiviti kelas melalui nyanyian lagu sekolah.</p>
<p><u>Responden 12</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Nilai-nilai murni dapat diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah melalui beberapa cara. 	<p>Responden ke 12 berpendapat nilai murni dapat diterapkan dalam PdP prasekolah melalui aktiviti bercerita di mana guru akan</p>



<p>Antaranya melalui aktiviti bercerita. Semasa sesi bercerita, guru boleh menerapkan nilai-nilai murni hasil daripada penceritaan tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> Selain itu juga nilai-nilai murni ini boleh diterapkan melalui aktiviti projek atau kumpulan. Semasa aktiviti ini dijalankan, murid-murid akan saling bekerjasama diantara satu sama lain. Manakala nilai murni juga boleh diterapkan melalui penampilan guru tersebut. 	<p>menerapkan nilai murni hasil daripada penceritaan tersebut.</p> <p>Nilai murni juga dapat diterapkan melalui aktiviti kumpulan atau projek. Melalui aktiviti ini murid bekerjasama antara satu sama lain.</p> <p>Nilai murni juga dapat diterapkan melalui penampilan guru.</p>
<p><u>Responden 13</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Penerapan nilai-nilai murni kebiasaannya dilakukan secara kesepaduan di dalam matapelajaran ataupun secara tidak formal. Ini membawa maksud, guru tidak terikat dengan jadual waktu untuk menerapkan nilai-nilai murni tersebut. 	<p>Responden ke 13 berpendapat nilai murni dapat diterapkan melalui kesepaduan di dalam tunjang-tunjang dan secara tidak formal.</p>
<p><u>Responden 14</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Nilai-nilai murni diterapkan dalam PdP prasekolah melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Contohnya seperti menyanyi lagu-lagu patriotik dapat menerapkan semangat cintakan negara di dalam jiwa kanak-kanak. Aktiviti kedua seperti aktiviti gotong-royong membersihkan taman permainan. Ianya dapat menanam nilai cintakan kebersihan alam sekitar di dalam jiwa kanak-kanak tersebut. 	<p>Responden ke 14 berpendapat nilai murni dapat diterapkan melalui aktiviti nyanyian lagu patriotik di mana semangat cintakan negara dapat di semat ke dalam jiwa murid-murid.</p> <p>Aktiviti gotong royong membersihkan taman permainan dapat menanam nilai cintakan kebersihan alam sekitar ke dalam jiwa murid.</p>
<p><u>Responden 15</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Melalui aktiviti yang dirancang oleh guru atau secara tidak langsung contoh aktiviti iaitu sewaktu membuat aktiviti kolaj, dalam kumpulan, kanak-kanak diajar bagaimana menyatu sifat sabar, 	<p>Responden ke 15 berpendapat melalui aktiviti yang dirancang oleh guru seperti membuat kolaj secara kumpulan sifat sabar, tekun, rajin dapat diterapkan.</p>



<p>teknun, rajin dalam menyiapkan tugasannya itu.</p> <ul style="list-style-type: none"> Selain itu, dalam aktiviti juga diwujudkan sifat bertanggungjawab, kerjasama dan sebagai. Secara tidak langsung pulak ialah ketika kanak-kanak mengambil makanan, guru akan memastikan kanak-kanak beratur dan tidak berebut, disiplin kanak-kanak dapat dibentuk melalui amalan seharian. 	<p>Dalam aktiviti yang dirancang sifat bertanggungjawab dan bekerjasama dapat diterapkan.</p> <p>Penerapan nilai secara tidak langsung dapat dilihat pada waktu rehat ketika murid mengambil makanan di mana guru akan memastikan murid beratur dan tidak berebut. Melalui cara ini disiplin murid dapat dibentuk.</p>
<p><u>Responden 16</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah nilai-nilai murni boleh diterapkan dalam 6 tunjung yang terdapat dalam KSPK. Sebagai contohnya dalam Tunjang Bahasa dan Komunikasi (Kemahiran Mendengar 1.1 dan 1.2), murid-murid boleh mendengar dan memberi respon kepada arahan yang diminta oleh guru. Berdasarkan standard pembelajaran tersebut diterapkan nilai sopan santun dan berkeyakinan diri iaitu mendengar arahan orang yang lebih dewasa dari mereka. Nilai murni bekerjasama, bertanggungjawab juga boleh diterapkan semasa rehat dan pengurusan diri contohnya bekerjasama menjaga kebersihan tandas, ruang makan dan ruang pembelajaran murid-murid. Selain daripada itu, nilai-nilai murni baik hati dan keadilan boleh diterapkan dalam PdP sains dan teknologi contohnya semasa ujikaji dan pemerhatian. Bahan-bahan yang diminta untuk dibahagikan kepada rakan kumpulan oleh ketua kumpulan yang dilantik oleh guru. 	<p>Responden ke 16 berpendapat nilai murni dapat diterapkan semasa PdP prasekolah melalui kemahiran-kemahiran yang terdapat di dalam tunjang-tunjang seperti aktiviti mendengar dan memberi respon di mana nilai sopan santun dan yakin diri dapat diterapkan.</p> <p>Responden ke 16 juga berpendapat nilai murni boleh diterapkan semasa rehat apabila murid bekerjasama menjaga kebersihan tandas, ruang makan dan ruang pembelajaran.</p> <p>Nilai murni baik hati dan keadilan dapat diterapkan dalam PdP tunjang Sains dan Teknologi melalui aktiviti kumpulan semasa menjalankan ujikaji dan pemerhatian.</p>
<p><u>Responden 17</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Nilai-nilai murni boleh diterapkan semasa proses pengajaran dan 	<p>Responden ke 17 berpendapat nilai murni dapat diterapkan semasa PdP prasekolah</p>



<p>pembelajaran melalui aktiviti yang kita laksanakan sebagai contoh kita mengajar murid memberi salam, mengajar murid mengucapkan terima kasih apabila menerima sesuatu.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nilai murni juga boleh diterap melalui aktiviti berkumpulan. Melalui aktiviti ini murid dapat melahirkan sikap bekerjasama dan juga bertolak ansur. • Murid juga dilatih untuk menjadi seorang yang berani. Contohnya berani keluar kehadiran dan berani untuk menjawab soalan. 	<p>melalui aktiviti tidak langsung yang dilaksanakan oleh guru seperti memberi salam dan mengucapkan terima kasih apabila menerima sesuatu.</p> <p>Melalui aktiviti kumpulan nilai murni seperti bekerjasama, bertolak ansur dapat diterapkan.</p> <p>Nilai murni berani dapat dilatih dan diterapkan semasa PdP apabila murid berani ke hadapan dan berani menjawab soalan.</p>
<p><u>Responden 18</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Nilai-nilai murni boleh diterapkan kepada murid-murid sepanjang waktu pengajaran dan pembelajaran mereka. Nilai-nilai ini boleh diterapkan di dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan diprasekolah. Contoh semasa bermain boleh terapkan nilai kerjasama, sayang menyayangi terhadap bahan mainan dan kawan-kawan. Semasa aktiviti menulis, nilai rajin boleh diterapkan. 	<p>Responden ke 18 berpendapat nilai murni dapat diterapkan kepada murid prasekolah sepanjang waktu PdP melalui aktiviti bermain dan menulis. Antara nilai murni yang dapat diterapkan ialah bekerjasama, sayang menyayangi dan kerajinan.</p>
<p><u>Responden 19</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Nilai-nilai murni dapat diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah melalui aktiviti harian mereka dimana kanak-kanak akan sentiasa dipantau pergerakan mereka selagi mereka berada di dalam kelas dan waktu persekolahan. • Nilai-nilai murni ini juga boleh diterapkan melalui aktiviti lakonan. Contohnya guru menyatakan situasi dan minta kanak-kanak lakonkan dengan menyelitkan nilai murni seperti menolong orang buta melintas jalan. 	<p>Responden ke 19 berpendapat nilai murni dapat diterapkan dalam PdP prasekolah melalui aktiviti harian kerana guru sentiasa memantau pergerakan murid di dalam kelas.</p> <p>Nilai murni juga dapat diterapkan melalui aktiviti lakonan atau simulasi menolong orang buta melintas jalan.</p>
<p><u>Responden 20</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Nilai-nilai murni boleh diterapkan oleh guru melalui tingkah laku guru itu sendiri ia akan menjadi contoh kepada 	<p>Responden 20 berpendapat nilai murni boleh diterapkan melalui tingkah laku dan pertuturan guru yang menjadi contoh</p>



<p>kanak-kanak prasekolah. Contoh dari aspek tingkah laku dan percakapan guru hendaklah sentiasa menerapkan nilai-nilai murni.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nilai murni juga boleh diterapkan ketika aktiviti dijalankan. Guru boleh menerapkan nilai murni ketika itu contohnya sikap tolong-menolong, menghormati hak orang lain. • Nilai murni juga boleh diterapkan oleh guru semasa aktiviti. Soal jawab, temu bual atau perbincangan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. • Melalui pembacaan buku cerita, sajak, pantun juga guru dapat terapkan nilai-nilai murni kepada kanak-kanak prasekolah. 	<p>kepada murid.</p> <p>Nilai murni dapat diterapkan ketika guru menjalankan aktiviti PdP seperti aktiviti soal jawab, temu bual dan perbincangan di mana sikap tolong menolong dan menghormati hak orang lain dapat diterapkan.</p> <p>Nilai murni juga dapat diterapkan melalui aktiviti membaca buku cerita, sajak dan pantun.</p>
<p><u>Responden 21</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bercakap benar dan menggunakan bahasa serta perkataan yang baik dalam perbualan. • Mengadakan aktiviti kumpulan yang memerlukan kerjasama, sepakat dan berkongsi idea serta barang dan sebagainya. 	<p>Responden 21 berpendapat nilai murni dapat diterapkan melalui perbualan dengan menggunakan bahasa dan perkataan yang baik.</p> <p>Melalui aktiviti kumpulan nilai kerjasama, bersatu dan berkongsi idea dan barang dapat diterapkan.</p>
<p><u>Responden 22</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran dengan cara disepadukan dengan tunjang-tunjang lain. Model sebenar dan paling berkesan apabila guru menunjukkan terlebih dahulu nilai-nilai murni, kemudian murid akan meniru cara tersebut pengajaran dan pembelajaran sebegini sangat berkesan dalam penerapan nilai di prasekolah. Kerana murid belajar dari apa yang mereka lihat. 	<p>Responden 22 berpendapat nilai murni dapat diterapkan ke dalam PdP melalui kesepadukan tunjang-tunjang. Guru boleh menjadi model dengan menunjukkan terlebih dahulu nilai murni (tunjuk cara/demostrasi) dan murid meniru perlakuan tersebut kerana murid belajar dari apa yang mereka lihat.</p>





<p><u>Responden 23</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Dalam penyediaan Rancangan Pengajaran Harian memang terdapat ruangan untuk nilai-nilai murni. Ia juga diterapkan merentas kurikulum. Penggabung jalinan dan kesepaduan aktiviti dapat mengaplikasikan semua nilai yang ada. Ia juga diterapkan secara tidak langsung. • Guru dan PPM menjadi role model kepada kanak-kanak. Amalan yang selalu kita amalkan akan membentuk satu budaya dalam diri kanak-kanak. Contohnya memberi salam dan mengucapkan terima kasih. 	<p>Responden 23 berpendapat nilai murni diterapkan melalui aktiviti yang dirancang dalam buku RPH.</p> <p>Nilai murni juga dapat diterapkan melalui penggabung jalinan dan kesepaduan aktiviti secara langsung dan secara tidak langsung.</p> <p>Guru dan PPM menjadi role-model kepada murid. Tingkah laku yang mereka amalkan akan membentuk satu budaya dalam diri murid seperti budaya memberi salam dan mengucapkan terima kasih.</p>
<p><u>Responden 24</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah adalah dengan melalui aktiviti yang dijalankan di dalam kelas. Ia juga boleh diterapkan melalui pelbagai aktiviti seperti bercerita, nyanyian, lakonan dan sebagainya. • Unsur-unsur positif dan nilai murni yang diterapkan dalam aktiviti akan dapat menjadikan kanak-kanak lebih faham dan seterusnya akan dapat dicontohi oleh kanak-kanak. Selain itu, sikap guru juga akan menjadi contoh kepada kanak-kanak. 	<p>Responden 24 berpendapat nilai murni dapat diterapkan dalam PdP melalui pelbagai aktiviti di dalam kelas seperti aktiviti bercerita, nyanyian dan lakonan.</p> <p>Nilai murni yang diterap dalam aktiviti membantu murid faham dan mencontohi nilai tersebut. Selain itu, sikap guru juga menjadi contoh kepada murid-murid.</p>
<p><u>Responden 25</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran melalui kesepaduan sama ada secara langsung atau pun tidak langsung. • Sentiasa mengamalkannya di dalam kelas semasa aktiviti dijalankan. Guru boleh terus menegur atau menceritakan nilai baik dan buruk jika melakukan sesuatu perkara tersebut. 	<p>Responden 25 berpendapat nilai murni diterapkan dalam PdP melalui kesepaduan sama ada secara langsung atau tidak langsung.</p> <p>Nilai murni juga dapat diterapkan semasa aktiviti di dalam kelas melalui teguran atau bercerita apabila terjadi sesuatu peristiwa di dalam kelas.</p>



<p><u>Responden 26</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Nilai murni harus diterapkan dalam PdP prasekolah kerana setiap nilai murni yang diterap haruslah berkaitan dengan PdP supaya murid dapat memahami dan mencontohi. Guru boleh menerapkan nilai-nilai murni dalam bentuk cerita atau aktiviti-aktiviti harian murid. • Selain itu, melalui aktiviti nyanyian juga, murid-murid juga boleh diterapkan nilai-nilai murni yang baik dengan senang. Mengikut aktiviti rutin, murid-murid boleh diterapkan nilai-nilai murni yang pernah belajar. 	<p>Responden 26 berpendapat nilai murni yang diterapkan dalam PdP mestilah berkaitan dengan PdP agar murid dapat memahami dan mencontohinya. Guru boleh menerapkan nilai murni dalam bentuk cerita atau melalui aktiviti harian murid.</p> <p>Nilai murni juga dapat diterapkan melalui aktiviti nyanyian dan aktiviti rutin di prasekolah.</p>
<p><u>Responden 27</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Melalui sesi bercerita dan bersoal jawab guru dapat menerapkan nilai-nilai murni. Melalui aktiviti kumpulan juga nilai-nilai murni dapat diterapkan kepada pelajar dimana mereka akan menghormati diantara satu sama lain serta menghargai pendapat rakan-rakan. • Semasa waktu rehat, murid boleh mengamalkan sikap menolong menyusun pinggan dan cawan yang telah digunakan. • Sikap bertanggungjawab dapat diterapkan semasa murid melakukan kerja yang dipertanggungjawabkan kepada mereka seperti mengemas buku-buku atau peralatan yang digunakan. 	<p>Responden 27 berpendapat nilai murni dapat diterapkan melalui aktiviti bercerita, aktiviti bersoal jawab dan aktiviti berkumpulan di mana murid dapat menghormati dan menghargai pendapat rakan yang lain.</p> <p>Semasa rehat murid boleh mengamalkan sikap menolong dengan menyusun pinggan dan cawan yang digunakan.</p> <p>Sikap bertanggungjawab dapat diterapkan ketika murid terlibat mengemas buku atau peralatan yang digunakan.</p>
<p><u>Responden 28</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Dalam pengajaran dan pembelajaran, nilai-nilai murni diterapkan semasa pengajaran dan pembelajaran dan dalam setiap slot. Semasa perhimpunan pagi, sarapan, kudapan, dan sepanjang masa berada di prasekolah. • Semasa perhimpunan pagi mereka akan berkumpul dan menyanyikan lagu-lagu patriotik yang dapat disampaikan dengan penuh bersemangat. 	<p>Responden 28 berpendapat nilai murni diterapkan semasa PdP, semasa perhimpunan pagi, sarapan, kudapan dan sepanjang masa di prasekolah.</p> <p>Semasa perhimpunan pagi murid akan menyanyikan lagu-lagu patriotik dengan penuh semangat.</p>

<ul style="list-style-type: none"> • Semasa makan, amalan kebersihan dapat diterapkan, kerjasama semasa menyediakan dan membersihkan tempat makan. Seterusnya membaca doa, tanda kesyukuran murid kepada Allah. 	<p>Semasa makan, nilai kebersihan dapat diterapkan. Murid juga bekerjasama semasa menyediakan dan membersihkan tempat makan dan seterusnya membaca doa sebagai tanda kesyukuran kepada Allah.</p>
<p><u>Responden 29</u></p> <p>Nilai-nilai murni dapat diterapkan dengan pelbagai cara. Antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melalui pengajaran harian di dalam kelas • Melalui aktiviti sukan dan permainan yang dijalankan oleh guru prasekolah • Aktiviti kumpulan • Ketika makan • Memberus gigi • Aktiviti luar ketika mereka menjalankan permainan di taman permainan. 	<p>Responden 29 berpendapat nilai murni dapat diterapkan melalui aktiviti PdP di dalam kelas, aktiviti sukan dan permainan, aktiviti kumpulan dan aktiviti rutin seharian, iaitu ketika makan, selepas makan/memberus gigi dan ketika menjalankan aktiviti di luar kelas.</p>
<p><u>Responden 30</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Semasa aktiviti bercerita. Nilai-nilai murni diterapkan dalam PdP prasekolah secara aktiviti bercerita, aktiviti kumpulan, main peranan dan lain-lain. • Melalui tayangan video nilai-nilai murni dapat diterapkan. Guru dan kanak-kanak berbincang tentang tayang video tadi. • Semasa PdP dalam setiap tunjang harus diselitkan dalam PdP seperti kasih sayang, bantu-membantu dan sebagainya. 	<p>Responden 30 berpendapat nilai murni diterapkan semasa PdP melalui aktiviti bercerita, aktiviti berkumpulan dan main peranan/simulasi.</p> <p>Nilai murni juga dapat diterapkan melalui tayangan video dan perbincangan selepas menonton video.</p> <p>Semasa PdP setiap tunjang nilai murni seperti kasih sayang dan bantu-membantu dapat diterapkan.</p>

4.7.1 Perbincangan Interpretasi Amalan Nilai Murni Berdasarkan Soalan Terbuka 3 Melalui Kaedah Hermeneutik

Dalam menjawab soalan terbuka 3, pengkaji mendapati responden telah memberi jawapan seperti Jadual 4.7.


Jadual 4.7

Bagaimana Nilai Murni Diterapkan Dalam PdP Prasekolah

Cara nilai murni diterapkan dalam PdP prasekolah

- Rutin harian [perbualan pagi, makan, kudapan, berus gigi, rehat, refleksi, susun kasut, bacaan doa] (31)*
- Aktiviti kumpulan (15)*
- Bercerita/membaca buku cerita (12)*
- Guru sebagai role-model (7)*
- Lagu/nyanyian (6)
- Aktiviti bermain (5)*
- Perbincangan/soal jawab (4)*
- Tayangan video/televisyen (4)*
- Simulasi/main peranan/lakonon (4)*
- Teguran terhadap kesalahan murid (4)*
- Aktiviti di luar kelas (4)*
- Kes/peristiwa (3)*
- Tema-tema yang tertentu (1)*
- Pertandingan mewarna (1)*
- Gotong royong (1)*
- Sajak (1)*
- Pantun (1)*

* kekerapan mengulang dalam jawapan soalan terbuka 3



Rajah 4.6. Bagaimana nilai murni diterapkan dalam PdP prasekolah

Berdasarkan Rajah 4.6, bagaimana nilai murni diterapkan dalam PdP prasekolah kesemua 30 orang responden telah memberi jawapan berdasarkan pengalaman mereka di sekolah masing-masing. Hasil analisis data menunjukkan hampir kesemua responden mengatakan nilai murni diterapkan dalam PdP prasekolah melalui aktiviti rutin harian. Aktiviti rutin harian di kelas prasekolah merangkumi aktiviti semasa waktu rehat, waktu makan, kudapan, ketika menggosok gigi, semasa refleksi, aktiviti sebelum balik sekolah, aktiviti ketika datang ke sekolah dan perhimpunan pagi. Kebanyakan responden menerapkan nilai murni semasa aktiviti rutin harian kerana ianya lebih mudah dan diterapkan secara tidak langsung apabila guru melihat perlakuan murid.



Semasa aktiviti rutin harian banyak nilai murni yang boleh diterapkan seperti berdisiplin, toleransi, berterima kasih, keadilan, bertanggungjawab, hormat menghormati, kerjasama dan kerajinan. Misalnya, ketika murid tiba di prasekolah guru boleh menerapkan nilai murni hormat-menghormati melalui ucapan salam dan bersalam-salaman. Selain itu, guru juga boleh menerapkan nilai berdisiplin dengan meminta murid menyusun kasut di tempat yang telah ditetapkan. Dalam pada itu, waktu rehat juga merupakan masa yang paling sesuai dan mudah untuk guru menerapkan nilai murni terutamanya ketika murid beratur untuk mengambil makanan di mana guru boleh menerapkan nilai murni berdisiplin dan toleransi.

Kekerapan kedua paling tinggi bagaimana nilai murni diterapkan adalah melalui aktiviti kumpulan, iaitu sebanyak 15 kali. Semasa aktiviti kumpulan nilai murni seperti kerjasama, toleransi, baik hati, berdisiplin dan kerajinan dapat diterapkan dengan mudah. Aktiviti yang biasa dijalankan secara berkumpulan ialah projek membuat kolaj, membuat ujikaji dan pemerhatian serta bermain bongkah (lego).

Sementara itu, penerapan nilai murni melalui aktiviti bercerita juga kerap digunakan oleh guru, iaitu sebanyak 12 kali. Selepas aktiviti bercerita, guru boleh mengadakan aktiviti soal jawab berkaitan cerita yang didengar. Pengkaji berpendapat guru boleh bercerita menggunakan boneka, puppet dan buku cerita atau *big book*. Penggunaan boneka, puppet dan *big book* ini bukan sahaja memudahkan murid faham malah menarik minat murid untuk belajar. Melalui aktiviti bercerita pelbagai nilai murni dapat diterapkan kepada murid-murid seperti kasih sayang, baik hati, bertanggungjawab, hemah tinggi, kejujuran dan berdikari.





Sementara itu, sebanyak 7 orang responden menyatakan nilai murni dapat diterapkan kepada murid prasekolah melalui tingkah laku guru itu sendiri. Ini kerana guru sebagai *role-model* kepada murid-murid. Murid mudah meniru perlakuan orang yang hampir dengan mereka atau orang yang mereka suka. Oleh itu guru seharusnya menunjukkan tingkah laku yang baik dan bersopan sama ada dari segi pertuturan, pakaian, adab makan dan pergaulan kerana segala tindak tanduk mereka diperhatikan.

Sebanyak 6 kali responden menyatakan nilai murni dapat diterapkan melalui lagu dan nyanyian. Aktiviti nyanyian ini dijalankan semasa perhimpunan pagi, semasa aktiviti PdP atau sebelum balik ke rumah. Kebiasaan lagu-lagu berunsurkan patriotik dan kasih sayang. Menerusi lagu, pelbagai nilai murni dapat diterap seperti kasih sayang, hormat-menghormati, keberanian, berterima kasih dan semangat cintakan negara.

Dalam pada itu, sebanyak 5 kali responden menyatakan nilai murni diterapkan melalui aktiviti bermain dan perbualan pagi. 4 kali responden menyatakan nilai murni diterapkan menerusi tayangan video/televisyen, aktiviti perbincangan/soal jawab dan aktiviti simulasi/main peranan/lakonan. Sebanyak 3 kali responden menyatakan nilai murni dapat diterapkan melalui teguran guru terhadap kesalahan murid, aktiviti di luar kelas dan semasa berlaku kes atau peristiwa tertentu. Manakala hanya sekali sahaja responden menyatakan nilai murni dapat diterapkan melalui tema-tema yang tertentu, aktiviti lawatan, arahan dan peneguhan, pertandingan mewarna, gotong royong, temu bual, sajak, pantun dan bacaan doa.



4.7.2 Bagaimana Nilai Murni diterapkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Temu bual

Respondan dalam kajian ini menyatakan bagaimana mereka menerapkan nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran di prasekolah. Data daripada temu bual dengan R1 hingga R5 tentang bagaimana mereka menerapkan nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran adalah seperti berikut.

<p>Temu bual berkaitan Amalan Penerapan Nilai Murni semasa PdP (Teks Asal)</p> <p>Bagaimanakah nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah?</p>	<p>Interpretasi Hasil Temu bual berkaitan bagaimana nilai murni diterapkan dalam PdP melalui Kaedah Hermeneutik</p>
<p><u>Responden 1 (Cikgu Alia)</u></p> <p>Selain daripada secara spontan, teguran Responden 1 menyatakan nilai murni diterapkan secara spontan. Kita gunakan kaedah tayangan video supaya kita tunjukkan perlakuan yang negatif supaya mereka elakkan berlaku dan tunjukkan juga perlakuan positif supaya kita teladani ataupun kita bagi mereka ganjaran. Contohnya hari ni dia tolong cikgu bawa apa-apakan kita pun puji. Ataupun dia tolong kawan kita bagi ganjaran sebagai motivasi pada dia. (R1:T24)</p>	<p>Responden 1 menyatakan nilai murni diterapkan secara spontan dan teguran secara spontan. Selain dari itu, beliau menggunakan tayangan video yang menunjukkan perlakuan positif dan negatif agar murid meneladani sikap yang baik dan menjauhi sikap yang tidak baik. Selain dari itu, responden 1 juga memberi ganjaran berupa pujian kepada murid yang membantu guru dan rakan-rakan sebagai motivasi kepada mereka.</p>
<p><u>Responden 2 (Cikgu Alina)</u></p> <p>Selalu buat dalam aktiviti biasanya. Biasanya dalam rutin harian kita nasihat. Tapi kebanyakannya dalam aktiviti yang kita rancang. Contohnya dalam PdP kita ada serapkan nilai murni kita ada beritahu secara langsung. Macam ni boleh buat macam ni tak boleh buat (R2:T30)</p>	<p>Responden 2 menyatakan nilai murni diterapkan melalui aktiviti dan rutin harian. Namun, menurut beliau, nilai murni banyak diterapkan melalui aktiviti yang dirancang dan diterapkan secara langsung semasa PdP.</p>

<p><u>Responden 3 (Cikgu Maria)</u></p> <p>Saya tunjuk sendiri. Macam kita sebagai guru, sebagai model. Saya tak tunjuk yang buruk-buruk pada murid saya. Biasa minum air kita duduk. Minum air sama-sama dengan dia. Kalau dia tengah buat kerja, kita tolonglah. Bila saya tolong saya cakap “Ni <i>teacher</i> dah tolong awak, nanti kalau kawan awak susah buat macam ni juga” (R3:T35)</p>	<p>Responden 3 menyatakan nilai murni diterapkan melalui perlakuan guru sendiri sebagai model yang menunjukkan contoh-contoh yang baik kepada murid seperti duduk semasa minum dan membantu orang yang susah.</p>
<p><u>Responden 4 (Cikgu Mala)</u></p> <p>Saya guna secara langsung dan tak langsung. Secara langsung masa mengajar bercakap terus. Kalau ada budak buat salah kita betulkan. Kita ambil contoh budak baik buat macam ni buat peneguhanla. Kalau hari ni budak ni baik kita bagi dia coklat ke supaya dia motivasi. Pencapaiannya dikekalkan. Tu kaedah cikgunya. (R4:T22)</p>	<p>Responden 4 menyatakan nilai murni diterapkan secara langsung dan tidak langsung. Beliau akan menegur perlakuan yang salah dan diperbetulkan ketika itu juga. Manakala perlakuan yang baik akan diberi ganjaran supaya murid bermotivasi untuk mengekalkan tingkah laku yang baik.</p>
<p><u>Responden 5 (Cikgu Rina)</u></p> <p>Kaedah penerangan, melalui cerita, lakonan. (R5:T22) Dalam kerja kumpulan ke nyanyian dan lakonan. (R5:T24)</p>	<p>Responden 5 menyatakan nilai murni diterapkan melalui kaedah penerangan, cerita dan lakonan. Selain dari itu, nilai murni juga diterapkan dalam kerja kumpulan dan nyanyian.</p>

Berdasarkan data temu bual, pengkaji mendapati kelima-lima responden menyatakan pelbagai cara mereka menerapkan nilai murni semasa proses pengajaran dan pembelajaran di kelas prasekolah. Responden 1 menyatakan beliau menerapkan nilai murni secara spontan dan teguran secara spontan. Selain dari itu, beliau juga menggunakan tayangan video yang menunjukkan pelakuan positif dan negatif agar murid meneladani sikap yang baik dan menjauhi sikap yang tidak baik. Beliau juga ada memberi ganjaran berupa pujian kepada murid yang membantunya dan rakan-



rakan yang lain supaya murid tersebut bermotivasi untuk melakukan tingkah laku yang baik.

Responden 2 pula menyatakan beliau menerapkan nilai murni melalui aktiviti dan rutin harian. Namun begitu, beliau menegaskan nilai murni banyak diterapkan melalui aktiviti yang dirancang dan diterapkan secara langsung semasa PdP. Sementara responden 3 pula menyatakan beliau menerapkan nilai murni melalui perlakuan guru sendiri sebagai model yang menunjukkan contoh-contoh yang baik kepada murid seperti duduk semasa minum dan membantu orang yang susah. Responden 4 juga menyatakan nilai murni diterapkan secara langsung dan tidak langsung. Beliau akan menegur perlakuan yang salah dan diperbetulkan ketika itu juga. Manakala perlakuan yang baik akan diberi ganjaran supaya murid bermotivasi untuk mengekalkan tingkah laku yang baik. Manakala responden 5 menyatakan nilai murni diterapkan melalui kaedah penerangan, cerita dan lakonan. Selain dari itu, nilai murni juga diterapkan dalam kerja kumpulan dan nyanyian.

4.7.3 Bagaimana Nilai Murni diterapkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Pemerhatian

Berdasarkan data pemerhatian yang telah dinyatakan dalam soalan kajian yang pertama, pengkaji mendapati tiada kaedah yang khusus digunakan oleh responden untuk menerapkan nilai-nilai murni semasa proses PdP. Kebanyakan responden menerapkan nilai-nilai murni secara tidak langsung melalui teguran spontan dan



ganjaran seperti memberi tepukan dan pujian apabila berlaku peristiwa atau insiden-insiden yang tertentu sahaja.

Kesimpulannya berdasarkan instrumen soal selidik dan temu bual menunjukkan dapatan yang selari di mana responden ada menggunakan kaedah-kaedah tertentu untuk menerapkan nilai-nilai murni seperti rutin harian, aktiviti kumpulan, bercerita dan membaca buku cerita. Namun, dapatan melalui pemerhatian menunjukkan hal yang berbeza di mana pengkaji mendapati tiada kaedah yang khusus digunakan oleh kelima-lima responden.

4.8 Analisis Amalan Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran dan

Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Kaedah Hermeneutik

berdasarkan Soalan Terbuka 4

Soalan Terbuka 4:

Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai-nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran prasekolah?

Jawapan Soalan Terbuka 4 (Teks Asal) Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai-nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran prasekolah?	Interpretasi masalah-masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai-nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran prasekolah berdasarkan Soalan Terbuka 4 melalui Kaedah Hermeneutik
<u>Responden 1</u> <ul style="list-style-type: none"> Sikap anak-anak yang degil dan sikap ibu bapa yang tidak boleh menerima teguran dan sukar bekerjasama dengan pihak sekolah. Apabila nilai murni ini 	Responden 1 berpendapat sikap anak-anak yang degil dan sikap ibu bapa yang tidak menerima teguran dan sukar bekerjasama dengan pihak sekolah merupakan masalah



<p>diterapkan atau cuba diamalkan di prasekolah tetapi apabila tiada kesinambungan maka nilai murni ini sukar untuk dimurnikan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Murid atau kanak-kanak sering lupa dan sebagai pendidik kita perlu selalu mengingatkan kepada murid untuk sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran di prasekolah. 	<p>yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai murni semasa PdP prasekolah. Ini kerana tiada kesenimbangan amalan nilai murni yang diterapkan oleh ibu bapa kepada anak di rumah.</p> <p>Murid juga sering lupa untuk mengamalkan nilai murni. Oleh itu, guru hendaklah sentiasa mengingatkan murid supaya mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.</p>
<p><u>Responden 2</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Masalah yang dihadapi oleh guru ialah, berdepan dengan murid yang terlalu aktif. Selain itu kekurangan masa juga kerana terbeban dengan tugas lain antara faktor yang dihadapi oleh guru. Kadang-kadang faktor lupa membuatkan nilai-nilai murni kurang diterapkan kerana lebih menumpukan akademik murid untuk mencapai objektif pencapaian. • Murid yang pelbagai ragam juga seringkali kurang memberi perhatian apabila saya sedang menjalankan aktiviti. Penerapan nilai murni akan berlaku pada sesetengah murid sahaja menyebabkan amalan pada sesetengah murid tidak dilaksanakan. 	<p>Responden 2 berpendapat murid yang terlalu aktif dan kekangan masa merupakan masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai murni. Guru juga sering lupa untuk menerapkan nilai murni kerana terlalu fokus kepada akademik demi untuk mencapai objektif pelajaran.</p> <p>Terdapat juga murid yang kurang memberi perhatian apabila guru menerapkan nilai murni menyebabkan penerapan nilai murni tidak menyeluruh dan hanya berlaku kepada murid tertentu sahaja.</p>
<p><u>Responden 3</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan masa untuk menerapkan nilai-nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran di kelas prasekolah. Kadangkala lupa untuk menyelitkan nilai-nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran. • Terlalu rajin dalam menghabiskan sukatan pelajaran. Memberi lebih perhatian dan masa untuk mengajar matapelajaran teras seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Matematik. Kadangkala beranggapan menerap nilai-nilai murni tidak berapa penting seperti tunjang bahasa dan kurikulum. 	<p>Responden 3 berpendapat masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai murni semasa PdP prasekolah ialah kekurangan masa dan guru lupa.</p> <p>Guru terlalu fokus untuk menghabiskan sukatan pelajaran sehingga tidak mengendahkan penerapan nilai murni dan memberi lebih tumpuan terhadap kemahiran teras asas seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Matematik serta beranggapan penerapan nilai murni tidak penting.</p>





<p><u>Responden 4</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Masalah-masalah yang dihadapi guru untuk menerapkan nilai-nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran ialah penerapan yang berulang-kali supaya murid-murid faham akan apa yang ini disampaikan. Selain daripada itu guru perlu menyatakan sebab mengapa nilai itu perlu diamalkan supaya memberi kefahaman kepada mereka. Ketika umur ini murid perlukan penerangan yang jelas dan terperinci supaya mereka faham dan tahu apa yang mereka buat. 	<p>Responden 4 berpendapat kesukaran murid untuk faham nilai murni merupakan masalah yang dihadapi oleh guru kerana terpaksa menerapkan berulang kali.</p> <p>Guru juga menghadapi masalah untuk menyatakan sebab mengapa nilai murni perlu diamalkan oleh murid kerana pada peringkat prasekolah murid memerlukan penerangan yang jelas dan terperinci agar mereka faham dan tahu apa yang mereka buat.</p>
<p><u>Responden 5</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Guru prasekolah selalu menghadapi masalah dalam penerangan konsep nilai murni. Contohnya, jika guru menerangkan bekerjasama tanpa aktiviti, murid prasekolah tidak akan faham kerana penerangan konsep sahaja, sebaliknya, semasa aktiviti gotong-royong, guru memuji murid yang bekerja sekali, guru terus menceritakan kepentingan dan kebajikannya, barulah murid prasekolah memahami nilai. Tetapi selalunya guru prasekolah akan lupa menerapkan nilai murni semasa aktiviti dijalankan. 	<p>Responden 5 berpendapat guru sukar menerangkan konsep nilai murni semasa PdP. Misalnya, konsep nilai kerjasama sukar difahami oleh murid tanpa melakukan sesuatu aktiviti seperti gotong royong.</p> <p>Guru sering lupa untuk menerapkan nilai murni semasa menjalankan aktiviti.</p>
<p><u>Responden 6</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Murid perlu diingatkan selalu. Murid sukar melakukannya sebagai amalan. Faktor persekitaran di rumah yang tidak/kurang mengamalkan nilai-nilai murni. Tidak dititikberatkan di rumah. Murid sukar menjadikan satu amalan dan 	<p>Responden 6 berpendapat murid perlu diingatkan selalu untuk mengamalkan nilai murni. Selain itu, suasana persekitaran di rumah tidak atau kurang mengizinkan penerapan nilai murni.</p> <p>Apabila nilai murni tidak dititikberatkan di rumah maka murid sukar</p>



<p>sentiasa perlu diingatkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Faktor persekitaran di rumah juga menjadikan amalan nilai-nilai murni ini kurang diterapkan. • Tambahan, sifat semulajadi murid yang masih kecil, oleh sebab demikian mereka melakukannya setelah diingatkan. 	<p>mengamalkannya dan perlu diingatkan sentiasa.</p> <p>Dalam pada itu, sifat semula jadi murid yang masih kecil memerlukan guru sentiasa mengingatkan mereka untuk mengamalkan nilai murni.</p>
<p><u>Responden 7</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Masalah yang dihadapi murid tidak mahu mendengar. Ada juga dikalangan murid masuk telinga kanan keluar telinga kiri. Murid-murid tidak tahu apa itu nilai murni dimana ada di antara ibu bapa sudah menyemaikan sikap yang tidak baik kepada kanak-kanak tersebut. Sebagai contoh ibu bapa mengajar kanak-kanak jangan berkawan dengan kanak-kanak yang suka membuli mereka. • Kadang-kadang guru terlupa untuk menyemaikan nilai murni kepada murid-murid. Ada juga dalam kalangan kanak-kanak tidak mahu amalkan memandangkan mereka sudah 2 tahun di prasekolah. Ada juga kanak-kanak mengamalkan nilai murni yang diajarkan. 	<p>Responden 7 berpendapat murid tidak mahu mendengar nasihat merupakan masalah yang dihadapi oleh guru. Mereka tidak tahu apakah nilai murni kerana terdapat ibu bapa yang telah menyemai sikap yang tidak baik kepada anak mereka.</p> <p>Guru juga sering terlupa untuk menerapkan nilai murni kepada murid-murid. Terdapat murid yang tidak mahu mengamalkan nilai murni kerana mereka sudah berada di kelas prasekolah selama 2 tahun.</p>
<p><u>Responden 8</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kurang kerjasama antara pembantu pengurusan murid untuk merealisasikan impian menerapkan nilai-nilai murni. • Kurang kematangan dalam diri kanak-kanak prasekolah. • Tiada peneguhan di rumah. • Persekitaran yang tidak mempengaruhi tingkah laku yang baik. • Tunjuk ajar dan bimbingan daripada semua individu yang terlibat dengan prasekolah. 	<p>Responden 8 berpendapat kurang kerjasama antara PPM untuk menerapkan nilai murni.</p> <p>Murid prasekolah yang kurang matang dan tiada peneguhan penerapan nilai di rumah serta persekitaran yang tidak mempengaruhi perlakuan yang baik merupakan masalah kepada guru untuk menerapkan nilai murni.</p>

<ul style="list-style-type: none"> • Tiada iklan berkaitan di kaca TV yang mampu mempengaruhi murid-murid prasekolah. 	
<p><u>Responden 9</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Fokuskan kepada nilai murni yang berkaitan dengan aktiviti ataupun pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan. • Ada segelintir ibu bapa yang tidak meneruskan usaha guru-guru untuk mengamalkan nilai-nilai murni yang telah diterapkan di sekolah. • Murid-murid tidak mendapat sokongan daripada ibu bapa dengan mengamalkan gaya hidup yang tidak/kurang sesuai dengan perkembangan murid. • Guru lebih menfokuskan kepada kemahiran teras seperti membaca dan mengira dan sedikit mengabaikan penerapan nilai-nilai murni. • Bilangan murid yang ramai lagi sukar bagi guru menfokuskan kepada murid secara individu. 	<p>Responden 9 berpendapat terdapat segelintir ibu bapa yang tidak meneruskan usaha guru menerapkan nilai murni di rumah.</p> <p>Terdapat ibu bapa yang tidak menyokong murid mengamalkan nilai murni kerana gaya hidup yang disediakan kurang sesuai dengan perkembangan murid.</p> <p>Guru juga lebih fokus kepada kemahiran teras seperti membaca dan mengira dan mengabaikan penerapan nilai murni.</p> <p>Bilangan murid yang ramai menyukarkan guru untuk menerapkan nilai murni secara individu.</p>
<p><u>Responden 10</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Ada murid yang tidak dapat mendengar arahan guru, tidak hormat guru, tidak hormat rakan-rakan dalam kelas. Tidak mahu laksanakan kerja-kerja yang diberikan oleh guru. Suka bermain-main dalam kelas. Murid-murid yang tidak hadir ke sekolah, sukar untuk menerapkan nilai murni kepada mereka. • Keadaan sekeliling di rumah terutamanya boleh menyebabkan masalah nilai murni sukar diterapkan dalam kelas. Sikap guru yang tidak mengambil berat terhadap murid. Ada juga ibu bapa yang terlalu meletakkan harapan tinggi dan tanggungjawab 	<p>Responden 10 berpendapat murid yang degil dan tidak berdisiplin merupakan masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai murni.</p> <p>Suasana persekitaran di rumah serta sikap guru yang tidak mengambil berat terhadap murid juga menjadi masalah untuk menerapkan nilai murni.</p>



terhadap sekolah.	
<p><u>Responden 11</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Guru terpaksa mengikut KSPK dan perlu menghabiskan sukatan. • Dalam kelas terdapat pelbagai tahap keupayaan murid dan latar belakang sosial menyukarkan guru mengawal kelas. Bilangan murid yang ramai 25 orang sangat sukar dikawal bagi murid alaf 21. • Ruang kelas yang sempit kerana kelas ubah suai yang tidak mengikut pelan sekolah yang betul. • Tidak dapat bantuan ibu bapa dan sokongan di luar sekolah. Murid tidak model yang boleh dicontohi jika keluarga bermasalah dan bercerai. Murid selalu tidak hadir ke sekolah mengikut hari yang ditetapkan dan selalu ponteng sekolah. 	<p>Responden 11 berpendapat guru terpaksa mengikut KSPK dan perlu menghabiskan sukatan merupakan masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai murni.</p> <p>Selain itu, tahap keupayaan murid yang pelbagai, latar belakang sosial yang berbeza serta bilangan murid yang ramai menyukarkan guru untuk mengawal kelas.</p> <p>Ruang kelas yang sempit juga menyukarkan guru menerapkan nilai murni.</p> <p>Tiada bantuan dan sokongan daripada ibu bapa dan pihak luar menyebabkan nilai murni sukar diterapkan. Bagi murid yang mempunyai keluarga bermasalah, mereka tidak mempunyai model yang boleh dicontohi. Murid juga sering tidak hadir dan selalu ponteng sekolah menyebabkan nilai murni sukar diterapkan.</p>
<p><u>Responden 12</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Antara masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai-nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran di prasekolah ialah tidak ada kesinambungan PdP diantara sekolah dan di rumah. Murid hanya mendapat pelajaran, pendidikan semata-mata di sekolah sahaja. • Masalah yang kedua ialah, murid sudah terbiasa dengan didikan, ajaran yang diterima di rumah. Mereka berasa selesa dengan cara didikan yang diterima oleh mereka. 	<p>Responden 12 berpendapat masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai murni semasa PdP ialah tiada kesinambungan penerapan nilai di sekolah dan di rumah. Penerapan nilai murni hanya berlaku di sekolah sahaja.</p> <p>Murid yang sudah biasa dengan didikan dan ajaran di rumah juga menyukarkan guru untuk menerapkan nilai murni.</p>
<p><u>Responden 13</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Masalah-masalah yang dihadapi oleh guru ialah berkaitan kefahaman murid tentang nilai-nilai murni tersebut. 	<p>Responden 13 berpendapat kesukaran murid memahami nilai murni menjadi masalah kepada guru untuk menerapkan nilai murni. Ini kerana guru terpaksa memberi</p>



<ul style="list-style-type: none"> • Guru terpaksa memberi penerangan berulang kali agar murid dapat memahami apa sebenar yang dimaksudkan dengan nilai murni tersebut. • Guru juga harus memberi contoh yang jelas agar dapat mengelakkan kekeliruan dikalangan murid tentang maksud sebenar nilai murni tersebut. 	<p>penerangan berulang kali supaya murid benar-benar faham.</p> <p>Guru juga harus memberi contoh yang jelas agar murid tidak keliru tentang maksud sebenar nilai murni.</p>
<p><u>Responden 14</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Masalah-masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai-nilai murni semasa PdP ialah nilai murni adakalanya hanya diperolehi di sekolah sahaja sedangkan di rumah ada ibu bapa yang mempunyai masalah keluarga tidak menghiraukan langsung untuk menerapkan nilai-nilai murni kedalam jiwa anak-anak mereka. Kanak-kanak prasekolah hanya akan mengamalkan nilai-nilai murni di sekolah sahaja. 	<p>Responden 14 berpendapat guru menghadapi masalah untuk menerapkan nilai murni semasa PdP kerana nilai murni hanya diterapkan di sekolah sahaja dan tidak diterapkan oleh ibu bapa di rumah. Ini menyebabkan tiada kesinambungan amalan nilai murni di sekolah dan di rumah.</p>
<p><u>Responden 15</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Murid kurang memberi perhatian dan arahan ketika guru mengajar. • Guru sentiasa menegur dengan tindakan kanak-kanak yang nakal. • Tiada kesedaran ibu bapa dalam membentuk akhlak kanak-kanak dan tanggungjawab diserahkan kepada guru. 	<p>Responden 15 berpendapat murid kurang memberi perhatian ketika guru mengajar menyebabkan nilai murni sukar diterapkan. Guru juga sentiasa menegur murid-murid yang nakal.</p> <p>Tiada kesedaran ibu bapa untuk membentuk akhlak anak dan tanggungjawab tersebut diserahkan kepada guru semata-mata.</p>
<p><u>Responden 16</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Semasa pengajaran dan pembelajaran memang terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh guru contohnya anak-anak tersebut datang daripada pelbagai lapisan masyarakat dan budaya. Mereka kadangkala terbawa-bawa dengan budaya dan amalan hidup di rumah. Sebagai contohnya nilai 	<p>Responden 16 berpendapat latar belakang dan budaya yang berbeza dalam kalangan murid menjadi masalah kepada guru untuk menerapkan nilai murni kerana murid sudah terbiasa dengan amalan dan budaya hidup di rumah. Misalnya nilai bekerjasama dan berkongsi alatan. Terdapat murid yang tidak suka berkongsi peralatan dengan rakan-</p>



<p>kerjasama dan berkongsi alatan. Terdapat anak-anak yang tidak suka berkongsi peralatan dengan rakan-rakan disebabkan mereka anak tunggal atau dibaluti kemewahan. Oleh itu agak sukar dan lambat untuk guru menerapkan nilai murni tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Seterusnya, masalah jangka masa dan penghayatan nilai-nilai murni. Guru mengambil jangka masa yang panjang kerana kadangkala anak-anak tersebut tidak dapat menerima secara total sesuatu perkara dan kadangkala penerapan nilai tersebut berlaku semasa mereka di kelas arus perdana. • Seterusnya kerjasama daripada pelbagai pihak khususnya ibu bapa dan masyarakat persekitaran. Anak-anak hanya mendapati unsur, unsur positif di sekolah tetapi di rumah unsur-unsur tersebut tiada atau terlalu kurang. 	<p>rakan disebabkan mereka anak tunggal atau dibaluti kemewahan. Oleh itu agak sukar dan lambat untuk guru menerapkan nilai murni.</p> <p>Guru mengambil jangka masa yang panjang untuk menerapkan nilai murni kerana murid tidak dapat menerima sepenuhnya ketika di peringkat prasekolah.</p> <p>Masalah seterusnya yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai murni ialah kerjasama daripada pelbagai pihak khususnya ibu bapa dan masyarakat. Murid hanya mendapat nilai positif di sekolah tetapi di rumah unsur tersebut tiada atau kurang.</p>
<p><u>Responden 17</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Masalah yang sering dihadapi ialah murid kurang memberi fokus terhadap apa yang disampaikan. Contohnya murid cepat jemu dengan aktiviti yang agak lama. • Terdapat murid yang terlalu aktif dan tidak memberi perhatian terhadap guru. 	<p>Responden 17 berpendapat masalah yang sering dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai murni ialah murid kurang fokus terhadap apa yang disampaikan guru. Mereka cepat jemu dengan aktiviti yang lama.</p> <p>Terdapat juga murid yang terlalu aktif dan tidak memberi perhatian terhadap pengajaran guru.</p>
<p><u>Responden 18</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai-nilai murni adalah murid-murid prasekolah tidak memahami atau sukar memahami nilai murni. Guru prasekolah mesti mengulangi dan mengingatkan murid-murid prasekolah berkali-kali tentang nilai-nilai murni mesti diamalkan di prasekolah. • Persekitaran juga mempengaruhi cara penerapan nilai murni. 	<p>Responden 18 berpendapat masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai murni adalah murid prasekolah tidak atau sukar memahami nilai murni. Guru terpaksa mengulangi dan mengingatkan murid beberapa kali supaya mengamalkan nilai murni.</p>





<p><u>Responden 19</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Guru sering menghadapi masalah-masalah dalam menerapkan nilai-nilai murni kepada kanak-kanak. Antara masalah-masalah yang sering dihadapi ialah kanak-kanak tidak memahami erti sebenar nilai murni. Kanak-kanak juga masih tidak dapat membezakan buruk baik dalam pelakuan seharian mereka. • Kanak-kanak juga masih lagi mempunyai sikap 'keindividualan' dimana kanak-kanak ini hanya mementingkan diri mereka sendiri sahaja dan tidak dapat menerima pendapat guru dan rakan-rakan. 	<p>Responden 19 berpendapat masalah yang sering dihadapi guru untuk menerapkan nilai murni ialah murid tidak memahami erti sebenar nilai murni. Murid prasekolah masih tidak dapat membezakan buruk baik perlakuan mereka.</p> <p>Terdapat juga murid yang mempunyai sikap individualistik yang hanya mementingkan diri sendiri dan tidak menerima pendapat guru dan rakan-rakan.</p>
<p><u>Responden 20</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Masalah faktor persekitaran kanak-kanak yang lahir dalam pelbagai aspek yang berbeza. Contohnya dari aspek sosial, budaya keluarga. Kanak-kanak prasekolah selalunya membawa sikap mereka dari rumah ke sekolah contohnya dari segi percakapan. • Masalah perkembangan murid yang tidak sama. Ada murid dapat mengamalkan nilai murni yang diterapkan oleh guru dengan mudah dan berkesan, tetapi ada nama yang sukar menerima dan mengamalkan nilai murni yang diterapkan oleh guru. • Kurang kerjasama daripada ibu-bapa dan keluarga kanak-kanak prasekolah. Ibu bapa tidak langsung menekankan kepentingan penerapan nilai-nilai murni ketika di rumah. Tidak ada kesinambungan. 	<p>Responden 20 berpendapat faktor persekitaran murid yang lahir dari latar belakang yang berbeza merupakan masalah kepada guru untuk menerapkan nilai murni kerana murid akan membawa sikap mereka di rumah ke sekolah. Misalnya dari segi percakapan.</p> <p>Tahap perkembangan murid yang tidak sama menyukarkan guru untuk menerapkan nilai murni kerana ada murid yang dapat mengamalkan nilai murni dengan mudah dan berkesan sebaliknya terdapat juga murid yang sukar menerima dan mengamalkannya.</p> <p>Kurang kerjasama daripada ibu bapa dan keluarga dalam penerapan nilai murni menyebabkan tiada kesinambungan amalan penerapan nilai di sekolah dan di rumah</p>
<p><u>Responden 21</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak semua murid dapat mendengar dan mempraktikkan arahan yang diberi oleh guru kerana setiap murid berasal dari latar belakang yang berbeza di mana pelbagai aspek perlu dilihat 	<p>Responden 20 berpendapat tidak semua murid dapat mendengar dan mempraktikkan arahan yang di beri oleh guru kerana setiap murid datang dari latar belakang yang berbeza. Jadi gaya didikan dan pertuturan</p>





<p>seperti bahasa pertuturan seharian dirumah, kawasan tempat tinggal (kejiranan yang bagaimana menjadi tempat tinggal), taraf ekonomi dan sebagainya.</p> <ul style="list-style-type: none"> Tahap pembelajaran murid juga menjadi masalah dimana murid bijak mudah menerima arahan dan murid lembap pula sukar menerima arahan. 	<p>mereka turut berbeza.</p> <p>Tahap keupayaan pembelajaran murid yang berbeza juga menjadi masalah kepada guru untuk menerapkan nilai murni di mana murid yang mempunyai keupayaan pembelajaran yang tinggi mudah menerima arahan manakala murid yang mempunyai keupayaan pembelajaran yang rendah sukar menerima arahan.</p>
<p><u>Responden 22</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Penerapan nilai-nilai murni hanya di sekolah apabila pulang murid tidak lagi mengamalkan nilai-nilai tersebut kerana mereka datang dari pelbagai latar belakang yang berbeza. Persekitaran juga faktor yang sangat bermasalah sekiranya nilai-nilai murni bukan satu budaya yang diamalkan dipersekitaran tersebut. Faktor media elektronik yang menunjukkan contoh yang tidak menonjolkan penerapan nilai-nilai murni. Murid menonton rancangan yang tidak sepatutnya. Contohnya rancangan sinetron, murid akan bercakap atau bersembang dengan rakan-rakan dengan menggunakan perkataan yang tidak sepatutnya. Mungkin perkataan tersebut adalah biasa disesebuah negara tapi maksud perkataan tersebut sangat teruk bila digunakan di negara kita. 	<p>Responden 22 berpendapat penerapan nilai murni hanya berlaku di sekolah dan tidak berlaku di rumah kerana murid datang dari latar belakang yang berbeza.</p> <p>Persekitaran tempat tinggal yang tidak mengamalkan nilai murni menyukarkan guru menerapkan nilai murni tersebut.</p> <p>Media elektronik yang menunjukkan contoh yang tidak baik menyukarkan guru untuk menerapkan nilai murni. Ini kerana murid terpengaruh dan meniru percakapan yang tidak baik yang terdapat dalam rancangan tersebut</p>
<p><u>Responden 23</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Terlalu banyak nilai murni yang perlu dititik beratkan sedangkan setiap satunya memerlukan masa untuk dipraktikkan dan dilihat hasilnya. Kanak-kanak selalu lupa mereka tidak hairanlah setiap satu nilai murni itu 	<p>Responden 23 berpendapat terlalu banyak nilai murni menyukarkan guru untuk menerapkannya kerana setiap nilai murni memerlukan masa untuk dipraktik dan dilihat hasilnya.</p> <p>Murid sering lupa mengamalkan nilai murni. Oleh itu, guru perlu sebut dan</p>





<p>perlu diucapkan dan diingatkan setiap masa.</p>	<p>mengingatkan murid setiap masa.</p>
<p><u>Responden 24</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Masalah-masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai-nilai murni adalah sikap kanak-kanak yang sering mengganggu ketika pembelajaran dijalankan. Terdapat juga segelintir kanak-kanak tidak menghormati guru dan rakan-rakan yang lain. Kanak-kanak juga agak sukar untuk memahami isi pelajaran dan seterusnya akan membantut proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, sikap murid yang kurang matang dalam melaksanakan tugas. Sikap guru yang tidak mengambil berat terhadap penerapan nilai murni. Selain itu, terdapat ibu bapa yang meletakkan tanggungjawab sepenuhnya terhadap guru dan tidak membantu penerapannya dirumah. 	<p>Responden 24 berpendapat masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai murni ialah sikap murid yang sering mengganggu ketika sesi PdP berjalan.</p> <p>Terdapat juga segelintir murid yang tidak menghormati guru dan rakan yang lain. Murid juga sukar untuk memahami isi pelajaran. Ini sudah tentu akan membantutkan proses PdP.</p> <p>Sikap murid yang kurang matang menyukarkan guru untuk menerapkan nilai murni</p> <p>Sikap guru yang tidak mengambil berat terhadap penerapan nilai murni.</p> <p>Ibu bapa meletakkan tanggungjawab mendidik anak sepenuhnya kepada guru dan penerapan nilai murni tidak berlaku di rumah.</p>
<p><u>Responden 25</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Nilai yang hendak diterapkan kepada murid-murid terlalu banyak dan guru perlu fokus hanya pada nilai yang dikehendaki sahaja. Sikap ibu bapa yang tidak boleh menerima apa sahaja teguran yang dibuat oleh guru. Sikap atau perangai murid itu sendiri yang tidak boleh di tegur. Masalah yang seterusnya ialah pengulangan tentang nilai tersebut yang mana guru terpaksa ulang benda yang sama. 	<p>Respponden 25 berpendapat nilai yang hendak diterapkan kepada murid terlalu banyak dan guru perlu fokus hanya kepada nilai yang dikehendaki sahaja.</p> <p>Sikap ibu bapa yang tidak boleh menerima teguran yang dibuat oleh guru.</p> <p>Sikap atau perangai murid yang tidak boleh ditegur.</p> <p>Guru terpaksa mengulang beberapa kali nilai murni yang sama.</p>





<ul style="list-style-type: none"> • Murid kurang memahami apa yang diarahkan oleh guru jadi guru perlu menerangkan dengan lebih terperinci. 	<p>Murid kurang memahami arahan guru menyebabkan guru terpaksa menerangkan dengan terperinci.</p>
<p><u>Responden 26</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Semasa menerap nilai murni, ada juga murid yang tidak hadir pada hari itu, ada juga murid tidak menumpu perhatian akibat penggunaan bahasa yang tidak difahami kerana sekolah cina menggunakan bahasa cina untuk subjeknya dan murid bangsa lain mungkin tidak berapa faham. Guru perlu translate kepada Bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Manakala murid bangsa Cina ada juga yang tidak fasih dalam Bahasa Melayu. 	<p>Responden 26 berpendapat murid tidak hadir ke sekolah dan kurang tumpuan terhadap PdP kerana penguasaan bahasa yang lemah menyebabkan murid kurang faham nilai murni yang disampaikan oleh guru.</p>
<p><u>Responden 27</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Ada kalanya nilai-nilai murni yang sama dapat diterapkan seperti kasih sayang. Sukar menerapkan nilai-nilai murni untuk kanak-kanak kerana nilai-nilai murni terlalu banyak. • Penerapan nilai murni yang telah diajarkan kepada kanak-kanak tidak dapat diberi perkukuhkan ibu bapa semasa di rumah. • Nilai murni yang di ajar, jarang-jarang dipraktikkan oleh kanak-kanak murid selalu terlupa untuk mengucap terima kasih apabila guru memberikan hadiah atau apa-apa. • Murid yang ramai menyebabkan nilai-nilai murni sukar di ajar secara berkesan kepada mereka. Hanya sebahagian yang berjaya menerimanya. 	<p>Responden 27 berpendapat guru sukar menerapkan nilai murni kerana terlalu banyak.</p> <p>Nilai murni yang diterapkan kepada murid di sekolah tidak diperkukuhkan oleh ibu bapa di rumah.</p> <p>Murid sering lupa untuk mempraktikkan nilai murni yang diajar oleh guru.</p> <p>Bilangan murid yang ramai menyukarkan guru untuk menerapkan nilai murni dengan berkesan.</p>
<p><u>Responden 28</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Masalah-masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai-nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran murid ialah dari segi pengetahuan sedia ada murid, emosi murid dan contoh- 	<p>Responden 28 berpendapat guru menghadapi masalah untuk menerapkan nilai murni kerana pengetahuan sedia ada murid agak terbatas. Emosi murid juga sukar diramal dan guru sukar memberi contoh-contoh</p>





<p>contoh yang mudah difahami oleh murid.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Faktor usia juga menjadi masalah kepada guru untuk menerapkan nilai-nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran ini. • Pengukuhan tidak diberikan oleh ibu bapa di rumah adalah salah satu masalah yang dihadapi oleh guru. Murid akan mengikut perlakuan orang yang hampir dengan mereka terutama ahli keluarga. Kadang kala terdapat percanggahan nilai-nilai murni di sekolah dan perlakuan ibu bapa di rumah. 	<p>yang mudah difahami oleh murid berkaitan nilai murni.</p> <p>Faktor usia murid menjadi masalah kepada guru untuk menerapkan nilai murni semasa PdP.</p> <p>Ibu bapa tidak mengukuhkan penerapan nilai di rumah merupakan masalah yang dihadapi oleh guru. Ini kerana murid akan mengikut perlakuan orang yang hampir dengan mereka terutama ahli keluarga. Kadang kala terdapat percanggahan nilai murni di sekolah dengan perlakuan ibu bapa di rumah.</p>
<p><u>Responden 29</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Masalah yang sering dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai-nilai murni ialah murid tidak mendengar arahan yang diberikan oleh guru. Murid juga telah mengikut kata hati mereka sendiri. Mereka sering melakukan perkara yang dilarang. Oleh itu, hendaklah guru perlu kerap mengulangi nilai murni tersebut secara kerap ketika pengajaran, aktiviti luar dan sebagainya. 	<p>Responden 29 berpendapat masalah yang sering dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai murni ialah murid tidak mendengar arahan guru dan hanya mengikut kata hati mereka sahaja. Murid sering melakukan perkara yang dilarang. Oleh itu, guru perlu kerap mengulangi nilai murni dalam setiap aktiviti PdP.</p>
<p><u>Responden 30</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Guru perlu menerangkan sebab dan akibat berulang-ulang kali bagi memahamkan kanak-kanak tentang nilai-nilai murni. • Tahap pemahaman kanak-kanak yang berbeza-beza sukar untuk guru menerangkan tentang nilai-nilai murni. • Tidak amalkan nilai murni dirumah. Tiada kerjasama dengan ibu bapa. 	<p>Responden 30 berpendapat guru perlu menerangkan sebab dan akibat berulang kali supaya murid faham nilai murni.</p> <p>Tahap keupayaan pemahaman murid yang berbeza menyukarkan guru untuk menerapkan nilai murni.</p> <p>Tiada kesinambungan amalan nilai murni di rumah oleh ibu bapa.</p>



4.8.1 Perbincangan Interpretasi Amalan Nilai Murni Berdasarkan Soalan

Terbuka 4 Melalui Kaedah Hermeneutik

Dalam menjawab soalan 4, pengkaji mendapati responden telah memberi jawapan seperti Jadual 4.8.

Jadual 4.8


Masalah yang Dihadapi Guru Untuk Menerapkan Nilai Murni Semasa PdP Prasekolah

Masalah menerapkan nilai murni

- Nilai murni tidak dititikberatkan di rumah (24)**
- Murid sukar faham nilai murni (15)*
- Latar belakang sosial/persekitaran yang berbeza (13)*
- Sikap anak-anak yang degil (11)*
- Murid sering lupa (11)*
- Murid kurang beri perhatian (6)*
- Guru terlalu fokus untuk menghabiskan sukatan pelajaran (6)*
- Tahap keupayaan murid yang berbeza (4)*
- Guru beranggapan penerapan nilai murni tidak penting (4)*
- Bilangan murid yang ramai (4)*
- Guru sering lupa (3)*
- Nilai murni terlalu banyak (3)*
- Murid selalu tidak hadir ke sekolah (2)*
- Kurang kerjasama antara PPM untuk menerapkan nilai murni (1)*
- Pengaruh media elektronik yang menunjukkan contoh yang tidak baik (1)**

* kekerapan mengulang dalam jawapan soalan terbuka 4

** bukan masalah semasa PdP



Rajah 4.7. Masalah yang dihadapi guru untuk menerapkan nilai murni semasa PdP prasekolah

Berdasarkan Jadual 4.8, kesemua 30 orang responden telah memberi jawapan berdasarkan pengalaman masing-masing berkaitan masalah yang dihadapi guru untuk menerapkan nilai murni dalam PdP prasekolah. Seramai 24 orang responden mengatakan nilai murni tidak dititikberatkan di rumah merupakan masalah utama yang dihadapi guru. Hal ini kerana apabila tiada kesinambungan amalan penerapan nilai di sekolah dan di rumah, murid akan lupa dan tidak mengamalkan nilai murni dalam kehidupan seharian. Pengkaji berpendapat ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam pembentukan peribadi anak. Ibu bapa seharusnya bertanggungjawab meletakkan asas-asas nilai murni dan pembentukan konsep diri yang positif dalam kalangan anak-anak (Zaleha Sulaiman 1995).

Apabila murid sudah terbiasa dengan amalan yang tidak baik di rumah, mereka akan melakukan perkara yang sama di mana sahaja tanpa rasa bersalah dan ini sudah tentu menyukarkan guru untuk menerapkan nilai murni ibarat mencurahkan air ke daun keladi.

Murid sukar faham nilai murni merupakan kekerapan kedua tertinggi masalah yang dialami oleh guru untuk menerapkan nilai murni semasa PdP prasekolah. 15 orang responden berpendapat murid tidak memahami erti sebenar nilai murni dan ada di antara mereka masih tidak dapat membezakan buruk baik sesuatu perlakuan. Situasi ini menyebabkan guru terpaksa mengulangi dan mengingatkan berulang kali nilai-nilai murni kepada murid-murid.

Dalam pada itu seramai 13 orang responden yang merupakan kekerapan ketiga tertinggi menyatakan murid yang datang dari latar belakang sosial dan persekitaran berbeza juga mengundang masalah kepada guru untuk menerapkan nilai murni. Hal ini kerana murid yang sudah biasa dengan cara hidup di rumah sukar menerima ajaran dan teguran guru untuk memperbaiki tingkah laku mereka. Misalnya dari segi pertuturan. Agak sukar untuk guru memperbaiki murid yang sudah biasa bercakap kasar di rumah. Begitu juga dengan berkongsi alatan. Terdapat murid yang tidak mahu berkongsi alatan kerana sudah terbiasa dengan tabiat di rumah disebabkan mereka anak tunggal.

Sementara itu, 11 orang responden berpendapat sikap anak yang degil turut menyumbang kepada masalah guru untuk menerapkan nilai murni. Terdapat murid yang tidak boleh ditegur, terlalu aktif, mementingkan diri sendiri, tidak mendengar arahan dan hanya mengikut kata hati mereka sahaja. Hal ini menyukarkan guru untuk



menerapkan nilai murni semasa PdP prasekolah. Manakala 11 orang responden pula berpendapat murid sering lupa untuk mengamalkan nilai murni menjadi masalah kepada guru untuk menerapkan nilai. Oleh yang demikian guru terpaksa menyebut berulang kali nilai murni dengan harapan agar murid ingat dan dapat mengamalkannya.

Murid kurang beri perhatian terhadap pengajaran juga menjadi masalah kepada guru untuk menerapkan nilai murni. 6 orang responden sependapat menyatakan penerapan nilai murni tidak menyeluruh kerana terdapat murid yang tidak mengendahkan apa yang disampaikan guru menyebabkan penerapan nilai hanya berlaku kepada murid tertentu sahaja.



menghabiskan sukatan pelajaran juga merupakan masalah dalam penerapan nilai murni semasa PdP. Guru terlalu mengejar waktu untuk menghabiskan sukatan pelajaran sehingga lupa untuk menerapkan nilai murni. Sementara itu 4 orang responden berpendapat tahap keupayaan murid yang berbeza, guru menganggap nilai murni tidak penting dan bilangan murid yang ramai turut mengundang masalah kepada guru untuk menerapkan nilai murni.

Masalah lain yang dihadapi oleh guru dalam proses penerapan nilai murni ialah guru sering lupa dan nilai murni terlalu banyak (3 orang responden), murid selalu tidak hadir ke sekolah (2 orang responden), kurang kerjasama dari Pembantu Pengurusan Murid (PPM) dan pengaruh media elektronik yang sering menunjukkan contoh yang tidak baik (1 orang responden).



4.8.2 Apakah masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai murni semasa Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Temu bual

Respondan dalam kajian ini menyatakan terdapat beberapa masalah yang mereka hadapi untuk menerapkan nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran di prasekolah. Data daripada temu bual dengan responden 1 hingga responden 5 tentang masalah yang dihadapi oleh mereka untuk menerapkan nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran adalah seperti berikut.

Temu bual berkaitan Amalan Penerapan Nilai Murni semasa PdP (Teks Asal) Apakah masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran prasekolah?	Interpretasi Hasil Temu bual berkaitan masalah yang dihadapi oleh guru untuk menerapkan nilai murni semasa PdP melalui Kaedah Hermeneutik
<p><u>Responden 1 (Cikgu Alia)</u></p> <p>Sebenarnya masalah kita ni di sekolah tak de masalah. Bila dia balik rumah, tak de kesinambungan antara sekolah dengan di rumah. Jadi murid rasa keliru. Kat rumah boleh buat kt sekolah tak boleh buat. Contohnya kita baca doa masa makan kan. Kadang-kadang di rumah dia makan sorang kan..nak cepat-cepat ke jadi mak dia tak terapkan baca doa dan sebagainya. Atau pun bertolak ansur. Dia sorang adik beradik kan. Dia tak boleh bertolak ansur. Agar sukarlah juga. (R1:T26)</p>	<p>Responden 1 menyatakan beliau tiada masalah untuk menerapkan nilai murni di sekolah. Akan tetapi beliau menghadapi masalah apabila tiada kesinambungan penerapan nilai murni di rumah oleh ibu bapa. Hal ini kerana murid akan keliru untuk melakukan sesuatu seperti membaca doa sebelum makan. Disebabkan bacaan doa sebelum makan tidak diterapkan di rumah, maka murid beranggapan mereka tidak perlu membaca doa ketika di sekolah. Jadi sukar untuk guru menerapkan nilai. Begitu juga dengan bertolak ansur. Disebabkan murid anak tunggal dan tidak biasa bertolak ansur dengan orang lain menyukarkan guru untuk menerapkan nilai bertolak ansur kepada murid tersebut.</p>



<p><u>Responden 2 (Cikgu Alina)</u></p> <p>Budak yang baik dia ikut je dia yang problemnya budak yang nakal. Nak kata susah ambil masa sebenarnya. Kita disiplin dia akan ikut je. (R2:T36)</p> <p>Tak de. Cuma cara kita mungkin pendekatan kita tak sesuai dengan budak. Kalau budak makan makan berlebih pon tak boleh juga kan. Dia akan buat juga maksudnya. Sebab saya ada sorang budak ni dia memang suka ambil barang orang. Tapi kalau kita marah pun tak guna juga. Nasihat pon tak guna juga. Jadinya kita cuma perhatikan lah supaya benda tak berulang. (R2:T38)</p>	<p>Responden 2 menyatakan beliau tiada masalah untuk menerapkan nilai murni kepada murid yang baik kerana murid yang baik akan mendengar kata guru. Tetapi beliau menghadapi masalah untuk menerapkan nilai murni kepada murid yang nakal kerana murid ini biasanya tidak mendengar kata guru menyebabkannya sukar menerapkan nilai murni.</p>
<p><u>Responden 3 (Cikgu Maria)</u></p> <p>Masalah tu ada jugak kan. Kadang-kadang kita manusia biasa terlepas pandang. Kadang-kadang buat..tiba-tiba murid kita tegur “Eh..minta maaf lah” Begitu ja lah. (R3:T39)</p> <p>Kalau ada masalah katalah nak terap nilai tapi tak berjaya kita buatlah macam tauladan. Kalau kita buat macam ni apa jadi? Kalau kita sorang-sorang. Katalah murid tu terlalu nakal..suka mengusik kawan, makna situ tak baik. Tingkah laku yang buruk. Jadi nak betulkan nilai, nak betulkan dia gunalah. Kadang-kadang kita guna teknik pulau dulu, letak dia jauh sikit lepas tu kita pon cakaplah dalam kelas. Tak boleh buat macam ni, apa jadi. Maknanya kita selalu sebut impak dia. Kesan akan datang. (R3:T43)</p>	<p>Responden 3 menyatakan beliau menghadapi masalah untuk menerapkan nilai murni kerana kadang-kadang beliau sendiri terlepas pandang dan melakukan perkara yang tidak elok sehingga ditegur oleh murid.</p> <p>Responden 3 turut menyatakan agak sukar untuk menerapkan nilai murni kepada murid yang terlalu nakal sehingga memaksanya menggunakan teknik-teknik tertentu seperti contoh tauladan, 'time out' dan nasihat.</p>
<p><u>Responden 4 (Cikgu Mala)</u></p> <p>Ada murid yang kita tegur dia tak nak ikut. Dia ada ego. Dia masih proses le tu. Ok sekarang tak la, akan datang mungkin dia berubah.Dia tengok kawan-kawan dia buat. (R4:T30)</p>	<p>Responden 4 menyatakan beliau menghadapi masalah untuk menerapkan nilai murni kerana terdapat murid yang degil dan tidak mendengar kata guru.</p>



Responden 5 (Cikgu Rina)

Masalah kadang-kadang bahan tu la kene prepare kadang-kadang secara tak langsung boleh juga. lagi satu masalah kt sekolah dia ok kita tak pasti kat rumah; dia amal ke tak nilai tu? kita cakap terima kasih. Kita tak pasti ada ke tidak kan. Terima kasih kalau dapat barang semua. Hormat guru, hormat orang tua, tapi kalau kat rumah kita tak tahu bersambung ke ataupun tidak.
(R5:T26)

Responden 5 menghadapi masalah menyediakan bahan bantu mengajar untuk menerapkan nilai murni. Selain itu, beliau juga meragui sama ada nilai murni yang diterapkan di sekolah ada di amalkan oleh anak muridnya di rumah seperti berterima kasih dan hormat menghormati.

Berdasarkan data temu bual, pengkaji mendapati kelima-lima responden tidak menghadapi masalah yang serius untuk menerapkan nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas prasekolah. Kebanyakan daripada mereka dapat menerapkan nilai murni dengan baik. Cuma, mereka tidak tahu sejauh manakah nilai murni yang diterapkan di sekolah ada diamalkan oleh murid di rumah. Hal ini kerana keterbatasan guru untuk melihat perilaku murid di rumah dan sikap ibu bapa yang tidak memberi sokongan untuk meneruskan usaha guru di sekolah.

Sementara itu, sikap murid yang degil dan tidak mendengar kata juga menyukarkan guru untuk menerapkan nilai murni. Responden tidak tahu kaedah apa yang sesuai untuk menerapkan nilai murni kepada murid yang degil. Namun, ada juga responden yang menggunakan teknik-teknik tertentu seperti memberi contoh tauladan, 'time out' dan nasihat yang baik kepada murid yang degil dengan harapan lama kelamaan sikap murid tersebut akan berubah. Selain dari itu faktor keluarga, iaitu bilangan ahli keluarga yang sedikit juga menyebabkan murid sukar menerima nilai murni yang diterapkan oleh guru. Mereka sukar berkongsi dan bertolak ansur kerana sudah menjadi kelaziman mereka di rumah memiliki barang keseluruhannya.

4.9 Analisis Amalan Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah Melalui Kaedah Hermeneutik Berdasarkan Soalan Terbuka 5

Soalan Terbuka 5:

Sejauh manakah amalan nilai-nilai murni yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah dapat dipraktis dalam kehidupan seharian murid di prasekolah?

<p>Jawapan Soalan Terbuka 5 (Teks Asal)</p> <p>Sejauh manakah amalan nilai-nilai murni yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah dapat dipraktis dalam kehidupan seharian murid di prasekolah?</p>	<p>Interpretasi sejauh manakah amalan nilai-nilai murni yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah dapat dipraktis dalam kehidupan seharian murid di prasekolah berdasarkan Soalan Terbuka 5 melalui Kaedah Hermeneutik</p>
<p><u>Responden 1</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Amalan nilai-nilai murni dijadikan rutin di dalam kelas dan guru sentiasa mengamalkannya/menerapkannya, terutama pengucapan terima kasih samada di dalam kelas ataupun di luar kelas. • Semasa aktiviti permainan, murid atau kanak-kanak ada mengamalkan sikap kerjasama dan toleransi. Dan sewaktu tamat pembelajaran, penerapan melalui refleksi ada dilakukan untuk dijadikan panduan. 	<p>Responden 1 berpendapat amalan nilai-nilai murni dijadikan rutin di dalam kelas prasekolah dan guru sentiasa menerapkannya terutama ucapan terima kasih sama ada di dalam atau di luar kelas.</p> <p>Murid prasekolah ada mengamalkan sikap kerjasama dan toleransi semasa aktiviti permainan. Pada sesi refleksi, nilai murni ada juga dilakukan sebagai panduan.</p>
<p><u>Responden 2</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Murid dapat praktis nilai murni dalam kehidupan seharian misalnya, bercakap sopan santun dengan guru. Contohnya jika setiap hari mereka diajar supaya berkongsi warna dengan rakan-rakan ini secara tidak langsung akan memupuk nilai supaya tidak kedekut dan sentiasa 	<p>Responden 2 berpendapat murid dapat mempraktiskan nilai murni di prasekolah melalui percakapan yang bersopan santun dengan guru. Apabila guru sentiasa menerapkan nilai murni, murid juga sentiasa mengamalkannya. Misalnya berkongsi warna.</p>



<p>berkongsi dengan orang lain.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sewaktu guru mengajar murid tidak digalakkan untuk menyampuk tanda menghormati dan jika ia diasuh setiap hari mereka akan aplikasi supaya tidak menyampuk ketika ibu bapa sedang bercakap. 	<p>Ketika guru mengajar murid tidak digalakkan untuk menyampuk percakapan guru sebagai tanda menghormati guru. Amalan ini mendidik murid agar tidak menyampuk ketika ibu bapa sedang bercakap.</p>
<p><u>Responden 3</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Menolong rakan yang tidak membawa pensel. Berkongsi pensel warna dengan rakan yang tidak bawanya. • Memberi salam kepada guru yang masuk ke kelas. Mengucap terima kasih kepada pembantu pengurus murid yang menghidang makanan. • Bekerjasama bersama ahli kumpulan dalam menyiapkan kolaj. • Menyiram pokok bunga yang ditanam sekeliling prasekolah. • Mengutip sampah yang terdapat di longkang. 	<p>Responden 3 berpendapat amalan nilai murni dapat dipraktikkan di prasekolah apabila murid menolong rakan yang tidak membawa pensel dan sanggup berkongsi pensel warna dengan rakan yang lain.</p> <p>Murid juga ada memberi salam kepada guru ketika masuk ke kelas dan mengucapkan terima kasih kepada PPM yang menghidang makanan.</p> <p>Murid bekerjasama bersama ahli kumpulan untuk menyiapkan kolaj.</p> <p>Murid juga ada menyiram pokok bunga di sekitar prasekolah.</p> <p>Terdapat juga murid mengutip sampah di longkang yang menunjukkan nilai murni ada diamalkan di prasekolah.</p>
<p><u>Responden 4</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Sejauh mana amalan nilai-nilai murni ini diterapkan dapat saya nyatakan di sekolah mungkin guru boleh ingatkan untuk dipraktikkan ini kerana guru memerhati setiap tingkah laku mereka dan akan menegur apabila murid melakukan bertentangan dengan nilai murni seharian murid. 	<p>Responden 4 berpendapat guru perlu sentiasa mengingatkan murid mengamalkan nilai murni kerana guru selalu memerhati tingkah laku murid dan perlu menegur apabila murid melakukan tingkah laku yang tidak baik.</p>
<p><u>Responden 5</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Murid akan selalu memberi salam kepada orang tua, guru, ibu bapa atau kawan kerana telah memahami hormat-menghormati. • Murid selalu sedia membantu kawan 	<p>Responden 5 berpendapat murid selalu memberi salam kepada guru dan rakan menunjukkan nilai murni hormat menghormati diamalkan.</p> <p>Murid juga sedia membantu kawan yang</p>





<p>yang menghadapi masalah kerana telah memahami nilai tolong-menolong.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Murid juga tidak akan mendera haiwan seperti anjing dan kucing kerana telah belajar tentang kasih sayang. 	<p>menghadapi masalah.</p> <p>Murid tidak mendera binatang seperti kucing dan anjing menunjukkan nilai murni kasih sayang diamalkan.</p>
<p><u>Responden 6</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Disepadukan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran seharian. • Murid dapat amalkan beberapa tetapi tidak semua. • Murid perlu diingatkan selalu sebagai amalan harian. • Murid boleh amalkan contohnya dalam aktiviti kumpulan. Aktiviti kumpulan membantu kanak-kanak bersosial dan mengamalkan nilai-nilai murni. • Antara nilai-nilai murni yang biasa diamalkan di dalam kelas adalah boleh bekerjasama, toleransi, berterima kasih dan tolong menolong. 	<p>Responden 6 berpendapat murid ada mengamalkan beberapa nilai murni dalam kehidupan seharian di prasekolah. Misalnya semasa aktiviti kumpulan murid-murid bersosial sambil mengamalkan nilai murni seperti bekerjasama, toleransi, berterima kasih dan tolong menolong.</p>
<p><u>Responden 7</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Disepadukan dalam pengajaran dan pembelajaran yang telah diajar pada setiap hari. Bahkan boleh juga diajarkan semasa menilai hasil pembelajaran murid. Guru juga menerapkan nilai murni semasa kanak-kanak bermain seperti barhati-hati bermain permainan tersebut. • Sentiasa berkongsi tidak boleh kedekut. Selain itu juga kanak-kanak diterapkan nilai murni semasa mereka bermain di dalam kelas dan di luar kelas. Semasa mereka membaca buku cerita dan kad huruf. 	<p><i>(idea kabur)</i></p> <p>Responden 7 berpendapat nilai murni disepadukan dalam PdP yang diajar setiap hari. Guru dapat melihat nilai murni yang dipraktikkan oleh murid semasa menilai hasil pembelajaran. Semasa bermain, murid juga ada mempraktikkan nilai murni setelah diingatkan oleh guru.</p> <p>Nilai murni dapat dilihat dipraktikkan oleh murid apabila mereka sentiasa berkongsi barang dan tidak kedekut. Semasa murid membaca buku cerita dan kad huruf nilai murni juga dipraktikkan.</p>
<p><u>Responden 8</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak semua nilai murni dipraktikkan kerana faktor persekitaran yang banyak 	<p>Responden 8 berpendapat tidak semua nilai murni dapat dipraktikkan oleh murid</p>



<p>mempengaruhi perubahan tingkah laku murid</p> <ul style="list-style-type: none"> Namun, amalan baik yang ditunjukkan perlu diberikan peneguhan dari ibu bapa dan guru. Nilai murni perlu diterapkan dalam diri murid kerana ia mampu membina peribadi yang baik apabila dewasa kelak. 	<p>di prasekolah kerana faktor persekitaran yang banyak mempengaruhi perubahan tingkah laku murid.</p> <p>Ini kerana, amalan baik yang ditunjukkan oleh murid perlu diberi peneguhan oleh ibu bapa dan guru.</p> <p>Nilai murni yang diterap dalam diri murid mampu membina peribadi yang baik apabila mereka dewasa.</p>
<p><u>Responden 9</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Di prasekolah, murid mengamalkan nilai-nilai murni dalam aktiviti rutin harian semasa perbualan pagi, waktu rehat dan refleksi. Amalan nilai-nilai murni juga boleh dilakukan ketika guru melaksanakan kegiatan luar seperti ketika bermain di padang atau taman permainan. Guru seharusnya menggalakkan murid-murid meneruskan amalan tersebut di rumah. Guru juga boleh memberi penghargaan seperti memberikan pujian kepada murid yang mengamalkan nilai-nilai murni sebagai satu galakkan. 	<p>Responden 9 berpendapat murid mengamalkan nilai murni di prasekolah dalam aktiviti rutin seperti perbualan pagi, semasa rehat dan ketika sesi refleksi.</p> <p>Nilai murni juga ada diamalkan ketika murid bermain di padang atau taman permainan.</p> <p>Guru seharusnya memberi penghargaan dan pujian kepada murid yang mengamalkan nilai murni sebagai galakan.</p>
<p><u>Responden 10</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Disepadukan dalam pengajaran dan pembelajaran setiap hari. Melaksanakan situasi-situasi seperti lakonan yang berkaitan dengan nilai murni. Menayangkan video-video dan gambar-gambar yang menunjukkan nilai murni. Tunjuk cara bagaimana cara menghormati sesama kawan, guru dan orang sekeliling. Membuat aktiviti mewarna gambar yang berkaitan kasih sayang. Murid dapat menunjukkan nilai murni dengan membantu guru jika diarahkan, hormat-menghormati kawan-kawan dan guru- 	<p>Responden 10 berpendapat nilai murni disepadukan dalam PdP setiap hari. Pelaksanaan atau amalan nilai murni dapat dilihat semasa aktiviti lakonan.</p> <p>Video-video dan gambar-gambar yang mengandungi nilai murni dapat memberi tunjuk cara kepada murid untuk menghormati orang lain.</p> <p>Melalui aktiviti mewarna gambar berkaitan kasih sayang nilai murni dapat diterapkan. Murid dapat mempraktikkan nilai murni dengan membantu guru, menghormati orang lain dan membantu kawan semasa</p>



<p>guru lain. Membantu kawan-kawan dalam sesi bacaan atau lain-lain.</p>	<p>aktiviti bacaan.</p>
<p><u>Responden 11</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Murid-murid menyanyikan lagu patriotik dalam perhimpunan di sekolah. • Waktu pagi guru disambut dengan salam dan mengucapkan selamat datang. • Murid bertanggungjawab mengemas kelas sebelum pulang ke rumah. • Murid tidak berebut dan sabar mengambil buku dan alat tulis. • Murid berjaya menyiapkan kerja rumah yang diberikan dan membuat sendiri. • Murid sampai dikelas menyusun kasut, membuka tingkap dan membuka kerusi sebelum sesi pengajaran. 	<p>Responden 11 berpendapat nilai murni dapat dipraktikkan dalam diri murid. Buktinya dapat dilihat apabila murid menyanyikan lagu patriotik dalam perhimpunan di sekolah.</p> <p>Semasa datang ke sekolah murid bersalaman dengan guru.</p> <p>Sebelum balik murid bertanggungjawab mengemas kelas.</p> <p>Murid tidak berebut dan sabar ketika mengambil buku dan alat tulis.</p> <p>Murid membuat sendiri kerja rumah yang diberikan dan berjaya menyiapkannya.</p> <p>Apabila tiba di kelas, murid menyusun kasut, membuka tingkap dan menyusun kerusi sebelum sesi PdP.</p>
<p><u>Responden 12</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Melalui pemerhatian dan amalan-amalan tertentu seperti amalan memberi salam, amalan bersalam-salaman semasa berada di sekolah dapat diamalkan oleh mereka. Selain itu ucapan-ucapan tertentu seperti ucapan terima kasih. 	<p>Responden 12 berpendapat nilai murni dipraktikkan oleh murid di prasekolah dapat dilihat melalui pemerhatian dan amalan tertentu seperti amalan memberi salam, amalan bersalaman dan amalan ucapan terima kasih</p>
<p><u>Responden 13</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pada pendapat saya, penerapan nilai-nilai murni ini majoritinya dapat dipraktikkan dengan baik walaupun murid tersebut telah dewasa. • Ucapan atau budaya memberi salam sentiasa dilakukan walaupun berada di luar kawasan sekolah. Ucapan terima kasih tidak pernah lekang dari bibir. • Sikap hormat-menghormati dan saling membantu juga sentiasa dilakukan. 	<p>Responden 13 berpendapat nilai murni dapat dipraktikkan dengan baik oleh murid sehinggalah mereka dewasa.</p> <p>Misalnya ucapan atau budaya memberi salam sentiasa diamalkan walaupun berada di luar kawasan sekolah. Begitu juga dengan ucapan terima kasih.</p> <p>Murid juga mengamalkan sikap hormat-menghormati dan saling membantu antara satu sama lain.</p>



<p><u>Responden 14</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Melalui pemerhatian nilai murni yang dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Contohnya seperti bersalaman dengan guru, mengucapkan terima kasih apabila menerima sesuatu dari orang lain, membantu orang lain kawan-kawan lain apabila mereka ditimpa masalah dan lain-lain. 	<p>Responden 14 berpendapat melalui pemerhatian terhadap murid di prasekolah, nilai murni dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian mereka. Misalnya murid bersalaman dengan guru, mengucapkan terima kasih apabila menerima sesuatu dan membantu orang lain yang di timpa masalah.</p>
<p><u>Responden 15</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Melalui nilai murni yang diterap di dalam PdP akan membantu sahsiah yang baik kepada kanak-kanak apabila dewasa nanti. Penerapan nilai murni hendaklah secara berterusan sehingga kedewasa. Ini bagi membentuk akhlak dan peribadi yang murni dalam diri mereka. 	<p>Responden 15 berpendapat nilai murni yang diterap dalam PdP akan membentuk sahsiah yang baik kepada murid apabila mereka dewasa. Penerapan nilai murni hendaklah berterusan bagi membentuk akhlak dan peribadi yang murni dalam diri mereka.</p>
<p><u>Responden 16</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Nilai-nilai murni yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian murid prasekolah seandainya guru prasekolah memberi penegasan setiap hari sebagai contohnya budaya bersalaman dengan guru semasa datang ke sekolah dan pulang ke rumah. Anak-anak prasekolah terlalu mudah menerima apa sahaja. Seandainya amalan ini dipraktikkan di sekolah mereka akan cuba mempraktikkannya di rumah. Oleh itu terbuktilah PdP nilai tersebut meresap dalam jiwa mereka hingga menjadi satu rutin kehidupan. Begitu juga dengan amalan doa sebelum makan dan selepas makan. Begitu juga amalan membasuh tangan. Walaupun ada anak-anak yang belum boleh menguasai hafazan doa jika diterapkan setiap hari lama kelamaan ia menjadi amalan yang wajib mereka lakukan. Sebagai rumusannya sebagai guru prasekolah saya bersetuju bahawa nilai-nilai murni perlu diterapkan kepada 	<p>Responden 16 berpendapat nilai murni yang diterapkan dalam PdP prasekolah dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian murid prasekolah seandainya guru sentiasa memberi penegasan agar budaya bersalam dengan guru di amalkan setiap hari. Hal ini kerana murid prasekolah terlalu mudah menerima apa yang diajar kepada mereka. Apabila budaya ini diamalkan di sekolah, murid akan mempraktikkan pula di rumah. Ini membuktikan penerapan nilai meresap ke dalam jiwa murid sehingga menjadi rutin kehidupan.</p> <p>Begitu juga dengan amalan membasuh tangan serta doa sebelum dan selepas makan. Walaupun ada anak-anak yang belum boleh menguasai hafazan doa jika diterapkan setiap hari lama kelamaan ia akan menjadi amalan yang wajib mereka lakukan.</p> <p>Responden 16 juga bersetuju bahawa nilai-nilai murni perlu diterapkan kepada murid prasekolah agar menjadi wadah pembentuk generasi masa depan yang cemerlang dalam</p>

<p>anak-anak prasekolah untuk menjadi wadah pembentuk generasi masa depan yang cemerlang dalam pelbagai bidang tanpa mengeneipkan nilai-nilai keagamaan dan kepercayaan masing-masing.</p>	<p>pelbagai bidang tanpa mengeneipkan nilai-nilai keagamaan dan kepercayaan masing-masing.</p>
<p><u>Responden 17</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Nilai-nilai murni tersebut perlu diterapkan setiap hari agar ia mudah diamalkan. Ini kerana kanak-kanak mudah lupa. Pengulangan memudahkan mereka mengingati nilai-nilai murni tersebut. 	<p><i>(idea kabur)</i></p> <p>Responden 17 berpendapat nilai murni perlu diterapkan setiap hari supaya mudah diamalkan. Ini kerana murid mudah lupa dan guru perlu mengingatkan murid berulang kali bagi memudahkan mereka mengingati nilai-nilai tersebut.</p>
<p><u>Responden 18</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Amalan nilai-nilai murni yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian murid prasekolah jika mereka mengamalkan dengan betul dan baik. • Penekanan amalan nilai-nilai murni ini mesti disambung oleh ibu bapa di rumah supaya ia menjadi amalan biasa kepada murid prasekolah. Kesenambungan antara sekolah dan rumah menjadikan penerapan nilai-nilai murni ini lebih berkesan. 	<p>Responden 18 berpendapat amalan nilai-nilai murni yang diterapkan dalam PdP prasekolah dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian murid prasekolah jika mereka mengamalkan dengan betul dan baik.</p> <p>Penekanan amalan nilai murni ini mesti disambung oleh ibu bapa di rumah supaya menjadi amalan biasa kepada murid prasekolah. Kesenambungan antara sekolah dan rumah menjadikan penerapan nilai-nilai murni ini lebih berkesan.</p>
<p><u>Responden 19</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Amalan nilai murni yang diajar dalam PdP prasekolah ini dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian kanak-kanak atas bimbingan guru. • Ibu bapa juga haruslah memberikan kerjasama dengan pihak sekolah dan menunjukkan tingkah laku yang baik kepada anak-anak mereka. • Guru juga boleh mengadakan peraturan dan undang-undang mudah yang perlu dipatuhi oleh kanak-kanak. 	<p>Responden 19 berpendapat amalan nilai murni yang diajar dalam PdP prasekolah dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian murid atas bimbingan guru.</p> <p>Ibu bapa seharusnya memberi kerjasama dengan pihak sekolah dan menunjukkan tingkah laku yang baik kepada anak-anak mereka.</p> <p>Guru juga boleh mengadakan peraturan dan undang-undang mudah yang perlu dipatuhi oleh murid-murid.</p>



<p><u>Responden 20</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Amalan nilai murni yang diterapkan di dalam pengajaran dan pembelajaran di dapati dapat dipraktis dalam kehidupan seharian murid seandainya mendapat kerjasama daripada pihak ibu bapa. • Guru bertanggungjawab penerapn nilai murni ketika di sekolah. Sepanjang mereka berada di sekolah. • Ketika berada di sekolah terdapat segelintir. Kanak-kanak yang dapat mengamalkan nilai murni yang diterapkan oleh guru. 	<p>Responden 20 berpendapat amalan nilai murni yang diterapkan dalam PdP di prasekolah dapat dipraktis dalam kehidupan seharian murid seandainya mendapat kerjasama daripada pihak ibu bapa.</p> <p>Guru bertanggungjawab menerapkan nilai murni sepanjang masa murid berada di sekolah.</p> <p>Namun, hanya segelintir murid yang dapat mengamalkan nilai murni yang diterapkan oleh guru.</p>
<p><u>Responden 21</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kebiasaannya amalan nilai-nilai murni ini lebih mudah dipraktis di sekolah berbanding selepas waktu persekolahan. Walau bagaimanapun anak-anak prasekolah ini lebih mudah mendengar dan mematuhi arahan guru berbanding ibu bapa mereka sendiri. Dan ianya perlu dipupuk secara berterusan tanpa jemu In shaa Allah. Semoga amalan nilai-nilai ini dapat diterapkan dengan baik. 	<p>Responden 21 berpendapat amalan nilai-nilai murni mudah dipraktiskan di sekolah berbanding di rumah. Ini kerana murid lebih mudah mendengar dan mematuhi arahan guru berbanding ibu bapa mereka sendiri. Penerapan nilai murni ini perlu dipupuk secara berterusan tanpa jemu dan berharap amalan ini dapat diterapkan dengan baik.</p>
<p><u>Responden 22</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Amalan nilai-nilai murni cuba diamalkan ketika murid datang ke sekolah, sebelum masuk kelas wajib memberi salam, sekiranya tidak, murid tidak dibenarkan masuk ke kelas. • Tolong menolong semasa mengemas alatan belajar jika tidak akan diberi izin menggunakan alatan tersebut. • Mengamalkan ucapan terima kasih sekiranya mendapat sesuatu pemberian dari orang lain. • Semasa makan mesti cuci tangan, tangan, tunggu kawan-kawan, duduk sama-sama dan baca doa sama, makan dengan tangan kanan-makan perlahan- 	<p>Responden 22 berpendapat amalan nilai murni cuba diamalkan bermula ketika murid datang ke sekolah lagi dan sebelum masuk kelas di mana murid diwajibkan memberi salam sebelum masuk.</p> <p>Nilai tolong menolong dipraktiskan semasa murid mengemas alatan belajar.</p> <p>Murid juga mengamalkan ucapan terima kasih apabila mendapat sesuatu pemberian dari orang lain.</p> <p>Semasa makan, murid mencuci tangan, menunggu kawan, duduk bersama, membaca doa dan makan dengan tertib bersama-sama.</p>





<p>lahan.</p> <ul style="list-style-type: none"> Bersalam sambil mencium tangan semasa waktu balik. 	<p>Sebelum balik pula, murid bersalam dan mencium tangan guru.</p>
<p><u>Responden 23</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Sebahagiannya dapat dilihat seperti kesedaran dalam menjaga kebersihan diri dan bilik darjah. Ada juga yang tidak tercapai kerana pemupukan ini memerlukan masa dan kesannya dapat dilihat dalam jangka masa panjang. 	<p>Responden 23 berpendapat hanya sebahagian sahaja nilai murni dapat dipraktikkan oleh murid, iaitu kesedaran menjaga kebersihan diri dan bilik darjah. Hal ini kerana pemupukan nilai ini memerlukan masa dan kesannya dapat dilihat dalam jangka masa panjang.</p>
<p><u>Responden 24</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Melalui pemerhatian saya, kanak-kanak prasekolah dapat mempraktikkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian murid melalui sikap dan tingkahlaku mereka. Contohnya seperti rajin menolong rakan dalam melaksanakan tugas. Menghormati guru dan rakan di dalam kelas dan diluar kelas. Murid lebih memahami setiap peraturan yang dijelaskan oleh guru. Selain itu, kanak-kanak dilihat dapat bertutur dengan baik dan lemah lembut semasa bersama guru dan rakan-rakan. 	<p>Responden 24 berpendapat nilai murni dapat dipraktikkan oleh murid dalam kehidupan seharian mereka melalui sikap dan tingkahlaku seperti rajin menolong rakan dalam melaksanakan tugas.</p> <p>Murid juga menghormati guru dan rakan di dalam dan di luar kelas.</p> <p>Murid memahami setiap peraturan yang dijelaskan oleh guru.</p> <p>Murid juga dilihat dapat bertutur dengan baik dan lemah lembut ketika bersama guru dan rakan-rakan.</p>
<p><u>Responden 25</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Nilai murni yang hendak diterapkan dijadikan amalan dan juga rutin harian di dalam kelas. Semasa membuat rumusan akhir bolehlah guru mengulangi semula nilai-nilai murni yang telah mereka pelajari. Murid mendengar dan mengikut apa sahaja yang baik dari guru. Nilai murni juga dapat melalui 	<p><i>(idea kabur)</i></p> <p>Responden 25 berpendapat nilai murni yang hendak diterapkan dijadikan amalan dan juga rutin harian di dalam kelas.</p> <p>Semasa membuat refleksi guru perlu mengulang semula nilai-nilai yang telah dipelajari.</p> <p>Murid mendengar dan mengikut apa sahaja yang baik dari guru.</p> <p>Amalan nilai murni juga dapat dilihat</p>





<p>hubungan murid antara murid dan juga murid dengan guru.</p>	<p>melalui hubungan murid dengan murid dan hubungan murid dengan guru.</p>
<p><u>Responden 26</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Setiap nilai murni yang diterapkan haruslah yang berkaitan dengan kehidupan seharian murid. Semasa aktiviti berkumpulan, aktiviti rutin harian, aktiviti sukan, serta aktiviti yang akan dilakukan di prasekolah, guru perlu sentiasa menerapkan nilai-nilai murni yang baik. • Contohnya, membersihkan meja tulis sendiri, menyusun kasut di atas rak kasut, makan makanan dengan sopan, mencuci tangan sebelum, atau selepas makan atau pergi ke tandas dan sebagainya. 	<p>Responden 26 berpendapat setiap nilai murni yang diterapkan haruslah berkaitan dengan kehidupan seharian murid. Guru perlu sentiasa menerapkan nilai-nilai murni yang baik semasa aktiviti berkumpulan, aktiviti rutin harian, aktiviti sukan, serta segala aktiviti yang dilakukan di prasekolah,</p> <p>Contoh nilai murni yang dipraktikkan murid ialah membersihkan meja tulis, menyusun kasut di atas rak kasut, makan dengan sopan,, mencuci tangan sebelum dan selepas makan atau ketika pergi ke tandas.</p>
<p><u>Responden 27</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Mereka mempraktikkan nilai-nilai murni semasa pembelajaran kumpulan dilakukan dimana mereka bekerjasama, tolong-menolong dalam menyiapkan tugas. Mereka juga melakukan mengamalkan nilai murni apabila diberitahu oleh guru. • Di rumah ada sebahagian murid sahaja yang mempraktikkannya mungkin ini mereka anak bongsu dan anak manja. 	<p>Responden 27 berpendapat nilai murni dapat dipraktikkan murid semasa aktiviti kumpulan dilakukan di mana mereka bekerjasama dan tolong-menolong untuk menyiapkan tugas. Murid juga mengamalkan nilai murni apabila di minta oleh guru.</p> <p>Namun di rumah hanya sebahagian sahaja murid mempraktikkannya mungkin kerana mereka anak bongsu atau anak manja.</p>
<p><u>Responden 28</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Amalan-amalan nilai murni yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah dapat dipraktis dalam kehidupan seharian apabila perubahan tingkah laku berubah daripada awal sekolah dan menjadi lebih baik di akhir tahun. Perubahan sikap yang sangat ketara dapat dilihat dari segi kerajinan dan keperihatinan. Terhadap guru, kawan-kawan dan keluarga. • Perasaan malu, kurang keyakinan diri semakin terhakis apabila mendapat 	<p>Responden 28 berpendapat nilai murni yang diterapkan dalam PdP prasekolah dapat dipraktis dalam kehidupan seharian murid apabila ada perubahan tingkah laku dalam diri murid dari awal persekolahan dan menjadi lebih baik di akhir tahun. Perubahan sikap yang sangat ketara dapat dilihat dari segi kerajinan dan keperihatinan terhadap guru, kawan-kawan dan keluarga.</p> <p>Perasaan malu, kurang keyakinan diri semakin terhakis apabila mendapat pujian</p>





<p>pujian daripada guru.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Komen atau respon yang positif dari ibu bapa terhadap perubahan anak-anak mereka. 	<p>daripada guru.</p> <p>Komen atau respon yang positif dari ibu bapa terhadap perubahan anak-anak mereka membukikan murid mempraktiskan nilai-nilai murni yang diterapkan kepada mereka.</p>
<p><u>Responden 29</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Apabila mereka berada di sekolah, guru dapat memerhatikan mereka setiap masa. Oleh itu, dapatlah kiranya guru meneliti dan meninjau tahap amalan dan nilai murni yang telah diterapkan. • Namun apabila mereka berada di rumah, nilai tersebut tidak dapat dipastikan sama ada berlaku atau tidak. 	<p>Responden 29 berpendapat, guru memerhatikan murid setiap masa di sekolah. Oleh itu, guru dapat meneliti dan meninjau tahap amalan nilai murni yang telah diterapkan.</p> <p>Namun apabila murid berada di rumah, nilai tersebut tidak dapat dipastikan sama ada berlaku atau tidak.</p>
<p><u>Responden 30</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Amalan nilai-nilai murni yang diterapkan dalam PdP dapat dipraktiskan dalam kehidupan seharian murid prasekolah adalah ianya akan menjadi rutin kepada kanak-kanak seperti amalan membaca doa sebelum dan selepas makan. • Selain dari itu amalan-amalan ini juga akan memotivasikan kanak-kanak untuk lebih rajin dan berusaha untuk lebih maju dalam pembacaan atau tulisan. • Kanak-kanak akan lebih sayang dan kasih kepada ibu bapa dengan adanya amalan bercerita, main peranan dan sebagainya. 	<p>Responden 30 berpendapat nilai-nilai murni yang diterapkan dalam PdP dapat dipraktiskan dalam kehidupan seharian murid prasekolah melalui rutin seperti amalan membaca doa sebelum dan selepas makan.</p> <p>Nilai murni yang diamalkan akan memotivasikan murid supaya lebih rajin dan berusaha untuk lebih maju dalam pembacaan atau tulisan.</p> <p>Murid akan lebih sayang dan kasih kepada ibu bapa melalui amalan bercerita, main peranan dan sebagainya.</p>



4.9.1 Perbincangan Interpretasi Amalan Nilai Murni Berdasarkan Soalan Terbuka 5 Melalui Kaedah Hermeneutik

Dalam menjawab soalan terbuka 5 pengkaji mendapati responden telah memberi jawapan seperti Jadual 4.9.


Jadual 4.9

Sejauh manakah Amalan Nilai-Nilai Murni Dapat Dipraktis Dalam Kehidupan Sehari-hari Murid di Prasekolah

Nilai murni yang dipraktis di prasekolah

- Menjaga kebersihan (15)*
- Budaya hormat-menghormati (13)*
- Sikap tolong menolong (7)*
- Melalui ucapan terima kasih (7)*
- Sikap kerjasama (6)*
- Berkongsi barang/alatan (6)*
- Toleransi (4)*
- Pertuturan yang sopan (3)*
- Berkasih sayang (3)*
- Membaca doa (3)*
- Rajin (2)*
- Berdikari (1)*
- Berdisiplin (1)*
- Komen/respon positif daripada ibu bapa (1)*

* kekerapan mengulang dalam jawapan soalan terbuka 5



Rajah 4.8. Se jauh manakah amalan nilai-nilai murni dapat dipraktik dalam kehidupan seharian murid di prasekolah

Berdasarkan Jadual 4.9 sejauh manakah amalan nilai-nilai murni dapat dipraktis dalam kehidupan seharian murid di prasekolah kesemua responden telah memberi jawapan berdasarkan pengalaman masing-masing. Pengkaji mendapati nilai murni menjaga kebersihan paling tinggi diamalkan oleh murid di prasekolah, iaitu sebanyak 15. Menjaga kebersihan ini meliputi mengutip sampah di dalam dan di luar kelas, menyusun kasut, menyusun kerusi, mencuci tangan sebelum dan selepas makan, membersihkan meja dan membasuh tangan selepas keluar dari tandas.

Nilai murni yang kedua tertinggi dipraktiskan oleh murid-murid di prasekolah ialah sikap hormat menghormati, iaitu sebanyak 13. Sikap hormat-menghormati ini dapat dilihat melalui budaya memberi salam kepada guru dan rakan, memberi salam ketika hendak masuk ke kelas dan ketika murid berada di luar kawasan sekolah.



Selain dari memberi salam, murid prasekolah juga selalu bersalam dengan guru ketika datang dan sebelum balik dari sekolah.

Sementara itu, nilai tolong-menolong juga ada dipraktikkan oleh murid-murid di prasekolah. Nilai tolong-menolong atau bantu membantu ini dapat dilihat apabila murid membantu guru membawa barang, membantu rakan semasa aktiviti membaca, membantu mengemas alatan belajar dan membantu menyiapkan sesuatu tugas. Nilai tolong-menolong ini merupakan kekerapan ketiga tertinggi iaitu sebanyak 7. Nilai murni berterima kasih juga ada diamalkan dalam kalangan murid-murid di prasekolah. Nilai murni ini juga berada pada kekerapan ketiga tertinggi iaitu sebanyak 7. Ucapan terima kasih ini dapat dilihat apabila murid mengucapkan terima kasih kepada guru dan pembantu pengurusan murid apabila mereka diberi sesuatu.



Nilai kerjasama juga selalu dipraktikkan oleh murid-murid di prasekolah di mana kekerapannya adalah 6. Nilai kerjasama ini diamalkan ketika murid bersama-sama menyiapkan tugas kumpulan seperti membuat kolaj, bermain bongkah atau ketika bermain di padang atau taman permainan. Selain dari nilai kerjasama, nilai berkongsi juga ada diamalkan oleh murid-murid di prasekolah di mana kekerapannya juga 6. Nilai berkongsi ini dapat dilihat apabila murid sanggup berkongsi barang dan alatan seperti pensel, pensel warna dan pepadam.

Nilai toleransi turut diamalkan oleh murid-murid di prasekolah di mana kekerapannya adalah 4. Nilai toleransi ini dapat dilihat ketika murid mengambil makanan semasa rehat di mana mereka tidak berebut-rebut dan sanggup menunggu kawan untuk makan bersama-sama. Murid di prasekolah juga kelihatan makan dengan



tertib. Selain itu, nilai toleransi dipraktikkan ketika sesi membaca atau menulis apabila murid sabar ketika mengambil buku latihan dan buku cerita.

Sementara itu, pertuturan yang sopan, berkasih sayang dan membaca doa turut diamalkan oleh murid-murid di prasekolah di mana kekerapannya masing-masing adalah 3. Murid di prasekolah dilihat bertutur dengan baik dan sopan serta tidak menyampuk percakapan guru. Nilai kasih sayang turut dipraktis oleh murid-murid di prasekolah di mana mereka sangat menyayangi ibu bapa dan kawan. Murid juga didapati tidak mendera binatang atau haiwan yang datang ke kelas. Selain dari itu, murid di prasekolah juga selalu membaca doa. Bacaan doa ini dijadikan rutin dan diamalkan sebelum dan selepas makan.

Selain dari nilai-nilai yang dinyatakan, murid di dalam kelas prasekolah juga ada mengamalkan sikap rajin di kelas prasekolah di mana kekerapannya adalah 2. Selain dari itu, nilai berdisiplin turut diamalkan oleh murid di prasekolah. Nilai berdisiplin ini terbukti diamalkan apabila murid mengikut peraturan di kelas prasekolah. Murid di prasekolah juga mengamalkan nilai berdikari di mana mereka dapat menyiapkan sendiri kerja rumah. Komen-komen positif dari ibu bapa dan penjaga tentang perubahan tingkah laku anak mereka membuktikan murid-murid di prasekolah ada mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian mereka.

Nilai-nilai murni yang dibincangkan jelas diamalkan oleh murid-murid di prasekolah. Namun begitu, pengkaji mendapati terdapat beberapa pendapat yang diutarakan oleh responden agak kurang jelas. Misalnya,

"guru perlu sentiasa mengingatkan murid mengamalkan nilai murni".

"Guru dapat melihat nilai murni yang dipraktikkan oleh murid semasa menilai hasil pembelajaran.

"Semasa bermain, murid juga ada mempraktikkan nilai murni setelah diingatkan oleh guru".

"Murid prasekolah dapat mempraktikkan nilai murni seandainya guru sentiasa memberi peneguhan agar budaya bersalam dengan guru diamalkan setiap hari. Hal ini kerana murid prasekolah terlalu mudah menerima apa yang diajar".

"Penerapan nilai meresap ke dalam jiwa murid sehingga menjadi rutin kehidupan".

"Nilai murni perlu diterapkan setiap hari supaya mudah diamalkan. Ini kerana murid mudah lupa dan guru perlu mengingatkan murid berulang kali".

"Nilai murni dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian murid atas bimbingan guru".

Berdasarkan beberapa pendapat yang diutarakan, ternyata idea-idea yang diberi oleh responden agak kabur. Pengkaji mendapati responden tidak dapat menjelaskan dengan tepat sejauhmanakah nilai murni diamalkan oleh murid-murid di prasekolah. Namun pengkaji percaya, guru memainkan peranan penting dalam pengamalan nilai murni oleh murid di prasekolah.

4.9.2 Sejauh manakah nilai-nilai murni yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah dapat dipraktis dalam kehidupan seharian murid di prasekolah melalui Temu bual

Respondan dalam kajian ini menyatakan pelbagai jawapan berkaitan nilai murni yang dapat dipraktikkan oleh murid semasa di prasekolah. Data daripada temu bual dengan

responden 1 hingga responden 5 tentang sejauh manakah nilai-nilai murni yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah dapat dipraktis dalam kehidupan seharian murid di prasekolah adalah seperti berikut:

Temu bual berkaitan amalan nilai murni oleh murid di prasekolah (Teks Asal) Sejauh manakah nilai-nilai murni yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah dapat dipraktis dalam kehidupan seharian murid di prasekolah?	Interpretasi Hasil Temu bual berkaitan amalan nilai murni oleh murid di prasekolah melalui Kaedah Hermeneutik
<p><u>Responden 1 (Cikgu Alia)</u></p> <p>Kalau kita bandingkan daripada dia mula-mula masuk kelas, mujur kita nampak perubahan. Kita pun senang mengendalikan sebab mereka dah diterapkan dengan rutin harian nilai murni ni. Bila kita buat setiap hari benda tu nampak diserapkan la. Apatah lagi kalau kita sentiasa berhubung dengan keluarga dia. Jadi kita dah tahu feedback di rumah dia macam mana. Ataupun keluarga yang sering ke sekolah. Jadi dia lebih nampak apa yang berlaku di sekolah cuba pula apply di rumah. (R1:T30)</p>	<p>Responden 1 berpendapat murid dapat mempraktis nilai murni yang diterapkan oleh guru semasa di prasekolah kerana perubahan yang jelas berlaku dalam diri murid tersebut. Perubahan ini disedari oleh guru apabila murid dapat diurus dengan mudah berbanding ketika mereka mula masuk ke kelas prasekolah dahulu. Begitu juga maklum balas dari ibu bapa yang mengatakan anak mereka cuba mengamalkan nilai murni di rumah.</p>
<p><u>Responden 2 (Cikgu Alina)</u></p> <p>Saya rasa berjaya. Contohnya saya buat kumpulan budak yang pandai mengajar budak yang tak pandai. Maknanya hasil tu ada. Contoh kalau budak yang awal-awal tahun ada kumpulan yang kenal abc membantu kumpulan yang tak kenal abc maknanya kalau kita buat aktiviti kad tu membantu sama-sama. Maknanya cepat benda tu dapat. Daripada rakan tu cepat daripada kita yang ni kan. (R2:T44)</p>	<p>Responden 2 berpendapat nilai murni berjaya dipraktiskan oleh murid di prasekolah bila mana murid sesama murid membantu antara satu sama lain dalam menjalankan sesuatu aktiviti.</p> <p>Murid pula lebih mudah faham apabila rakan sebaya membantu mereka.</p>
<p><u>Responden 3 (Cikgu Maria)</u></p> <p>Kalau di tahap prasekolah sangat berjaya. Maknanya bila murid berada di pra sekolah ni, nilai murni memang diterap dengan baik.</p>	<p>Responden 3 berpendapat nilai murni yang diterap oleh guru prasekolah sangat berjaya dipraktis oleh murid di prasekolah. Kesannya</p>



<p>Maknanya dapat nampak kesannya bila naik tahun 1, tingkah laku dia ok lagi. Guru-guru lain pon kata “bagus..bagus”. Tapi lepas pada tu dia pengaruh-pengaruh lain. Kadang-kadang ibu bapa pon selalu contact kita “cikgu..anak saya macam ni la..lain dah kat sekolah” (R3:T45)</p>	<p>dapat dilihat ketika murid berada di kelas prasekolah dan di tahun 1 di mana mereka masih mempamerkan tingkah laku yang baik. Namun, apabila semakin dewasa tingkah laku mereka berubah disebabkan pengaruh-pengaruh luar.</p>
<p><u>Responden 4 (Cikgu Mala)</u></p> <p>Ya. Pada mula-mula dia masuk sampai sekarang kan nilai murninya menghormati cikgu. Awal tahun masuk buat tak tahu je la. Tapi sekarang masuk salam cikgu, ambil beg cikgu, ambil kasut cikgu letak kat rak. Cikgu nak balik pun ambil kasut cikgu. Cakap terima kasih. Cikgu esok saya datang lagi. (R4:T34)</p>	<p>Responden 4 berpendapat nilai murni yang diterapkan oleh guru dapat dipraktikkan dengan baik oleh murid prasekolah. Hal ini kerana terdapat tingkah laku yang baik yang ditonjolkan oleh murid prasekolah setelah mereka mengikuti kelas prasekolah berbanding sebelum ini. Misalnya, mereka sudah mengamalkan nilai menghormati, menjaga kebersihan dan berterima kasih.</p>
<p><u>Responden 5 (Cikgu Rina)</u></p> <p>Yelah. Adalah. Contohnya kalau bagi barang, dia tau ucap terima kasih. Ada hormat orang tua kan. Kalau jumpa dengan cikgu lain pun dia bersalam. Dia amalkan. Kalau guru besar masuk ke dia dah bangun cakap selamat pagi..assalamualaikum. dia dah tau. (R5:T30)</p>	<p>Responden 5 berpendapat nilai murni yang diterapkan oleh guru prasekolah dapat dipraktikkan oleh murid prasekolah. Misalnya mereka tahu untuk berterima kasih dan menghormati orang lain.</p>

Berdasarkan dapatan temu bual, pengkaji merumuskan bahawa nilai murni yang diterapkan oleh guru prasekolah berjaya dipraktikkan oleh murid di prasekolah dengan baik. Hal ini menggambarkan murid prasekolah seorang yang suci bersih dan mudah menerima segala nasihat dan tunjuk ajar guru. Mereka sangat menghormati guru dan mudah meniru perlakuan orang dewasa dan pesekitaran mereka.





4.9.3 Sejauh manakah nilai-nilai murni yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah dapat dipraktis dalam kehidupan seharian murid di prasekolah melalui pemerhatian

Berdasarkan data pemerhatian yang telah dinyatakan dalam soalan kajian yang pertama, pengkaji mendapati ada tiga nilai murni dapat dipraktiskan oleh murid-murid di prasekolah. Nilai-nilai murni tersebut adalah keberanian, kejujuran dan berdisiplin. Nilai keberanian dapat dilihat apabila murid berani mengangkat tangan untuk menjawab soalan. Manakala nilai kejujuran pula dapat dilihat apabila murid mengaku tidak pernah meminum susu. Sementara itu, nilai berdisiplin dapat diperhatikan apabila murid mendengar dan mengikut arahan guru.



Kesimpulannya berdasarkan instrumen soal selidik, temu bual dan pemerhatian menunjukkan dapatan yang selari di mana nilai-nilai murni yang diterapkan oleh guru dapat dipraktiskan oleh murid di prasekolah.

4.10 Rumusan

Dalam bab ini, telah dibincangkan mengenai hasil dapatan yang diperolehi menggunakan instrumen kajian, iaitu soal selidik, pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen untuk melihat amalan penerapan nilai murni dalam PdP guru prasekolah. Selain itu, dibincangkan juga analisis data yang dijalankan dengan mengambil kira aspek kaedah yang gunakan untuk menerapkan nilai murni, masalah yang dihadapi oleh guru berkaitan penerapan nilai serta nilai murni yang dipraktiskan oleh murid sepanjang berada di kelas prasekolah.



BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bahagian ini akan menjelaskan keseluruhan rumusan dan kesimpulan yang meliputi keseluruhan dapatan kajian berasaskan soalan selidik soalan terbuka, pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Dengan memahami dan menjelaskan permasalahan kajian serta menjawab persoalan kajian yang telah dinyatakan, penyelidik akan menyatakan implikasi kajian, sumbangan kajian dan memberi cadangan untuk kajian seterusnya.

5.2 Ringkasan Dapatan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menghurai dan menjelaskan amalan penerapan nilai murni dalam kalangan guru prasekolah. Oleh itu, nilai-nilai murni yang diterapkan semasa



PdP menjadi fokus kajian ini. Selain itu, kaedah dan tujuan penerapan nilai murni tersebut turut didalami dari perspektif guru. Amalan penerapan nilai murni ini turut dirungkai melalui masalah yang dihadapi oleh guru. Malahan, kajian ini turut memfokuskan kepada keberkesanan amalan penerapan nilai murni oleh guru dengan melihat sejauh manakah nilai-nilai murni yang diterapkan menjadi amalan murid.

Kajian kualitatif ini melibatkan 30 orang guru prasekolah yang berpengalaman. Bagi memperoleh dapatan kajian pengkaji menggunakan pelbagai kaedah, iaitu soal selidik berbentuk soalan terbuka, temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Kesemua instrumen yang digunakan mempunyai pengkhususan dalam menjawab soalan kajian. Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan Kaedah Hermeneutik dalam mendalami amalan penerapan nilai murni dalam



Berdasarkan dapatan kajian, amalan penerapan nilai murni dalam kalangan guru prasekolah masih perlu dipertingkatkan lagi dalam aspek pengetahuan mengenai nilai murni dan juga dari aspek perlaksanaan. Guru dilihat sememangnya menerapkan nilai murni di dalam pengajaran mereka, tetapi penerapan nilai tersebut bukanlah secara terancang dan berfokus. Malahan, pengetahuan guru mengenai nilai-nilai murni di dalam KSPK juga dilihat terhad. Pengetahuan guru yang terbatas mengenai nilai-nilai murni menyebabkan guru hanya menerapkan nilai-nilai yang sama berulang kali.

Dalam aspek pemahaman guru mengenai tujuan penerapan nilai pula, guru menjelaskan dengan baik bahawa penerapan nilai murni adalah untuk melahirkan



murid yang cemerlang dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Begitu juga dalam usaha menerapkan nilai-nilai murni ini, guru menjelaskan pelbagai kaedah yang telah digunakan. Namun, data kajian menunjukkan percanggahan di antara data soal selidik dan temu bual dengan data pemerhatian. Hal ini menjelaskan persepsi guru dan amalan pengajaran di dalam kelas menunjukkan hal yang tidak selari.

Kajian juga mendapati guru berdepan dengan beberapa masalah untuk menerapkan nilai-nilai murni di prasekolah. Masalah yang dihadapi dikelaskan kepada dua aspek, iaitu aspek guru dan aspek murid. Bagi aspek murid masalah yang dinyatakan merupakan masalah-masalah dari segi kefahaman murid, latar belakang dan sikap murid. Perkara ini merupakan satu kelaziman dalam konteks mendidik murid-murid prasekolah. Namun, masalah dari aspek guru pula menunjukkan guru masih kurang memahami bahawa pendidikan dan nilai murni tidak boleh dipisahkan. Kurangnya penelitian terhadap KSPK yang digubal membuatkan guru merasakan keperluan menghabiskan sukatan pelajaran menjadi keutamaan dalam pendidikan prasekolah.

Walau bagaimanapun, penerapan nilai murni di dalam PdP oleh guru dilihat mempunyai kesan yang positif apabila murid dapat mengamalkan nilai-nilai yang diterapkan semasa berada di prasekolah. Hal ini membuktikan kemampuan murid dalam mengamalkan apa yang diajarkan oleh guru. Justeru, pendidikan prasekolah dilihat sebagai satu medium penting dalam melahirkan modal insan yang berakhlak mulia.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan dapatan kajian ini akan memberi tumpuan kepada hasil dapatan yang dikaitkan dengan teori dan kajian lepas dengan melihat aspek persamaan serta perbezaannya. Perbincangan ini dipaparkan mengikut lima soalan kajian yang telah dinyatakan dalam BAB 1 serta dapatan yang telah dihuraikan dalam BAB 4.

5.3.1 Nilai-nilai Murni yang Diterapkan Semasa Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Prasekolah

Penerapan nilai murni merupakan salah satu tumpuan utama dalam proses pembentukan akhlak seseorang muslim. Hal ini kerana akhlak mulia amat penting dalam kehidupan manusia kerana pengaruh dan impaknya yang besar terhadap gerak langkah seseorang (Latifah et al., 2012). Oleh yang demikian dalam meneroka amalan penerapan nilai murni guru, pengkaji mengenal pasti nilai-nilai murni yang telah diterapkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran di prasekolah.

Hasil dapatan daripada ke empat-empat instrumen kajian, iaitu soal selidik, pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen menunjukkan dapatan yang selari. Penerapan nilai sememangnya berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran di prasekolah. Antara nilai-nilai murni yang diterapkan ialah kasih sayang, bertanggung jawab, hormat-menghormati, amanah, toleransi, sabar, jujur, kerjasama, prihatin, tolong-menolong, berhemah, berdikari, berdisiplin, kerjasama dan lain-lain. Walau bagaimanapun, kebanyakan guru prasekolah didapati hanya menerapkan lima hingga

enam nilai murni sahaja daripada 16 nilai murni yang disarankan dalam KSPK. Hal ini menggambarkan guru tidak berpandukan KSPK dalam menerapkan nilai murni.

Di Malaysia program transformasi kurikulum pendidikan telah menghasilkan pembentukan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) (Sharifah Nor & Aliza, 2012). KSPK menjadi dokumen rujukan standard yang perlu diketahui semua guru prasekolah di seluruh negara dan pelaksanaannya melibatkan guru prasekolah yang dikelolakan empat agensi utama, iaitu Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPN) dan pihak swasta. Perubahan secara holistik dilakukan pada KSPK berdasarkan kurikulum prasekolah sedia ada dengan mengambil kira aspek kandungan, pedagogi, peruntukan, masa, kaedah, pentaksiran, bahan dan pengurusan

Kurikulum didefinisikan sebagai satu budaya dan ilmu pengetahuan untuk membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran kepada kumpulan murid yang tertentu (Mohd Daud,1995). Justeru dalam konteks ini, berpandukan kepada definisi kurikulum yang dinyatakan, kurikulum adalah matlamat pendidikan yang meliputi segenap aspek ilmu pengetahuan, peranan guru dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan membudayakan ilmu pengetahuan, dan juga bagaimana kaedah dan metodologi dalam mengukur dan menilai sesuatu kurikulum yang digubal.

Dalam konteks perkembangan pendidikan di Malaysia, kurikulum merupakan proses merencana, menyepadukan, mentafsir maksud, matlamat dan objektif kurikulum. Ia juga berkaitan dengan menterjemah isi kandungan pelajaran dan



melaksanakannya dalam bentuk pelajaran sesuatu disiplin ilmu. Menurut Abdul Fatah (2003), kurikulum kebangsaan ialah suatu program pendidikan meliputi semua aspek kurikulum dan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan dan kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan yang dapat membantu perkembangan individu menjadi insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek dan mempertingkatkan nilai moral dan akhlak.

Namun, berdasarkan hasil kajian ini guru didapati kurang menitikberatkan kurikulum yang digubal oleh KPM bagi pendidikan prasekolah. Justeru, implikasinya menyebabkan guru kurang pengetahuan tentang nilai yang terkandung di dalam kurikulum. Kurangnya pengetahuan guru terhadap nilai murni tersebut, maka penghayatan serta pemahaman guru mengenai hal ini turut akan berkurangan.



Perkara ini adalah senada dengan hasil kajian oleh Rosnani (1997), di mana guru kurang memahami perlaksanaan penerapan nilai murni melalui kesepaduan ilmu dalam proses pengajaran. Hal ini menyebabkan guru menghadapi masalah dalam melaksanakan proses penerapan nilai murni terutama sekali mereka yang mengajar disiplin ilmu yang bersifat pasti seperti matematik. Oleh itu, semua pihak termasuk guru-guru harus disedarkan tentang kepentingan penerapan nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana melalui kesedaran ini guru-guru akan merasai kepentingan penerapan nilai seterusnya akan berusaha untuk memahami kesepaduan ilmu serta mengamalkannya dalam fasa pengajaran mereka. Seterusnya mereka akan menghayati falsafah yang terkandung di dalam FPN yang menekankan perkembangan potensi manusia berasaskan keseimbangan unsur-unsur jasmani, emosi, rohani dan intelek.





Pengkaji turut mendapati berdasarkan dapatan kajian walaupun guru dapat menyatakan nilai murni yang mereka terapkan, akan tetapi hanya dua orang guru sahaja yang menyatakan penerapan nilai kepercayaan kepada Tuhan. Dapatan ini amat membimbangkan kerana perkara yang utama dan menjadi teras kepada nilai-nilai murni yang lain, iaitu nilai kepercayaan kepada Tuhan tidak diterapkan oleh guru. Sedangkan di dalam KSPK itu sendiri nilai kepercayaan kepada Tuhan diletakkan sebagai nilai pertama yang perlu diterapkan oleh guru. Dalam hal ini, apa yang dibimbangi oleh pengkaji adalah implikasinya kepada murid itu sendiri. Ini kerana penghayatan terhadap kepentingan dan pengamalan nilai-nilai murni sukar dicapai sekiranya nilai kepercayaan kepada Tuhan itu goyah dan lemah.

Rukun Negara yang merupakan teras kepada keharmonian dan perpaduan masyarakat berbilang kaum di negara ini turut meletakkan nilai kepercayaan kepada Tuhan sebagai tunjang utama yang perlu dipegang kukuh oleh setiap warganya tanpa mengira kaum dan agamanya. Menurut Abdul Rahman (2010), agama dijadikan pegangan utama rakyat Malaysia kerana ketiadaan agama boleh meruntuhkan keperibadian seseorang, sesuatu bangsa dan juga negara. Pegangan yang kukuh terhadap agama akan dapat menahan seseorang itu daripada melakukan jenayah dan juga kejahatan. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Islam ialah agama rasmi Persekutuan, tetapi agama dan kepercayaan-kepercayaan lain boleh diamalkan dengan aman. Menyedari betapa pentingnya keteguhan pegangan anggota masyarakat terhadap ajaran agama masing-masing, prinsip ini telah dipilih sebagai prinsip pertama dalam Rukun Negara.





Hal ini membuktikan bahawa fitrah manusia yang mengakui bahawa terdapatnya sesuatu yang berkuasa ke atas mereka dan alam semesta menjadikan manusia takut melakukan sewenang-wenangnya kerana mereka meyakini bahawa akan ada pembalasan ke atas mereka. Bertitik tolak dengan ini, maka kepercayaan kepada Tuhan itu diletakkan sebagai perkara pertama yang perlu dipegang oleh setiap rakyat Malaysia kerana sekiranya nilai ini tiada dalam jiwa manusia tidak akan terbentuk sesebuah negara jauh sekali untuk mencapai kemajuan dan keharmonian. Oleh yang demikian, pengkaji merasakan guru perlu menerapkan nilai kepercayaan kepada Tuhan setiap hari dan disepadukan dengan nilai-nilai lain melalui pengajaran di dalam kelas.

Hal ini turut dinyatakan oleh Gamal (1999) yang mengemukakan pandangan dalam pendidikan yang menjelaskan tentang kedudukan tertinggi dalam sistem pendidikan harus didasari kepada asas kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Malahan, Gamal berpendapat pendidikan itu perlu meletakkan paradigma tauhid, iaitu mengesakan Allah sebagai kedudukan tertinggi kerana sumber ilmu adalah daripada Allah. Tauhid haruslah menjadi asas dalam setiap perjalanan kehidupan insan. Apabila memiliki tauhid yang kukuh, manusia akan memiliki akhlak dan akidah yang mulia dan sentiasa berada di landasan yang betul kerana akal manusia akan berfikir berteraskan akidah yang kukuh. Justeru, dalam melahirkan generasi berakhlak mulia, pendidikan perlu didasari asas kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Hasil dapatan yang diperoleh juga menggambarkan kurangnya penerapan nilai murni melalui proses pengajaran dan pembelajaran di prasekolah. Apabila kurangnya nilai murni yang diterapkan, maka pengetahuan murid mengenai nilai murni itu





sendiri adalah terbatas. Muhammad Khairi dan Asmawati (2010) menjelaskan bahawa guru kurang menerapkan nilai murni semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Keadaan ini akan menyebabkan aspirasi negara seperti yang dinyatakan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, iaitu 'setiap kanak-kanak akan mempunyai asas moral yang kukuh untuk mendepani pelbagai cabaran kehidupan dan membantu mereka dengan berani membuat keputusan yang tepat' agak sukar dicapai.

Implikasi bagi perkara ini akan menjadikan murid tidak terdedah dengan nilai-nilai murni yang sepatutnya menjadi amalan mereka sejak di peringkat prasekolah. Malahan, bagi mengatasi isu jenayah dalam kalangan kanak-kanak, penerapan nilai murni yang menyeluruh merupakan satu keperluan yang utama. Lantaran, guru sepatutnya menerapkan ke semua 16 nilai yang telah disarankan oleh pihak KPM seperti mana yang terkandung di dalam KSPK. Dengan ini, hasrat yang ingin dicapai daripada falsafah pendidikan, iaitu untuk membentuk generasi masa depan mengikut acuan Malaysia yang memiliki nilai-nilai murni yang berakhlak serta berperibadi mulia akan terlaksana.

Secara keseluruhan, guru ada mengamalkan penerapan nilai murni melalui pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Walau bagaimanapun, penerapan nilai murni tersebut tidak menyeluruh meliputi ke semua nilai-nilai murni yang terkandung di dalam KSPK. Hal ini menyebabkan pembangunan modal insan yang seimbang dan hasrat negara untuk melahirkan rakyat Malaysia dengan penghayatan nilai berdepan dengan jalan yang sukar.



5.3.2 Tujuan Nilai-nilai Murni Diterapkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Prasekolah.

Tujuan nilai-nilai murni diterapkan dalam kalangan murid prasekolah merupakan antara aspek yang diteliti untuk merungkai amalan penerapan nilai murni guru prasekolah. Melalui soal selidik dan temu bual yang dijalankan pengkaji memfokuskan tujuan penerapan nilai murni dalam pembelajaran di prasekolah dari perspektif guru. Hasil dapatan soal selidik dan temu bual menunjukkan bahawa terdapat lima tujuan utama nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran, iaitu membentuk peribadi yang baik, memupuk semangat yang positif, membentuk jati diri, mewujudkan insan yang seimbang dan mengamalkan nilai murni dalam kehidupan seharian.

nilai murni guru melalui pengajaran di dalam kelas adalah untuk membentuk murid prasekolah menjadi modal insan yang cemerlang dan seimbang di masa hadapan. Hal ini menunjukkan bahawa guru prasekolah memahami dan menyedari akan keperluan dan kepentingan nilai murni diterapkan kepada murid sejak di peringkat prasekolah lagi. Perkara ini membuktikan bahawa sekolah merupakan medium bagi menerapkan nilai-nilai murni kepada murid.

Menurut Layard (2007), pembentukan sahsiah mestilah menjadi tujuan utama dalam setiap sistem pendidikan. Hasbullah dan Aerisuli (2013) menyatakan pendidikan awal kanak-kanak merupakan masa yang sesuai dan sangat penting kerana pendidikan yang diterapkan mampu memberi kesan jangka panjang dalam perkembangan mental, daya fikir dan kemahiran sosial. Kenyataan ini disokong oleh



Halim Masnan (2003) yang menyatakan peringkat awal kanak-kanak merupakan peringkat perkembangan yang berlaku dengan pesat baik dari segi intelek, jasmani dan rohani. Menurut Maisarah dan Latifah (2012), adalah wajar sekiranya nilai-nilai murni dan akhlak mulia disemai serta dipupuk kepada kanak-kanak sejak awal usia bagi mencegah penularan gejala keruntuhan akhlak.

Menurut Hasbullah dan Aerisuli (2013), ilmu pendidikan awal kanak-kanak sangat diperlukan dalam menyediakan asas awal nilai-nilai baik serta pembentukan akhlak dan sahsiah individu pada peringkat yang masih muda. Pendidikan awal amat penting dalam membentuk keperibadian, ketrampilan, hubungan sosial dan tahap pertumbuhan minda kanak-kanak. Kanak-kanak yang berada di bangku sekolah sekarang ini adalah generasi yang akan membentuk negara pada masa depan mengikut acuan yang kita inginkan. Menurut Mond Alfaizal (2006), pengamalan nilai-nilai murni seharusnya diterapkan dari awal lagi untuk memastikan pembangunan insaniah berkembang dalam keadaan sempurna.

Namun, pemahaman mengenai kepentingan penerapan nilai murni semata-mata tidak mencukupi sekiranya tidak dilaksanakan. Hal ini berbalik kepada perbincangan awal mengenai nilai-nilai murni yang diterapkan oleh guru, di mana guru tidak menerapkan semua nilai-nilai murni, bahkan nilai kepercayaan kepada Tuhan juga tidak dititikberatkan. Oleh itu, persoalan yang timbul, adakah hasrat guru untuk menjadikan murid prasekolah seorang insan yang seimbang akan tercapai melalui amalan penerapan nilai murni yang diamalkan oleh guru.



Keadaan ini menjelaskan bahawa persepsi dan pemahaman guru adalah tidak selari dengan tindakan dan amalan pengajaran mereka. Guru prasekolah dilihat mempunyai sikap yang positif dalam menerapkan nilai-nilai murni tetapi dari segi pengamalan guru prasekolah masih kurang menerapkan nilai-nilai murni dalam pengajaran mereka. Walhal, adalah menjadi tanggungjawab guru dalam menerapkan nilai-nilai murni kepada murid kerana mereka merupakan agen pembangunan modal insan.

Hal ini jelas berdasarkan pernyataan Asmawati, Rahil dan Abdul Rahman (2001) menjelaskan pensyarah atau guru merupakan faktor terpenting dalam mempengaruhi persepsi dan kefahaman pelajar tentang moral. Keadaan ini mungkin wujud kerana pensyarah atau guru merupakan orang yang kerap berinteraksi dengan pelajar. Menurut Ismail dan Mustapa (1997) pula, tanpa proses menerapkan nilai murni ke dalam mata pelajaran yang diajar, cita-cita untuk melahirkan generasi cemerlang dalam semua aspek tidak akan berhasil kerana hanya melalui penerapan nilai murni dalam pendidikan mampu mendidik insan yang rasional, amanah, bertimbang rasa, bertanggungjawab dan memiliki sifat-sifat mulia yang dipersetujui agama dan masyarakat.

Sebagai kesimpulan, pengkaji berpendapat guru mempunyai pemahaman yang baik mengenai matlamat dan tujuan nilai-nilai murni diterapkan dalam kalangan murid prasekolah. Walau bagaimanapun pemahaman guru ini tidak diterjemahkan dalam bentuk amalan semasa proses PdP. Justeru, dalam melahirkan modal insan yang berketrampilan dan berakhlak mulia, tidak memadai sekiranya hanya bercita-cita



tanpa ada daya usaha. Oleh itu, kunci kepada pembentukan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek terletak kepada pelaksanaan cita-cita tersebut.

5.3.3 Kaedah yang Digunakan untuk Menerapkan Nilai-Nilai Murni dalam Pengajaran dan Pembelajaran.

Pendekatan yang digunakan oleh guru prasekolah dalam menerapkan nilai mencerminkan bagaimana amalan penerapan nilai dalam kalangan guru. Berdasarkan hasil dapatan soal selidik, temu bual dan juga pemerhatian terdapat beberapa kaedah yang digunakan oleh guru dalam menerapkan nilai-nilai murni melalui pengajaran dan pembelajaran prasekolah. Kaedah yang digunakan ialah aktiviti berkumpulan, bercerita menggunakan buku cerita, guru sebagai *role model*, lagu dan nyanyian, aktiviti bermain, perbincangan dan soal jawab, tayangan video, simulasi, main peranan atau lakonan dan teguran terhadap kesalahan murid.

Dapatan kajian ini adalah bertepatan dengan hasil kajian Zakiah dan Aswati (2008) yang menyatakan bahawa dalam proses penerapan nilai murni dalam kalangan kanak-kanak, guru haruslah menggunakan alat bantu mengajar yang menarik dan interaktif, memperbanyakkan aktiviti-aktiviti berkumpulan dan juga memberikan ganjaran kepada mereka yang selalu mengamalkan nilai-nilai murni yang ada.

Berdasarkan hasil dapatan ini jelas menunjukkan kaedah yang digunakan oleh guru prasekolah kebanyakannya adalah melalui penggunaan bahan bantu mengajar seperti buku cerita, lagu dan nyanyian, tayangan video dan aktiviti bermain. Pada peringkat awal kanak-kanak penggunaan bahan bantu mengajar merupakan satu





keperluan penting kepada guru kerana terdapat perkara-perkara yang sukar dijelaskan melalui penerangan guru semata-mata. Hal ini menunjukkan bahawa bahan bantu mengajar boleh dijadikan alat untuk menerapkan nilai murni dalam PdP prasekolah.

Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa guru mempunyai idea yang pelbagai dalam usaha menerapkan nilai-nilai murni kepada murid. Pendekatan yang digunakan juga telah dibuktikan sebagai kaedah yang sesuai digunakan untuk menerapkan nilai melalui kajian-kajian lepas. Sebagai contoh kaedah penceritaan menggunakan buku cerita boleh dianggap satu kaedah penerapan nilai murni yang berfokus. Hal ini kerana setiap penceritaan telah sedia ada nilai-nilai murni yang dimuatkan di dalam cerita tersebut. Melalui watak-watak penceritaan dan juga jalan cerita guru dapat menyampaikan pengajaran dan teladan yang sarat dengan nilai-nilai murni. Hasil



kajian ini adalah selari dengan kajian-kajian lepas yang menunjukkan bahawa penggunaan buku cerita dapat membentuk nilai murni di dalam diri kanak-kanak (Mohd Firdaus & Normaliza, 2014; Norhayati & A. Mohd Azuan, 2005; Maisarah & Latifah, 2012; & Zainab, 2012). Menurut Mohd Firdaus dan Normaliza (2014), cerita rakyat dapat membentuk nilai murni dalam diri kanak-kanak. Cerita-cerita rakyat mampu menerapkan nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, tolong-menolong, kerajinan, bermuafakat, keberanian, kejujuran, dan kasih sayang.

Manakala menurut Nurhayati, A. Mohd Azwan (2005); dan 'Ulwan (1998), bahan bacaan mampu menanamkan nilai positif pada diri kanak-kanak. Kajian Maisarah dan Latifah (2012) pula menunjukkan bahawa jati diri kanak-kanak boleh dibentuk melalui bahan bacaan yang mengandungi nilai-nilai murni yang juga menggunakan bahasa yang bersesuaian. Hal ini kerana, bahasa adalah berkaitan



dengan nilai murni dalam melahirkan individu yang bersopan santun dan berbudi bahasa, di mana penggunaan bahasa yang kurang sesuai juga mampu memberi kesan kepada pembentukan akhlak seseorang. Zainab (2012) pula mendapati bahawa penerapan nilai murni menggunakan medium cerita bergambar juga berkesan terhadap kanak-kanak prasekolah. Kesimpulannya, segala aspek yang terkandung dalam bahan bacaan sama ada ilustrasi, penampilan, watak, tema dan gambaran sahsiah seseorang akan memberikan kesan terhadap proses pembentukan jati diri kanak-kanak itu sendiri.

Malahan, kepelbagaian pendekatan yang dinyatakan oleh guru melalui soal selidik dan temu bual adalah selari dengan dapatan kajian Thornberg dan Oguz (2013). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru menggunakan bahan bantu

mengajar dalam menerapkan nilai semasa di dalam kelas. Antara bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru ialah tayangan video, main peranan, membaca buku secara lantang yang diikuti dengan perbincangan secara kelas berdasarkan kandungan cerita tersebut. Hal ini membantu murid untuk membangunkan kemahiran dalam membuat hujah, mendengar pendapat orang lain, dan mengambil bahagian dalam perbincangan demokratik.

Guru prasekolah juga di dapati menggunakan lakonan, simulasi atau main peranan sebagai salah satu kaedah untuk menerapkan nilai. Hal ini kerana, melalui lakonan ini murid perlu menjiwai watak atau peranan yang dibawa. Keadaan memerlukan murid untuk memahami konteks penceritaan yang dibawa secara menyeluruh. Secara tidak langsung nilai-nilai murni yang ada dalam penceritaan dan watak dapat dihayati oleh murid. Selain itu, untuk menjayakan lakonan ini



memerlukan kerjasama dan komunikasi yang baik antara murid dengan murid, juga murid dengan guru. Situasi ini dapat menjadikan murid dengan sendirinya mengamalkan nilai-nilai murni yang diperoleh daripada persekitaran dan aktiviti lakonan tersebut.

Hal ini adalah senada dengan dapatan Faizah dan Ani (2014), yang mengatakan berlakon mempunyai faedah dan kebaikan tersendiri di mana lakonan dapat memberi hiburan dan memupuk nilai-nilai murni seperti bertanggungjawab, berdisiplin, berani, sabar dan perihatin dengan persekitaran. Melalui lakonan juga nilai perpaduan dapat diterapkan kerana murid dapat melakukan aktiviti dalam pelbagai situasi, budaya dan masyarakat.



Selain itu hasil dapatan juga mendapati guru memainkan peranan mereka sebagai *role model* dalam menerapkan nilai murni kepada murid di prasekolah. Dengan kata lain guru memberi demonstrasi kepada murid melalui tingkah laku guru semasa berada bersama dengan murid. Pembentukan perilaku dan peribadi kanak-kanak amat dipengaruhi oleh persekitarannya. Hal ini seperti yang dinyatakan dalam Teori Pembelajaran Sosial Bandura, bahawa seseorang individu akan mempelajari nilai moral berdasarkan amalan nilai moral orang sekelilingnya. Manusia dianggap sebagai agen perubahan dan boleh mempengaruhi persekitarannya dengan cara pembelajaran mengikut contoh yang dilihat (Bandura, 1977). Individu akan mempelajari nilai moral berdasarkan amalan nilai moral masyarakatnya. Justeru, dalam proses pengajaran dan pembelajaran di prasekolah, kanak-kanak akan mudah meniru watak dan sikap yang dipamerkan oleh seseorang guru.





Hasil kajian ini adalah selari dengan kajian yang dilakukan oleh Willemse, Lunenberg dan Korthagen (2008). Hasil kajian menunjukkan bahawa pendidik haruslah bertanggungjawab menjaga jati diri dan tingkah laku masing-masing ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Hal ini kerana guru adalah model kepada pelajar. Selain itu, kajian Joseph (1986) juga menyatakan bahawa kanak-kanak dapat mempelajari sesuatu nilai apabila contoh teladan atau model yang baik ditunjukkan kepada mereka dan secara tidak langsung mereka berpeluang mempraktikkan tingkah laku tersebut. Fauziah Abdul Rahim et al., (2010) berpendapat bahawa guru mestilah sentiasa berhati-hati dalam setiap tindak tanduk dan perlakuan mereka supaya tingkah laku yang dipamerkan menjadi contoh teladan yang baik kepada setiap murid.



yang tidak selari dengan dapatan pemerhatian. Hal ini kerana penggunaan bahan bantu mengajar dalam menerapkan nilai menunjukkan bahawa penerapan nilai murni berlaku secara terancang. Namun begitu, berdasarkan pemerhatian yang dijalankan pendekatan yang dinyatakan di dalam soal selidik ini tidak berlaku sama sekali semasa PdP berlangsung. Malahan, data soal selidik dan temu bual juga menunjukkan hanya sebilangan kecil sahaja guru prasekolah yang menggunakan kaedah yang menggunakan bahan bantu mengajar dalam menerapkan nilai-nilai murni kepada murid prasekolah. Kaedah utama yang digunakan oleh guru prasekolah dalam menerapkan nilai adalah melalui aktiviti rutin dan hampir kesemua guru prasekolah menggunakan kaedah secara tidak langsung di dalam menerapkan nilai murni di prasekolah.



Aktiviti rutin ini adalah meliputi perbualan pagi, makan, kudapan, rehat, menyusun kasut, beratur, berus gigi, refleksi, dan bacaan doa. Semasa rutin harian banyak nilai murni yang boleh diterapkan seperti berdisiplin, toleransi, berterima kasih, keadilan, bertanggungjawab, hormat menghormati, kerjasama dan kerajinan. Penerapan nilai ini berlaku bergantung pada situasi, persekitaran dan amalan kebiasaan guru. Antara amalan penerapan nilai guru prasekolah ialah memberi salam di awal pengajaran, acap kali mengucapkan terima kasih kepada murid, meminta murid untuk mengemas peralatan-peralatan di dalam kelas, meminta bantuan daripada murid dalam situasi tertentu dan memberi peluang kepada murid untuk terlibat dalam soal jawab atau aktiviti di dalam pengajaran.

Melalui amalan-amalan guru ini secara tidak langsung nilai murni diterapkan dalam diri murid-murid. Bagi aspek penerapan nilai, dapatan ini selari dengan pendapat Latifah, Wan Nasyrudin dan Nurul Hidayah (2012) di mana adakalanya nilai murni yang disalurkan itu tidak terdapat secara khusus di dalam subjek tersebut tetapi perlu diterapkan secara tidak formal melalui komunikasi yang baik antara guru dan murid yang akan mempengaruhi penanaman nilai dalam jiwa murid. Muhammad Khairi dan Asmawati (2010) turut menyatakan pendapat yang sama iaitu nilai-nilai murni dapat dipupuk secara formal dan tidak formal. Namun begitu, pemupukan secara tidak formal lebih menjurus kepada penglibatan masyarakat dan anggota keluarga.

Menurut Ahmad Muzzafar (2014), penerapan nilai ini boleh disepadukan melalui pelbagai cara iaitu secara pertuturan, perlakuan, teladan, isyarat, kefahaman, interpretasi, dan kontekstual. Hal ini menjelaskan bahawa penerapan nilai boleh



dilakukan tanpa kaedah yang khusus demi mencapai matlamat penerapan nilai murni tersebut. Menurut Muhammad Khairi dan Asmawati (2010), walau bagaimanapun, dalam konteks pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia lebih menekankan penerapan nilai yang berfokus dan ini dibuktikan dengan penggubalan kurikulum yang mengambil kira aspek penerapan nilai di dalam setiap mata pelajaran di peringkat pendidikan. Berdasarkan kenyataan Pusat Perkembangan Kurikulum (2005) penerapan nilai-nilai murni menjadi lebih terarah sekiranya disampaikan melalui sistem pendidikan formal yang jelas strukturnya.

Berikutan dengan itu, pengkaji berpendapat bahawa penerapan nilai ini masih kurang diberi penekanan oleh guru prasekolah. Hal ini kerana, setiap topik pengajaran yang digubal oleh kementerian telah dimasukkan nilai-nilai murni agar nilai ini dapat dihayati oleh murid. Akan tetapi, secara keseluruhan data kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa seolah-olah guru tidak berkemampuan untuk menyampaikan nilai-nilai ini dalam bentuk kandungan pengajaran. Sebaliknya, nilai-nilai yang diterapkan lebih menjurus kepada perkara-perkara di luar konteks pembelajaran. Hal ini dikhuatiri akan memberi kesan langsung kepada penghayatan nilai murni dalam kalangan murid prasekolah. Malahan, keadaan ini akan menjejaskan kepentingan ilmu dan nilai yang terkandung dalam pelajaran kerana murid akan menganggap nilai murni dan ilmu itu dua perkara yang perlu dipisahkan. Bertitik tolak dengan itu, pihak pemantau perlu memainkan peranan untuk memastikan guru prasekolah memberi penekanan terhadap penerapan nilai melalui kandungan pengajaran di dalam Pdp.





5.3.4 Masalah yang Dihadapi oleh Guru Prasekolah untuk Menerapkan Nilai-Nilai Murni dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Proses penerapan nilai murni di peringkat prasekolah juga melibatkan masalah-masalah tertentu yang perlu dihadapi oleh guru. Hasil dapatan menunjukkan bahawa masalah yang dihadapi oleh guru berpunca dari dua aspek iaitu daripada murid dan daripada guru itu sendiri. Kefahaman murid, sikap murid, latar belakang sosial yang berbeza, tumpuan murid terhadap guru, dan tahap kemampuan murid yang berbeza merupakan masalah yang dihadapi oleh guru dari aspek murid. Manakala masalah yang berpunca daripada diri guru sendiri pula adalah guru terlalu fokus untuk menghabiskan sukatan pelajaran, guru juga merasakan penerapan nilai murni tidak penting dan guru sering terlupa untuk menerapkan nilai murni semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.



Masalah yang dihadapi oleh guru dari aspek murid adalah masalah yang biasa dihadapi oleh mana-mana guru prasekolah kerana pada peringkat ini kanak-kanak masih berada di dalam dunia mereka sendiri. Setiap kanak-kanak itu pastinya berbeza-beza dari aspek kefahaman, sikap, latar belakang dan kemampuan untuk memberi tumpuan kepada guru. Di sinilah ruang dan peluang guru untuk mengaplikasikan ilmu dan pengalaman mereka untuk mengenal pasti bagaimana hendak menerapkan nilai murni secara berkesan melalui pengajaran di dalam kelas.

Nilai murni ini sukar difahami oleh murid dalam konteks maksud nilai itu sendiri mahupun keperluan nilai itu dalam kehidupan. Oleh itu, guru sebagai pemudah cara seharusnya mampu memikirkan idea-idea baru agar dapat menarik minat murid untuk fokus dalam pembelajaran. Tambahan pula, dalam zaman arus teknologi ini





pendekatan yang digunakan oleh guru perlulah seiring mengikut peredaran zaman. Kanak-kanak yang membesar di zaman ini lebih mudah tertarik kepada perkara yang bercirikan teknologi. Guru perlu mempunyai kemahiran untuk mengeksploitasikan teknologi ini sebagai satu usaha memupuk nilai murni seterusnya memantapkan jati diri murid prasekolah agar arus kemodenan pada hari ini tidak dapat menggoyahkan akhlak dan sahsiah diri mereka.

Pengajaran dan pembelajaran Abad Ke-21 mempunyai ciri-ciri yang berbeza dengan pendidikan masa lampau. Tujuan pembelajaran Abad Ke-21 adalah untuk melahirkan murid yang produktif tinggi, mahir dalam komunikasi, mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi serta mahir dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Oleh yang demikian bagi memastikan objektif pengajaran dapat dicapai, guru-guru perlu terlebih dahulu melengkapkan diri dengan kemahiran-kemahiran tersebut sebelum dalam melaksanakan pengajaran dengan berkesan (KPM, 2015).

Hal ini kerana guru-guru berhadapan dengan murid-murid yang jauh berbeza dengan murid-murid masa lalu (KPM, 2015). Murid-murid kini lebih terdedah dengan maklumat yang diperolehi daripada pelbagai sumber dan mempunyai kecenderungan untuk mengetahui dan bertanya dengan lebih mendalam. Murid pada alaf baharu ini lebih mempunyai akses kepada maklumat kerana lebih terdedah kepada kepesatan teknologi. Justeru, sebagai guru yang berwibawa, guru-guru perlu melengkapkan diri kemahiran tertentu bagi memudahkan mereka menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21. Usaha-usaha ini memerlukan pengorbanan dan komitmen yang tidak sedikit





dan sebagai bagi guru yang komited, segala kepayahan dan cabaran akan terbayar jika anak didiknya mampu dibentuk dan berjaya dalam pelajaran dan kehidupannya.

Begitu juga, dalam menghadapi sikap kanak-kanak yang degil dan nakal. Hal ini berkait rapat dengan latar belakang sosial kanak-kanak. Asuhan yang diterima dari rumah mungkin menjadi punca sikap kanak-kanak ini sukar mendengar arahan dari guru. Hal ini kerana, perilaku kanak-kanak sangat dipengaruhi oleh persekitarannya. Namun begitu, hal inilah yang perlu guru atasi melalui penerapan nilai murni. Guru perlu mengaplikasikan nilai-nilai murni ini untuk mengubah sikap murid yang degil kepada murid yang mendengar kata. Pembentukan sahsiah diri adalah satu proses yang berlaku sepanjang hayat dan proses ini sangat penting untuk membentuk sahsiah seseorang itu agar berakhlak dan berperibadi mulia. Oleh kerana impak nilai murni ini adalah sangat besar meliputi pembangunan diri, masyarakat dan negara, maka sudah semestinya penerapan nilai murni ini mempunyai cabaran tertentu. Walaubagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab guru untuk menerapkan nilai-nilai murni ini agar murid dapat dibentuk menjadi insan yang cemerlang dan seimbang.

Hasil dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian Zachrisen (2014) di mana kanak-kanak di awal usia dilihat tidak fokus kepada apa yang cuba disampaikan oleh guru. Dalam kajian ini kanak-kanak lebih mengutamakan matlamat mereka dalam mendominasi permainan berbanding dengan nilai-nilai murni yang cuba disampaikan oleh guru melalui komunikasi semasa bermain.





Rohaty (2003) pula menjelaskan di sekolah, guru memainkan peranan sebagai ibu bapa dalam membentuk murid-murid selaras dengan penerapan nilai yang dimasukkan di dalam kurikulum pendidikan melalui silibus-silibus tertentu. Sehubungan itu, adalah penting kanak-kanak mengalami pengalaman pembelajaran prasekolah yang berkesan, bermakna dan menggembirakan supaya kanak-kanak dibekalkan dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap yang positif sebelum memasuki alam persekolahan formal. Abdul Rahim dan Azharul Nizam (2010), menjelaskan guru juga harus membentuk hubungan interpersonal yang positif dalam kalangan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Guru haruslah sentiasa berusaha menanam sikap, nilai dan ilmu pengetahuan kepada generasi baru ke arah pembinaan masyarakat yang maju serta mempunyai nilai sosial yang tinggi.



Melalui dapatan yang diperoleh, guru menjelaskan bahawa mereka berdepan dengan masalah dalam menerapkan nilai-nilai murni kerana perlu menghabiskan sukatan pelajaran dalam tempoh waktu yang ditetapkan. Dalam hal ini, pengkaji merasakan bahawa guru tidak mendalami konteks pendidikan prasekolah itu sendiri. Hal ini kerana KSPK yang digubal telah menekankan aspek yang menumpukan kepada kandungan, pedagogi, peruntukan, masa, kaedah, pentaksiran, bahan dan pengurusan. Oleh itu, sekiranya guru berusaha untuk menghabiskan sukatan pelajaran dengan sendirinya nilai murni itu diterapkan.

Malahan, keperluan untuk menghabiskan sukatan pelajaran juga bukanlah merupakan masalah kepada penerapan nilai. Bahkan merupakan salah satu cara yang dapat memastikan nilai itu diterapkan secara menyeluruh. Hal ini kerana di dalam



KSPK itu telah terkandung nilai-nilai yang perlu diterapkan melalui pengajaran dan pembelajaran. Manakala, guru sebagai pelaksana kurikulum perlu memikul tanggungjawab untuk melaksanakan agenda yang dirancang berdasarkan KSPK. William Baja Jap (1999) memetik Beeby (1966) menyatakan sikap guru yang positif terhadap sesuatu kurikulum boleh membantu kefahaman mereka dan ini telah digunakan oleh perancang kurikulum sebagai satu tanda utama bahawa kurikulum tersebut telah dilaksanakan dengan berjaya.

Selain itu, guru turut menjelaskan bahawa mereka terlupa untuk menerapkan nilai semasa PdP berlangsung. Pengkaji berpendapat hal ini mempunyai kaitan dengan perancangan pengajaran guru itu sendiri. Sebagaimana telah dibincangkan dalam data analisis dokumen, bahawa hanya sebahagian guru yang menyatakan nilai murni yang akan diterapkan di dalam Rancangan Pengajaran Harian mereka. Keadaan ini menunjukkan bahawa pentingnya merancang penerapan nilai tersebut secara khusus bagi mengelakkan guru terlupa atau sebagainya.

Namun begitu, pengkaji merasakan masalah yang utama dalam penerapan nilai di prasekolah adalah, apabila guru menyatakan penerapan nilai murni tidak penting. Hasil dapatan ini turut mendapati bahawa guru prasekolah menyifatkan nilai murni ini tidak penting untuk diterapkan berbanding dengan objektif pengajaran yang perlu dicapai. Walaupun hanya sebilangan kecil sahaja guru yang berpendapat sebegini, akan tetapi hal ini amat mengejutkan dan menyedihkan kerana ianya datang daripada seseorang yang bergelar guru.

Malahan, perkara ini juga turut bercanggah dengan hasil dapatan awal bagi membincangkan nilai-nilai murni yang diterapkan, tujuan penerapan nilai dan juga kaedah penerapan nilai. Berdasarkan dapatan kajian awal ini telah menjelaskan bahawa penerapan nilai murni sememangnya berlaku di prasekolah dan bertujuan untuk menghasilkan modal insan yang seimbang dan berakhlak mulia. Namun, sekiranya guru berpendapat bahawa penerapan nilai murni ini tidak penting, maka apa yang diperkatakan oleh guru mengenai amalan penerapan nilai murni ini boleh dipertikaikan.

Sebagai seorang yang memiliki profession yang disegani oleh masyarakat sekeliling tidak sepatutnya guru memberikan pendapat sebegini. Pendapat guru ini adalah bertentangan dengan peranan dan tanggungjawab seorang guru. Mengajar dan mendidik merupakan dua perkara yang berbeza tetapi kedua-duanya merupakan tanggungjawab guru. Melalui pengajaran guru maka terdidiklah murid dari segi perkembangan moral dan sahsiah diri. Hal ini turut berkait dengan kepentingan ilmu itu sendiri. Fungsi ilmu kepada manusia bukanlah hanya untuk membina kerjaya tetapi juga menjadikan manusia itu berfikir dan dapat menilai baik dan buruk sesuatu perkara. Hakikatnya, ilmu dan nilai-nilai murni ini berada di landasan yang sama ke arah menghasilkan modal insan yang berkualiti. Sekiranya, kedua elemen ini terpisah dan keutamaan hanyalah kepada penguasaan ilmu semata-mata, maka generasi yang dihasilkan adalah golongan cerdik pandai yang berakhlak buruk dan akan menjadi perosak kepada negara.

Menurut Tajul dan Nor'aini (1992), unsur-unsur nilai murni, jika tidak dinyatakan secara jelas dan sengaja akan mengakibatkan ilmu pengetahuan yang



diajar itu ketandusan nilai. Lantaran semua ilmu adalah *value laden* (Rodger, 2000), maka nilai-nilai yang tidak berteraskan ke-Tuhanan akan memenuhi kekosongan tersebut. Akibatnya, ilmu-ilmu tersebut secara langsung atau tidak akan memperkembangkan pula nilai-nilai 'bebas dan nisbi'.

Pendidikan yang terlalu mementingkan bidang kognitif, perkembangan akal dan rasional manusia boleh menyebabkan unsur rohani terabai dan menjadikan matlamat pendidikan hanya akan tertumpu kepada utiliti dan faedah kebendaan semata-mata. Ilmu yang disampaikan, justeru tidak memiliki teras nilai-nilai murni yang boleh diserapkan dalam diri pelajar, tidak akan berjaya untuk menyampaikan serta membawa kepada kebenaran. Malahan, murid tidak dapat memperkembangkan watak dan sahsiah yang seimbang serta mencapai matlamat hidup yang sebenarnya



Secara keseluruhan, dalam membincangkan masalah yang dihadapi oleh guru, pengkaji merumuskan perkara ini kepada dua aspek. Aspek yang pertama, iaitu masalah yang berpunca dari murid, di mana solusinya adalah dengan memahami jiwa murid prasekolah yang masih kecil. Apa jua yang dihadapi yang berpunca dari murid ini, adalah cabaran yang sememangnya telah diketahui oleh guru.

Aspek yang kedua, iaitu masalah yang melibatkan persepsi guru di mana perkara ini perlu dipandang serius. Guru perlu dibantu dalam memahami matlamat pendidikan itu sendiri. Oleh yang demikian, perlu ada penekanan dari pihak KPM mengenai penerapan nilai murni di peringkat prasekolah. Lantaran, pemantauan perlu





kerap dilakukan bagi memastikan guru menjalankan PdP berdasarkan KSPK yang telah digubal.

5.3.5 Pengamalan Nilai-Nilai Murni dalam Kalangan Murid Prasekolah Sepanjang Berada di Prasekolah

Berdasarkan dapatan kajian kesemua guru prasekolah mengakui bahawa murid-murid mengamalkan nilai-nilai murni yang telah diterapkan. Antara nilai murni yang menjadi pengamalan murid di prasekolah adalah menjaga kebersihan, budaya hormat-menghormati, sikap tolong-menolong, mengucapkan terima kasih, sikap kerjasama, berkongsi barang, toleransi, pertuturan yang sopan, berkasih sayang, membaca doa, rajin, berdikari dan berdisiplin.



Melalui dapatan kajian ini jelas menunjukkan murid prasekolah dapat mengamalkan amalan nilai murni yang diterapkan oleh guru kepada mereka. Bagi amalan menjaga kebersihan adalah dari segi mengutip sampah di dalam dan di luar kelas, menyusun kasut, menyusun kerusi, mencuci tangan sebelum dan selepas makan, membersihkan meja dan membasuh tangan selepas keluar dari tandas. Amalan-amalan ini akan menjadikan murid menyintai persekitaran yang bersih. Murid juga dengan sendirinya akan menyedari kepentingan kebersihan kepada diri dan persekitaran. Hasil penerapan nilai ini akan membentuk masyarakat yang cintakan persekitaran yang bersih dan secara tidak langsung alam sekitar juga dapat dipelihara dengan baik.





Pengamalan sikap hormat-menghormati pula dapat dilihat melalui budaya memberi salam kepada guru dan rakan, memberi salam ketika hendak masuk ke kelas dan ketika murid berada di luar kawasan sekolah. Selain dari memberi salam, murid prasekolah juga selalu bersalam dengan guru ketika datang dan sebelum balik dari sekolah. Amalan sikap ini membuatkan murid sedar bahawa dengan menghormati orang lain terutamanya orang dewasa akan menjadikan diri mereka turut dihormati. Lazimnya, amalan memberi salam selalu diamalkan oleh orang dewasa. Apabila kanak-kanak turut mengamalkan sikap ini secara langsung orang dewasa akan memuji peribadi kanak-kanak tersebut. Keadaan ini akan menjadikan kanak-kanak rasa seronok dan akan terus mengamalkan sikap ini. Bagi kesan jangka panjang nilai hormat-menghormati dapat mengukuhkan keharmonian kehidupan bermasyarakat.



Sementara itu, nilai tolong-menolong juga ada dipraktikkan oleh murid-murid

di prasekolah. Nilai tolong-menolong atau bantu membantu ini dapat dilihat apabila murid membantu guru membawa barang, membantu rakan semasa aktiviti membaca, membantu mengemas alatan belajar dan membantu menyiapkan sesuatu tugas. Melalui amalan ini murid akan merasai satu kepuasan dalaman kerana mampu memberi pertolongan kepada orang yang memerlukan. Hal ini dapat menjadikan murid peka bahawa mereka juga boleh menyumbang kepada masyarakat walaupun masih kecil melalui pertolongan yang diberikan mengikut kemampuan mereka. Selain itu, murid akan mudah melahirkan rasa simpati dan empati kerana memahami bahawa pertolongan yang diberi dapat mengurangkan beban yang dipikul oleh seseorang.

Manakala nilai berterima kasih pula dilihat apabila murid mengucapkan terima kasih kepada guru dan pembantu pengurusan murid apabila mereka diberi sesuatu.





Nilai ini akan menjadikan murid seorang yang menghargai pemberian orang lain dan mensyukuri apa yang diperoleh. Murid akan menyedari bahawa nilai terima kasih ini sebenarnya meliputi aspek yang luas seperti memberi pertolongan, sikap yang mengambil berat, mengajarkan ilmu yang baik dan sebagainya. Hal ini akan menjadikan murid merasa hidup ini tidak boleh bersendirian dan memerlukan orang lain kerana kemampuan manusia mempunyai batasan.

Dalam pada itu, nilai kerjasama pula diamalkan ketika murid bersama-sama menyiapkan tugas berkumpulan seperti membuat kolaj, bermain bongkah atau ketika bermain di padang atau taman permainan. Melalui kerjasama murid akan dapat berkongsi idea dan belajar untuk mendengar pendapat orang lain. Malahan, ini melalui kerjasama tugas yang diberikan boleh disiapkan dengan mudah dan cepat.

Murid juga akan bergaul rapat sesama mereka dan ini memberi kesan positif ke atas kemahiran bersosial mereka. Nilai kerjasama memberikan satu pengertian yang mendalam bahawa setiap perkara menjadi mudah sekiranya bekerjasama malahan hasilnya juga adalah memberansangkan berbanding hasil kerja sendirian.

Selain dari nilai kerjasama, nilai berkongsi juga ada diamalkan oleh murid-murid di prasekolah di mana nilai berkongsi ini dapat dilihat apabila murid sanggup berkongsi barang dan alatan seperti pensel, pensel warna dan pemadam. Selain itu, nilai toleransi turut diamalkan oleh murid-murid di prasekolah di mana nilai toleransi ini dapat dilihat ketika murid mengambil makanan semasa rehat di mana mereka tidak berebut-rebut dan sanggup menunggu kawan untuk makan bersama-sama. Murid di prasekolah juga kelihatan makan dengan tertib. Selain itu, nilai toleransi dipraktikkan





ketika sesi membaca atau menulis apabila murid sabar ketika mengambil buku latihan dan buku cerita.

Hasil kajian ini adalah selari dengan kajian Al-Hooli dan Al-Shammari (2009) yang mana menunjukkan bahawa lebih daripada separuh kanak-kanak yang terlibat dalam kajian tersebut menunjukkan pengamalan nilai murni yang tinggi. Antara nilai-nilai murni yang diamalkan oleh kanak-kanak adalah kebenaran, kejujuran, berterima kasih, kesetiaan, keadilan, murah hati dan kesabaran. Aspek penerapan nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran adalah mustahak, terutamanya untuk menyediakan pelajar yang mempunyai ketahanan diri yang kukuh. Murid yang dididik melalui sistem persekolahan mestilah mampu menghadapi cabaran semasa dan juga cabaran masa depan.



Melalui dapatan kajian ini, pengkaji merumuskan bahawa kanak-kanak mampu mengamalkan apa yang diterapkan kepada mereka. Namun begitu, oleh kerana guru tidak mengamalkan penerapan nilai murni yang menyeluruh kepada murid, maka nilai-nilai yang diamalkan hanyalah sedikit. Keadaan ini merugikan kerana kemampuan murid dalam mengamalkan perkara-perkara yang diajarkan oleh guru telah terbukti.

Oleh yang demikian, guru perlu memastikan bahawa ke semua nilai yang terkandung di dalam KSPK disampaikan melalui pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Hal ini adalah seperti yang dinyatakan Kostelnik, et. al. (2011), kanak-kanak tidak dilahirkan dengan pengetahuan untuk bergaul, berkawan atau mempengaruhi orang di sekitar mereka. Mereka juga tidak dilahirkan untuk





memahami peraturan dan etika masyarakat secara automatik. Justeru, perkara ini membuktikan bahawa gurulah yang perlu membimbing murid-murid melalui pelbagai aktiviti dan pengalaman untuk membantu mereka membangunkan tingkah laku etika sosial yang diperlukan untuk berjaya dalam fungsi sosial.

Selain itu, peranan JPN dan PPD dalam hal ini juga perlu diperkasakan. Sebagai satu organisasi yang memantau gerak kerja guru, penerapan nilai murni ini perlu diutamakan dalam elemen pemantauan itu sendiri. Apabila ada penguatkuasaan dan desakan dari pihak atasan, diharapkan penerapan nilai murni merupakan salah satu elemen utama yang dititikberatkan guru semasa merancang rancangan mengajar. Bahkan menjadi satu kelaziman semasa pelaksanaan proses PdP.



5.4 Implikasi Dapatan Kajian

Misi negara telah memberikan penekanan pada pembangunan modal insan minda kelas pertama sebagai pemangkin untuk melonjakkan Malaysia ke peringkat status negara maju. Pembangunan berkaitan modal insan bukan sahaja penting untuk pembangunan ekonomi sesebuah negara malah ia juga penting dalam memastikan kelestarian jati diri seseorang individu. Institusi pendidikan memainkan peranan yang penting dalam membentuk jati diri seseorang itu bermula dari peringkat pendidikan awal kanak-kanak melalui penerapan nilai-nilai murni di dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat ini perlu secara khususnya menerapkan nilai-nilai murni bagi tujuan membentuk jati diri sejak dari awal usia agar menjadi modal insan yang berkualiti di masa hadapan. Kajian



yang dijalankan ini adalah untuk melihat sejauh mana penekanan diberikan terhadap penerapan nilai murni dari perspektif guru prasekolah. Beberapa implikasi dapat diketengahkan merangkumi implikasi kepada guru, dan murid prasekolah.

Implikasi yang pertama ialah guru tidak berpandukan kepada KSPK dalam membuat rancangan mengajar. Hal ini dibuktikan melalui kurangnya pengetahuan guru mengenai nilai-nilai murni yang sepatutnya diterapkan di mana guru hanya mengetahui enam daripada 16 nilai murni yang terdapat di dalam KSPK. Malahan nilai kepercayaan kepada Tuhan bukanlah nilai murni yang utama diterapkan. Hal ini dilihat sebagai sesuatu yang serius kerana nilai kepercayaan kepada Tuhan adalah tunggak dalam kehidupan setiap insan.

Kajian ini telah menjelaskan amalan guru dalam menerapkan nilai murni semasa PdP di dalam kelas. Berdasarkan perbincangan hasil dapatan menunjukkan guru masih kurang menerapkan nilai murni secara khusus melalui kandungan pengajaran kerana perancangan pengajaran guru itu sendiri tidak terdapat nilai murni yang akan diterapkan. Hal ini memberi gambaran bahawa guru tidak bersedia untuk menerapkan nilai murni secara spesifik dan berfokus semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung sekaligus menggambarkan bahawa guru tidak menitik beratkan penerapan nilai melalui kandungan pengajaran di dalam kelas. Selain itu, dapatan juga menunjukkan penerapan nilai yang diamalkan oleh guru adalah tertumpu kepada rutin harian murid di dalam kelas.

Guru sedar akan kepentingan penerapan nilai murni dari segi persepsi, akan tetapi dari segi amalan guru dilihat kurang mampu menerapkan nilai murni. Hal ini



kerana atas alasan batasan waktu dan beban kerja serta keperluan untuk menghabiskan sukatan pelajaran sebagaimana yang ditetapkan di dalam dokumen KSPK. Hasrat yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, iaitu melahirkan kanak-kanak yang mempunyai asas moral yang kukuh untuk mendepani pelbagai cabaran kehidupan dan membantu mereka dengan berani membuat keputusan yang tepat; sukar dicapai sekiranya guru tidak menekankan pengamalan nilai murni secara khusus melalui kandungan pengajaran.

Implikasi kajian terhadap murid prasekolah pula dijelaskan dengan penerapan nilai murni yang tertentu sahaja. Oleh kerana tiada amalan penerapan nilai murni secara khusus yang dilakukan oleh guru dalam pengajaran, murid hanya didedahkan dengan nilai-nilai murni yang sama. Hal ini memberi kesan ke atas pengetahuan murid mengenai nilai-nilai murni, di mana tahap pengetahuan terhadap nilai-nilai murni adalah terhad dan terbatas.

Namun begitu murid dilihat berjaya mengamalkan nilai murni ini di sekolah. Apabila murid mengamalkan nilai murni, mereka mula merasakan nilai-nilai tersebut penting dan satu kemestian untuk dilaksanakan. Akan tetapi tidak dapat dipastikan adakah nilai-nilai murni ini terus diamalkan di luar daripada konteks persekolahan.

Kajian ini juga mendapati bahawa nilai kepercayaan kepada Tuhan bukanlah nilai utama yang diterapkan dalam proses PdP. Hal ini memberi implikasi kepada pembangunan kerohanian murid kerana pendidikan yang tidak berteraskan ke-Tuhanan mengakibatkan nilai-nilai yang berkembang adalah bersifat bebas dan nisbi. Malahan, pendidikan yang mementingkan bidang kognitif, perkembangan akal dan



rasional manusia boleh menyebabkan unsur rohani terabai. Tambahan pula, matlamat pendidikan hanya akan tertumpu kepada utiliti dan faedah kebendaan semata-mata.

5.5 Sumbangan Kajian

Kajian ini boleh dilihat sebagai satu saluran maklumat kepada bukan sahaja guru-guru prasekolah tetapi kepada penyelidik serta pihak-pihak yang berkaitan. Kajian yang dijalankan ini memberi sumbangan dari segi maklumat dan pengetahuan baru yang boleh digunakan oleh semua pihak yang terlibat dalam pendidikan prasekolah sama ada di pihak kementerian, guru-guru prasekolah kerajaan dan swasta serta kepada pengkaji yang berminat untuk melakukan kajian lanjutan mengenai penerapan nilai

Kajian ini memberi sumbangan dalam bentuk informasi kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pendidikan prasekolah di peringkat kementerian dan institusi pendidikan guru untuk memperkasakan amalan penerapan nilai dalam kalangan guru prasekolah yang mana mereka perlu dilatih untuk menerapkan nilai secara formal melalui pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Pemantauan dari aspek perancangan pengajaran guru yang merangkumi penerapan nilai perlu diberi penekanan agar guru-guru menitik beratkan amalan penerapan nilai dalam pengajaran mereka.



Kajian ini turut memberi sumbangan kepada guru-guru prasekolah sama ada swasta dan kerajaan mengenai kepentingan dan keperluan penerapan nilai di peringkat pendidikan awal kanak-kanak. Perancangan pengajaran perlu memfokuskan kepada penerapan nilai secara formal yang mana boleh dilakukan dengan pendekatan yang pelbagai dan melalui penggunaan bahan bantu mengajar. Guru perlu tahu dan sedar perancangan pengajaran amat mempengaruhi amalan pengajaran guru di dalam kelas. Oleh itu guru perlu membuat perancangan yang teliti dan memikirkan bagaimana sesuatu nilai itu dapat diterapkan melalui kandungan pengajaran yang disampaikan.

Sumbangan seterusnya ialah kepada para pengkaji yang ingin menjalankan kajian yang berkaitan dengan penerapan nilai di sekolah. Hasil dapatan kajian dapat menimbulkan persoalan kajian yang boleh dijadikan teras kepada kajian lanjutan.

Malahan kajian ini juga dapat dijadikan panduan kepada pengkaji yang berminat untuk menjalankan kajian menggunakan Kaedah Hermeneutik. Kajian ini juga menyumbang kepada sorotan literatur untuk kajian lanjutan mengenai amalan penerapan nilai dalam kalangan guru di prasekolah kerana kebanyakan kajian berkaitan nilai murni lebih memfokuskan penghayatan amalan nilai murni dalam kalangan murid.

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan

Hasil daripada kajian ini memberi satu informasi kepada penyelidik-penyelidik mengenai amalan guru prasekolah dalam menerapkan nilai-nilai murni. Berdasarkan dapatan kajian ini timbul persoalan-persoalan baru yang dapat dijadikan sebagai asas





kepada kajian lanjutan. Kajian lanjutan yang menyentuh mengenai penerapan nilai murni di peringkat prasekolah ini dapat memberi sumbangan kepada guru-guru dan pendidikan prasekolah itu sendiri. Berikut adalah cadangan untuk kajian lanjutan yang dilihat mampu memberi sumbangan kepada pendidikan prasekolah.

- i. Kajian lanjutan dicadangkan dilakukan dalam dua fasa di mana fasa pertama kajian adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi dalam amalan penerapan nilai murni guru prasekolah. Berdasarkan hasil fasa pertama kajian, pengkaji boleh mengadakan kursus atau modul mengenai kaedah dan pendekatan yang boleh digunakan oleh guru sebagai panduan dalam menerapkan nilai murni melalui pengajaran dan pembelajaran di prasekolah. Fasa kedua kajian pula adalah untuk melihat sejauh manakah amalan penerapan nilai murni guru dapat ditingkatkan setelah diberikan panduan melalui kursus atau modul pada fasa pertama kajian.
- ii. Selain itu dicadangkan juga kajian lanjutan melakukan pemerhatian secara menyeluruh di sepanjang waktu persekolahan prasekolah. Penyeliaan satu hari di prasekolah ini dijangkakan akan memberi maklumat yang lebih jitu mengenai amalan penerapan nilai murni guru prasekolah.
- iii. Bagi kajian lanjutan dicadangkan juga untuk menambah sampel kajian dengan memfokuskan kepada tingkah laku kanak-kanak dalam melihat aspek pengamalan nilai murni dalam kalangan kanak-kanak. Selain itu penglibatan ibu bapa sebagai guru prasekolah juga dilihat perlu kerana aspek penerapan nilai murni perlu dititik beratkan dari rumah lagi.



- iv. Kajian lanjutan juga boleh dilakukan di prasekolah swasta kerana penerapan nilai murni melalui pendidikan adalah sesuatu yang penting dalam konteks membentuk jati diri dan peribadi kanak-kanak. Hasil kajian ini akan memberi maklumat baru dan akan memberi sumbangan kepada organisasi swasta dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

Berdasarkan cadangan-cadangan di atas penyelidik amat berharap akan wujudnya kajian-kajian yang memberi manfaat kepada pendidikan prasekolah dalam aspek penerapan nilai murni bagi tujuan menghasilkan generasi pelapis yang mempunyai keperibadian dan jati diri yang tinggi.

Pendidikan merupakan satu mekanisme bagi menanamkan sifat-sifat nilai murni, akhlak dan juga tingkah laku yang baik. Manakala pendidikan awal kanak-kanak merupakan masa yang sesuai dan sangat penting kerana pendidikan yang diterapkan mampu memberi kesan jangka panjang dalam perkembangan mental, daya fikir dan kemahiran sosial kanak-kanak. Oleh itu dalam aspek penerapan nilai murni di peringkat prasekolah, pendidikan itu sendiri perlu menekankan keseimbangan aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani serta merangkumi aspek akhlak dan berketerampilan. Ini kerana tanpa pendidikan yang bermutu, maka agak sukar kita dapat menjamin pembentukan individu, masyarakat dan bangsa yang berakhlak mulia.



